




**IJM CORPORATION BERHAD**

(104131-A)

laporan tahunan '11

Daya Tahan dalam  
**Pertumbuhan...**



...Kekuatan Akar **Umbi**

# KANDUNGAN

## Rangka Kerja & Komitmen

- 04** Piagam IJM
- 05** Penyata Wawasan, Misi dan Budaya Kami
- 06** Profil Korporat
- 08** Struktur Kumpulan
- 10** IJM dalam Tajuk Berita
- 11** Diari Korporat

## Organisasi & Pengemudian

- 18** Lembaga Pengarah & Setiausaha
- 20** Profil Para Pengarah
- 28** Carta Organisasi Kumpulan
- 30** Profil Pengurusan Kanan

## Ringkasan Maklumat Pemegang Saham

- 36** Sorotan Kewangan Kumpulan
- 37** Prestasi Suku Tahunan
- 38** Penyata Nilai Ditambah & Pengagihan
- 39** Maklumat untuk Para Pelabur
- 41** Analisis Pemegangan Saham & Pemegangan Waran
- 49** Kakitangan & Produktiviti

## Kajian & Laporan Perniagaan

- 52** Penyata Pengerusi
- 58** Tinjauan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif
- 84** Penyata Urus Tadbir Korporat
- 93** Laporan Jawatankuasa Audit
- 96** Penyata Kawalan Dalaman
- 102** Laporan Kualiti
- 105** Laporan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar

## Tanggungjawab Korporat

- 119** Pasaran
- 122** Alam Sekitar
- 124** Masyarakat
- 129** Tempat Kerja

## Penyata Kewangan & Lain-Lain

- 136** Penyata Kewangan
- 287** Senarai 10 Harta Teratas
- 290** Notis Mesyuarat Agung Tahunan
- 291** Borang Proksi
- 293** Informasi Korporat

## **Menggunakan kelebihan kekuatan kami... untuk mengekalkan pertumbuhan berterusan**

Dengan sentiasa berpegang teguh kepada nilai teras, keupayaan dan kepakaran kami, Kumpulan IJM terus berkembang dan membangun saban tahun, sentiasa berusaha meningkatkan nilai bagi semua pemegang pelbagai kepentingan.

Pokok yang hidup subur melambangkan komitmen kami yang telah berakar umbi yang, disuburkan dengan kepelbagai perniagaan kami, berupaya menghadapi perubahan dan cabaran dalam apa jua persekitaran, memandangkan kami sentiasa memelihara kehidupan dalam setiap aspek operasi kami.




# *Wawasan Dikongsi*



## **Rangka Kerja & Komitmen**

- 04 Piagam IJM**
- 05 Penyata Wawasan, Misi dan Budaya Kami**
- 06 Profil Korporat**
- 08 Struktur Kumpulan**
- 10 IJM dalam Tajuk Berita**
- 11 Diari Korporat**

Tiada apa boleh menghalang perniagaan-perniagaan kami daripada mencapai wawasan yang mereka kongsi bersama. Kami mencari kecemerlangan dan kecekapan ke arah meningkatkan kedudukan kami sebagai peneraju industri dinamik.



# Piagam IJM

Polisi dan tatacara  
perniagaan kami terus dipandu  
oleh komitmen yang kukuh  
ke arah...

- Produk & Perkhidmatan Berkualiti
- Hubungan Klien Amanah
- Keselamatan, Kesihatan & Alam Sekitar
- Kebajikan Kakitangan
- Tanggungjawab Sosial
- Pentadbiran Korporat yang Baik
- Memaksimumkan Pulangan Pemegang Pelbagai Kepentingan
- Pengurusan Beretika

## Penyata Wawasan Kami

Untuk menjadi jurubina Malaysia bagi projek-projek infrastruktur dan bangunan bertaraf dunia yang berdaya saing di peringkat antarabangsa.

## Penyata Misi Kami

Untuk terus memberikan standard prestasi tertinggi dalam semua usaha niaga kami dengan Mercu Kecemerlangan IJM.

## Penyata Budaya Kami

Kami berusaha untuk:

- mendukung standard keprofesionalan tertinggi dan pentadbiran korporat contoh untuk memaksimumkan manfaat bagi semua pemegang kepentingan;
- menghormati pelbagai budaya, jantina, agama, hak asasi manusia dan maruah semua pemegang pelbagai kepentingan kami;
- memastikan kualiti produk dan perkhidmatan kami melangkaui jangkaan pelanggan-pelanggan kami;
- mewujudkan suasana yang kondusif bagi semangat berpasukan di kalangan kakitangan kami untuk berusaha ke arah tenaga kerja yang bersatu padu; dan
- menjadi warga korporat yang bertanggungjawab dan dihormati dengan keprihatian terhadap isu-isu sosial, keselamatan, kesihatan dan alam sekitar.

# Profil Korporat

IJM adalah salah satu daripada kumpulan konglomerat terkemuka Malaysia dan tersenarai pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Securities”). Kegiatan perniagaan terasnya merangkumi pembinaan, pembangunan harta tanah, pengilangan dan pengkuarian, konsesi infrastruktur dan perladangan.

Beribu pejabat di Selangor, Malaysia, aspirasi serantau IJM telah menyaksikan kehadirannya yang semakin mantap dalam pasaran-pasaran membangun berhampiran dengan operasi yang pada masa ini meliputi 10 buah negara, dengan tumpuan utama di Malaysia, India, Emiriah Arab Bersatu, China dan Indonesia.

Pertumbuhan luar biasa IJM sepanjang lebih dua setengah dekad yang lepas telah menghasilkan tumpuan teguhnya ke atas kekompetenan terasnya, pempelbagaian ke dalam perniagaan berkaitan secara strategik dan pengembangan terpilih ke dalam pasaran-pasaran baru.

**Rekod prestasi IJM yang cemerlang telah diperakui dan telah diberi pengiktirafan dengan beberapa anugerah. Anugerah-anugerah yang diterima baru-baru ini termasuk:**

- Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia - Kontraktor Terbaik 2009
- Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (Pencapaian Antarabangsa) pada tahun 2001, 2006 dan 2007
- Anugerah Kecemerlangan MITI bagi Ekspor Perkhidmatan tahun 2003 dan 2007
- Anugerah Tahunan Kontraktor Antarabangsa Malaysia Tahun 2000 dan 2005
- Anugerah Kecemerlangan Kejuruteraan Jalan Raya tahun 2004
- Anugerah Projek dalam Kategori Projek Kemahiran Utama pada tahun 2004 dan Bangunan Utama pada tahun 2003
- Anugerah Tahunan Jurubina Malaysia Tahun 2001 dan 2002

**Budaya profesionalisme, prestasi dan urus tadbir Syarikat yang baik serta mengambil berat ke atas masyarakat dan alam sekitar juga menyaksikannya dianugerahkan dengan:**

- Indeks Urus Tadbir Korporat Malaysia Anugerah Kecemerlangan Industri (Pembinaan) 2010 dan Anugerah Merit 2009
- Anugerah Kecemerlangan Industri NACRA (Pembinaan dan Infrastruktur) tahun 2003, 2004, 2006, 2007, 2008, 2009, dan Anugerah Merit pada tahun 2010
- Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (Pengumuman Khas Amalan Terbaik Alam Sekitar) pada tahun 2008
- Anugerah CSR Perdana Menteri (Kategori Alam Sekitar) tahun 2007
- Anugerah Pingat Emas bagi Kecemerlangan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Negara pada tahun 2007
- Anugerah Asia Money Best Managed Company (Modal Sederhana) di Malaysia tahun 2006
- Laporan Kajian Urus Tadbir Korporat 200 PLC Teratas tahun 2006 (Tempat Kesembilan)
- Anugerah Pelaporan Alam Sekitar dan Sosial Malaysia ACCA tahun 2006 (Pemenang Tempat Kedua dalam Pelaporan Sosial Terbaik)
- Anugerah Merit Korporat BSKL (Sektor Pembinaan) tahun 2001, 2002 dan 2003
- Anugerah sulung Urus Tadbir Korporat Perniagaan Malaysia pada tahun 2002



Perbadanan Perbandaran Bangunan Delhi, New Delhi, India



Perumahan Metavilla di Perbandaran Seremban 2, Negeri Sembilan

Hasil penggabungan antara tiga buah syarikat pembinaan tempatan bersaiz sederhana - IGB Construction Sdn Bhd, Jurutama Sdn Bhd dan Mudajaya Sdn Bhd, IJM telah ditubuhkan pada tahun 1983 untuk bersaing dengan lebih berkesan terhadap pesaing-pesaing asing yang lebih besar. Syarikat dengan pantas telah mula memantapkan dirinya sebagai kumpulan pembinaan yang diurus secara profesional dan telah berjaya mendapat penerimaan pasaran dengan cepat. Sepanjang beberapa tahun, Syarikat secara progresif telah membina keupayaan penyerahan, kehandalan daya saing dan keupayaan kewangannya untuk mengukuhkan asasnya sebagai kontraktor tempatan yang bereputasi baik.

Pada April 2007, IJM telah memperolehi Kumpulan Road Builder (“RBH”), pesaing terdekatnya, untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai salah satu daripada jurubina terbesar di negara ini. Selain daripada mengukuhkan buku tempahan pembinaan, simpanan tanah harta tanah dan portfolio infrastrukturnya, Kumpulan yang diperbesarkan ini membolehkan IJM meraih manfaat sinergistik yang besar daripada penggabungan ini, kemunculan tempatan yang lebih masyur serta memperoleh kunci kira-kira yang lebih besar untuk membida tugas-tugas yang lebih besar dan memudahkan pengembangannya ke dalam pasaran luar negeri.

Usaha niaga IJM sebagai pemaju harta tanah bermula sebagai kemajuan semula jadi daripada pengalamannya dalam perniagaan pembinaan. Cabang harta tanah Kumpulan sejak



kiri ke kanan:

*Kelab Billion Ringgit The Edge*

*Indeks Urus Tadbir Korporat Malaysia - Anugerah Kecemerlangan Industri (Pembinaan) 2010*

*Anugerah Pelaporan Kemapanan ACCA Malaysia (MaSRA) 2010*

*Anugerah Merit NACRA 2010*



*Loji pengelompokan di Bachupally, India*



*Penanaman baru dengan penutup bumi kekacang*



*Rig minyak pertama berlabuh di Pelabuhan Kuantan, Pahang*

itu telah berkembang dengan agak pesat. Disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Securities, IJM Land Berhad pada masa ini merupakan salah satu daripada pemaju harta tanah terbesar di Malaysia dengan perbandaran berselerak, bangunan komersial dan kondominium bertingkat tinggi di bawah pembangunan dalam bidang-bidang pertumbuhan utama di seluruh negara. Kumpulan juga telah membuat penembusan yang cukup bermakna sebagai pemaju bereputasi dalam pasaran India dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Selain daripada itu, ia juga telah berjaya menjalankan usaha niaga luar negara pada masa lepas seperti di Orlando USA, Singapura dan Australia.

Pada awalnya menyokong keperluan dalaman, Bahagian Industri Kumpulan pantas mengembangkan operasinya ke dalam kegiatan teras berskala besar yang tertumpu pada permintaan dari luar Kumpulan. IJM terus mengembangkan operasinya dalam bahagian ini dengan pengambilalihan strategik seperti pengambilalihan Industrial Concrete Products Berhad pada tahun 2004 dan berjaya mempelbagaikan pasaran ke dalam pasaran China, India dan Pakistan.

Mengambil peluang ke atas kepakaran pembinaannya, Kumpulan juga menyasarkan pelaburan infrastruktur untuk membina aliran pendapatan berulang jangka panjang. Kemajuan awal dalam aset-aset konsesi di Malaysia, walau bagaimanapun, ternyata sukar dan, oleh yang demikian tumpuan antarabangsa telah diterima pakai. Penglibatan IJM dalam skim penswastaan infrastruktur luar negeri

(Bina-Kendali-Pindah) terbukti amat berjaya. Antara pelaburan-pelaburan semasa Kumpulan dalam projek-projek infrastruktur luar negeri utama adalah Western Access Tollway di Argentina, lima lebuh raya bertol dan loji kuasa Gautami di India, dan konsesi rawatan air Binh An di Vietnam. Di Malaysia, Kumpulan mengendalikan tiga konsesi lebuh raya dan pelabuhan, terutamanya daripada penggabungan RBH. Kumpulan sebelum ini telah melabur dan memperoleh keuntungan daripada penjualan beberapa aset infrastruktur di China.

Kumpulan juga memperkenalkan wawasan yang cukup bijak dengan mencebur sektor perladangan pada tahun 1985 sebagai sumber pendapatan teguh untuk menyerap kesan sifat kitaran perniagaan pembinaan terasnya. Sejak dari itu pelaburan ini telah mendatangkan hasil yang baik. Kini telah disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Securities, IJM Plantations Berhad telah menyumbang dengan ketara kepada perolehan Kumpulan sepanjang beberapa tahun dan juga telah memberikan Kumpulan daya tahan yang lebih baik dalam menempuh makro-ekonomi dan kos input yang tidak menentu. Ia pada masa ini telah meluaskan operasi perladangannya ke Indonesia.

**Apabila IJM disenarai awam pada tahun 1986, ia mempunyai permodalan pasaran sebanyak RM66 juta dan jumlah aset sebanyak RM172 juta. Pada 31 Mac 2011, permodalan pasaran Kumpulan dan jumlah aset masing-masing berjumlah sekitar RM8.7 bilion dan RM12.6 bilion.**

# Struktur Kumpulan



**IJM  
CORPORATION  
BERHAD**

(104131-A)

Nota: Syarikat-syarikat tidak beroperasi atau not lengai tidak dimasukkan

- ↗ Anak syarikat/syarikat bersekutu/entiti kawalan bersama langsung IJM Corporation Berhad
  - Anak-anak Syarikat
  - Syarikat Bersekutu
  - Entiti Kawalan Bersama
  - ↗ Anak syarikat/syarikat bersekutu langsung Road Builder (M) Holdings Bhd
  - ⓐ Anak syarikat langsung IJM (India) Infrastructure Limited, anak syarikat IJMII (Mauritius) Limited
  - ! Entiti kawalan bersama langsung IJM Vijayawada (Mauritius) Limited
  - & Anak syarikat langsung IJMII (Mauritius) Limited, anak syarikat IJM Investments (M) Limited
  - \$ Syarikat bersekutu IJM International Limited
  - ↗ Anak syarikat milik penuh RB Port Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Road Builder (M) Holdings Bhd
  - # Syarikat bersekutu IEMCEE Infra (Mauritius) Limited
  - \* Syarikat bersekutu IJMII (Mauritius) Limited
  - H Syarikat bersekutu KP Port Services Sdn Bhd
  - O Entiti kawalan bersama langsung IJM Trichy (Mauritius) Limited
  - ♦ Anak syarikat langsung RB Manufacturing Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh IJM Corporation Berhad

## PEMBINAAN



## HARTANAH



### ↗ IJM Construction Sdn Bhd

- Road Builder (M) Sdn Bhd
  - Commerce House Sdn Bhd
  - IJM Building Systems Sdn Bhd
  - IJM Construction Vietnam Company Limited
  - IJM Investments J. A. Limited
    - IJM Gulf Limited
      - IJM Gulf Pakistan (Pvt) Limited
      - IM Technologies Pakistan (Private) Limited
      - Karachi Expressway J. A. Limited
    - Ground Envirotech Pte Ltd
    - IJM Construction (Pakistan) (Private) Limited
    - Jurutama Sdn Bhd
    - Prebore Piling & Engineering Sdn Bhd
  - CSC Ground Engineering Sdn Bhd
  - Hexacon Construction Pte Limited
  - Integrated Water Services (M) Sdn Bhd
  - Highway Master Sdn Bhd
  - Ambang Usaha Sdn Bhd
  - ECC-IJM Joint Venture
  - Hafeera-IJM Joint Venture
  - IJMC-Liberty Properties Joint Venture
  - IJMC-Norwest Joint Venture
  - IJMC-Peremba Joint Venture
  - IJMC-Perkasa Sutera Joint Venture
  - IJMC-Puncabahan Joint Venture
  - IJMC-Teratai Joint Venture
  - ISZL Consortium
  - Shimizu-Nishimatsu-UEMB-IJMC Joint Venture
  - Kiara Teratai-IJM Joint Venture
  - IJMC-JAKS Joint Venture

### ↗ IJM Construction (Middle East) Limited Liability Company

### ↗ Nilai Cipta Sdn Bhd

- IJM (India) Infrastructure Limited &
  - IJM (India) Geotechniques Private Limited

### ↗ IJM Land Berhad

- IJM Properties Sdn Bhd
  - Aqua Aspect Sdn Bhd
  - Chen Yu Land Sdn Bhd
  - Cypress Potential Sdn Bhd
  - IJM Management Services Sdn Bhd
  - Jelutong Development Sdn Bhd
  - Liberty Heritage (M) Sdn Bhd
  - Manda'rina (M) Sdn Bhd
  - NS Central Market Sdn Bhd
  - Sinaran Intisari (M) Sdn Bhd
  - Suria Bistari Development Sdn Bhd
  - Worldwide Ventures Sdn Bhd
- RB Land Sdn Bhd
  - Aras Varia Sdn Bhd
  - Casa Warna Sdn Bhd
  - Dian Warna Sdn Bhd
  - RB Property Management Sdn Bhd
  - Seremban Two Holdings Sdn Bhd
  - Seremban Two Properties Sdn Bhd
  - Seremban Two Property Management Sdn Bhd
  - Shah Alam 2 Sdn Bhd
  - Titiyan Tegas Sdn Bhd
  - Tarikan Abadi Sdn Bhd
  - Unggul Senja Sdn Bhd
- Sova Holdings Sdn Bhd
- Emko Properties Sdn Bhd
  - Emko Management Services Sdn Bhd
- ERMS Berhad
  - Holiday Villa Management Sdn Bhd
- RB Development Sdn Bhd
- Astaka Tegas Sdn Bhd
- Cekap Tropikal Sdn Bhd
- Elegan Pesona Sdn Bhd
- Good Debut Sdn Bhd
- IJM Management Services-Giat Bernas Joint Venture
- IJM Properties-JA Manan Development Joint Venture
- Radiant Pillar Sdn Bhd
- Sierra Selayang Sdn Bhd
- Sierra Uky Sdn Bhd
- Valencia Terrace Sdn Bhd
- Larut Leisure Enterprise (Hong Kong) Limited

### ↗ IJM Australia Pty Limited

- IJM Lingamaneni Township Private Limited @
- Swarnandhra-IJMII Integrated Township Development Company Private Limited @
  - OSW Properties Pty Limited \$
- ↗ NPE Property Development Sdn Bhd



### ↗ Industrial Concrete Products Sdn Bhd

- Durabon Sdn Bhd
- Expedient Resources Sdn Bhd
  - Tadmansori Rubber Industries Sdn Bhd
- ICP Investments (L) Limited
  - ICPB (Mauritius) Limited
    - IJM Concrete Products Private Limited
    - IJM Steel Products Private Limited
  - ICP Jiangmen Co. Ltd
  - ICP Marketing Sdn Bhd
  - Malaysian Rock Products Sdn Bhd
    - Aggregate Marketing Sdn Bhd
    - Azam Ekuiti Sdn Bhd
    - IJM Concrete Private Limited
      - IJM Concrete Pakistan
    - IJM Concrete Products Pakistan Private Limited
    - Kuang Rock Products Sdn Bhd
    - Oriental Empire Sdn Bhd
    - Scaffold Master Sdn Bhd
    - Strong Mixed Concrete Sdn Bhd

### ↗ Kamad Quarry Sdn Bhd

### ↗ Kemenia Industries Sdn Bhd

↗ Cofreth (M) Sdn Bhd

↗ Metech Group Berhad

↗ Spirolite (M) Sdn Bhd

### ↗ IJM Plantations Berhad

- Akrab Perkasa Sdn Bhd
- Berakan Maju Sdn Bhd
- Desa Talisai Palm Oil Mill Sdn Bhd
- Desa Talisai Sdn Bhd
- Excellent Challenger (M) Sdn Bhd
- Gunaria Sdn Bhd
  - PT Sinergi Agro Industri
- IJM Agri Services Sdn Bhd
- IJM Edible Oils Sdn Bhd
- IJMP Investments (M) Limited
  - IJM Plantations (Mauritius) Limited
- Minat Teguh Sdn Bhd
  - PT Primabahagia Permai
  - PT Prima Alumga
  - PT Indonesia Plantation Synergy
- Rakanan Jaya Sdn Bhd
- Ratus Sempurna Sdn Bhd
- Sabang Mills Sdn Bhd
- Sijas Plantations Sdn Bhd

### ↗ Road Builder (M) Holdings Bhd

- ↗ Besraya (M) Sdn Bhd
- ↗ New Pantai Expressway Sdn Bhd
- ↗ Kuantan Port Consortium Sdn Bhd
  - KP Port Services Sdn Bhd
  - KPN Services Sdn Bhd
  - Sukma Samudra Sdn Bhd ▲
- ↗ Konsortium Pelabuhan Kemaman Sdn Bhd
  - KP Depot Services Sdn Bhd H

### ↗ IJM Investments (M) Limited

- IEMCEE Infra (Mauritius) Limited
- IJMII (Mauritius) Limited
  - Roadstar (India) Infrastructure Private Limited ®
  - Swarnandhra Road Care Private Limited ®
- IJM Rajasthan (Mauritius) Limited
  - Jaipur-Mahua Tollway Private Limited
- IJM Rewa (Mauritius) Limited
  - Rewa Tollway Private Limited
- IJM Trichy (Mauritius) Limited
- IJM Vijayawada (Mauritius) Limited
  - Gautami Power Private Limited #
  - Swarna Tollway Pte Ltd \*

### ↗ IJM International Limited

### ↗ IJM Investments (L) Ltd

### ↗ IJM Highway Services Sdn Bhd

**Kuching Riverine Resort Management Sdn Bhd ♦**

- ↗ CIDB Inventures Sdn Bhd
- ↗ Emas Utilities Corporation Sdn Bhd
- ↗ Grupo Concesionario del Oeste S. A.
- ↗ Kumpulan Europlus Berhad

↗ Lebuhraya Kajang-Seremban Sdn Bhd
   
Trichy Tollway Private Limited o
   
Vijayawada Tollway Private Limited !



## 2010

### 11 April

#### Perlawanan Futsal @ Sports Planet, Sunway

Kelab Sukan IJM ("KSIJM") telah menganjurkan satu perlawanan futsal untuk menggalakkan kesesuaian kerja-kehidupan yang sihat di kalangan kakitangan.



### 22 April

#### Perasmian Bangunan SPD @ New Delhi, India

Bangunan Syarikat Perbandaran Delhi ("SPD"), bangunan tertinggi di bandar raya di bina oleh IJM, telah dirasmikan oleh Menteri Dalam Negeri, P. Chidambaram. Bangunan SPD ditunjukkan pada halaman 6.



### 03 Mei

#### Hari Korporat UBS Malaysia @ Sydney, Australia

IJM bertemu dengan beberapa pelabur institusi dalam mesyuarat satu dengan satu.

### 18 Mei

#### Persidangan dan Pameran mengenai 'Pengurusan Kejuruteraan Pantai Asia' @ Singapura

Industrial Concrete Products Sdn Bhd ("ICP") mengambil bahagian dalam persidangan yang dianjurkan oleh Pusat Kualiti dan Produktiviti Antarabangsa dan memperkenalkan cerucuk berpintal dalam pameran.



### 05 Jun

#### Hari Alam Sekitar Sedunia 'Kami Menyokong Hijau' @ India

ICP India telah menanam pokok sebagai tanda sokongan kepada Hari Alam Sekitar Sedunia dan menggalakkan konsep 'hijau' di kalangan kakitangan dan masyarakat.

### 13 Jun

#### Memorandum Persefahaman ("MP") antara USM, Sanggar SAINS & IJM

MP telah ditandatangani untuk membina Taman Sains di USM sebagai pusat bagi pembangunan inovasi dan penyelidikan dalam bidang Sains, Komuniti dan Kesenian.



### 18-20 Jun

#### Sukan IJM Ke-8 2010 @ Kuantan, Pahang

Bahagian Infrastruktur telah menjadi tuan rumah dalam sukan antara bahagian dwitahunan yang disertai oleh lebih 500 kakitangan IJM dalam pelbagai acara sukan dan juara keseluruhan adalah Bahagian Perladangan.



### 02 Julai

#### Dialog Pengurusan Kanan @ Holiday Villa Hotel & Suites Subang

Pengarah, pengurusan kanan dan pengurus-pengurus projek telah menghadiri dialog tahunan bertemakan 'IJM dalam Dekad Akan Datang' di mana prestasi syarikat dan bahagian, strategi operasi dan lain-lain isu dibentangkan dan dibincangkan.



## 03 Julai

### Majlis Makan Malam 'Boogie Nite' 2010 @ Sunway Resort Hotel & Spa

Kakitangan IJM menghadiri majlis makan malam tahunan dengan makanan lazat, muzik hebat dan persembahan langsung.



## 11 Julai

### Lawatan oleh Jabatan Perhutanan Sabah dan Saintis Jepun @ IJM Plantations

Lawatan adalah untuk menilai potensi kerjasama mengenai pemuliharaan hutan bakau.



## 10 Julai

### Ucapan Tahniah kepada Dato' Teh Kean Ming

Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas telah mengurniakan Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N) yang membawa gelaran, Dato' kepada Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan kami sempena ulang tahun kelahiran Tuan Yang Terutama.



## 03 Ogos

### Bersiar-Siar Merdeka untuk Kanak-Kanak Sekolah @ Kuala Lumpur & Pulau Pinang

Lebih kurang 400 kanak-kanak sekolah terutamanya daripada keluarga berpendapatan rendah telah dibawa bersiar-siar, satu pengalaman yang sukar untuk dilupakan khususnya di tempat-tempat bersejarah dan ikonik di pusat bandar selaras dengan tema Merdeka.



## 04 Ogos

### Anugerah Biasiswa IJM 2010 @ Holiday Villa Hotel & Suites Subang

IJM menyampaikan Anugerah Biasiswa kepada 21 orang penerima yang layak pada tahun ini. Selain daripada itu, 31 anak-anak kakitangan telah menerima Anugerah Kecemerlangan Akademik.



## 09 Ogos

### Penyiapan Lebuh Raya Kajang-Seremban ("LEKAS")

Lebuh Raya LEKAS menghubungkan Kajang ke Senawang telah disiapkan secara rasmi dengan pembukaan Persimpangan Paroi. Majlis telah dirasmikan oleh Menteri Kerja Raya, Y.B. Dato' Shaziman Bin Hj. Abu Mansor.



## 25 Ogos

### Mesyuarat Agung Tahunan @ Holiday Villa Hotel & Suites Subang

IJM telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya yang ke-26 dan pemegang-pemegang saham telah meluluskan resolusi untuk menerima penyata kewangan teraudit, pelantikan semula para pengarah dan juruaudit, antara lainnya.



## 05 September

### Sehari Berseronok bersama Kanak-Kanak @ KLCC

117 kanak-kanak dari 6 buah rumah anak yatim telah dibawa menikmati keseronokan bersiar-siar di Aquaria dan Petrosains KLCC yang diakhiri dengan jamuan makan malam yang lazat di restoran ECOBA di Damansara Perdana.



## 30 September

### Pertengahan Pandangan mengenai Urus Tadbir Korporat @ Wisma IJM

CEO Securities Industry Development Corporation, cabang latihan dan pembangunan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, En. John Zinkin menyampaikan ceramah kesedaran mengenai pelaksanaan urus tadbir korporat yang baik dalam konteks Asia.



## 31 Ogos

### Lawatan ke Rumah-Rumah Orang Tua @ Pahang

Selaras dengan Hari Kebangsaan, Bahagian Pelabuhan kami telah melawat 8 buah rumah orang-orang tua untuk mengedarkan makanan dan kudapan serta menghiburkan mereka.



## 15-16 September

### Forum Pelabur CLSA @ Hong Kong

IJM bertemu dengan beberapa pengurus dana untuk membentangkan tentang prospek perniagaan dan prestasi kewangannya.

## 18 September

### Sambutan Pertengahan Musim Luruh @ S2 City Park, Seremban

IJM Land bekerjasama dengan persatuan-persatuan Cina di Seremban memperkenalkan 70 tanglung gergasi dari China dan menyambut pesta pertengahan musim luruh yang diserikan oleh Y.B. Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



## 07 Oktober

### Anugerah Pemaju Hartanah Teratas 2010

IJM Land telah disenaraikan sebagai salah satu daripada 10 Pemaju Hartanah Teratas bagi tahun 2010, memperkenalkan pencapaian cemerlang bagi cabang hartanah kami.



## 26 Oktober

### Taklimat Bajet 2011 @ Wisma IJM

En. Steve Chia, Pengarah Eksekutif Kanan Cukai PricewaterhouseCoopers telah membuat pembentangan tentang sorotan dan implikasi bajet.

## 02 November

### Pensijilan Majlis Akreditasi Singapura bagi Konkrit Siap Campur

7 loji pengelompokan Bahagian Industri telah berjaya diperakui mematuhi SS EN 206-1:2009, SS 544-1:2009, SS 544-2:2009 dan SAC CT06:2010 bagi eksport produk konkrit ke Singapura.



## 14 Disember

### Derma kepada Yayasan Perubatan 1MCA

Sebagai sebahagian daripada inisiatif kebijakan tanggungjawab korporatnya, IJM telah menderma RM200,000 kepada yayasan ini.



## 22 & 30 Disember

### Pensijilan Indeks Bangunan Hijau (“IBH”) @ Pulau Pinang

IJM Land telah diberikan pensijilan IBH bagi projek-projek The Light Linear dan The Light Point, merupakan pemaju pertama di Pulau Pinang untuk mendapatkan pensijilan tersebut bagi harta tanah bertingkat tinggi.



## 14 Disember

### Indeks Urus Tadbir Korporat Malaysia - Anugerah Kecemerlangan Industri (Pembinaan) 2010 @ Kuala Lumpur

IJM telah menerima Anugerah daripada Kumpulan Pemantau Pemegang Saham Minoriti di Renaissance Hotel.



# 2011

## 01 Januari

### Perubahan dalam Pengurusan Atasan

Dato' Teh Kean Ming telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan manakala En. Tan Gim Foo telah dilantik sebagai Timbalan CEO & Timbalan Pengarah Urusan.

Jawatan Tan Sri Dato' Krishnan Tan telah ditukar kepada Timbalan Pengurus Eksekutif.

## 28 Januari

### Anugerah Laporan Korporat Tahunan Negara (“NACRA”) 2010 @ Kuala Lumpur

IJM menerima Anugerah Merit pada Majlis Jamuan Malam & Penyampaian Anugerah yang diadakan di Pusat Konvensyen Sime Darby.



## 16 Februari

### Sambutan Tahun Baru Cina @ Wisma IJM

Lebih 450 kakitangan telah menghadiri acara yang dipenuhi dengan persembahan seperti tarian singa, 24 gendang perayaan, orkestra cina dan makanan lazat.



## 16 Februari

### Majlis Perjumpaan Pemegang Biasiswa-Mentor @ Wisma IJM

Majlis perjumpaan pemegang biasiswa-mentor diadakan sebagai sebahagian daripada program bimbingan untuk memberikan pemegang biasiswa IJM kaunseling dan panduan dalam pengajian mereka dan untuk memudahkan pembangunan kerjaya mereka.

## 16 Februari

### Pensijilan Tatacara Amalan (“PTA”) MPOB @ IJM Plantations

Operasi perladangan kami di Sabah telah diperakui dengan PTA MPOB bagi aspek kualiti, keselamatan makanan dan kemapanan.



## 21 Februari

### Lawatan Usahawan-Usahawan Cina Asia-Pasifik (“UCAP”) @ Pelabuhan Kuantan

50 pelabur daripada Persatuan UCAP bersama dengan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur membuat lawatan rasmi ke pelabuhan kami dan telah diberi taklimat ringkas mengenai kemudahan dan perkhidmatan.



## 26-27 Mac

### Hari Keluarga @ Pahang

Bahagian Pelabuhan kami telah berjaya menganjurkan acara hari keluarga yang bertemakan ‘1 KPC-Family Fiesta 2011’ di Taman Tema Bukit Gambang.



## 31 Mac

### Pengembangan Perladangan di Indonesia

IJM Plantations telah berjaya menyiapkan penanaman ladang yang berkeluasan lebih 13,000 hektar di Kalimantan.



## 10 Mac

### Lawatan Timbalan Perdana Menteri @ New Delhi, India

Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin telah mengunjungi projek Delhi Metro Rail Corporation, Airport Metro Express Line Package C2 kami.




## 22-23 Mac

### Persidangan Pelabur Asia Credit Suisse @ Hong Kong

IJM telah mengambil bahagian dalam mesyuarat satu dengan satu dan kumpulan kecil dengan pelabur-pelabur institusi yang menghadiri persidangan ini.


# *Kekuatan Berakar Umbi*



## **Organisasi & Pengemudian**

- 18 Lembaga Pengarah & Setiausaha**
- 20 Profil Para Pengarah**
- 28 Carta Organisasi Kumpulan**
- 30 Profil Pengurusan Kanan**

Melalui ketabahan, dedikasi dan kerja keras, kami muncul dengan kekuatan walaupun di bawah keadaan-keadaan paling mencabar. Setiap sektor adalah faset yang menerangi tumpuan kami pada kecemerlangan.



*kiri ke kanan*

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir. (Dr)  
Wan Abdul Rahman Bin Wan Yaacob

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Tan Boon Seng @  
Krishnan



# Lembaga Pengarah & SETIAUSAHA

*kiri ke kanan**atas:*

Y. Bhg. Datuk Yahya Bin Ya'acob  
Y. Bhg. Tan Sri Abdul Halim Bin Ali  
Y. Bhg. Datuk Oh Chong Peng  
Y. Bhg. Datuk Hj Hasni Bin Harun

*bawah:*

Y. Bhg. Datuk Lee Teck Yuen  
Y. Bhg. Dato' David Frederick Wilson  
Y. Bhg. Dato' Goh Chye Koon  
Jeremie Ting Keng Fui, Secretary



*kiri ke kanan*

Y. Bhg. Dato' Teh Kean Ming

Tan Gim Foo



# Profil Para Pengarah

Y. BHG. TAN SRI DATO' WAN ABDUL RAHMAN, DILAHIRKAN PADA JUN 1941, MENYERTAI LEMBAGA PADA 1 JULAI 1996. BELIAU TELAH DILANTIK SEBAGAI PENGERUSI IJM PADA 28 FEBRUARI 2003.

## Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman Bin Wan Yaacob

**PSM, SPMT, DPMT, JSM, AMN**

Diploma Kejuruteraan (h.c.) B'ham, FASc, FIEM, FICE, FIHT, FCIOB,  
P.Eng., C.Eng.

Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas

- Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan
- Jawatankuasa Audit



Beliau memperoleh Diploma dalam Kejuruteraan Sivil dari Maktab Teknik, Kuala Lumpur pada 1963, Diploma dalam Kejuruteraan Sivil & Struktur dari Brighton College of Technology, United Kingdom pada tahun 1965, dan menghadiri Advanced Management Programme di Harvard Business School, Boston, Massachusetts, USA pada 1993. Beliau telah dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Kejuruteraan oleh University of Birmingham, United Kingdom pada 1993. Beliau telah berkhidmat dengan Kementerian Kerja Raya selama 32 tahun, dengan enam (6) tahun terakhir perkhidmatannya sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya sebelum persaraan beliau pada tahun 1996.

Beliau adalah ahli Majlis The Road Engineering Association of Asia & Australia, Bekas Presiden Institusi Lebuhraya dan Pengangkutan (Cawangan Malaysia) dan Persatuan Kejuruteraan Jalan Raya Malaysia. Pada masa ini beliau merupakan Naib Presiden Persatuan Tenis Kuala Lumpur dan Persatuan Kriket Melayu.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad (Pengerusi), Lysaght Galvanized Steel Berhad (Pengerusi), Bank of America Malaysia Berhad, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, NCB Holdings Berhad, MMC Corporation Berhad dan Northport (Malaysia) Berhad (Pengerusi).

Y. BHG. TAN SRI DATO' TAN, DILAHIRKAN PADA DISEMBER 1952, TELAH DILANTIK SEBAGAI NAIB PENGERUSI EKSEKUTIF PADA 1 JANUARI 2011. BELIAU TELAH MENYERTAI IJM CORPORATION BERHAD ("IJM") SEBAGAI PENGAWAL KEWANGAN PADA 1983 DAN KEMUDIANNYA LEMBAGA SEBAGAI PENGARAH SILIH GANTI PADA 12 JUN 1984, PENGARAH PADA 10 APRIL 1990 DAN TIMBALAN PENGARAH URUSAN PADA 1 NOVEMBER 1993. BELIAU TELAH DILANTIK SEBAGAI PENGARAH URUSAN KUMPULAN PADA 1 JANUARI 1997 DAN TELAH DI NAIK PANGKAT KEPADA JAWATAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF & PENGARAH URUSAN PADA 26 FEBRUARI 2004, DAN TELAH BERHENTI SEBAGAI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF & PENGARAH URUSAN PADA 31 DISEMBER 2010.

**Y. Bhg. Tan Sri Dato'  
Tan Boon Seng @ Krishnan**

**PSM, DSPN, SMS**

*Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), CPA(M),  
MBA*

**Naib Pengerusi Eksekutif**

- Jawatankuasa Eksekutif



Beliau layak sebagai Akauntan Awam Diperakui pada 1978 selepas tamat pengajian dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1975, dan memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Golden Gate University, San Francisco, USA. Sebelum menyertai IJM, beliau berkhidmat dengan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad selama tujuh (7) tahun, jawatan terakhir beliau adalah Pengawal Kewangan Kumpulan.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat awam lain termasuk IJM Plantations Berhad, IJM Land Berhad (Pengerusi), Malaysian South-South Corporation Berhad dan Grupo Concesionario del Oeste S.A., Argentina. Beliau adalah Ahli Lembaga Gabenor Perbadanan Hartanah Malaysia. Beliau juga berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia serta Yayasan Pelaporan Kewangan, dan Pemegang Amanah Yayasan Kepimpinan Perdana. Beliau terlibat secara aktif dalam penggalakan ikatan perniagaan Malaysia India dan pada masa ini adalah Presiden Majlis Perniagaan Malaysia-India dan Pengerusi Forum CEO Malaysia India.

Bagi sumbangan beliau kepada industri, beliau telah dianugerahkan The Prominent Player Award 2008 oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.

## Profil Para Pengarah (samb.)

Y. BHG. DATO' TEH, DILAHIRKAN PADA APRIL 1955, TELAH DILANTIK SEBAGAI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF & PENGARAH URUSAN PADA 1 JANUARI 2011. BELIAU ADALAH TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF & TIMBALAN PENGARAH URUSAN DARI 1 JULAI 2008 HINGGA 31 DISEMBER 2010 DAN BELIAU ADALAH PENGARAH SILIH GANTI KEPADA DATO' GOH CHYE KEAT DARI 1 SEPTEMBER 2005 HINGGA 16 OGOS 2006 DAN PENGARAH SILIH GANTI KEPADA DATO' GOH CHYE KOON DARI 16 OGOS 2006 HINGGA 30 JUN 2008.

### Y. Bhg. Dato' Teh Kean Ming

DSPN, PKT

Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Sivil), P.Eng., MIEM

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan

- Jawatankuasa Eksekutif
- Jawatankuasa Sekuriti & Opsyen



Beliau tamat pengajian dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dari Universiti of New South Wales, Australia pada 1981.

Beliau adalah Jurutera Residen Sivil & Struktur bagi Projek Dayabumi Fasa 3 (1981-1983) dan Menara Maybank (1983-1987) dan Jurutera Kawasan Antah Biwater J.V. Sdn Bhd (1987-1989) sebelum menyertai IJM Construction Sdn Bhd sebagai Pengurus Projek (1989-1993), Pengurus Kanan (Projek) (1994-1997) dan Pengarah Projek (1998-2001). Beliau adalah Pengurus Besar Kumpulan IJM Corporation Berhad (“IJM”) dari 1 April 2001 hingga 31 Disember 2004. Beliau juga adalah Ketua Bahagian Hartanah IJM dari tahun 2001 hingga 2008 dan Pengarah Urusan IJM Properties Sdn Bhd dari 1 Januari 2005 hingga 10 Jun 2009.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat awam lain termasuk Metech Group Berhad, IJM Land Berhad, IJM Plantations Berhad, ERMS Berhad dan Road Builder (M) Holdings Bhd.

ENCIK TAN, DILAHIRKAN PADA JUN 1958, TELAH DILANTIK SEBAGAI TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF & TIMBALAN PENGARAH URUSAN PADA 1 JANUARI 2011. BELIAU ADALAH PENGARAH SILIH GANTI KEPADA ENCIK SOO HENG CHIN DARI 1 SEPTEMBER 2005 HINGGA 30 JANUARI 2010 DAN PENGARAH SILIH GANTI KEPADA DATO' GOH CHYE KOON DARI 30 JANUARI 2010 HINGGA 31 DISEMBER 2010. BELIAU JUGA ADALAH PENGARAH URUSAN IJM CONSTRUCTION SDN BHD ("IJMC") DAN MENGETUAI BAHAGIAN PEMBINAAN KUMPULAN.

### Tan Gim Foo

*Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan(Sivil) (Kepujian),  
P.Eng., MIEM, MBA*

Timbalan Ketua Pegawai  
Eksekutif & Timbalan Pengarah  
Urusan

- Jawatankuasa Eksekutif



Beliau tamat pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian Kelas Pertama) dari Universiti Malaya pada 1983, dan memegang Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Charles Sturt University, New South Wales, Australia.

Beliau memulakan kerjaya sebagai Jurutera Tapak Mudajaya Construction Sdn Bhd (1983-1986) sebelum menyertai IJM Corporation Berhad sebagai Jurutera Perancangan & Reka Bentuk (1986-1988). Beliau adalah Pengurus Projek (1988-1994), Pengurus Kanan (1994-1997) dan Pengarah Projek (1998-2009). Beliau adalah Pengarah Eksekutif IJMC dari 1 Januari 2005 hingga 30 Januari 2010.

## Profil Para Pengarah (samb.)

**Y. Bhg. Datuk Yahya, dilahir pada Januari 1944, telah dilantik sebagai Pengarah pada 31 Mac 1999.**

Beliau tamat pengajian dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dan Diploma Pentadbiran Awam dari Universiti Malaya masing-masing pada tahun 1967 dan 1970, dan memperoleh Ijazah Sarjana Pengurus Perniagaan dari Asian Institute of Management pada 1976.

Beliau telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Pentadbiran dan Diplomatik Malaysia selama lebih 32 tahun, dengan berkhidmat selama lima (5) tahun yang terakhir sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya sebelum beliau bersara pada tahun 1999. Jawatan-jawatan lain beliau termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan (1991-1994), Setiausaha Bahagian Kontrak, Kementerian Kewangan (1988-1991), Timbalan Pengarah Unit Pelaksanaan & Penyelaras, Jabatan Perdana Menteri (1986-1988), dan Timbalan Setiausaha Bahagian Kewangan, Kementerian Kewangan (1976-1986).

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat lain termasuk Emas Kiara Industries Berhad, LBI Capital Berhad, UDA Holdings Berhad, Pelaburan Johor Berhad dan Damansara Realty Berhad.



### **Y. Bhg. Datuk Yahya Bin Ya'acob**

**PJN, DIMP, JSM, KMN, SMP, PBS**

*Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian), D.P.A.  
(Malaya), M.B.M. (Filipina)*

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan

- Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan
- Jawatankuasa Audit
- Jawatankuasa Sekuriti & Opsyen



### **Y. Bhg. Tan Sri Abdul Halim Bin Ali**

**PMN, PJN, SPMS, SIMP, DGSM, DHMS,  
DSDK, JSM, KMN**

*Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian),  
Universiti Malaya*

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

- Jawatankuasa Audit

**Y. Bhg. Tan Sri Abdul Halim, dilahirkan pada Julai 1943, telah dilantik menjadi Pengarah pada 25 April 2007.**

Beliau tamat pengajian dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1966. Beliau menyertai Kementerian Luar Negeri dan berkhidmat dalam Perkhidmatan Diplomatik Malaysia dari tahun 1966 sehingga 1996. Dalam tempoh ini, berliau berkhidmat dalam beberapa misi diplomatik luar negeri, termasuk pelantikan sebagai duta di Vietnam dan Austria. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha kepada Kerajaan Malaysia pada tahun 1998 dan bersara pada tahun 2001. Selepas persaraan beliau, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sehingga Januari 2007.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk Malaysia Building Society Berhad (Pengerusi), Malakoff Corporation Berhad (Pengerusi), Kumpulan Pemerhati Pemegang-Pemegang Saham Minoriti (Pengerusi) dan ESSO Malaysia Berhad.

Y. Bhg. Datuk Oh, dilahirkan pada Julai 1944, telah dilantik menjadi Pengarah pada 12 April 2002.

Beliau mengikuti latihan perakaunan beliau di London dan adalah layak sebagai Akauntan Bertauliah pada tahun 1969 dan merupakan Ahli Fellow Institute of Chartered Accountants of England and Wales. Beliau juga adalah ahli Institut Akauntan Awam Diperakui Malaysia (MICPA) dan Institut Akauntan Malaysia.

Beliau menyertai Coopers & Lybrand di London pada tahun 1969 dan di Malaysia pada tahun 1971. Beliau adalah rakan firma kanan Coopers and Lybrand (sekarang dikenali sebagai PricewaterhouseCoopers), Malaysia dari tahun 1974 sehingga beliau bersara pada tahun 1997. Beliau adalah Ahli Jawatankuasa Bursa Saham Kuala Lumpur yang dilantik Kerajaan dari tahun 1990-1996, dan bekas Presiden (1994-1996) dan Ahli Majlis (1981-2002) MICPA, dan juga adalah ahli dalam Jawatankuasa Penyenaraian Bursa Malaysia Berhad dari tahun 2008 hingga Mei 2011.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat awam lain termasuk Alliance Financial Group Berhad (Pengerusi), British American Tobacco (Malaysia) Berhad, Dialog Group Berhad, IJM Plantations Berhad, Ingenious Growth Berhad, Kumpulan Europlus Berhad dan Malayan Flour Mills Berhad. Beliau juga adalah Pemegang Amanah Yayasan Pendidikan UTAR; dan Ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dilantik Kerajaan.



### Y. Bhg. Datuk Oh Chong Peng

PJN, JSM

FCA

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

- Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan
- Jawatankuasa Audit



### Y. Bhg. Datuk Hj Hasni Bin Harun

PJN, AMN, PJC

*Ijazah Sarjana Muda Akauntan (Kepujian), CA,  
MBA*

Pengarah Bukan Eksekutif

Y. Bhg. Datuk Hj Hasni, dilahirkan pada Jun 1957, telah dilantik menjadi Pengarah pada 21 April 2008 dan adalah wakil Zelan Berhad ("Zelan"). Beliau pertama kali menyertai Lembaga pada 9 Mei 2007 sebagai Pengarah Silih Ganti.

Beliau tamat pengajian dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1979, dan memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari United States International University, San Diego, California, USA. Beliau juga adalah ahli Institut Akauntan Malaysia.

Beliau memegang beberapa jawatan dalam Pejabat Akauntan Negara dari tahun 1980 hingga 1994. Beliau adalah Pengurus Besar Kanan Jabatan Pelaburan di Kumpulan Simpanan Wang Pekerja dari Mac 1994 hingga Mac 2001, dan Pengarah Urusan RHB Asset Management Sdn. Bhd. dari April 2001 hingga April 2006. Beliau kemudiannya menyertai DRB-Hicom Berhad sebagai Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan sehingga Disember 2006 dan menyertai MMC Corporation Berhad ("MMC") sebagai Ketua Pegawai Operasi pada Januari 2007 sehingga Februari 2008. Pada Mac 2008, beliau telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysia sebelum pelantikan beliau baru-baru ini sebagai Pengarah Urusan Kumpulan pada Mei 2010.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk Aliran Ihsan Resources Berhad, MMC, Zelan, Johor Port Berhad, Malakoff Corporation Berhad dan MMC Engineering Group Berhad.

# Profil Para Pengarah (samb.)

Y. Bhg. Datuk Lee, dilahirkan pada Ogos 1956, telah dilantik sebagai Pengarah pada 30 Mei 2007.

Beliau tamat pengajian dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Kejuruteraan Sivil dan Pentadbiran Perniagaan dari University of Leeds, United Kingdom pada tahun 1978.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk Road Builder (M) Holdings Bhd, IJM Land Berhad, Malaysia South-South Corporation Berhad (Pengarah Eksekutif) dan Asean Business Forum. Beliau juga pada masa ini adalah Presiden Persatuan Ski Air Malaysia, Setiausaha Kehormat Malaysian South-South Association dan Konsul Kehormat Republik Columbia.



## Y. Bhg. Datuk Lee Teck Yuen

### PJN

*Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kejuruteraan Sivil & Pentadbiran Perniagaan*

### Pengarah Bukan Eksekutif

- Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan



## Y. Bhg. Dato' David Frederick Wilson

### DIMP

*Ijazah Sarjana Sastera (Sains Mekanikal), Ijazah Sarjana Muda Sastera (Sains Mekanikal)*

### Pengarah Bukan Eksekutif

- Jawatankuasa Sekuriti & Opsyen

Y. Bhg. Dato' Wilson, seorang warganegara British, dilahirkan pada Mac 1945, telah dilantik sebagai Pengarah pada 30 Mei 2007.

Beliau memegang ijazah Sarjana Sastera dalam Sains Mekanikal dari Cambridge University, United Kingdom. Beliau adalah ahli Fellow Institution of Civil Engineers, United Kingdom dan Institution of Highways and Transportation, United Kingdom.

Beliau bekerja dalam beberapa projek infrastruktur dan pembangunan di United Kingdom, Afrika, Amerika Tengah, Caribbean dan Timur Tengah sebelum datang ke Malaysia pada tahun 1980 sebagai Ketua Jurutera Residen bagi pembinaan Lebuh Raya Kuala Lumpur-Seremban dan pelaksanaan sistem tol lebuh raya pertama di Malaysia.

Pada tahun 1986, beliau menyertai United Engineers (Malaysia) Berhad sebagai Pengurus Besar - Perkhidmatan Teknikal dan adalah Pengarah Urusan Kinta Kelas plc dari tahun 1990 hingga 1994 bila mana beliau bertanggungjawab bagi pengurusan pembinaan Lebuhraya Utara Selatan. Pelantikan beliau berikutnya termasuk Pengarah Urusan Renong Overseas Corporation Sdn Bhd (1995-2002), Pengarah Urusan Crest Petroleum Berhad (1998-2000) dan Presiden Bahagian Pembinaan dan Kejuruteraan Kumpulan Renong (1998-2002).

Pada tahun 2002, beliau telah beralih ke Road Builder (M) Holdings Bhd pada mula sebagai Pengarah Bukan Eksekutif dan kemudiannya sebagai Pengarah Eksekutif yang bertanggungjawab bagi operasi pembinaan di India.

**Y. Bhg. Dato' Goh, dilahirkan pada Jun 1949, adalah Pengarah Bukan Eksekutif sejak 30 Jun 2009.**

Beliau tamat pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1973, dan berkhidmat sebagai jurutera dalam Kementerian Kerja Raya selama sebelas (11) tahun dan adalah Jurutera Penyelianya sebelum menyertai IJM Corporation Berhad sebagai Jurutera Kanan pada tahun 1984. Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar (Kawasan Tengah) pada tahun 1986 dan telah menjadi Pengarah Silih Ganti pada 25 Julai 1995 sebelum memegang jawatan Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan pada 1 Januari 1997. Beliau telah dilantik ke jawatan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif & Timbalan Pengarah Urusan pada tahun 2004, dan selepas persaraan beliau, beliau kekal sebagai Pengarah Eksekutif selama setahun sehingga 29 Jun 2009 untuk menyelia kegiatan-kegiatan pembinaan aktiviti di luar negara.

Beliau adalah ahli Panel Perunding Pembangunan Malaysia Productivity Corporation (dahulu dikenali sebagai National Productivity Corporation) (“MPC”) dan juga ahli Kumpulan Sumber Teknikal mengenai Sumber Manusia MPC (2003-Januari 2010). Beliau adalah Pengurus Majlis Presiden Industri Pembinaan (Jun 2007 hingga Jun 2008), dan beliau adalah Presiden Persatuan Jurubina Malaysia bagi sesi tahun 2004/2006, dan berkhidmat sebagai Timbalan Presiden, Naib Presiden dan Timbalan Ketua Setiausaha. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan, Malaysia (2004-2006) dan Majlis Perunding Presiden Lembaga Jurutera, Malaysia (2002-2004). Beliau pada masa ini adalah ahli Kumpulan Penasihat, ahli Kajian Sains dan Teknologi, di Universiti Terbuka Wawasan (Mac 2010).

Beliau juga adalah Pengarah Kumpulan Europlus Berhad.



**Y. Bhg. Dato' Goh Chye Koon**

**KMN, DSPN, JMN**

*Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Sivil)(Kepujian),  
MIEIM, P.Eng.*

Pengarah Bukan Eksekutif

**Nota:**

1. Tidak ada perhubungan keluarga di antara para Pengarah dan/atau pemegang-pemegang saham utama Syarikat.
2. Semua Pengarah adalah warganegara Malaysia melainkan Dato' David Frederick Wilson yang merupakan warganegara British.
3. Kecuali bagi Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman Bin Wan Yaacob, Tan Sri Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan, Dato' Teh Kean Ming, Datuk Hj Hasni bin Harun, Datuk Lee Teck Yuen, dan Dato' Goh Chye Koon, yang mempunyai kepentingan dianggap dalam urus niaga pihak ketiga berkaitan tertentu sebagaimana dinyatakan dalam Nota 53 kepada penyata kewangan, tidak ada Pengarah mempunyai apa-apa kepentingan kewangan dalam mana-mana pengaturan perniagaan yang melibatkan Kumpulan.
4. Semua Pengarah mengekalkan rekod bersih berhubung dengan sabitan untuk kesalahan-kesalahan.

# Carta Organisasi Kumpulan

## LEMBAGA PENGARAH



**Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan  
Dato' Teh Kean Ming**

Jawatankuasa Eksekutif

Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Pengurusan Risiko  
Cyrus Eruch Daruwalla

Audit Dalaman  
Lyndon Alfred Felix

Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan

Jawatankuasa Sekuriti & Opsyen

Setiausaha Syarikat  
Jeremie Ting Keng Fui

## BAHAGIAN



Tan Gim Foo



Dato' Soam Heng Choon



Khor Kiem Teoh



Joseph Tek Choon Yee



Dato' Ho Phea Keat



James Wong Tet Foh

### Pembinaan

Tan Gim Foo

### Hartanah

Dato' Soam Heng Choon

### Industri

Khor Kiem Teoh

### Perladangan

Joseph Tek Choon Yee

### Infrastruktur

Pelabuhan Dato' Ho Phea Keat  
Tol James Wong Tet Foh

### Usaha Niaga Antarabangsa



Pook Fong Fee  
India & Pakistan



Tan Kiam Choon  
Timur Tengah



Tan Peng Kok  
Vietnam



Adam Eleod  
Argentina



**Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif  
& Timbalan Pengarah Urusan**  
**Tan Gim Foo**

## PERKHIDMATAN SOKONGAN KUMPULAN



Cyrus Eruch Daruwalla



James Ponniah Joseph



Jeremie Ting Keng Fui



Lee Chun Fai



Agnes Choon



Mohd Kamal bin Harun



Lyndon Alfred Felix



Ng Yoke Kian



Ahmad Nazmi bin Mohamed Ali



S. Ramesh a/l V. Subramaniam



Shane Guha Thakurta



Sheela Kasivisvanathan

### Akaun & Kewangan

Cyrus Eruch Daruwalla (CFO)  
Lee Chun Fai (Deputy CFO)

### Perundangan

James Ponniah Joseph

### Perkhidmatan Korporat & Pentadbiran

Jeremie Ting Keng Fui

### Pembangunan Perniagaan & Usaha Niaga Baru

James Wong Tet Foh

### Perkhidmatan Korporat

Ng Yoke Kian

### Pentadbiran Sistem Maklumat

### Kualiti, Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar

**Sistem Kualiti**  
S. Ramesh a/l V. Subramaniam  
**Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar**  
Ahmad Nazmi bin Mohamed Ali

### Sumber Manusia

Agnes Choon

### Perhubungan Pelabur

Shane Guha Thakurta

### Komunikasi Korporat

Sheela Kasivisvanathan

# Profil Pengurusan Kanan



Khor Kiem Teoh



Dato' Soam Heng Choon



Dato' Ho Phea Keat

## **Khor Kiem Teoh**

*Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Sivil*

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan (Industrial Concrete Products Sdn Bhd)

En Khor, dilahirkan pada Ogos 1958, adalah Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan Industrial Concrete Products Sdn Bhd (“ICP”) sejak 5 November 2007.

Beliau tamat pengajian daripada Auburn University, Alabama, USA dengan Ijazah Sarjana Muda Sains major dalam Kejuruteraan Sivil pada 1981. Selepas tamat pengajian, beliau menyertai Jurutera Konsultant (SEA) Sdn Bhd, firma perunding kejuruteraan sebagai jurutera. Beliau terlibat dalam reka bentuk Lebuh Raya Ekspres Utara Selatan.

Beliau menyertai ICP pada 1984 sebagai Jurutera Jualan dan dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Jualan pada 1993. Beliau adalah Timbalan Pengurus Besar pada 2002 dan selepas itu Pengurus Besar pada 2003. Pada 17 Ogos 2004, beliau telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi dan sebagai Pengarah Silih Ganti kepada En Lim Yong Keat. Beliau meletakkan jawatan sebagai Pengarah Silih Ganti kepada En Lim Yong Keat pada 21 September 2005. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif ICP pada 16 Ogos 2006.

## **Y. Bhg. Dato' Soam Heng Choon**

**DIMP**

*Ijazah Sarjana Muda (Kejuruteraan Sivil) (Kepujian), P.Eng., MIEM*

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan (IJM Land Berhad)

Dato' Soam, dilahirkan pada Ogos 1959, telah ditukar pelantikan kepada Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan IJM Land Berhad berkuat kuasa sejak 1 Februari 2010. Sebelum daripada itu, beliau adalah Pengarah Urusan Syarikat sejak 2 Oktober 2006. Beliau pada masa ini adalah juga Pengarah Urusan RB Land Sdn Bhd dan IJM Properties Sdn Bhd.

Beliau tamat pengajian daripada University of Strathclyde, United Kingdom dengan Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian Kelas Pertama dalam Kejuruteraan Sivil. Beliau telah berkhidmat dengan Kementerian Kerja Raya sebelum menyertai Kumpulan Road Builder (M) Holdings Bhd pada 1989.

Beliau adalah Jurutera Profesional dan ahli Institusi Jurutera, Malaysia. Beliau adalah Naib Presiden Persatuan Pemaju Harta Tanah dan Perumahan (REHDA) Malaysia dan Pengurus Mantan yang lepas REHDA, cawangan Negeri Sembilan.

## **Y. Bhg. Dato' Ho Phea Keat**

**DIMP**

*Sarjana Muda Teknologi (Sivil), P.Eng., MIEM*

Pengarah Urusan (Bahagian Pelabuhan)

Dato' Ho, dilahirkan pada 1955, telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Kuantan Port Consortium Sdn Bhd (“KPC”) pada 1 September 2009.

Beliau tamat pengajian dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Teknologi (Kelas Pertama) dalam Kejuruteraan Sivil daripada Indian Institute of Technology, Bombay, India pada 1982. Beliau adalah Jurutera Profesional berkelayakan dan juga merupakan ahli korporat Institusi Jurutera Malaysia. Beliau juga memegang sijil lanjutan mengkhusus dalam Kejuruteraan Pelabuhan dan Pangkalan daripada Port & Harbour Research Institute, Jepun.

Dalam 1983, beliau menyertai Lembaga Pelabuhan Kuantan sebagai Jurutera Sivil dan bersara secara pilihan daripada Perkhidmatan Kerajaan sebagai Jurutera Sivil Kanan pada 1997. Beliau adalah Ketua Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan KPC pada 1998 dan dinaikkan pangkat ke jawatan Pengurus Besar Infrastruktur, Penyelidikan dan Pembangunan, satu jawatan yang dipegang oleh beliau selama tujuh (7) tahun, di mana beliau juga bertanggungjawab bagi spektrum penuh kerja-kerja Infrastruktur Sivil Kejuruteraan dan Maritim Pelabuhan Kuantan. Beliau dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pengarah Urusan pada September 2008.



Joseph Tek Choon Yee



Velayuthan A/L Tan Kim Song

### **Joseph Tek Choon Yee**

*Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian), MPhil. (Cantab)*

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan (IJM Plantations Berhad)

En Joseph Tek, dilahirkan pada Januari 1966, telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan (“KPE & PU”) IJM Plantations Berhad (“IJMP”) pada 23 Mei 2010.

Beliau tamat pengajian dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian Kelas Pertama dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau adalah pemegang biasiswa Commonwealth ODASS-Sime Darby dan memperoleh Ijazah Sarjana beliau dalam Falsafah (Pembiakbakaan Tanaman) daripada Universiti Cambridge, England. Beliau juga menghadiri Program Pembangunan Pengurusan Kanan ASEAN dianjur oleh Havard Business School Alumni Club Malaysia.

Beliau menyertai IJMP pada September 2004 untuk mengetuai kegiatan penyelidikan, latihan dan pembangunan Kumpulan, dan telah dilantik sebagai Pengarah Silih Ganti pada 22 Mei 2008 dan Pengarah Eksekutif pada 19 Oktober 2008 selain daripada menjadi Pengurus Besar - Plantations (Sabah). Beliau kemudian ditukar pelantikan kepada jawatan Ketua Pegawai Operasi & Pengarah Eksekutif pada 18 Mei 2009, sebelum pelantikan beliau sebagai KPE & PU IJMP.

Sebelum menyertai IJMP pada 2004, beliau menyertai Sime Darby Plantations Sdn Bhd sebagai Pembiak Baka Tanaman di Ebor Research (1991-1997), Pengurus R&D (1997-2000) dan kemudian Pengurus-Perniagaan Agritech (2000-2001) bersama Sime Aerogreen Sdn Bhd dan Sime Gardentech Sdn Bhd. Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Ketua R&D bersama Persatuan Minyak Sawit Malaysia (PMSM) (2001-2004).

Beliau pada masa adalah ahli Jawatankuasa Penasihat Program bagi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (2011-2013) dan Ahli Majlis Persatuan Pemilik-Pemilik Ladang Malaysia sejak 2009. Beliau juga adalah Ahli Majlis Persatuan Ahli Sains dan Teknologi Minyak Malaysia (2006-2007), ahli Kumpulan Kerja Kriteria bagi Rundingan Meja Bulat mengenai Kemapanan Minyak Sawit (2005-2006) dan Naib Pengerusi Jawatankuasa Kerja Alam Sekitar (PMSM) (2004-2005).

### **Velayuthan A/L Tan Kim Song**

*M.MIN, D.DIV (India & USA)*

Ketua Pegawai Eksekutif (IJM Plantations Berhad - Indonesia)

En Vela Tan, dilahirkan pada Mei 1954, telah dilantik menjadi Ketua Pegawai Eksekutif PT Primabahagia Permai pada 1Jun 2010, dan mengetuai operasi Indonesia IJM Plantations Berhad (“IJMP”).

Beliau memperoleh Diploma Pengurusan daripada Institut Pengurusan Malaysia pada 1985. Beliau telah bersama dengan Multi-Purpose Holdings Berhad selama lima (5) tahun sebelum menyertai IJM Corporation Berhad (“IJM”) pada 1985. Beliau telah dilantik sebagai Pengurus Besar Kumpulan IJMP pada 1994 sebelum dilantik sebagai Pengarah Eksekutif pada 1997 dan Pengarah Urusan pada 2003. Beliau telah ditukar pelantikan kepada Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan pada Februari 2004 sehingga persaraan beliau pada Mei 2010. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif Kumpulan IJM dari Mei 2001 hingga Mei 2003.

Beliau telah dianugerahkan ahli felo Kehormat Persatuan Ahli Sains & Teknologi Minyak Malaysia pada Jun 2010 dan adalah Ahli Majlis Persatuan Pemilik-Pemilik Ladang Malaysia bagi tempoh 2010/2011. Beliau juga adalah Ahli Majlis Persatuan Minyak Sawit Malaysia dan Ahli Lembaga silih ganti dalam Lembaga Minyak Sawit Malaysia. Beliau adalah Presiden Kesatuan Ragbi Sabah sejak 2002 dan Presiden Pengasas Kelab Ragbi Sandakan.

# Profil Pengurusan Kanan (samb.)



Tong Wai Yong



James Wong Tet Foh



Neoh Soon Hiong

## Tong Wai Yong

Ijazah Kejuruteraan (Kejuruteraan Sivil) (kepujian), P.Eng., FIEM  
Pengarah Eksekutif (Road Builder (M) Sdn Bhd)

En Tong, dilahirkan pada April 1958, telah menjadi Pengarah Eksekutif Road Builder (M) Sdn Bhd ("RBM") sejak 20 November 2006. Beliau juga adalah Pengarah Operasi IJM Construction Sdn Bhd. Selain daripada itu, beliau mengetuai Perkhidmatan Pembinaan di Ibu Pejabat menyelia jabatan Pemerolehan & Stor, Loji & Bengkel, Pengawasan Projek, Sistem Pengurusan Kualiti dan Sistem Pengurusan Kesihatan & Keselamatan & Alam Sekitar.

Beliau tamat pengajian dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dari Universiti Malaya dalam Kejuruteraan Sivil. Beliau memulakan kerjaya beliau sebagai Jurutera Projek dengan Kementerian Kerja Raya (1982-1984) dan kemudiannya telah berkhidmat sebagai Ejen Tapak bagi Syarikat Pembinaan Raya Sdn Bhd (1984-1989). Beliau merupakan Ketua Pegawai Operasi Pati Sdn Bhd (1989-2003) sebelum menyertai RBM sebagai Pengarah bagi Projek Khas pada 2003.

Beliau adalah Ahli Felo Institusi Jurutera, Malaysia dan Jurutera Profesional Berdaftar.

## Ir. James Wong Tet Foh

Ijazah Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan Sivil) (Kepujian), Sarjana Sains, P.Eng.  
Ketua Bahagian Tol

Ir. James Wong, dilahirkan pada April 1961, telah dilantik menjadi Ketua Bahagian Tol pada 21 Julai 2011.

Beliau tamat pengajian pada 1984 dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian Kelas Pertama) dalam Kejuruteraan Sivil, dan Ijazah Sarjana Sains dalam Struktur Konkrit pada 1985 dari Imperial College of Science, Technology & Medicine, United Kingdom. Beliau memperoleh pendaftaran Jurutera Profesional dengan Lembaga Jurutera Malaysia pada 1989 selepas menghabiskan masa lima tahun pertama daripada kerjayanya dengan firma perundingan kejuruteraan forensik yang mengkhusus dalam bangunan lama atau kerja-kerja infrastruktur yang meliputi bidang geoteknik, siasatan struktur dan bahan.

Beliau menyertai Kumpulan Syarikat UEM pada 1989 sebagai Jurutera Projek Kanan dan telah berkhidmat selama 21 tahun dalam pelbagai keupayaan, termasuk sebagai Ketua Pegawai

Operasi bagi UE Construction Sdn Bhd (2002-2004) dan Pengarah Projek Antarabangsa bagi UEM Builders Berhad (2004-2009) meliputi India, Timur Tengah, Indonesia dan Singapura. Di UEM, beliau terlibat secara langsung dengan projek-projek besar seperti Lebuh Raya Bertol Antara Bandar Utara Selatan, Sistem LRT II Putra KL, Projek Landasan Elektrik Berkembar Ipoh-Rawang, College of Technology Qatar dan lebuh raya utama di India. Pada 2009, beliau telah berpindah ke Lafarge Concrete (M) Sdn Bhd sebagai Naib Presiden Pemasaran dan Strategi (Asia).

Beliau menyertai IJM Construction Sdn Bhd sebagai Pengarah Pembangunan Perniagaan pada Januari 2010 dan telah ditukar ke jawatan sebagai Pengarah Pembangunan Perniagaan IJM Corporation Berhad pada Februari 2011, sebelum pelantikan beliau sebagai Ketua Bahagian Tol.

## Neoh Soon Hiong

MBA  
Ketua Bahagian Tol (2006-2011)

En. Neoh, dilahirkan pada Julai 1956, beliau telah bersara pada 21 Julai 2011 sebagai Ketua Bahagian Tol selepas berkhidmat selama lebih 13 tahun dan bahagian Tol. Beliau sekarang ditugaskan untuk mengusahakan dan mengetuai projek lebuh raya besar di Malaysia.

Beliau tamat pengajian dari Paris Graduate School of Management, Perancis dengan memperoleh Ijazah Sarjana Eropah dalam Pentadbiran Perniagaan.

Beliau bekerja dengan Jabatan Kerja Raya untuk lebih 10 tahun dan kemudiannya menyertai PLUS Expressways Berhad sebagai jurutera Jabatan Pengurusan Penyelenggaraan pada 1990. Pada 1995, beliau telah ditukarkan ke Metramac Corporation Sdn Bhd dan berkhidmat sebagai jurutera sehingga beliau menyertai Besraya Sdn Bhd ("BSB") sebagai Pengurus Projek pada 1997. Pelantikan beliau yang berikutnya termasuk Ketua Operasi BSB (1999-2000), Pengurus Besar BSB dan New Pantai Expressway Sdn Bhd ("NPE") (2001-2004) dan Pengarah Eksekutif Bahagian Tol BSB dan NPE (2004-2006), Pengarah Urusan NPE dan BSB (2006-2011), dan Ketua Pegawai Eksekutif Lebuhraya Kajang-Seremban Sdn Bhd (2007-2011).



Jeremie Ting Keng Fui



Loy Boon Chen



Cyrus Eruch Daruwalla

### **Jeremie Ting Keng Fui**

*FCIS, Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan  
Setiausaha Syarikat*

Encik Jeremie Ting, dilahirkan pada September 1957, menyertai IJM pada 1982 dan telah dilantik sebagai Setiausaha Syarikat pada 1 Oktober 1994. Beliau juga adalah Setiausaha Syarikat IJM Plantations Berhad dan IJM Land Berhad, dan mengetuai Jabatan Perkhidmatan Korporat, Pentadbiran dan Sistem Maklumat.

Beliau telah tamat peperiksaan Institute of Chartered Secretaries and Administrators (ISCA) pada 1981, selepas memperoleh Diploma dalam Asas Pentadbiran dari Chelmer Institute of Higher Education, Chelmsford, Essex, England pada 1979; dan memegang Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Golden Gate University, San Francisco, USA.

Beliau adalah Presiden Institut Setiausaha & Pentadbir Bertauliah Malaysia (ISPBM) bagi 2004. Beliau pada masa ini adalah Ahli Majlis dan telah berkhidmat sebagai Ahli Majlis selama lebih 16 tahun sejak 1994. Beliau juga adalah ahli Jawatankuasa Urus Tadbir dan Tribunal Tata Tertib Kebangsaan ISPBM, Amalan Profesional dan Teknikal Jawatankuasa ISPBM dan adalah juga Penasihat ISPBM bagi Suruhanjaya Sekuriti (SC)/ Hal Ehwal Bursa.

Beliau adalah ahli Kumpulan Kerja Urus Tadbir Korporat SC dan ahli Jawatankuasa Pengadil Indeks Urus Tadbir Korporat Malaysia 2010 bagi Kumpulan Pemerhati Pemegang Saham Minoriti.

Beliau telah diputuskan sebagai pemenang Anugerah Setiausaha Syarikat ROC-ISPBM 2000 di bawah Kategori Syarikat Tersenarai.

### **Loy Boon Chen**

*MBA, CPA(M)  
Wakil IJM dalam Kumpulan Europlus Berhad dan Talam Corporation Berhad*

En. Loy, dilahirkan pada Oktober 1951, adalah Pengarah Eksekutif Kumpulan Europlus Berhad dan Talam Corporation Berhad.

Beliau juga adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Guangdong Provincial Expressway Development Co. Limited, sebuah syarikat tersenarai pada Shenzhen Stock Exchange, China.

Beliau berkelayakan sebagai Akauntan Awam Diperakui pada 1978 dan memegang Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Golden Gate University, San Francisco, USA. Beliau berkhidmat dengan sebuah firma perakaunan antarabangsa selama tujuh (7) tahun sebelum menyertai Chong Kok Lin & Sons Berhad pada 1980 sebagai Akauntan merangkap Setiausaha selama satu tahun. Pada 1981, beliau menyertai Mudajaya Construction Sdn Bhd sebagai Ketua Akauntan sebelum dilantik sebagai Pengawal Kewangan IJM Corporation Berhad ("IJM") pada 1994. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Kewangan IJM sejak 1998 dan adalah ketua Jabatan Kewangan & Akaun sebelum beliau bersara pada 2006. Beliau juga adalah Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kumpulan IJM selepas penubuhannya pada 2002 hingga 2006. Beliau adalah ahli Jawatankuasa Kecil Piawaian Perakaunan bagi Federation of Public Listed Companies Berhad (1998-2006).

### **Cyrus Eruch Daruwalla**

*ACCA, B. Commerce  
Ketua Pegawai Kewangan*

En Cyrus Daruwalla, dilahirkan pada Januari 1962, menyertai IJM Corporation Berhad pada September 2006 sebagai Ketua Pegawai Kewangan, mengetuai Jabatan Akaun & Kewangan bagi keseluruhan Kumpulan. Beliau adalah Pengarah Road Builder (M) Holdings Bhd dan juga merupakan Pengarah Eksekutif bagi beberapa entiti luar negeri Kumpulan.

Beliau tamat pengajian dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari University of Bombay pada 1982, dan telah diterima masuk sebagai ahli bersekutu Association of Chartered Certified Accountants, United Kingdom pada 1993.

Selepas tamat pengajian, beliau mengikuti latihan artikel audit beliau dengan Ernst & Young, London, UK sebelum menyertai Addmoss Taylor & Partners, London, sebelum dilantik sebagai Akauntan Kanan bagi Portlands of Blackheath Ltd., UK pada 1987. Di Malaysia, beliau bekerja sebagai Ketua Program Profesional bagi Emile Woolf Far East Sdn Bhd, sebelum dilantik sebagai Pegawai Kewangan Kumpulan bagi Kumpulan Syarikat Sri America. Pada 1999, beliau menyertai PricewaterhouseCoopers, Malaysia sebagai Pengurus sebelum memegang jawatan Pengarah Eksekutif pada 2003.


# *Keupayaan-keupayaan Baru Muncul*



## **Ringkasan Maklumat Pemegang Saham**

- 36 Sorotan Kewangan Kumpulan
- 37 Prestasi Suku Tahunan
- 38 Penyata Nilai Ditambah & Pengagihan
- 39 Maklumat untuk Para Pelabur
- 41 Analisis Pemegangan Saham & Pemegangan Waran
- 49 Kakitangan & Produktiviti

Keupayaan untuk berubah dan berkembang mengikut arus membolehkan kami untuk melebarkan sayap kami dalam pertumbuhan mengagumkan dalam pelbagai bidang. Kami menganggap cabaran sebagai satu peluang untuk kami terus berkembang.



# Sorotan Kewangan Kumpulan


Hasil Kendalian RM juta	Keuntungan/(Kerugian) sebelum Cukai RM juta	Perolehan/(Kerugian) Setiap Saham (Asas) Sen
11 4,482	11 677	11 23.9
10 4,882	10 578	10 25.2
09 5,305	09 529	09 23.5
08 5,088	08 319	08 27.1
07 2,741		

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC	2011	2010	2009	2008	2007
<b>HASIL KENDALIAN (N1)</b> RM'000					
Pembinaan	1,336,191	1,841,219	2,355,258	2,353,153	1,126,246
Pembangunan harta tanah	1,178,764	1,175,637	985,953	991,027	499,594
Industri	807,397	882,853	1,069,052	871,995	715,600
Perlادangan	538,264	441,817	541,564	527,703	302,816
Infrastruktur	620,277	538,913	349,625	305,019	63,188
Pelaburan & Lain-lain	976	1,990	3,854	39,148	33,144
	4,481,869	4,882,429	5,305,306	5,088,045	2,740,588
<b>KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI</b> RM'000					
Pembinaan	(79,233)	30,890	40,333	165,558	120,425
Pembangunan harta tanah	289,658	171,895	125,476	107,043	77,177
Industri	109,497	174,378	170,987	118,858	73,740
Perlادangan	196,013	111,692	160,453	191,151	57,106
Infrastruktur	127,503	95,882	26,492	88,603	(22,946)
Pelaburan & Lain-lain	33,129	(6,713)	4,929	(816,061)	13,427
	676,567	578,024	528,670	(144,848)	318,929
<b>KEUNTUNGAN BERSIH BOLEH DIKAITKAN</b>					
<b>KEPADA PEMILIK-PEMILIK SYARIKAT</b> RM'000	321,327	332,580	290,212	(420,467)	194,336
<b>MODAL SAHAM DITERBITKAN</b> RM'000	1,351,115	1,327,216	941,952	859,314	570,327
<b>DANA PEMEGANG SAHAM</b> RM'000	5,047,137	5,129,221	4,770,150	4,628,250	2,602,922
<b>JUMLAH ASET</b> RM'000	12,579,858	12,558,295	11,726,163	11,148,413	6,038,809
<b>PEROLEHAN/(KERUGIAN) SETIAP SAHAM (Asas)</b> Sen	23.88	25.21	23.46*	(35.31)*	27.13*
<b>DIVIDEN KASAR SETIAP SAHAM</b> Sen	11.00	11.00	34.99	-	15.00
<b>ASET BERSIH SETIAP SAHAM</b> RM	3.74	3.86	3.68*	3.86*	3.26*
<b>PULANGAN KE ATAS JUMLAH ASET</b> %	2.55	2.65	2.47	(3.77)	3.22
<b>PULANGAN KE ATAS EKUITI</b> %	6.37	6.48	6.08	(9.08)	7.47
<b>PENGGEARAN (Hutang Bersih/Ekuiti)</b> %	45.48	50.65	58.65	55.89	39.72
<b>HARGA SAHAM</b>					
Tinggi	RM 6.82	6.86	6.60	9.35	9.50
Rendah	RM 4.38	4.20	2.35	4.90	5.15
Penutupan	RM 6.41	4.88	4.18	6.10	8.65
<b>HARGA WARAN 2005/2010</b>					
Tinggi	RM 1.54	1.81	2.02	4.46	4.60
Rendah	RM 1.08	0.37	0.26	1.08	0.69
Penutupan	RM 1.54 **	1.30	0.37	1.82	3.86
<b>HARGA WARAN 2009/2014</b>					
Tinggi	RM 3.07	1.34	-	-	-
Rendah	RM 0.90	0.95	-	-	-
Penutupan	RM 2.48	1.13	-	-	-


N1-Termasuk bahagian hasil syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama

\* Diselaraskan bagi Terbitan Bonus 2:5    \*\* Waran 2005/2010 berhenti berdagang pada 5 Ogos 2010 dan tamat pada 20 Ogos 2010



# Prestasi Suku Tahunan


37



TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2011		Suku Pertama	Suku Kedua	Suku Ketiga	Suku Keempat
<b>HASIL KENDALIAN (N1)</b>	RM'000				
Pembinaan		306,876	305,324	297,768	426,223
Pembangunan harta tanah		379,524	214,653	256,607	327,980
Industri		201,856	184,116	217,335	204,090
Perludangan		120,632	145,833	167,677	104,122
Infrastruktur		149,651	138,921	158,114	173,591
Pelaburan & Lain-lain		219	220	214	323
		1,158,758	989,067	1,097,715	1,236,329
<b>KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI</b>	RM'000				
Pembinaan		8,994	9,820	10,260	(108,307)
Pembangunan harta tanah		84,661	44,336	110,823	49,838
Industri		29,126	26,154	28,071	26,146
Perludangan		38,767	64,690	59,830	32,726
Infrastruktur		15,432	48,004	16,843	47,224
Pelaburan & Lain-lain		2,085	5,359	(1,731)	27,416
		179,065	198,363	224,096	75,043
<b>KEUNTUNGAN BERSIH BOLEH DIKAITKAN</b>					
<b>KEPADA PEMILIK-PEMILIK SYARIKAT</b>	RM'000	90,048	119,282	132,192	(20,195)
<b>MODAL SAHAM DITERBITKAN</b>	RM'000	1,336,971	1,350,979	1,351,032	1,351,115
<b>DANA PEMEGANG SAHAM</b>	RM'000	4,943,068	5,102,329	5,157,340	5,047,137
<b>JUMLAH ASET</b>	RM'000	12,400,408	12,457,241	12,545,300	12,579,858
<b>PEROLEHAN/(KERUGIAN) SETIAP SAHAM (Asas)</b>	Sen	6.76	8.86	9.78	(1.49)
<b>DIVIDEN KASAR SETIAP SAHAM</b>	Sen	—	4.00	—	7.00
<b>ASET BERSIH SETIAP SAHAM</b>	RM	3.70	3.78	3.82	3.74
<b>PULANGAN KE ATAS JUMLAH ASET (Disetahunkan)</b>	%	2.84	3.53	3.74	2.55
<b>PULANGAN KE ATAS EKUITI (Disetahunkan)</b>	%	6.91	8.39	8.96	6.37
<b>HARGA SAHAM</b>					
Tinggi	RM	5.15	5.20	6.52	6.82
Rendah	RM	4.38	4.89	5.14	5.79
Penutupan	RM	4.92	5.19	6.23	6.41
<b>HARGA WARAN 2005/2010</b>					
Tinggi	RM	1.54	1.56*	—	—
Rendah	RM	1.08	1.34*	—	—
Penutupan	RM	1.39	1.54*	—	—
<b>HARGA WARAN 2009/2014</b>					
Tinggi	RM	1.27	1.35	3.07	3.04
Rendah	RM	0.90	1.05	1.32	2.06
Penutupan	RM	1.10	1.30	2.76	2.48

N1 Termasuk bahagian hasil syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama

\* Berhenti berdagang pada 5 Ogos 2010 dan tamat pada 20 Ogos 2010




## Penyata Nilai Ditambah & Pengagihan

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC	2011 RM'000	2010 RM'000
<b><u>Nilai ditambah :</u></b>		
Hasil	<b>3,720,717</b>	4,013,530
Pembelian barang & perkhidmatan	<b>(2,496,466)</b>	(2,899,798)
Nilai ditambah oleh Kumpulan	<b>1,224,251</b>	1,113,732
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu	<b>46,844</b>	19,676
Bahagian (kerugian)/keuntungan entiti kawalan bersama	<b>(26,226)</b>	11,071
<b>Jumlah nilai ditambah</b>	<b>1,244,869</b>	1,144,479
<b><u>Pengagihan :</u></b>		
Kepada kakitangan		
- Gaji & lain-lain kos kakitangan	<b>226,975</b>	209,415
Kepada Kerajaan		
- Cukai	<b>197,194</b>	154,860
Kepada penyedia modal		
- Dividen	<b>181,261</b>	35,199
- Kos kewangan	<b>193,738</b>	201,421
- Kepentingan minoriti	<b>158,046</b>	90,584
Disimpan untuk pelaburan semula & pertumbuhan masa hadapan		
- Susut nilai dan pelunasan	<b>147,589</b>	155,619
- Keuntungan tertahan	<b>140,066</b>	297,381
<b>Jumlah diagih</b>	<b>1,244,869</b>	1,144,479
Nilai ditambah adalah ukurankekayaan dibentuk. Penyata di atas menunjukkan nilai ditambah Kumpulan bagi 2011 dan 2010 dan pengagihannya melalui bayaran kepada kakitangan, kerajaan dan penyediaan modal, dengan baki disimpan dalam Kumpulan untuk pelaburan semula dan pertumbuhan masa hadapan.		
<b><u>Penyelarasaran</u></b>		
Keuntungan bagi tahun	<b>321,327</b>	332,580
Tambah : Susut nilai dan pelunasan	<b>147,589</b>	155,619
Kos kewangan	<b>193,738</b>	201,421
Kos kakitangan	<b>226,975</b>	209,415
Cukai	<b>197,194</b>	154,860
Kepentingan minoriti	<b>158,046</b>	90,584
<b>Jumlah nilai ditambah</b>	<b>1,244,869</b>	1,144,479

# Maklumat untuk Para Pelabur

39




## Harga Saham & Waran IJM Corporation Berhad ("IJM") berbanding FBM100

Harga saham IJM (kod stok: 3336) telah meningkat secara marginal pada separuh pertama tahun kewangan terutamanya disebabkan oleh ketidaaan pemangkin baru berikutan prestasi harga saham yang kukuh tahun sebelumnya. Sentimen telah mula bertambah baik pada Oktober 2010 selepas Kerajaan melancarkan Program Transformasi Ekonomi, melalui mana rancangan lebih terperinci bagi projek-projek berskala besar telah diumumkan. Oleh itu, sektor pembinaan dijangka akan mendapat manfaat langsung daripada fasa awal pelaksanaannya.


Harga saham IJM meningkat 30% kepada hampir RM6.41 pada 31 Mac 2011, daripada RM4.94 setahun yang lalu. Harga Waran C 2009/2014 IJM (kod stok: 3336wc) menyaksikan trend yang serupa seperti saham induknya, meningkat kepada RM2.48 pada 31 Mac 2011, peningkatan sebanyak 112% daripada RM1.17 setahun yang lalu dan mencatat keuntungan sebanyak 892% berbanding harga terbitannya sebanyak RM0.25 pada Oktober 2009.

Waran B 2005/2010 IJM (kod stok: 3336wb) telah luput tempoh pada 20 Ogos 2010 berikutan penamatian perdagangannya pada 5 Ogos 2010. Bagi tempoh 1 April 2010 hingga 4 Ogos 2010, harga Waran B IJM meningkat 13% daripada RM1.36 kepada RM1.54. Pada hari terakhir perdagangannya, pemegang-pemegang waran telah berjaya mencatat keuntungan 2980% sejak harga terbitannya sebanyak RM0.05 pada Julai 2005.



## Harga Saham & Waran IJM Land Berhad ("IJML") berbanding FBM100

Harga saham IJML (kod stok: 5215) menyederhana pada separuh pertama tahun kewangan sebelum melonjak kepada RM3.24 pada Disember 2010 dan merosot pada RM2.75 pada 31 Mac 2011. Bagi tahun 2011, harga saham meningkat 15% daripada RM2.39. Harga Waran 2008/2013 IJML (kod stok: 5215wa) mengikut corak yang sama dengan saham induknya, meningkat daripada RM1.16 pada April 2010 kepada RM1.43 pada Mac 2011, meningkat sebanyak 23%.



## Harga Saham & Waran IJM Plantations Berhad ("IJMP") berbanding FBM100

Harga saham IJMP (kod stok: 2216) bermula pada harga RM2.57 pada April 2010, didagangkan dalam jalur sempit sepanjang separuh pertama tahun kewangan dan melonjak kepada RM3.17 pada Januari 2011 sebelum ditutup pada harga RM2.95 pada 31 Mac 2011, dan dengan itu mewakili peningkatan sebanyak 15% berbanding tahun sebelumnya. Waran IJMP (kod stok: 2216wa) mengikut corak yang sama dengan saham induknya, meningkat daripada RM0.70 pada April 2010 kepada RM0.85 pada Mac 2011, mewakili peningkatan sebanyak 21%.

# Maklumat untuk Para Pelabur (samb.)

## **Surat Niaga Perdagangan / Nota Jangka Sederhana IJM 2009/2016 (RM1 Bilion)**

Sebagai sokongan selanjutnya kepada kedudukan kewangan kukuh IJM, MARC telah menilai dan menarafkan hutang korporat IJM sebagai "AA-" dengan penarafan jangka pendek "MARC-1" dan harapan stabil dalam ulasan tahunan terkininya pada Disember 2010.

Butir-butir mengenai surat niaga perdagangan dan nota jangka sederhana dibentangkan dalam Nota 17 kepada Penyata Kewangan.



## KALENDAR KEWANGAN

Tahun Kewangan Berakhir		31 Mac 2011
Pengumuman Keputusan	Suku Pertama	25 Ogos 2010
	Suku Kedua	23 November 2010
	Suku Ketiga	23 Februari 2011
	Suku Keempat	27 Mei 2011
Notis Mesyuarat Agung Tahunan		29 Julai 2011
Mesyuarat Agung Tahunan		24 Ogos 2011

## PERKHIDMATAN PELABUR

Kumpulan menyenggara sebuah laman web dinamik ([www.ijm.com](http://www.ijm.com)) yang menyediakan maklumat terperinci mengenai operasi dan perkembangan terkini Kumpulan. Untuk maklumat lanjut, anda boleh menghubungi:

Bagi hal-hal berkaitan pemegang saham dan syarikat, sila hubungi:

En Jeremie Ting  
Setiausaha Syarikat  
Tel: +603 79858130 Faks: +603 79521200  
E-mel: jt@ijm.com

Bagi hal-hal prestasi kewangan atau pembangunan syarikat, sila hubungi:

En Shane Guha Thakurta  
Pengurus Perhubungan Pelabur  
Tel: +603 79858041 Faks: +603 79529388  
E-mel: shanethakurta@ijm.com

# Analisis Pemegangan Saham & Pemegangan Waran

41

## I. ANALISIS PEMEGANGAN SAHAM pada 30 Jun 2011

<b>Modal Saham Dibenarkan</b>	: RM3,000,000,000
<b>Modal diterbitkan &amp; berbayar</b>	: RM1,363,803,454*
<b>Kelas Saham</b>	: Saham Biasa bernilai RM1.00 sesaham
<b>Hak Mengundi</b>	
Atas unjukan tangan	: 1 undi
Atas pengundian secara pol	: 1 undi bagi setiap saham dipegang

\* termasuk 16,000 saham yang dibeli balik oleh Syarikat dan dikekalkan sebagai saham-saham perbendaharaan pada 30 Jun 2011

### PENGAGIHAN PEMEGANGAN SAHAM

Julat Pemegangan Saham	Bilangan Pemegang Saham	Bilangan Saham	Peratusan Modal Diterbitkan
Kurang daripada 100	294	10,850	0.00%
100 - 1,000	1,171	800,559	0.06%
1,001 - 10,000	4,817	15,412,032	1.13%
10,001 - 100,000(1)	999	29,258,248	2.14%
100,001 hingga kurang 5% daripada saham diterbitkan	556	980,546,159	71.90%
5% dan ke atas daripada saham diterbitkan	3	337,759,606	24.77%
	<b>7,840</b>	<b>1,363,787,454</b>	<b>100.00%</b>

(1) tidak termasuk 16,000 saham perbendaharaan

### DAFTAR PEMEGANG SAHAM UTAMA

	Bilangan Saham		Peratusan Modal Diterbitkan
	Langsung	Kepentingan Dianggap	
1. Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	204,769,826	–	15.015%
2. Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	84,659,600	–	6.208%
3. Amanahraya Trustees Berhad - Skim Amanah Saham Bumiputera	100,000,000	–	7.333%

# Analisis Pemegangan Saham & Pemegangan Waran (samb.)

## TIGA PULUH PEMEGANG SAHAM TERBESAR

	Bilangan Saham	Peratusan Modal Diterbitkan
1. CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD LEMBAGA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA	160,012,126	11.73%
2. AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA	100,000,000	7.33%
3. KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)	77,747,480	5.70%
4. HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD DIKECUALIKAN BAGI JPMORGAN CHASE BANK, NATIONAL ASSOCIATION (U.S.A.)	66,557,113	4.88%
5. EB NOMINEES (TEMPATAN) SENDIRIAN BERHAD AKAUN SEKURITI DISANDAR UNTUK ZELAN BERHAD (KLM)	66,330,098	4.86%
6. CARTABAN NOMINEES (ASING) SDN BHD DIKECUALIKAN BAGI STATE STREET BANK & TRUST COMPANY (WEST CLT OD67)	35,400,138	2.60%
7. HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD DIKECUALIKAN BAGI J.P. MORGAN BANK LUXEMBOURG S.A.	34,422,471	2.52%
8. MALAYSIA NOMINEES (TEMPATAN) SENDIRIAN BERHAD GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (TARA 1)	24,148,340	1.77%
9. AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD AMANAH SAHAM WAWASAN 2020	19,631,510	1.44%
10. CARTABAN NOMINEES (ASING) SDN BHD GOVERNMENT OF SINGAPORE INVESTMENT CORPORATION PTE LTD BAGI KERAJAAN SINGAPURA (C)	19,509,880	1.43%
11. HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD BBH AND CO BOSTON BAGI VANGUARD EMERGING MARKETS STOCK INDEX FUND	18,762,350	1.38%
12. VALUECAP SDN BHD	16,049,400	1.18%
13. HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD DIKECUALIKAN BAGI JPMORGAN CHASE BANK, NATIONAL ASSOCIATION (SAUDI ARABIA)	15,320,618	1.12%
14. CITIGROUP NOMINEES (ASING) SDN BHD CBNY BAGI DIMENSIONAL EMERGING MARKETS VALUE FUND	15,041,880	1.10%
15. HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD DIKECUALIKAN BAGI JPMORGAN CHASE BANK, NATIONAL ASSOCIATION (U.A.E.)	14,610,005	1.07%
16. PERMODALAN NASIONAL BERHAD	13,905,700	1.02%
17. HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD DIKECUALIKAN BAGI JPMORGAN CHASE BANK, NATIONAL ASSOCIATION (NORGES BK LEND)	13,059,660	0.96%
18. AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD AMANAH SAHAM MALAYSIA	13,000,000	0.95%

**TIGA PULUH PEMEGANG SAHAM TERBESAR (samb.)**

	Bilangan Saham	Peratusan Modal Diterbitkan
19. CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD DIKECUALIKAN BAGI AMERICAN INTERNATIONAL ASSURANCE BERHAD	12,990,070	0.95%
20. CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD DIKECUALIKAN BAGI PRUDENTIAL FUND MANAGEMENT BERHAD	12,124,684	0.89%
21. LEMBAGA TABUNG HAJI	11,055,400	0.81%
22. CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (NOMURA)	10,742,600	0.79%
23. HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD DIKECUALIKAN BAGI JPMORGAN CHASE BANK, NATIONAL ASSOCIATION (BVI)	10,420,000	0.76%
24. HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD DIKECUALIKAN BAGI JPMORGAN CHASE BANK, NATIONAL ASSOCIATION (U.K.)	9,903,500	0.73%
25. CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PHEIM)	9,781,000	0.72%
26. PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL	8,922,108	0.65%
27. MINISTER OF FINANCE AKAUN JAMINAN PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	8,533,350	0.63%
28. CARTABAN NOMINEES (ASING) SDN BHD STATE STREET LONDON FUND OD75 FOR ISHARES PUBLIC LIMITED COMPANY	8,191,340	0.60%
29. HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD DIKECUALIKAN BAGI BNP PARIBAS SECURITIES SERVICES	8,138,100	0.60%
30. AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD PUBLIC ISLAMIC DIVIDEND FUND	8,048,904	0.59%
	<hr/> <hr/> 842,359,825	<hr/> <hr/> 61.76%

# Analisis Pemegangan Saham & Pemegangan Waran (samb.)

## II. ANALISIS PEMEGANGAN WARAN pada 30 Jun 2011

**Waran 2009/2014 : 117,188,938 yang belum dijelaskan**

### PENGAGIHAN PEMEGANGAN WARAN

<b>Julat Pemegangan Waran</b>	<b>Bilangan Pemegang Waran</b>	<b>Bilangan Waran</b>	<b>Peratusan Waran Belum Dijelaskan</b>
Kurang daripada 100	193	2,266	0.00%
100 - 1,000	1,782	688,380	0.59%
1,001 - 10,000	916	3,890,952	3.32%
10,001 - 100,000	377	13,177,643	11.24%
100,001 - kurang 5% daripada waran yang diterbitkan	136	77,061,197	65.76%
5% dan ke atas waran yang diterbitkan	3	22,368,500	19.09%
	<b>3,407</b>	<b>117,188,938</b>	<b>100.00%</b>

### TIGA PULUH PEMEGANG WARAN TERBESAR

	<b>Bilangan Waran</b>	<b>Peratusan Waran Belum Dijelaskan</b>
1. CIMSEC NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD CIMB BANK FOR SONG KEE LING (MM0873)	8,682,000	7.41%
2. DB (MALAYSIA) NOMINEE (ASING) SDN BHD DIKECUALIKAN BAGI DEUTSCHE BANK AG SINGAPORE (PWM ASING)	7,500,000	6.40%
3. RHB CAPITAL NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD AKAUN SEKURITI DISANDAR UNTUK SONG KEE LING	6,186,500	5.28%
4. RHB CAPITAL NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD AKAUN SEKURITI DISANDAR UNTUK CHANG SI FOCK @ CHONG SEE FOCK (CEB)	4,000,000	3.41%
5. GENERAL TECHNOLOGY SDN BHD	2,583,800	2.20%
6. CIMSEC NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD CIMB FOR GENERAL TECHNOLOGY SDN. BHD. (PB)	2,396,600	2.05%
7. HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD DIKECUALIKAN BAGI BNP PARIBAS SECURITIES SERVICES	2,289,200	1.95%
8. RHB NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD AKAUN SEKURITI DISANDAR UNTUK CHANG SI FOCK @ CHONG SEE FOCK	2,145,300	1.83%
9. HDM NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD AKAUN SEKURITI DISANDAR UNTUK TAN CHIN HOE (M01)	2,131,800	1.82%
10. AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD MIDF AMANAH STRATEGIC FUND	1,923,000	1.64%
11. CIMSEC NOMINEES (ASING) SDN BHD DIKECUALIKAN BAGI CIMB SECURITIES (SINGAPORE) PTE LTD (KLIEN RUNCIT)	1,778,600	1.52%

**TIGA PULUH PEMEGANG WARAN TERBESAR (samb.)**

	Bilangan Waran	Peratusan Waran Belum Dijelaskan
12. UOBM NOMINEES (ASING) SDN BHD DIKECUALIKAN BAGI SOCIETE GENERALE BANK & TRUST, SINGAPORE BRANCH(CUST ASSET)	1,752,400	1.50%
13. AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD PUBLIC ENHANCED BOND FUND	1,684,200	1.44%
14. CHOO YOKE KUEN	1,579,800	1.35%
15. HDM NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD AKAUN SEKURITI DISANDAR UNTUK TAM MAY CHOW (M01)	1,522,500	1.30%
16. CH'NG BENG KIAN	1,501,800	1.28%
17. TAN BOON SENG @ KRISHNAN	1,424,348	1.22%
18. RHB NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD AKAUN SEKURITI DISANDAR UNTUK CHOONG VIVIEN	1,419,000	1.21%
19. GENERAL TECHNOLOGY SDN BHD	1,370,000	1.17%
20. DB (MALAYSIA) NOMINEE (TEMPATAN) SENDIRIAN BERHAD MIDF AMANAH ASSET MANAGEMENT BERHAD UNTUK YAYASAN SARAWAK (JG281)	1,280,400	1.09%
21. HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD DIKECUALIKAN BAGI JPMORGAN CHASE BANK, NATIONAL ASSOCIATION (JAPAN)	1,260,700	1.08%
22. OSK NOMINEES (TEMPATAN) SDN BERHAD KIM ENG SECURITIES PTE. LTD. UNTUK WONG YUE JEEN	1,250,200	1.07%
23. A.A. ANTHONY NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD AKAUN SEKURITI DISANDAR UNTUK DANIEL LIM HWA YEW	1,202,500	1.03%
24. DB (MALAYSIA) NOMINEE (TEMPATAN) SENDIRIAN BERHAD MIDF AMANAH ASSET MANAGEMENT BERHAD UNTUK DANA INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY RETIREMENT BENEFIT (JF484)	1,124,100	0.96%
25. AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD DANA PERTUMBUHAN MIDF AMANAH	1,030,000	0.88%
26. OSK NOMINEES (TEMPATAN) SDN BERHAD KIM ENG SECURITIES PTE. LTD. UNTUK LIM CHONG CHEE	1,030,000	0.88%
27. MALAYSIA NOMINEES (TEMPATAN) SENDIRIAN BERHAD GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (BUKAN TARA 1)	1,000,000	0.85%
28. EMINENT ACE SDN BHD	1,000,000	0.85%
29. HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD HSBC-FS UNTUK FULLERTON GLOBAL EQUITIES FUND (FULLERTON FUND)	988,500	0.84%
30. HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD DIKECUALIKAN BAGI JPMORGAN CHASE BANK, NATIONAL ASSOCIATION (NORGES BK LEND)	976,766	0.83%
	<hr/> <hr/> 66,014,014	<hr/> <hr/> 56.34%

# Analisis Pemegangan Saham & Pemegangan Waran (samb.)

## III. PEMEGANGAN SAHAM & WARAN PARA PENGARAH

### PEMEGANGAN SAHAM PARA PENGARAH DALAM IJM CORPORATION BERHAD pada 30 Jun 2011

Nama Pengarah	Bilangan Saham Langsung	Bilangan Saham Dianggap	Peratusan Modal Diterbitkan
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob	70,000	–	0.005%
Tan Sri Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	2,449,180	1,045,136 <sup>1</sup>	0.256%
Dato' Teh Kean Ming	84,000	91,000 <sup>1</sup>	0.013%
Tan Gim Foo	–	–	–
Datuk Yahya bin Ya'acob	70,000	–	0.005%
Tan Sri Abdul Halim bin Ali	–	–	–
Datuk Oh Chong Peng	–	–	–
Datuk Hj. Hasni bin Harun	–	–	–
Datuk Lee Teck Yuen	1,240,000	580,000 <sup>1</sup>	0.133%
Dato' David Frederick Wilson	–	–	–
Dato' Goh Chye Koon	38,092	–	0.003%

Nota:-

<sup>1</sup> Melalui ahli keluarga

### PEMEGANGAN WARAN PARA PENGARAH DALAM IJM CORPORATION BERHAD pada 30 Jun 2011

Nama Pengarah	Bilangan Waran Langsung	Bilangan Waran Dianggap	Peratusan Waran Belum Dijelaskan
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob	7,000	–	0.006%
Tan Sri Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	1,424,348	900,000 <sup>1</sup>	1.983%
Dato' Teh Kean Ming	39,300	39,800 <sup>1</sup>	0.067%
Tan Gim Foo	–	–	–
Datuk Yahya bin Ya'acob	7,600	–	0.006%
Tan Sri Abdul Halim bin Ali	–	–	–
Datuk Oh Chong Peng	–	–	–
Datuk Hj. Hasni bin Harun	–	–	–
Datuk Lee Teck Yuen	–	–	–
Dato' David Frederick Wilson	–	–	–
Dato' Goh Chye Koon	15,400	–	0.013%

Nota:-

<sup>1</sup> Melalui ahli keluarga

### III. PEMEGANGAN SAHAM & WARAN PARA PENGARAH (samb.)

#### PEMEGANGAN SAHAM DAN PEMEGANGAN WARAN PARA PENGARAH DALAM IJM PLANTATIONS BERHAD pada 30 Jun 2011

Nama Pengarah	Bilangan Saham		Peratusan Modal Diterbitkan	Bilangan Waran		Peratusan Waran Belum Dijelaskan
	Langsung	Dianggap		Langsung	Dianggap	
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob	45,000	–	0.006%	5,000	–	0.006%
Tan Sri Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	646,000	429,982 <sup>1</sup>	0.134%	70,060	51,051 <sup>1</sup>	0.152%
Dato' Teh Kean Ming	–	–	–	–	–	–
Tan Gim Foo	–	–	–	–	–	–
Datuk Yahya bin Ya'acob	–	–	–	–	–	–
Tan Sri Abdul Halim bin Ali	–	–	–	–	–	–
Datuk Oh Chong Peng	100,000	–	0.012%	10,000	–	0.013%
Datuk Hj. Hasni bin Harun	–	–	–	–	–	–
Datuk Lee Teck Yuen	–	–	–	–	–	–
Dato' David Frederick Wilson	–	–	–	–	–	–
Dato' Goh Chye Koon	517,000	–	0.064%	73,008	–	0.092%

Nota:-

<sup>1</sup> Melalui ahli keluarga

#### PEMEGANGAN SAHAM & PEMEGANGAN WARAN PARA PENGARAH DALAM IJM LAND BERHAD pada 30 Jun 2011

Nama Pengarah	Bilangan Saham		Peratusan Modal Diterbitkan	Bilangan Waran		Peratusan Waran Belum Dijelaskan
	Langsung	Dianggap		Langsung	Dianggap	
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob	50,000	–	0.004%	5,000	–	0.003%
Tan Sri Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	–	20,000 <sup>1</sup>	0.001%	1,248,610	123,900 <sup>1</sup>	0.741%
Dato' Teh Kean Ming	–	–	–	147,000	5,200 <sup>1</sup>	0.082%
Tan Gim Foo	–	–	–	130,000	–	0.070%
Datuk Yahya bin Ya'acob	–	–	–	5,000	–	0.003%
Tan Sri Abdul Halim bin Ali	10,000	–	0.001%	–	–	–
Datuk Oh Chong Peng	–	–	–	–	–	–
Datuk Hj. Hasni bin Harun	–	–	–	–	–	–
Datuk Lee Teck Yuen	11,064,693	–	0.805%	–	–	–
Dato' David Frederick Wilson	–	–	–	–	–	–
Dato' Goh Chye Koon	–	–	–	–	–	–

Nota:-

<sup>1</sup> Melalui ahli keluarga

# Analisis Pemegangan Saham & Pemegangan Waran (samb.)

## IV. RINGKASAN BELIAN BALIK SAHAM

bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2011


	<b>Bil. Saham Dibeli &amp; Dikekalkan sebagai Saham Perbendaharaan</b>	<b>Jumlah Balasan RM</b>	<b>Harga Pembelian Setiap Saham (RM)</b>	<b>Tertinggi</b>	<b>Terendah</b>	<b>Purata</b>
<b>2011</b>						
Baki pada permulaan tahun kewangan	–	–	–	–	–	–
Pembelian dalam tahun kewangan						
April 2010	–	–	–	–	–	–
Mei 2010	–	–	–	–	–	–
Jun 2010	10,000	47,847	4.75	4.75	4.75	4.75
Julai 2010	–	–	–	–	–	–
Ogos 2010	–	–	–	–	–	–
September 2010	–	–	–	–	–	–
Oktober 2010	–	–	–	–	–	–
November 2010	5,000	29,161	5.79	5.79	5.79	5.79
Disember 2010	–	–	–	–	–	–
Januari 2011	–	–	–	–	–	–
Februari 2011	–	–	–	–	–	–
Mac 2011	–	–	–	–	–	–
Baki pada akhir tahun kewangan	<b>15,000</b>	<b>77,008</b>	<b>5.79</b>	<b>4.75</b>	<b>5.13</b>	

Tidak ada saham perbendaharaan telah dijual semula atau dibatalkan dalam tahun kewangan.

# Kakitangan & Produktiviti

49

## Kakitangan



### (a) Kakitangan pada 31 Mac:-

Kakitangan mengikut Klasifikasi

- Pengurusan	796	749
- Eksekutif	1,476	1,448
- Bukan Eksekutif	2,153	2,123
	<b>4,425</b>	4,320

Kakitangan mengikut komposisi Etnik


- Bumiputra	2,225	2,082
- Cina	1,030	1,052
- India	355	367
- Lain-lain (termasuk luar negara)	815	819
	<b>4,425</b>	4,320

### (b) Produktiviti:- (N1)

Hasil	- setiap kakitangan (dalam RM'000)	841	929
	- setiap kos pekerjaan (dalam RM)	16.39	19.17
Keuntungan sebelum cukai	- setiap kakitangan (dalam RM'000)	153	134
	- setiap kos pekerjaan (dalam RM)	2.98	2.76
Nilai ditambah	- setiap kakitangan (dalam RM'000)	281	265
	- setiap kos pekerjaan (dalam RM)	5.48	5.47

(N1) Berdasarkan bilangan kakitangan dalam tahun.

## Produktiviti



# *Membuahkan Hasil*



## **Kajian & Laporan Perniagaan**

- 52 Penyata Pengerusi**
- 58 Tinjauan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif**
- 84 Penyata Urus Tadbir Korporat**
- 93 Laporan Jawatankuasa Audit**
- 96 Penyata Kawalan Dalaman**
- 102 Laporan Kualiti**
- 105 Laporan Kesihatan, Keselamatan dan  
Alam Sekitar**

Kami menghasilkan nilai yang tidak  
boleh diukur dengan angka dalam  
setiap usaha kami. Selama ini, IJM terus  
mara ke hadapan, berkembang sebagai  
nama yang dipercayai di dalam negeri  
dan serantau.



A formal portrait of a middle-aged man with a shaved head, wearing a dark blue suit, a light blue shirt, and a patterned blue and white tie. He is smiling slightly and looking towards the camera. The background is a blurred indoor setting.

BAGI PIHAK LEMBAGA PENGARAH  
IJM CORPORATION BERHAD,  
SAYA DENGAN SUKACITANYA  
MEMBENTANGKAN SETAHUN  
LAGI PRESTASI REKOD PEROLEHAN  
OLEH KUMPULAN - MENCAPI  
KEUNTUNGAN PRA CUKAI  
SEBANYAK RM676.57 JUTA

**Tan Sri Dato' Ir (Dr)  
Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob**  
Pengerusi

## PERSEKITARAN PERNIAGAAN

Pada 2010, ekonomi global pulih dengan kukuhnya untuk tumbuh pada 5%, berbanding dengan penguncupan sebanyak 0.6% dalam tahun sebelumnya. Pengembangan didahului oleh ekonomi-ekonomi baru muncul, terutamanya di Asia, di mana permintaan domestik yang teguh dan pemulihan kukuh dalam perdagangan menampung keadaan lemah daripada ekonomi-ekonomi maju yang ketinggalan yang terus dibebani kesan-kesan daripada krisis kewangan tahun 2008/09. Ke arah separuh kedua tahun 2010, pertumbuhan kukuh dalam ekonomi-ekonomi Asia dan polisi kewangan pengembangan yang diterima pakai di Barat mula memberi tekanan inflasi yang lebih besar, disaksikan khususnya dalam kenaikan harga makanan dan komoditi, serta aliran masuk modal yang lebih besar ke dalam pasaran-pasaran baru muncul.

# Penyata Pengerusi

Serentak dengan negara-negara lain yang baru membangun, ekonomi Malaysia bangkit semula untuk mengembang sebanyak 7.2% daripada penguncupan sebanyak 1.7% pada 2009. Pemulihan adalah disebabkan oleh permintaan eksport yang kukuh dalam separuh tahun pertama dan ekonomi domestik yang memberangsangkan disokong oleh keadaan pasaran buruh yang lebih baik, pendapatan isi rumah luar bandar yang meningkat daripada harga-harga komoditi yang lebih tinggi, perbelanjaan pengguna yang kukuh, polisi kewangan yang akomodatif dan pelaburan semula dalam perbelanjaan modal oleh sektor swasta. Selepas mencatat pertumbuhan sebanyak 5.8% pada 2009, sektor pembinaan domestik bagaimanapun berkembang sebanyak 5.2% pada 2010 berbelakangkan pakej rangsangan kerajaan yang tertumpu pada penambahbaikan infrastruktur sivil dan bangunan bukan kediaman.

Begitu juga, pasaran luar negeri utama Kumpulan, India berkembang dalam anggaran purata 8.6% pada 2010-2011, dibantu oleh kebangkitan semula sektor pertanian dan permintaan agregat. Walau bagaimanapun, keadaan inflasi yang secara berterusan kekal tinggi memerlukan bank pusat mengetatkan polisi kewangan sepanjang tahun.

## Penyata Pengerusi (samb.)



Pelabuhan Kuantan, Pahang



Kondo Troika, Kuala Lumpur

### KEPUTUSAN KENDALIAN

Hasil Kumpulan merosot sebanyak 7.3% kepada RM3,720.72 juta berbanding dengan RM4,013.53 juta pada tahun sebelumnya disebabkan pengeluaran bil-bil yang rendah daripada kemajuan terganggu dalam beberapa projek pembinaan utama dan hasil lebih rendah daripada jualan bahan-bahan binaan. Keuntungan kendalian sebelum cukai Kumpulan, walau bagaimanapun, telah meningkat sebanyak 17.1% kepada RM676.57 juta daripada RM578.02 juta pada tahun lepas. Ini boleh dikaitkan terutamanya kepada keputusan tertinggi dicapai oleh Bahagian Hartanah, Perladangan dan Infrastruktur dan di sebalik kerugian dialami oleh Bahagian Pembinaan.

Prestasi Bahagian Pembinaan tahun ini terus dibebani oleh kesan selepas krisis kewangan 2008/09 apabila ia mengalami harga bahan yang tinggi, peningkatan dalam baki penghutang dan risiko pengutipan berikutnya, peluang penambahan buku tempahan di luar aturan dan overhed tetap yang lebih tinggi kombinasi yang mana mengakibatkan keadaan kendalian yang amat sukar. Akibatnya, prestasi Bahagian pada tahun ini telah terjejas oleh kemajuan pembinaan yang lebih perlahan terutamanya projek-projek luar negaranya disertai dengan buku tempahan yang masih baru di mana kegiatan tapak belum dilaksanakan, membawa kepada kejatuhan sebanyak 27.4% dalam hasil kepada RM1,336.19 juta berbanding dengan RM1,841.22 juta pada tahun sebelumnya. Selain daripada faktor-faktor ini, penerimaan pakai FRS 139 mengakibatkan peruntukan kerosotan nilai yang ketara dibuat bagi penghutang dan tuntutan yang belum dijelaskan yang mengakibatkan Bahagian mengalami kerugian sebanyak RM79.23 juta berbanding dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM30.89 juta pada tahun lepas.

Dengan pasaran harta tanah terus dengan momentum positif sepanjang tahun, Bahagian Hartanah Kumpulan mencatat peningkatan yang baik dalam volum jualan dan harga jualan, walaupun ia secara relatifnya mencapai pertumbuhan hasil agak mendatar sebanyak 0.3% kepada RM1,178.76 juta dari RM1,175.64 juta setahun sebelumnya, terutamanya disebabkan oleh pelepasan unit-unit bumiputera yang telah disiapkan dalam tahun sebelumnya. Keuntungan sebelum cukai Bahagian bertambah baik untuk mencatat RM289.66 juta daripada RM171.90 juta pada tahun lepas berbelakangkan margin lebih baik yang dicapai dan pengiktirafan keuntungan sebanyak RM63 juta atas penjualan anak syarikat pelaburan harta tanah yang memiliki pusat membeli belah Aeon Melaka.

Dalam tahun berkenaan, Operasi Bahagian Industri juga turut terjejas oleh kejatuhan dalam kegiatan pembinaan. Akibat daripadanya, hasil Bahagian menurun sebanyak 8.5% kepada RM807.40 juta daripada RM882.85 juta setahun yang lepas. Keuntungan sebelum cukai terjejas lebih teruk apabila ia jatuh sebanyak 37.2% kepada RM109.50 juta berbanding dengan RM174.38 juta dalam tahun sebelumnya terutamanya disebabkan oleh margin yang semakin terhakis daripada persaingan peletakan harga yang sengit daripada produk-produk yang bersaingan.

Bahagian Perladangan mendapat manfaat daripada persekitaran harga MSM yang kukuh di tengah-tengah pengeluaran tandan buah segar yang lebih rendah kesan daripada keadaan cuaca yang kurang baik dalam tahun. Ini membawa kepada peningkatan sebanyak 21.8% dalam hasilnya kepada RM538.26 juta berbanding dengan RM441.82 juta dalam tahun sebelumnya dan lonjakan sebanyak 75.5% dalam keuntungan sebelum cukai kepada RM196.01 juta daripada RM111.69 juta pada tahun lepas.



Kawasan perumahan pekerja di Estet Sungai Sabang di Sugut

Jumlah dagangan Bahagian Infrastruktur meningkat naik sebanyak 15.1% kepada RM620.28 juta berbanding dengan RM538.91 juta pada tahun lepas berbelakangkan pengutipan keseluruhan yang lebih tinggi daripada operasi tolnya, kargo yang semakin meningkat dicatatkan di pelabuhan-pelabuhannya dan jumlah dagangan yang lebih tinggi daripada loji kuasanya di Andhra Pradesh. Keuntungan sebelum cukai Bahagian menyaksikan kenaikan ketar kepada RM127.50 juta daripada RM95.88 juta, terutamanya akibat daripada pengutipan hasil yang meningkat dan keuntungan terjemahan tukaran asing.

#### **HARAPAN PERNIAGAAN DAN STRATEGI OPERASI BAGI FY 2012**

Petunjuk ekonomi semakin menunjukkan bahawa pertumbuhan dalam ekonomi maju masih parah dan lemah dengan kemudahan langkah-langkah kemudahan kuantitatif oleh Amerika Syarikat, menularkan rasa takut kemungkinan pemungkiran hutang asing dalam Kesatuan Eropah, dan penyongsangan kepada kadar pertumbuhan yang lebih normal bagi ekonomi-ekonomi baru muncul pada 2011. Walaupun masih terdapat ketidakpastian global yang berlarutan, ekonomi Malaysia dijangka akan kekal bertahan dalam tahun mendatang daripada pertumbuhan berterusan dalam permintaan domestik, sektor perbankan yang kukuh serta juga pelaksanaan inisiatif-inisiatif penting yang diumumkan oleh Kerajaan di bawah Program Transformasi Ekonomi.

Kumpulan dijangka akan mempamerkan prestasi yang agak baik pada tahun mendatang. Walaupun keputusan bagi FY 2011 adalah lemah, Bahagian Pembinaan dijangka akan memberi prestasi lebih baik maju ke hadapan dengan kemajuan pembinaan yang bertambah baik dan prospek tambahan buku tempahan yang menggalakkan. Bahagian harta dijangka akan mengekalkan prestasi kukuhnya dalam tahun-tahun mendatang berbelakangkan pada pasaran kukuh dan jumlah dagangan tidak diiktiraf yang agak besar manakala Bahagian Industri akan mendapat manfaat daripada kegiatan pembinaan yang semakin meningkat di Malaysia. Prestasi Bahagian Perladangan dijangka akan selaras dengan pergerakan harga MSM dan akan diperkuuhkan dengan pemulihan yang dijangka dalam pengeluaran TBSnya. Sumbangan positif daripada tol, pelabuhan, operasi air dan kuasa Bahagian Infrastruktur dijangka akan berterusan sehingga konsesi matang, merangsang untung rugi Kumpulan maju ke hadapan. Kumpulan, manakala positif dalam harapannya, kekal berwaspada dalam kedudukannya bagi tempoh terdekat memandangkan ketidakpastian makro ekonomi yang agak banyak.

Untuk jangka masa panjang, Kumpulan akan terus menumpukan sumber-sumbernya dalam mendapatkan pasaran serantau, meluaskan pangkalan pendapatan berulangnya dan mengkaji portfolio aset-asetnya bagi peluang-peluang, sambil meneruskan rancangan pertumbuhan domestiknya.

# Penyata Pengerusi (samb.)



Laman Granview Puchong

## DIVIDEN-DIVIDEN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011, Syarikat telah mengisytiharkan dividen interim kedua satu tier sebanyak 7 sen setiap saham perlu dibayar pada 13 Julai 2011 kepada setiap pemegang saham dalam daftar pada 30 Jun 2011. Dividen interim pertama satu tier sebanyak 4 sen setiap saham telah dibayar lebih awal pada 23 Disember 2010 kepada setiap pemegang saham yang berhak pada penutupan perniagaan pada 15 Disember 2010.

Berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2010, dividen interim sebanyak 11 sen setiap saham tolak cukai sebanyak 25% telah dibayar pada 24 Ogos 2010 kepada pemegang-pemegang saham yang adalah berhak untuk menerima dividen pada penutupan perniagaan pada 30 Julai 2010.

## URUS TADBIR KORPORAT

IJM berpegang kepada prinsip urus tadbir korporat yang baik kerana Kumpulan percaya bahawa itulah satu-satunya cara untuk mengekalkan peningkatan nilai pemegang saham. Kepercayaan ini mendasari semua usaha niaga perniagaan kami dan diakui oleh pemegang-pemegang saham kami, terbukti melalui komposisi pemegangan saham berinstansi dan pemegangan saham asingnya yang besar dan telah menerima beberapa penganugerahan urus tadbir korporat.

Penyata Urus Tadbir Korporat kami boleh didapati pada muka surat 84 hingga 92.

Tidak ada sanksi dan/atau penalti dikenakan ke atas Syarikat dan anak-anak syarikatnya, para Pengarah atau pengurusan oleh badan-badan peraturan yang berkenaan pada 2010/11.

## URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

Urus niaga pihak berkaitan yang penting Kumpulan bagi tahun kewangan dinyatakan dalam Nota 53 kepada *Penyata Kewangan*. Nota ini juga membentangkan urus niaga berulang yang dijalankan dalam tempoh tersebut selaras dengan mandat am yang diperoleh daripada pemegang-pemegang saham Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 25 Ogos 2010.

Melainkan bagi yang didekahkan dalam Nota 53 kepada *Penyata Kewangan*, tidak ada kontrak material Kumpulan yang melibatkan kepentingan para Pengarah dan pemegang-pemegang saham utama dalam tempoh tersebut.

## TANGGUNGJAWAB KORPORAT

Penekanan IJM ke atas Tanggungjawab Korporat (“TK”) menggambarkan keyakinannya bahawa kejayaan ekonomi mesti diiringi oleh kesan positif yang mapan ke atas masyarakat. Falsafah ini dipandu oleh Rangka Kerja TK dan pernyata dasar Kumpulan, dan diamalkan dalam keseluruhan operasinya melalui rangkaian meluas amalan pengurusan terbaik mesra alam dan dari segi amalan pengurusan terbaik operasi untuk mencapai manfaat jangka panjang yang mapan bagi semua pemegang pelbagai kepentingan.

Perniagaan pembinaan Kumpulan, menyedari kesan ke atas alam sekitar, telah menyatakan komitmennya kepada kod tata laku yang ditetapkan dalam Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001, manakala unit perladangan kami menggunakan amalan alam sekitar agronomi yang baik dan terus mengambil bahagian dalam rundingan Meja Bulat mengenai Kemapanan Minyak Sawit untuk menggalakkan kemapanan pengeluaran dan penggunaan minyak sawit.

Kumpulan memberikan penekanan yang agak besar dalam memastikan standard urus tadbir korporat tertinggi, pengendalian dan nilai perniagaan beretika diamalkan dalam organisasinya. Sebagai sebahagian daripada usaha-usaha dermawannya, Kumpulan telah melaksanakan beberapa program masyarakat berhubung dengan kebajikan sosial, pembangunan pendidikan dan sukan dan akan terus mengenal pasti bidang-bidang di mana sokongannya boleh membawa perbezaan yang sebenar. Kumpulan juga komited untuk menyediakan kesejahteraan di tempat kerja melalui peningkatan kesedaran, kebertanggungjawaban dan latihan berterusan kakitangan dan kontraktor ke arah pelaksanaan semua kegiatan dalam cara yang beretika, bertanggungjawab, dari segi alam sekitar selamat dan sihat.

Maklumat lanjut mengenai kegiatan Tanggungjawab Korporat Kumpulan yang lebih luas dinyatakan pada muka surat 118 hingga 133.



Projek Terminal Minyak & Gas Sabah di Kimanis, Sabah

## PERUBAHAN KEPIMPINAN UTAMA

Lembaga dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Dato' Krishnan Tan atas pencapaian cemerlang beliau kerana berjaya membawa IJM menjadi sebuah organisasi yang besar pada hari ini. Tan Sri telah meletakkan jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan ("KPE&PU") Kumpulan pada 31 Disember 2010 dan telah bersetuju untuk terus berkhidmat dengan Kumpulan sebagai Timbalan Pengerusi Eksekutif, satu peranan yang beliau masih dijangka akan menyumbang secara positif kepada Kumpulan.

Selain daripada itu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tan Sri kerana dikurniakan Darjah Kebesaran Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran 'Tan Sri' oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia pada 4 Jun 2011.

Kami mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan Dato' Teh Kean Ming yang telah dinaikkan pangkat sebagai KPE&PU yang baru dan En Tan Gim Foo yang telah dilantik sebagai Timbalan KPE & Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan, kedua-dua berkuat kuasa dari 1 Januari 2011. Kami yakin bahawa kekayaan pengetahuan dan pengalaman mereka dalam perniagaan, tempoh perkhidmatan mereka yang lama dengan Kumpulan, akan membolehkan mereka untuk memimpin IJM untuk terus meningkat naik ke tahap pencapaian kejayaan seterusnya.

## PENGHARGAAN

Lembaga dan saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas kami kepada Datuk Hj Hasni bin Harun, yang akan bersara daripada Lembaga dan tidak akan memohon untuk pelantikan semula pada 24 Ogos 2011. Datuk Hj Hasni telah menjadi ahli lembaga pengarah IJM sejak 9 Mei 2007.

Dalam kesempatan ini, saya juga ingin mengumumkan bahawa saya tidak akan menerima pelantikan semula pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang. Selepas mengharungi 15 tahun susah senang bersama dengan Kumpulan IJM, saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan terima kasih saya kepada para Pengarah sejawat saya, pengurus dan kakitangan IJM atas sokongan mereka sepanjang tempoh saya menyandang jawatan Pengerusi, satu pengalaman yang menyeronokkan dan tidak ternilai harganya buat saya. Saya doakan Kumpulan sentiasa mencapai kejayaan berterusan dan mapan dalam apa jua usaha mereka pada masa hadapan seiring dengan pengembangannya dari setingkat ke setingkat.

Bagi pihak Lembaga, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada para Pengarah, pengurusan dan semua kakitangan Kumpulan kerana dedikasi, kepintaran, komitmen dan sumbangan mereka kepada Kumpulan selama ini. Saya juga ingin menggunakan peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pemegang-pemegang saham, syarikat bersekutu, klien, jurubank, subkontraktor dan pembekal bagi sokongan mereka kepada Kumpulan. Kumpulan menghargai dan mengalu-alukan kepada perhubungan berterusan ini apabila kami mengorak langkah ke arah usaha niaga-usaha baru.

Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob  
Pengerusi

A professional portrait of a man with dark hair and glasses, wearing a dark suit, light blue shirt, and a red patterned tie. He is looking slightly to his left. A small blue pin with a logo is visible on his left lapel.

INI ADALAH LAPORAN SULUNG  
SAYA KEPADA PEMEGANG-  
PEMEGANG SAHAM. IA ADALAH  
SATU PENGHORMATAN BAGI SAYA  
KERANA DIBERI PELUANG  
UNTUK MENJAWAT JAWATAN  
KPE&PU KUMPULAN. SEBAGAI  
AMALAN TRADISI KUMPULANINI,  
PERALIHAN SETAKATINI BERJALAN  
DENGAN SANGAT LANCAR. SAYA  
MENGAMBIL KESEMPATANINI  
UNTUK MENGUCAPKAN TERIMA  
KASIH KEPADA LEMBAGA  
ATAS KEYAKINAN MEREKA  
TERHADAP SAYA.

**Dato' Teh Kean Ming**  
KPE & Pengarah Urusan

Penyandang sebelum saya, Tan Sri Dato' Krishnan Tan, telah membawa Kumpulan ke tahap apa yang dicapai IJM sehingga kini. Kesempatan ini saya ingin ucapkan terima kasih kepada beliau atas kepimpinan, wawasan dan bimbingan cukup bernilai beliau selama ini. Selain itu, saya ingin mengalu-alukan kedatangan En. Tan Gim Foo sebagai Timbalan saya. Bersama, kami berjanji akan memberi khidmat terbaik kepada semua pemegang pelbagai kepentingan kami dan membawa Kumpulan ke tahap pencapaian lebih tinggi.


*“Daya Tahan dalam Pertumbuhan” dan “Kekuatan Akar Umbi”* - dua mesej tema laporan tahunan bagi tahun ini menggambarkan Kumpulan kami yang disokong kukuh oleh lima perniagaan teras kami, yang telah berkembang saban tahun dalam persekitaran yang semakin mencabar tanpa mengabaikan tumpuan pada penghasilan kecemerlangan dan menjana nilai bermakna buat pemegang-pemegang saham kami.

# Tinjauan Operasi KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011 (“FY 2011”), Kumpulan telah mencapai keputusan yang agak baik walaupun jumlah dagangan merosot 7% kepada RM3,720.72 juta berbanding tahun sebelumnya sebanyak RM4,013.53 juta terutamanya bil-bil yang lebih rendah berbanding peringkat awal pembinaan projek-projek yang baru diperoleh dalam Bahagian Pembinaan, dan jualan bahan binaan yang lebih rendah.


Dari segi untung rugi, keuntungan sebelum cukai (“KSC”) kami meningkat sebanyak 17% kepada RM676.57 juta berbanding tahun sebelumnya. Ini adalah berpunca daripada margin yang bertambah baik daripada Bahagian Hartanah dan Perladangan kami, keuntungan terjemahan tukaran asing bersih yang lebih tinggi berhubung dengan pinjaman didenominasi Dolar US luar pesisir dalam Bahagian Infrastruktur dan keuntungan modal daripada pelupusan anak syarikat.

Prestasi Kumpulan (RM' juta)




# Tinjauan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)

**Hasil Kumpulan mengikut Bahagian\***  
(RM' juta)




**Hasil Kumpulan mengikut Bahagian \***  
(Perkadaran %)




\*termasuk bahagian hasil syarikat bersekutu dan hasil usaha sama

**KSC Kumpulan mengikut Bahagian**  
(RM' juta)



**KSC Kumpulan mengikut Bahagian**  
(Perkadaran %)



## Perniagaan dan Pasaran Terpelbagai Kumpulan



Apartmen Summer Place, Pulau Pinang

### PEMBINAAN

Malaysia



India



Timur Tengah



China

Pakistan

Vietnam

Argentina

Indonesia

Singapura



Australia

Prestasi bahagian kami dihuraikan dengan lebih lanjut dalam laporan ini. Pada peringkat ini cukup untuk dikatakan, dan ia adalah jelas membuktikan bahawa asas perolehan Kumpulan yang terpelbagai telah membantu untuk mengurangkan sumbangan negatif daripada Bahagian Pembinaan untuk menghasilkan keputusan yang baik.



Perbandaran Shah Alam 2



Kuari Labu, Negeri Sembilan



Lebuhraya Kajang-Seremban



*Penanaman semula di Ladang Selatan Desa Talisai,  
Sandakan*

HARTANAH

INDUSTRI

## **INFRASTRUKTUR**

PERLADANGAN



Komitmen dan usaha kami ke arah kecemerlangan urus tadbir korporat membawa kepada pengiktirafan. IJM telah menerima Indeks Urus Tadbir Korporat Malaysia - Anugerah Kecemerlangan Industri (Pembinaan) 2010 pada Disember 2010. IJM juga telah merangkul anugerah-anugerah penting lain dalam tahun kewangan seperti Anugerah Merit NACRA 2010 manakala IJM Land Berhad, anak syarikat hartanah kami, telah diberikan Anugerah Kecemerlangan Hartanah The Edge 2010. Anugerah ini adalah bukti kepada dedikasi dan komitmen kami kepada kecemerlangan prestasi.

Dalam aspek Tanggungjawab Korporat (“TK”), jawatankuasa TK rasmi telah ditubuhkan baru-baru ini untuk menjajar, mengatur strategi dan merumus inisiatif CR Kumpulan yang akan mempengaruhi cara kami menjalankan perniagaan dalam cara yang mapan dan menyumbang kepada penambahbaikan kebajikan warga kerja kami dan masyarakat keseluruhannya. Saya benar-benar teruja mengenai perkara ini. Beberapa inisiatif sedang dilaksanakan tidak lama lagi; kemajuan dan kegiatan yang dijalankan akan dilaporkan dalam laporan tahunan akan datang.

Saya berbesar hati dapat bekerja bersama-sama dengan warga IJM. Sokongan padu, dedikasi dan komitmen ke arah kecemerlangan telah membantu Kumpulan mencapai kedudukan semasa. Saban tahun ia juga secara sukarela meluang banyak masa ke arah program tanggungjawab sosial di kawasan-kawasan dan negara-negara di mana Kumpulan beroperasi. Saya cukup sedar bahawa kakitangan IJM adalah Mercu Kecemerlangan kami dan berbesar hati untuk mengetuai mereka.

Maju ke hadapan, persekitaran perniagaan akan semakin mencabar. Saya percaya bahawa Kumpulan, dengan asas-asasnya yang kukuh, wawasan pemimpinnya yang strategik, komitmennya yang tegas kepada kecemerlangan produk dan perkhidmatan, dan disokong oleh kemahiran pelaksanaan warga kami, bersedia untuk mencapai pertumbuhan yang mapan pada masa hadapan.



Prestige Shanthikethan Bangalore di India

Kenaikan mendadak harga komoditi tahun 2008 dan Krisis Kewangan Global 2009 telah memberi kesan buruk yang ketara ke atas perniagaan pembinaan kami, terutamanya bagi operasi luar negeri kami. Bahagian Pembinaan telah mengalami kemerosotan ketara dalam kegiatan pembinaan baru dalam tahun tersebut manakala projek-projek lama telah mencapai status siap. Oleh itu, hasil telah merosot 27% kepada RM1,336.19 juta daripada RM1,841.22 juta pada tahun sebelumnya. Kesan ke atas untung rugi adalah lebih teruk memandangkan kontrak-kontrak sedia ada terutamanya kontrak-kontrak di Timur Tengah dan India yang telah mengalami peningkatan kos dan kerja yang perlahan. Pengolahan perakaunan baru bagi tuntutan dalam progres dan peruntukan kerosotan nilai telah selanjutnya menjelaskan prestasi keseluruhannya. Bahagian ini mencatat kerugian pra-cukai sebanyak RM79 juta berbanding keuntungan pra-cukai sebanyak RM31 juta tahun sebelumnya.



Jambatan Lulu Reef di Bahrain

## Pasukan Pengurusan Bahagian Pembinaan:

kiri ke kanan  
atas ke bawah

- Tan Gim Foo
- Dato' Goh Chye Koon
- Soo Sik Sang
- Tong Wai Yong
- Pook Fong Fee
- Ong Teng Cheng
- Azhar Bin Kaulan
- Liew Hau Seng
- Yong Juen Wah
- Tan Kiam Choon
- Kok Fook Yu
- Lee Foh Ching
- Wan Chee Leong
- Thomas Foo Jong Jian
- Chan Kai Leong



# Pembinaan

Dalam tahun tersebut, Bahagian ini telah berjaya menyiapkan beberapa projek. Projek-projek yang telah siap dibina di peringkat tempatan termasuk Lebuh Raya Kajang Seremban, Bangunan Terminal Aeromall Senai di Lapangan Terbang Sultan Ismail di Johor Bahru, Pusat Membeli-belah SS2 di Petaling Jaya, Kondominium Troika dan Kondominium Ampersand di Kuala Lumpur, Apartmen Monte Bayu di Cheras, Menara Platino Grand dan Apartmen Summer Place di Pulau Pinang. Di luar negeri, Bahagian ini telah menyiapkan projek Prestige Shanthinikethan Bangalore di India dan Jambatan Lulu Reef Access di Bahrain.

Dari segi buku tempahan, Bahagian ini telah berjaya menambah lebih daripada RM1.0 bilion dari segi buku tempahan dengan memperoleh beberapa kerja besar. Ini termasuk Jalan Raya Murum Access, Sarawak (Pakej A1 & B2) bagi RM247 juta, Jambatan Pulau Pinang Kedua-Lebuh Raya Batu Kawan (Pakej 3B) bagi RM350 juta, Platinum Park Fasa 3 (Blok Pejabat) bagi

RM461 juta dan Puteri Harbour Nusajaya (Parsel A1 & A2) bagi RM219 juta. Selain daripada projek-projek ini, Bahagian juga telah memperoleh beberapa projek melalui usaha samanya seperti Institut Kanser Negara bagi RM276 juta (40% bahagian kami) dan Projek Pemindahan Air Mentah Pahang, Saluran Paip Semantan Lot 1-3B dan Kerja-kerja Berkaitan bagi RM161 juta (60% bahagian).

Bahagian ini optimis prestasi akan pulih pada FY 2012 mengambil kira buku tempahan sedia adanya, keadaan yang memberangsangkan dalam pasaran hartanah domestik dan perbelanjaan modal awam yang lebih tinggi dijangka di bawah Program Transformasi Ekonomi (“PTE”) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (“RM10”).

## Tinjauan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)



Pusat Membeli Belah SS2 di Petaling Jaya



Bangunan Terminal Aeromali Senai di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail di Johor Bahru



Prestige Shanthinikethan Bangalore di India

Walau bagaimanapun, peningkatan inflasi disebabkan oleh perubahan-perubahan dalam permintaan global dan ketegangan geografi, kadar faedah yang meningkat dan keadaan cuaca buruk akan menimbulkan risiko-risiko yang lebih tinggi kepada Bahagian. Untuk mengurangkan kesan kenaikan kos, Bahagian telah melaksanakan beberapa langkah seperti menyimpan stok inventori bagi bahan-bahan binaan utama manakala pada masa yang sama mengukuhkan prosedur dan keberkesanan kawalan kosnya dan membuat bidaan berpilih bagi projek-projek baru.

Menyedari bahawa kerugian pertama selepas lebih daripada dua dekad mempamerkan prestasi baik terutamanya berpunca daripada operasi luar negeri, Bahagian telah mengkaji dan menyusun semula strategi operasi luar negerinya terutamanya, untuk meningkatkan

prestasi kewangannya dan kecekapan operasi. Bahagian telah menerima pakai proses-proses pengurusan risiko yang lebih ketat bagi operasi luar negerinya untuk meningkatkan daya tahannya kepada ketidakpastian yang semakin meningkat dan cabaran-cabaran besar dalam pasaran luar negeri. Banyak usaha juga telah dilaksanakan untuk mengukuhkan fungsi sumber manusia dan meningkatkan rangka kerja sedia ada bagi menangani kelemahan-kelemahan utama dalam operasi luar negeri.

Di peringkat domestik, Bahagian terus mempamerkan prestasi menggalakkan, disokong oleh sistem kawalan dalaman yang kukuh dan mengambil peluang ke atas kepakaran kami dalam pembinaan kerja-kerja kejuruteraan awam, projek bangunan bertingkat tinggi dan projek perumahan kediaman. Dengan jangkaan kenaikan harga minyak dan kos bahan binaan utama, tumpuan utama bagi Bahagian kini adalah untuk mengurus kos dan memperhebatkan pelaksanaan projek-projek yang sedang dilaksanakannya bagi penyiapan pantas manakala pada masa yang sama mengekalkan standard kualiti tertinggi yang diharapkan daripada Kumpulan.

Bahagian ini telah memberikan usaha padu untuk menender projek-projek baru dan berasa optimis dalam memperoleh lebih banyak tugas di peringkat tempatan dalam tahun kewangan mendatang. Maju ke hadapan, Bahagian percaya bahawa projek-projek baru akan menyumbang dan meningkatkan untung ruginya. Di peringkat antarabangsa, Bahagian telah menerima pakai lebih banyak pendekatan berhati-hati dalam proses tendernya disebabkan persaingan sengit, ketidakstabilan politik, risiko mata wang dan risiko kutipan dalam pasaran luar negeri.



Jambatan Akses Lulu Reef di Bahrain

Sejajar dengan slogan kami bagi Keselamatan dan Kualiti, Bahagian akan menumpukan dan berusaha untuk mencapai standard tertinggi untuk memenuhi keperluan pelanggan kami dan meningkatkan nilai produk akhir kami. Sehubungan dengan ini, Bahagian telah melabur dengan banyaknya bagi peningkatan berterusan ke atas langkah keselamatan dan kualitinya. Ia termasuk menyediakan latihan secukupnya dan menggalakkan kesedaran kepada semua ahli dalam Bahagian, melaksanakan audit dan pemeriksaan tetap untuk menilai pematuhan dan keberkesanannya serta menyediakan sumber mahir yang mencukupi bagi implementasi dan pelaksanaan projek yang teratur.

Harapan yang semakin meningkat bagi peningkatan kualiti dan penyiapan lebih awal daripada jadual daripada pelanggan-pelanggan kami akan menjadi pemacu utama kami bagi peningkatan berterusan ke atas proses-proses sedia ada dan keberkesanannya kos. Bahagian akan sentiasa mengkaji dasar-dasar dan prosedur-prosedurnya untuk memenuhi keperluan pelanggan-pelanggan kami meskipun dalam persekitaran yang tidak menentu. Dengan rangka kerja pengurusan risiko dan fungsi kawalan dalaman yang mantap, Bahagian yakin dan berupaya bertindak dengan pantas kepada kemunculan risiko manakala pada masa yang sama mengekalkan sekat dan imbalan yang betul dalam sistem.

#### **Khidmat Sokongan Pembinaan:**



- kirai ke kanan  
atas ke bawah*
- James Ponniah Joseph
  - Mohd Kamal Bin Harun
  - Ramar A/L Subramaniam
  - Ng Chin Meng
  - Dammavalam Sreenivasa Rao
  - Soh Wan Heng
  - Jim Mah Foong Kong
  - Cho Foong Khuan
  - Pang Sek Loh
  - Liew Chee Khong
  - Harjeet Singh
  - Lam Choy Loong
  - Casslyn Chong Siew Chen



Laman Granview di Puchong

Bahagian Hartanah telah mencapai satu lagi tahun prestasi kukuh dengan mencatat lonjakan 69% dalam keuntungan pra-cukai kepada RM289.66 juta (FY 2010: RM171.90 juta) berbelakangkan hasil sebanyak RM1,178.76 juta (FY 2010: RM1,175.64 juta). Pertumbuhan keuntungan telah dicapai bersandarkan margin keuntungan yang bertambah baik daripada projek-projek Bahagian yang sedang dilaksanakan serta pengiktirafan sebanyak RM63 juta keuntungan ke atas pelupusan anak syarikat, Delta Awana Sdn Bhd, anak syarikat pelaburan harta tanah yang memiliki pusat membeli-belah Aeon Bandaraya Melaka.



Bukit Mandarina, Cheras

## Pasukan Pengurusan Bahagian Hartanah:

*kiri ke kanan  
atas ke bawah*

- Dato' Soam Heng Choon
- Chai Kian Soon
- Hoo Kim See
- Edward Chong Sin Kiat
- Bahrin Bin Baharudin
- Patrick Oye Kheng Hoon
- Tham Huen Cheong
- Toh Chin Leong
- Shuy Eng Leong
- Lee Kok Hoo
- Chong Ching Foong
- Manjit Singh



# Hartanah

Ekonomi Malaysia telah mengalami pemulihan pertumbuhan kukuh pada tahun 2010 dengan pengembangan sebanyak 7.2% terutamanya dipacu oleh permintaan domestik yang teguh dengan pengembangan kukuh dalam kegiatan sektor swasta. Sejajar dengan keadaan ekonomi yang bertambah baik, mudah tunai yang kukuh dan kebimbangan peningkatan inflasi, pasaran harta tanah meneruskan momentum menaiknya yang dipacu oleh sentimen pengguna yang positif dan rejim kadar gadai janji yang akomodatif. Pada tahun 2010, pasaran harta tanah Malaysia telah mencatat 376,583 urus niaga bernilai RM107.44 bilion, yang masing-masing 11.4% dan 32.6% lebih tinggi berbanding tahun 2009. Projek-projek Bahagian di seluruh negara turut menikmati kadar pembelian yang kukuh, yang membolehkan jualannya mencecah RM1.46 bilion, mengatasi jualan tertinggi sebelumnya sebanyak RM1.26 bilion dalam tahun kewangan yang lepas.

Projek-projek kami yang menyaksikan permintaan tinggi termasuk Light Collection I and II bagi pembangunan terapung "The Light" dan suite pejabat Maritime berprestij kami di Pulau Pinang, Laman Granview Lembah Klang di Puchong dan Villa 33, Bukit Mandarina di Cheras (enklaf kediaman berkembar dan banglo eksklusif), pejabat kedai di Bukit Raja, Klang dan Laman Baiduri (sebuah projek kondominium di hadapan tasik) di Subang Jaya. Pembangunan pejabat kedai kami bersebelahan dengan pusat membeli-belah Aeon Bandaraya Melaka yang dipanggil 1 Lagenda telah menerima sambutan yang hebat manakala pembangunan kediaman bertanah kami di Johor yang dipanggil Nusa Duta dan projek kondominium Suriamas Suites menikmati jualan yang teguh. Perbandaran kami yang sedang dilaksanakan seperti Seremban 2 di Negeri Sembilan, Shah Alam 2 di Puncak Alam, Selangor dan Bandar Utama di Sandakan, Sabah, juga terus menikmati permintaan yang kukuh.

## Tinjauan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)



*Bayu Segar di Cheras*



*Perbandaran Nusa Duta di Johor*



*Platino Grand Tower di Pulau Pinang*

Sumbangan hasil dan keuntungan FY 2011 Bahagian telah disokong oleh projek-projek Light Linear, Light Point, Summer Place dan Kondominium Platino di Pulau Pinang, perbandaran Laman Baiduri dan Laman Granview Lembah Klang, 1 Lagenda di Melaka, pembangunan bertanah Nusa Duta dan perbandaran kami di Shah Alam 2, Seremban 2 dan Bandar Utama di Sandakan.

Pada tahun 2011, ekonomi Malaysia diunjur berkembang sebanyak 5% kepada 6%, dengan prestasi yang lebih kukuh pada separuh kedua tahun didorong oleh permintaan domestik yang kukuh datang terutamanya daripada kegiatan sektor swasta. Keadaan pasaran buruh yang menggalakkan, pendapatan boleh guna yang lebih tinggi, keyakinan pengguna yang berterusan dan akses yang mudah kepada pembiayaan akan menyokong penggunaan swasta manakala perbelanjaan modal oleh industri-industri berorientasikan domestik telah memberikan tahap penggunaan kapasiti yang tinggi dan keyakinan perniagaan yang positif, serta pelaksanaan inisiatif penting di bawah PTE, akan menyokong pelaburan swasta. Sementara itu, sektor awam dijangka akan terus menyokong pertumbuhan, dengan perbelanjaan modal yang lebih tinggi akibat daripada pelaksanaan projek-projek baru dan pemecutan projek-projek yang sedang dilaksanakan.

Bersandarkan momentum positif ini, kami akan meneruskan dengan pelancaran-pelancaran agresif pembangunan-pembangunan semasa kami yang menggabungkan reka bentuk dan konsep baru bagi memenuhi permintaan pelanggan yang sentiasa berubah. Kami akan mengumumkan projek sulung kami di Kota Kinabalu, Sabah iaitu projek kondominium blok berkembar dengan pemandangan pанaromik Teluk Likas. Kami juga dijangka akan memperkenalkan projek kondominium baru kami di Wangsa Maju, Kuala Lumpur yang terletak secara strategik bersebelahan dengan projek Riana Green East kami yang sangat berjaya dan tidak jauh dari pusat membeli-belah popular Wangsa Walk dan stesen LRT Sri Rampai.

Selain daripada itu, kami secara aktif bersiap sedia untuk membawa ke pasaran tiga daripada projek berskala besar kami, iaitu pembangunan The Light (Commercial Precinct), Canal City dan Sevana Cove. Manakala persekitaran ekonomi makro keseluruhan tampak cerah, kami juga akan berwaspada terhadap kesan inflasi yang disebabkan oleh kenaikan harga komoditi, harga makanan dan harga minyak mentah ke atas permintaan bagi harta-harta kami serta kos pembinaan kami.

Di India, pasaran harta-harta di negeri Andhra Pradesh di mana Bahagian mempunyai pembangunan harta-harta masih sangat mencabar memandangkan keputusan bagi pemisahan negeri Telengana yang masih belum dimuktamadkan dan pergolakan masih berterusan. Di sebalik situasi ini, pembinaan Fasa 1 bagi projek Rain Tree Park, Perbandaran Dwaraka Krishna di Vijayawada, telah hampir siap dan akan sedia untuk dihuni menjelang akhir Julai 2011. Walaupun di selubungi kelembapan di rantau ini, kami optimistik untuk memasarkan unit-unit siap tersebut. Selain daripada itu, Bahagian sedang merancang bagi kawasan membeli-belah komersial yang terletak secara strategik di Hyderabad.

Dengan tahap jualan komited dalam tangan yang kukuh berserta dengan simpanan tanah kami yang terletak secara strategik dan campuran produk yang luas, harapan Bahagian kekal positif.



*Perbandaran Taman Utama di Sandakan*



Ceruk ICP digunakan di Jeti Jabatan Keselamatan Maritime

FY 2011 adalah tahun yang mencabar bagi Bahagian Industri. Pertumbuhan dalam sektor pembinaan bertambah perlahan pada separuh kedua tahun kewangan yang menyebabkan pengurangan permintaan bagi bahan-bahan berkaitan pembinaan. Persaingan sengit ini telah membawa kepada hakisan margin. Akibatnya, keuntungan prakukai Bahagianerosot sebanyak 37% kepada RM109.50 juta disokong oleh jumlah dagangan yang lebih rendah yang jatuh sebanyak 9% kepada RM807.40 juta.



Kuari di Hyderabad, India

## Pasukan Pengurusan Bahagian Industri:

*kiri ke kanan  
atas ke bawah*  
• Khor Kiem Teoh  
• Lee Hock Aun  
• Leong Yew Kuen  
• Tan Boon Leng  
• Pang Chwee Hoon  
• Ooi Ka Tong  
• Leong Siew Wah  
• Tan Khuan Beng  
• Faizal Amir B Mohd Zain  
• Choy Teik San  
• Wong Siew Meng  
• Leong Chee Hong  
• Chan Kok Keong  
• Low Hong Imm



# Industri

Perniagaan teras Bahagian iaitu pengilangan dan jualan cerucuk PSC berhadapan dengan beberapa cabaran. Beberapa projek pembinaan dalam pasaran domestik dan luar negeri adalah dibatasi oleh krisis kewangan tahun sebelumnya, menjadikan pasaran sangat berdaya saing dan memberikan tekanan ke atas harga jualan. Di sebalik tahanan cerucuk keseluruhan yang dihantar hanya jatuh 3.5% tahun ke tahun, hasil telah merosot sebanyak 11% kepada RM458.30 juta. Keuntungan operasi merosot dengan ketara sebanyak 38% kepada RM74.30 juta. Berita gembira pula, Bahagian telah mengawal hakisan margin selanjutnya melalui langkah-langkah pengoptimuman kos dan pengurusan pemerolehan yang teguh.

Dalam tahun kewangan, bekalan bagi beberapa projek tempatan seperti Kompleks Pengangkutan Bersepadu dan Bangunan Satelit bagi LCCT, Selangor; CT6 di Westport, Klang, Selangor; Penyimpanan Hidrokarbon di Tg. Bin, Johor; dan Projek Terminal Minyak & Gas Sabah di Kimanis, Sabah telah diperoleh. Kerajaan dijangka akan melancarkan lebih banyak projek di bawah RM10 dan PTE pada FY 2012. Lebih banyak kemudahan minyak dan gas dan projek-projek pembangunan industri berat dijangka akan dilaksanakan. Bahagian yakin memperoleh tempahan-tempahan daripada projek-projek ini.

Selain daripada itu tempahan eksport telah meningkat sebanyak 40% dari segi jumlah tahanan. Projek-projek utama yang diperoleh dalam tahun kewangan adalah bekalan bagi Limbungan Kapal Mega Sembawang dan Projek Motor Sports Hub di Singapura. Projek-projek ini dijangka akan berterusan sehingga FY 2012. Harapan pembinaan yang lebih baik dapat dilihat di Singapura dan Bahagian menjangkakan eksport lebih tinggi pada FY 2012, yang memberi petanda baik buat loji kapasiti tinggi Bahagian di Senai, Johor.

Dari segi operasi, kos pengeluaran telah diurus dengan baik melalui kawalan ketat dan penyelidikan & pembangunan yang berterusan. Makmal kami telah berjaya melaksanakan penyelesaian mesra alam dengan sistem tenaga sifar menggunakan campuran termaju bagi pengeluaran cerucuk tanpa input tenaga, dengan itu mencapai penjimatan kos yang ketara dan mengurangkan pelepasan karbon dioksida ke dalam atmosfera.

## Tinjauan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)

Melalui penekanan berterusan ke atas produk berkualiti tinggi, Bahagian telah mencapai pengiktirafan selanjutnya apabila tujuh lojinya telah diberikan pensijilan SS EN 206 - 1:2009, SS544: Bahagian 1 & 2:2009 dan SAC CT06:2010 dalam tahun kewangan oleh Certification International (Singapore) Pte Ltd (CIS) yang mengesahkan semula kemajuan teknologi loji pengelompokan konkrit Bahagian.

Walau bagaimanapun ia merupakan tahun yang sukar bagi ICP Jiangmen yang mencatat kerugian sebelum cukai sebanyak RM3.34 juta berbanding dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM7 juta dalam tahun sebelumnya. Hasil telah menguncup sebanyak 43% disebabkan harga penghantaran dan jualan yang lebih rendah. Pasaran cerucuk marin di Wilayah Guangdong telah menguncup pada FY 2011 disebabkan oleh penangguhan pelaksanaan projek-projek yang disebabkan oleh pengetatan langkah-langkah oleh Kerajaan China. Projek-projek utama telah berjaya dibekalkan adalah Projek Landasan Kren bagi Pelabuhan Fangcheng dan Qingzhou di Teluk Beibu, Guangxi; Kerja-kerja Asas Struktur Pemecah Ombak Terminal Kapal Persiaran di Nansha; Terminal Kargo Pukal di Gaolan, Zhuhai dan Jeti China Rail Wuhan Bridge Heavy Industries Group Co. Ltd. di Zhuhai.

Pembangunan pelabuhan utama, jeti, stesen kuasa batu arang, loji petrokimia dan limbungan pembinaan kapal dijangka akan dilaksanakan di Wilayah Delta Mutiara. Dengan pertumbuhan berterusan dalam ekonomi China, harapan operasi Bahagian di China kekal positif menjelang FY 2012.

Durabon Sdn Bhd ("DSB") telah mencapai hasil sebanyak RM90.66 juta dan KSC sebanyak RM12.61 juta, masing-masing merosot sebanyak 4% dan 9% berbanding tahun kewangan sebelumnya. Hasil yang lebih rendah ini berpunca daripada kejatuhan dalam harga jualan disebabkan persaingan sengit daripada pengilang-pengilang dari

China. Walau bagaimanapun, volum jualan telah meningkat sedikit sebanyak 0.3% disebabkan jualan eksport yang lebih tinggi ke Vietnam dan Indonesia. DSB akan memperhebatkan usaha pemasarannya ke Vietnam dan Indonesia di mana lebih banyak kegiatan pembinaan dijangka akan dilaksanakan.

Harga komoditi yang melambung naik dan Dolar US yang bertambah lemah telah menimbulkan cabaran besar ke atas perniagaan Expedient Resources Sdn Bhd ("ERSB"), anak syarikat berorientasikan eksport yang terlibat dalam pengilangan dan bekalan pelapik getah dan getah dipulih guna. ERSB telah memberi tumpuan ke atas pasaran nic bermargin tinggi untuk mengelak persaingan langsung dengan pembuat pelapik dari China. Akibatnya, hasil telah merosot sedikit sebanyak 1% kepada RM15.60 juta manakala KSC meningkat sebanyak 125% kepada RM0.09 juta berbanding tahun lepas. ERSB bersedia untuk mengambil kesempatan daripada permintaan teguh bagi getah dipulih guna.

Jumlah dagangan dalam kuari meningkat sebanyak 8% kepada RM100.06 juta berdasarkan prestasi yang lebih baik daripada kuari Junjung dan Labu disokong oleh jualan dalaman, Jambatan Pulau Pinang Kedua dan projek-projek landasan berkembar. Sementara itu, hasil daripada kuari-kuari di Kuantan, Pahang dan Kuang Selangor kekal mendatar. Di Johor, jualan daripada kuari-kuari di Kulai dan Ulu Choh kekal lemah disebabkan kekurangan kegiatan pembinaan. Operasi pracampur di Kuang Selangor dan Ulu Choh, Johor juga mengalami kemerosotan jualan masing-masing sebanyak 58% dan 31% disebabkan persaingan sengit. Oleh yang demikian, keuntungan pra-cukai telah merosot sebanyak 13% kepada RM22.20 juta disebabkan hakisan margin, kos alat ganti yang lebih tinggi dan peningkatan dalam kadar royalti.



Loji siap campur di Islamabad, Pakistan



Cerucuk ICP digunakan di CT6 di Westport Klang, Selangor

Usaha Bahagian untuk menubuhkan perniagaan kuari di India telah mula membuka hasil apabila ia berjaya membeli aset-aset dan hak untuk mengendalikan kuari di Medchal, Hyderabad. Ia pada masa ini mencari kuari-kuari baru di bahagian-bahagian lain di India. Bahagian ini juga mengusahakan lebih banyak kuari di lokasi-lokasi strategik di Malaysia.

Strong Mixed Concrete Sdn Bhd ("SMC") telah mencatat lonjakan 12% dalam hasil kepada RM53.40 juta atas volum yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kenaikan harga bahan mentah dan kos bahan api telah menyebabkan SMC mencatat PBT yang lebih rendah yang merosot sebanyak 12% kepada RM0.91 juta.

Di India, jumlah dagangan bagi sektor siap campur telah berkembang sebanyak 20% kepada RM96.10 juta berdasarkan harga jualan yang lebih tinggi mengikut trend menaik dalam harga simen. Malangnya, jualan di dua loji di Hyderabad, telah terjejas teruk oleh isu Telangana. Keuntungan pra-cukai sebanyak RM1.75 juta telah dicatat bagi FY 2011 yang adalah 10% lebih rendah berbanding tahun sebelumnya disebabkan ketinggalan dari segi harga jualan yang tidak dapat menyaingi kenaikan kerap harga simen.

Ketidakstabilan di Pakistan dan kekurangan bantuan asing telah menyebabkan kekurangan pekerjaan di Islamabad. Tambahan pula, banjir besar yang melanda telah memburukkan lagi situasi keseluruhan. Walau bagaimanapun, jumlah dagangan meningkat sebanyak 33% kepada RM5.69 juta dan keuntungan pra-cukai yang dicapai adalah RM0.16 juta. Kerajaan Pakistan sedang berusaha ke arah membawa masuk lebih banyak pelaburan langsung asing. Sementara itu, loji Karachi tidak beroperasi dengan baik disebabkan alasan politik dan keselamatan yang menyebabkan jualan merosot sebanyak 62% kepada RM4.5 juta dan kerugian pra-cukai sebanyak RM0.22 juta.

Jumlah dagangan bagi perniagaan jejaring dawai keluli di India jatuh sebanyak 21% kepada RM3.60 juta dan mengalami kerugian yang lebih tinggi sebanyak RM3.96 juta berbanding dengan kerugian tahun sebelumnya sebanyak RM1.59 juta disebabkan pelarasan kerosotan sebanyak RM1.9 juta ke atas asetnya berikutan pemberhentian operasi akibat kerugian berterusan.

Perniagaan sewa bahan perancah di bawah Scaffold Master Sdn Bhd telah mencatat kemerosotan sebanyak 31% dalam jumlah dagangan kepada RM6.39 juta pada kadar sewa dan permintaan dalaman yang lebih rendah. Selaras dengan itu, keuntungan pra-cukai jatuh 32% kepada RM2.60 juta. Namun demikian, permintaan dalaman serta daripada pasaran luar dijangka akan meningkat dengan ketara. Dolar US yang lebih rendah adalah satu rahmat memandangkan aksesori dari China kini jauh lebih rendah. Oleh yang demikian, perniagaan menjangkakan prestasi yang lebih baik dalam tahun kewangan akan datang.

Kemena Industries Sdn Bhd, anak syarikat milik 55% di Bintulu, Sarawak terlibat dalam pengeluaran konkrit siap campur dan produk konkrit bertetulang pratuang. Jumlah dagangannya jatuh sebanyak 7% kepada RM25.23 juta disebabkan penyiapan projek Pelan Sungai dan keuntungan pra-cukai merosot sebanyak 12% kepada RM3.16 juta. Spirolite (M) Sdn Bhd, syarikat bersekutu 38% bagi pengilangan paip, tiub, tangki dan kontena, telah menyumbang jumlah dagangan sebanyak RM10.76 juta dan keuntungan pra-cukai sebanyak RM1.23 juta.

Bagi tahun kewangan akan datang, Bahagian berharap akan menyaksikan lebih banyak pekerjaan dilancarkan di bawah PTE dan RM10, yang seharusnya memberikan petanda buat Bahagian Industri. Walau bagaimanapun, Bahagian ini akan kekal berwaspada dan proaktif kepada perubahan mendadak dalam persekitaran ekonomi yang sangat tidak menentu hari ini.



Jeti Kilang Kertas Xin Hui, Jiangmen, China



Ladang Utara Rakaman Jaya

Di sebalik ketidaktentuan ekonomi global akibat daripada kesan krisis kewangan global pada tahun 2008 dan 2009 serta kesan keadaan cuaca buruk ke atas pengeluaran minyak sawit, Bahagian ini telah membuktikan daya tahan dan kemapanannya dengan mencatat satu lagi tahun prestasi cemerlang dengan hasil meningkat sebanyak 22% untuk mencapai RM538.26 juta dan keuntungan pra-cukai meningkat sebanyak 75% untuk mencecah RM196.01 juta.

Kekuahan harga minyak sawit mentah ("MSM") yang dipacu oleh bekalan kukuh dan asas permintaan sepanjang tahun pelaporan. Selaras dengan peningkatan nilai harga MSM, Bahagian telah mencapai purata harga jualan MSM yang lebih tinggi sebanyak RM2,760 setiap tan (FY 2010: RM2,246 setiap tan), meningkat 23% berbanding tahun sebelumnya.



Kilang Minyak Sawit Sabang, Sugut

## Pasukan Pengurusan Bahagian Perladangan:

*kiri ke kanan  
atas ke bawah*

- Joseph Tek Choon Yee
- Puru Kumaran
- Velayuthan A/L Tan Kim Song
- Ng Chung Yin
- Madusoodanan
- S Kugarajah
- Francis Chai Min Fah
- P K Venugopal



# Perlادangan

Manakala pasaran komoditi adalah menggalakkan bagi Bahagian, sebagai pengeluar huluau, perubahan corak cuaca walau bagaimanapun, telah mempengaruhi pengeluaran tandan buah segar ("TBS"). Operasi telah mengalami El Nino yang telah mencetuskan musim kemarau pada awal tahun 2010 dan fenomena La Nina iaitu hujan berpanjangan selepas itu telah berlarutan sehingga suku pertama 2011. Akibatnya, kelapa sawit mengalami tekanan biologi akibat kejatuhan dan pengeluaran TBS yang lebih rendah sebanyak 5% kepada 575,210 tan (FY 2010: 604,663 tan) dan pengilangan TBS keseluruhan termasuk pembelian buah di luar, juga merosot sebanyak 6% kepada 708,522 tan (FY 2010: 756,870 tan).

Jumlah keluasan ekar tanaman di Sabah setakat tahun kewangan berakhir berjumlah 25,199 hektar (FY 2010: 25,222 hektar) di mana 96% daripadanya adalah keluasan ekar matang. Dalam tahun kewangan, Bahagian ini telah meneruskan program penanamannya di Indonesia dan meningkatkan keluasan ekarnya kepada sejumlah 13,606 hektar pada akhir tahun (FY 2010: 5,306 hektar). Secara keseluruhannya, 65% daripada jumlah keluasan hektar yang ditanam terletak di Sabah (Sandakan dan kawasan Sugut), manakala 35% adalah di Indonesia.

Butir-butir mengenai profil usia kelapa sawit Bahagian ini adalah seperti berikut:-

	Ha	%
<b>MALAYSIA</b>		
Matang (> 20 tahun)	1,980	8
Matang-Utama (8 - 20 tahun)	19,694	78
Matang - Muda (4 - 7 tahun)	2,600	10
Belum Matang (1 - 3 tahun)	925	4
<b>Jumlah</b>	25,199	100
<b>INDONESIA</b>		
Matang (8 - 20 tahun)	563	4
Belum Matang (1 - 3 tahun)	13,043	96
<b>Jumlah</b>	13,606	100

*Sawit-sawit matang di Ladang Selatan Desa Talisai, Sandakan*

Pengeluaran MSM bagi tahun adalah 151,096 tan (FY 2010: 163,452 tan) daripada kilang minyak sawit keempatnya dengan jumlah kapasiti sebanyak 195 tan daripada TBS setiap jam. Disebabkan oleh keadaan cuaca buruk mempengaruhi corak penanaman, pengeluaran MSM adalah lebih rendah sebanyak 8% manakala pengeluaran isirung sawit ("IS") telah merosot sebanyak 4% kepada 32,574 tan (FY 2010: 33,897 tan). Purata kadar pengesektrakan MSM adalah 21.3%, kemerosotan marginal daripada 21.6% dalam tahun sebelumnya manakala kadar pengekstrakan IS mencatat peningkatan sedikit sebanyak 4.6% (FY 2010: 4.5%).

## Tinjauan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif (samb.)



Penggunaan sistem dulang-pasu semai untuk memudahkan permindahan

Loji penghancur isirung Bahagian telah menghancurkan 32,909 tan (FY 2010: 34,201 tan) bagi pengeluaran isirung 14,941 tan (FY 2010: 15,147 tan) minyak isirung sawit mentah untuk mencapai peningkatan kadar pengekstrakan sebanyak 45.4% (FY 2010: 44.3%). Output hampas isirung sawit keseluruhan adalah 16,457 tan (FY 2010: 17,092 tan) dan mencapai kadar pengekstrakan sebanyak 50.0% (FY 2010: 50.0%).

Selain daripada itu, sumbangan yang dibuat kepada Negeri dalam bentuk cukai jualan Sabah dan ses minyak sawit dibayar kepada Lembaga Minyak Sawit Malaysia (“MPOB”) berjumlah RM37.92 juta (FY 2010: RM31.13 juta). Kenaikan kos pengeluaran terutamanya berpunca daripada baja, bahan api dan buruh, telah menjadi kebimbangan sejak bertahun-tahun. Bahagian ini sentiasa berwaspada terhadap tumpuannya dalam mengawal dan mengurangkan peningkatan kos.

Dalam tahun ini, pekerja mahir masih menjadi kekangan utama. Pelbagai skim insentif telah diperkenalkan untuk menarik dan mengekalkan pekerja mahir. Untuk memenuhi permintaan bagi modal insan terlatih di Indonesia, Bahagian telah menjalankan program latihan kadet bagi graduan-graduan muda dari Malaysia dan Indonesia. Selain daripada itu pengetahuan operasi perladangan dan amalan agronomi yang penting, kadet-kadet juga didedahkan dengan rantaian bekalan perladangan.

Bahagian terus memberikan penekanan tentang pentingnya memupuk kemapanan di mana menjaga alam sekitar adalah penting dalam memastikan kemapanan jangka panjang perniagaan. Bahagian juga telah melaksanakan amalan pengurusan alam sekitar yang baik dalam pemuliharaan tanah dan air, penggunaan sisa produk sampingan, pengurusan perosak bersepadu serta polisi pembakaran sifar.

Bahagian mengamalkan kitar semula produk sampingan sawit dan efluen kilang di mana tandan buah kosong perlu menjalani proses pengkomposan dengan efluen kilang minyak sawit mentah. Penggunaan baja kompos yang mengandungi nitrogen tinggi, kepada ladang padadasarnya



Takungan air di Ladang Selatan Desa Talisai bagi pengeluaran dan penggunaan domestik

bertindak sebagai baja organik yang menambah baik keadaan tanah manakala pada masa yang sama meningkatkan pengambilan nutrien, membolehkan perasionalan penggunaan baja tak organik dan mengurangkan kos baja yang tinggi.

Dalam tempoh pelaporan, Bahagian telah berjaya mencapai sasarannya dengan mencapai perakuan penuh di bawah Tatacara Amalan (“PTA”) MPOB bagi kualiti, keselamatan makanan dan kemapanan. Semua unit operasinya termasuk 1 tapak semai, 11 ladang, 4 kilang minyak sawit dan 1 loji penghancur isirung di Sabah telah diperakui.

Projek pengembangan di Indonesia telah meningkatkan momentum dan mencapai kemajuan yang besar. Luas kawasan ditanam keseluruhan telah meningkat sebanyak 156% kepada 13,606 hektar pada FY 2011 (FY 2010: 5,306 hektar). 5,223 hektar lagi sedia untuk penanaman di ladang pada tahun semasa. Tapak-tapak semai yang dibina mempunyai lebih tiga juta benih pada tahun berakhir dan ia akan sedia untuk penanaman meliputi lebih 17,000 hektar. Kilang minyak sawit pertama kami di Indonesia telah memulakan kerja-kerja asas pada 11 Mei 2010 dan dijangka akan memulakan operasi menjelang akhir tahun 2011.

Usaha sama dengan Godrej Agrovet Limited (“GAL”) dalam Godrej IJM Palm Oil Limited (“GIPOL”) untuk menjalankan perniagaan pembelian TBS kelapa sawit dan pengilangan di Goa dan Karnataka, India, telah ditamatkan pada 24 November 2010. Disebabkan perubahan dalam persekitaran perniagaan dan tumpuan ke atas pengembangan ke dalam Indonesia, Bahagian telah melupuskan 51% kepentingan ekuitinya dalam GIPOL. Begitu juga, usaha sama dengan CTI Biofuel, LLC bagi menjalankan perniagaan bio-diesel, telah dibubarkan pada 1 Disember 2010. Bahagian juga telah melupuskan 50% kepentingan ekuiti dalam Loongsyn Sdn Bhd (“LSSB”), syarikat bersekutu, pada 25 Mac 2011. Kegiatan utama LSSB adalah pemborongan dan peruncitan baja dan kimia pertanian, operasi ladang kelapa sawit dan pemegangan pelaburan.

Dalam tahun kewangan, Bahagian telah mengambil alih kawalan dua entiti Indonesia, iaitu PT Prima Alumga ("PTPA") dan PT Indonesia Plantation Synergy ("PTIPS"). PT Primabahagia Permai ("PTPP"), anak syarikat Bahagian telah dinominasikan untuk mengambil alih saham-saham dalam PTPA dan PTIPS. Penyelesaian pengambilalihan saham-saham masih menunggu kelulusan daripada Lembaga Penyelaras Pelaburan Indonesia.

Maju ke hadapan, Bahagian kekal optimis mengenai harapan industri minyak sawit memandangkan permintaan global bagi minyak sawit dijangka akan menikmati pertumbuhan teguh pada tahun-tahun mendatang, dipacu oleh penggunaan yang lebih tinggi daripada pasaran-pasaran baru muncul dan peningkatan penggunaan bagi oleo dan biodiesel, di sebalik kekangan pengeluaran bagi pengganti bijian minyak. Harga MSM pada masa ini didagangkan di atas paras RM3,000 setiap tan. Sekiranya trend positif ini berterusan, Bahagian boleh menjangkakan untuk menghasilkan satu lagi prestasi baik pada tahun-tahun mendatang, tanpa mengambil kira keadaan di luar jangkaan.

Memandangkan operasi di Indonesia semakin maju, Bahagian akan menyediakan langkah-langkah lebih besar dalam melaksanakan program pengembangan dan berusaha gigih untuk mencapai keputusan yang baik dalam jangka masa terdekat dan masa hadapan.

#### Perangkaan Perladangan

	Unit	FY 2011	FY 2010	FY 2009	FY 2008	FY 2007
<b>LADANG</b>						
Kawasan Kelapa Sawit						
<b>Sabah, Malaysia</b>						
Matang (>20 tahun)	hektar	1,980	705	900	-	-
Matang-Utama (8-20 tahun)	hektar	19,694	17,380	14,447	15,600	11,876
Matang-Muda (4-7 tahun)	hektar	2,600	5,505	7,764	7,040	10,673
Belum Matang (1-3 tahun)	hektar	925	1,632	2,136	2,653	2,871
<b>Kalimantan, Indonesia</b>						
Matang (8-20 tahun)	hektar	563	-	-	-	-
Belum Matang (1-3 tahun)	hektar	13,043	5,306	308	-	-
<b>Jumlah Keluasan Ditanam</b>	hektar	<b>38,805</b>	<b>30,528</b>	<b>25,555</b>	<b>25,293</b>	<b>25,420</b>
Pengeluaran TBS	tan	575,210	604,663	600,205	567,324	504,871
Kadar Hasil Setiap Hektar Matang	tan	23.7	25.6	26.0	25.1	22.4
<b>KILANG</b>						
Memproses TBS	tan	708,522	756,870	750,592	724,361	669,050
Memproses Isirung Sawit	tan	32,909	34,201	40,705	52,954	55,778
<b>Pengeluaran</b>						
Minyak Sawit Mentah	tan	151,096	163,452	157,376	154,174	144,095
Isirung Sawit	tan	32,574	33,897	35,022	34,269	30,277
Minyak Isirung Sawit Mentah	tan	14,941	15,147	17,721	23,042	24,038
Hampas Isirung Sawit	tan	16,457	17,092	20,922	27,717	29,004
<b>Kadar Pengekstrakan</b>						
Minyak Sawit Mentah	%	21.3	21.6	21.0	21.3	21.5
Isirung Sawit	%	4.6	4.5	4.7	4.7	4.5
Minyak Isirung Sawit Mentah	%	45.4	44.3	43.5	43.5	43.1
Hampas Isirung Sawit	%	50.0	50.0	51.4	52.3	52.0
<b>PURATA HARGA JUALAN</b>						
Minyak Sawit Mentah	RM/tan	2,760	2,246	2,641	2,544	1,511
Isirung Sawit	RM/tan	1,927	1,116	1,180	1,481	786
Minyak Isirung Sawit Mentah	RM/tan	4,259	2,555	3,107	3,251	1,863
Hampas Isirung Sawit	RM/tan	377	195	358	381	198



Kempen Hari Kualiti TBS di kilang minyak sawit di Sugut



Jalan Bertol Jaipur-Mahua, India

Bahagian Infrastruktur telah melaporkan peningkatan jumlah dagangan sebanyak 15% kepada RM620.28 juta (FY 2010: RM538.91 juta) terutamanya disebabkan oleh kutipan yang lebih tinggi daripada jalan raya bertol di Malaysia dan luar negeri, konsesi pelabuhan tempatan dan loji kuasa kami di India. Selaras dengan itu, keuntungan pra-cukai Bahagian meningkat sebanyak 33% kepada RM127.50 juta (FY 2010: RM95.88 juta) atas akaun yang sama. Aset-aset infrastruktur Bahagian terdiri daripada sembilan (9) konsesi tol (dengan tiga (3) di Malaysia, lima (5) di India dan satu (1) di Argentina), dua pelabuhan - setiap satu di Pahang dan Terengganu, sebuah loji kuasa di India, dan sebuah loji rawatan air di Vietnam.



Jalan Bertol Akses Barat, Argentina

## Pasukan Pengurusan Tol:



*kiri ke kanan  
atas ke bawah*

- James Wong Tet Foh
- Neoh Soon Hiong
- Wan Salwani Binti Wan Yusof
- Cletus Joseph A Pereira
- Yap Pak How
- Chua Lay Hoon
- Hwa Tee Hai
- Ong See Chang

## Pasukan Pengurusan Pelabuhan:



*kiri ke kanan  
atas ke bawah*

- Dato' Ho Phea Keat
- Haji Khasbulah Bin A Kadir
- Azah Bin Abdul Aziz
- Azahari Bin Muhammad Yusof

# Infrastruktur

## Jalan Bertol

Di peringkat domestik, konsesi jalan bertol telah menyumbang sebahagian besar hasil kepada Bahagian Infrastruktur. Pada masa ini, terdapat tiga (3) jalan bertol yang beroperasi, iaitu dimiliki sepenuhnya oleh Lebuhraya Besraya 16.6 Km ("Besraya") dan Lebuhraya Pantai Baru 19.6 Km ("NPE") dan 50% milik sebahagian 43.3 Km Lebuhraya Kajang-Seremban ("LEKAS") yang masing-masing memegang tempoh konsesi selama 44, 34 dan 33 tahun.

Dalam tahun kewangan, jumlah dagangan Besraya meningkat sebanyak 51% kepada RM61.16 berbanding tahun sebelumnya. Keuntungan pra-cukainya meningkat sebanyak 64% kepada RM40.28 juta. Peningkatan terutamanya berpunca daripada pengiktirafan pendapatan tertunda bagi penutupan plaza tol Salak Jaya, penangguhan kenaikan harga tol dan kos kewangan yang lebih rendah. Konsesi Penyambungan Bahagian Timur Besraya ("BEE") telah diberikan dalam tahun kewangan dan akan menyediakan rangkaian penyambungan yang lebih baik ke bahagian Utara dan Timur Laut Kuala Lumpur. Pembinaan BEE telah dimulakan dan dijangka akan siap pada tahun 2013. Ia akan menambah 12.3 Km lagi jarak ke Besraya sedia ada.

NPE juga menunjukkan prestasi yang lebih baik. Ia mencatat 9% peningkatan jumlah dagangan kepada RM105.77 juta. Keuntungan pra-cukainya sebanyak RM27.31 juta adalah 23% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Prestasi yang bertambah baik ini adalah disebabkan oleh pertumbuhan kukuh dalam volum trafik, kos operasi yang kecil dan pengurangan kos kewangan. Perjanjian konsesinya yang menyediakan semakan kadar tol bagi semua kelas kenderaan berkuat kuasa 1 Januari 2009 telah ditunda oleh Kerajaan sehingga kini, untuk meringankan beban kewangan orang awam semasa kelembapan ekonomi global. Pada 18 Februari 2011, Kerajaan juga telah mengurangkan kadar tol bagi kenderaan Kelas 1 di plaza tol PJS2 daripada RM1.60 kepada RM1.00 untuk meringankan beban penduduk yang tinggal berhampiran yang berkuat kuasa bagi 5 tahun. Pengurangan tersebut akan diberi pampasan oleh Kerajaan.



Pusat kawalan trafik di Lebuh Raya Pantai Baru

Bahagian Tol telah mengoptimumkan pengurusan modal untuk meningkatkan kedudukan aliran tunainya melalui pelbagai cara termasuk menyusun semula bayaran balik hutangnya. Pada April 2010, NPE telah menyusun semula Primary Senior BBA Notes selebihnya sebanyak RM370.0 juta di mana 30% daripada nilai nominal bagi setiap Siri telah ditebus dan 20% telah disusun semula atas dasar pro-rata untuk menghasilkan Siri baru sebanyak RM74.0 juta dengan kadar keuntungan 5.55% setiap tahun sehingga tahun 2014. Akibatnya, profil bayaran balik NPE telah dipanjangkan untuk dipadankan dengan aliran tunai konsesi dan waad-waadnya dilonggarkan untuk membolehkan pengagihan lebihan tunai kepada pemegang sahamnya.

LEKAS telah siap dibina pada awal bulan Ogos 2010 dan pelaksanaan kutipan tol penuh dimulakan pada September 2010. Dalam tahun kewangan, LEKAS telah menyumbang jumlah dagangan sebanyak RM15.76 juta (FY 2010: RM5.58 juta) dan kerugian pra-cukai sebanyak RM23.71 juta (FY 2010: RM12.83 juta) terutamanya disebabkan oleh pelunasan aset-aset lebuh raya, kos pembiayaan dan volum trafik yang rendah. Penangguhan kenaikan kadar tol berjadual Lebuh Raya Utara-Selatan sejak tahun 2008 telah menyebabkan tarif yang agak rendah dan secara tidak langsung menyumbang kepada prestasi trafik yang rendah di LEKAS. Tambahan pula, pembangunan dan kadar penghunian di sepanjang jajaran LEKAS masih kurang menggalakkan.

Menjelang FY 2012, Bahagian Tol yakin dengan prestasi berterusan untuk mencapai produktiviti yang lebih tinggi dan kecekapan kos untuk mengekalkan keberuntungan. Maju ke hadapan, portfolio Bahagian akan berkembang dengan kemasukan Projek Penyambungan NPE dan projek Lebuh Raya Pantai Barat sejauh 286 Km melalui pelaburan IJM dalam Kumpulan Europlus Berhad.

Di India, operasi jalan bertol Bahagian yang terdiri daripada Lebuh Raya Bertol Rewa (387 Km) milik penuh dan Lebuh Raya Bertol Swarna (145 Km) milik 35% Kumpulan telah beroperasi bagi tempoh tujuh tahun dengan bilangan trafik yang semakin meningkat. Lebuh raya bertol baru adalah Lebuh Raya Bertol Jaipur-Mahua (108 Km) milik penuh, Lebuh Raya Bertol Chikkaluripet-Vijayawada (79 Km) milik 50% dan Lebuh Raya Bertol Trichy (93 Km) milik 50% Kumpulan. Kerja pembinaan ke atas Enam Lorong Lebuh Raya Bertol Chikkaluripet-Vijayawada masih berterusan dalam tahun kewangan. Lebuh raya bertol di India memegang tempoh konsesi selama antara 16 hingga 31 tahun.



Jalan Bertol Swarna, India



Pemandangan malam hari di plaza tol Swarna, India

Dalam tahun kewangan, lebuh raya bertol India telah menyumbang hasil yang lebih tinggi sebanyak RM119.30 juta (FY 2010: RM98.34 juta) terutamanya disebabkan oleh sumbangan jumlah dagangan daripada lebuh raya bertol Jaipur-Mahua dan lebuh raya bertol Trichy, yang telah memulakan kutipan tol sepenuhnya pada pertengahan FY 2010. Keuntungan pra-cukai adalah RM18.79 juta (FY 2010:RM21.61 juta) terutamanya disebabkan oleh pengiktirafan keuntungan terjemahan tukaran asing bersih berhubung dengan pinjaman didominasi Dolar US luar pesisir. Tanpa keuntungan tersebut, Bahagian Tol India mungkin mengalami kerugian pra-cukai sebanyak RM8.55 juta (FY 2010: RM22.41 juta) yang lebih rendah pada tahun ini disebabkan profil kematangan aset-aset sedia ada dengan kutipan tol yang bertambah baik. Adalah dijangkakan bahawa operasi kutipan tol India, yang merupakan peringkat awal konesinya, akan terus menghadapi cabaran dari segi volum trafik dan kos hutang yang tinggi.

Kumpulan telah menandatangani perjanjian pembelian saham bersyarat untuk membeli kepentingan tambahan berjumlah 45% dalam Lebuh Raya Bertol Swarna pada Oktober 2010 dan Jun 2011, dan kepentingan tambahan sebanyak 49% dalam Lebuh Raya Bertol Chilkaluripet-Vijayawada pada Mei 2011. Ini dijangka akan memberikan petanda baik buat Kumpulan untuk membina portfolio Aset Infrastruktur luar negerinya bagi aliran pendapatan masa hadapan yang berterusan.

Di Argentina, 20% Grupo Concesionario del Oeste S.A. (“GCO”) milik Kumpulan yang mengendalikan konsesi selama 21 tahun bagi Lebuh Raya Bertol Akses Barat (56 Km) di Buenos Aires, telah menyumbang jumlah dagangan yang lebih tinggi sebanyak 14% kepada RM45.08 juta berbanding tahun sebelumnya disebabkan oleh semakan kadar tol bagi kenderaan kategori 2 dan kenderaan waktu sibuk pada Disember 2009 berserta dengan semakan kedua sebanyak 20% dalam semua kategori pada Oktober 2010. Volum trafik keseluruhan telah pulih sebanyak 7% kepada 112.1 juta unit kereta penumpang berbanding tahun sebelumnya. Akibatnya, bahagian keuntungan Kumpulan memperoleh RM1.23 juta berbanding kerugian tahun sebelumnya sebanyak RM0.53 juta. Harapan GCO bagi tahun 2011 dijangka akan positif, setelah menyaksikan pemulihan baik dalam tahap trafik pada tahun 2010.

Adalah dijangkakan bahawa prospek Kumpulan dalam perniagaan jalan bertol terus kekal positif dengan pendedahan risiko operasi dan risiko kewangan yang terbatas dan akan terus menyumbang aliran pendapatan berulang yang teguh kepada perolehan Kumpulan.



Pelabuhan Kuantan, Pahang



Pemunggahan turun paip keluli di Pelabuhan Kuantan

## Pelabuhan

Terdapat dua konsesi pelabuhan dalam aset konsesi Kumpulan yang stabil yang telah menyumbang secara positif kepada keuntungannya. Dalam tahun kewangan, Pelabuhan Kuantan telah mencapai keuntungan pra-cukai yang bertambah baik sebanyak 21% kepada RM49.50 juta (FY 2010: RM40.07 juta) berdasarkan jumlah dagangan yang lebih tinggi sebanyak RM124.20 juta (FY 2010: RM112.30 juta). Daya pemprosesan kargo mencatat berat kargo sebanyak 12.7 juta tan (FY 2010: 11.0 juta tan), peningkatan sebanyak 15% berbanding tahun sebelumnya yang disumbangkan oleh eksport kimia cecair, import minyak mineral dan petroleum, eksport bijih besi dan kontena berikutan pemulihan daripada kelembapan ekonomi global.

39% kepentingan Kumpulan dalam Pelabuhan Kemaman, Terengganu yang mengendalikan Dermaga Timur dan Himpitan Kimia Cecair berprestasi baik. Kumpulan mencatat bahagian jumlah dagangannya sebanyak RM13.42 juta (FY 2010: RM13.18 juta) dan bahagian keuntungan pra-cukai sebanyak RM2.89 juta (FY 2010: RM3.32 juta) yang berpunca daripada pengendalian kargo dan perkhidmatan marin.

Dalam tahun kewangan, Bahagian Pelabuhan terus melabur dalam kemudahan pelabuhan yang akan menghasilkan pulangan yang baik kepada untung ruginya. Bahagian ini merancang untuk membina tiga himpitan baru yang menelan kos RM150 juta untuk mengendalikan kargo tambahan dan mengurangkan kesesakan himpitan semasa disebabkan peningkatan ketara dalam kargo bijih besi dan paip keluli.

Di peringkat antarabangsa, Bahagian Pelabuhan sedang meneroka peluang perniagaan dalam pembangunan, pengurusan dan operasi pelabuhan di seluruh rantau ini. Bahagian ini menjangkakan bahawa perdagangan maritime global akan terus memainkan peranan penting dalam tahun-tahun mendatang dan ini dijangka akan memberikan petanda baik buat Bahagian Pelabuhan memandangkan ia akan terus memberikan sumbangan teguh kepada Kumpulan pada masa hadapan.

## Loji Kuasa

Di India, konsesi loji kuasa tunggal Kumpulan di Andra Pradesh, adalah loji kuasa Gautami Power 20% miliknya, sebuah Loji Kuasa Kitaran Gabungan 469 MW berdasarkan gas asli. Loji kuasa ini telah menyumbang jumlah dagangan yang lebih tinggi sebanyak 11% kepada RM123.89 juta (FY 2010: RM111.47 juta) dan peningkatan keuntungan pra-cukai sebanyak 44% kepada RM13.84 juta (FY 2010: RM9.61 juta) bagi bahagian keputusan Kumpulan dalam tahun kewangan. Pelaburan ini dijangka akan menyumbang aliran pendapatan tetap kepada Kumpulan sepanjang tempoh konsesi sehingga tahun 2023.

## Loji Rawatan Air

Syarikat bersekutu milik 36%, Binh An Water Corporation Ltd di Vietnam telah menyumbang keuntungan bersih sebanyak RM3.05 juta (FY 2010: RM3.50 juta) kepada bahagian keputusan Kumpulan dalam tahun kewangan. Pelaburan ini dijangka akan menyumbang aliran pendapatan yang stabil kepada Kumpulan sehingga tahun 2019.



Loji Kuasa Gautami di Andhra Pradesh, India



Lebuhraya Besraya

## KESIMPULAN


Tanpa mengambil kira prestasi keseluruhan Kumpulan yang bercampur-campur dalam tahun kewangan, saya percaya bahawa IJM telah mempamerkan prestasi yang agak baik meskipun berhadapan dengan persekitaran pasaran yang berdaya saing dan mencabar. Prospek bagi Bahagian Pembinaan dalam tahun Kewangan akan datang adalah menggalakkan apabila penambahan buku tempahan kekal positif memandangkan Kerajaan terus memberi penekanan ke atas perbelanjaan infrastruktur berserta dengan pembangunan sektor swasta yang semakin meningkat.

Rejim gadai janji ketika ini, sentimen pengguna yang bertambah baik dan pendapatan boleh guna yang lebih tinggi berserta dengan jualan belum dibil kami yang kukuh melebihi RM1 bilion akan terus memacu Bahagian Hartanah kami untuk mencapai pencapaian yang lebih tinggi. Dengan pelaksanaan lebih banyak projek PTE dan projek pembangunan minyak dan gas, Bahagian Industri kami menjangkakan buku tempahan dan prestasi kewangannya akan bertambah baik pada masa hadapan.

Bahagian Perladangan kami dijangka akan mencapai satu lagi pusingan prestasi baik sekiranya harga melebihi paras RM3,000 setiap tan berserta dengan jangkaan pemulihan dalam pengeluaran TBS. Sementara itu, aset-aset Infrastruktur matang kami dijangka akan menyumbang kepada perolehan Kumpulan dengan aliran pendapatan berulang yang teguh yang dihasilkan daripada operasi tol, pelabuhan, air dan kuasa.

Kumpulan sentiasa berwaspada dalam tindakannya dan proaktif dalam pengurusan manakala pada masa yang sama beroperasi dalam persekitaran perniagaan yang teguh dan sangat berdaya saing. Prestasi operasi Kumpulan bagi tahun kewangan akan datang dijangka akan memuaskan memandangkan Kumpulan terus menghasilkan pertumbuhan yang menguntungkan.

Sebagai penutup, saya secara peribadi ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada warga kerja IJM atas kerja keras, disiplin dan dedikasi mereka kepada Kumpulan. Manakala tahun lepas adalah tempoh yang mencabar, saya percaya bahawa kita telah bangkit sebagai syarikat yang lebih kukuh dan mantap untuk mencapai pertumbuhan... *“Kekuatan Akar Umbi, Daya Tahan dalam Pertumbuhan”*.



**Dato' Teh Kean Ming**  
KPE & Pengarah Urusan

# Penyata Urus Tadbir Korporat

Lembaga Pengarah (“Lembaga”) menyedari kepentingan urus tadbir korporat yang baik dalam membina pertumbuhan perniagaan yang mapan, dan adalah komited untuk memastikan agar piawaian tertinggi bagi urus tadbir korporat sebagaimana terbentuk dalam Kod Malaysia mengenai Urus Tadbir Korporat (“Kod”) diamalkan pada keseluruhan Kumpulan.

## I. LEMBAGA PENGARAH

### 1. Komposisi Lembaga

Daripada sebelas (11) ahli Lembaga, lapan (8) adalah Pengarah Bukan Eksekutif. Antara para Pengarah Bukan Eksekutif, empat (4) merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Pengerusi adalah salah seorang daripada Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Datuk Yahya bin Ya’acob adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan, yang boleh menjawab sebarang pertanyaan atau kebimbangan berhubung dengan Kumpulan di samping Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan (“KPE&PU”).

Peranan Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas dan KPE&PU adalah berbeza dan berasingan untuk memastikan terdapat keseimbangan kuasa dan pemberian kuasa. Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas bertanggungjawab bagi kepimpinan, keberkesanan, perjalanan dan urus tadbir Lembaga. Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas sebelum ini tidak memegang jawatan KPE&PU dalam Kumpulan.

KPE&PU mempunyai tanggungjawab keseluruhan bagi pengurusan harian perniagaan dan pelaksanaan dasar dan keputusan Lembaga. KPE&PU bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan sewajarnya matlamat strategik, operasi berkesan dalam Kumpulan, dan untuk menerangkan, menjelaskan dan memaklumkan kepada Lembaga mengenai perkara-perkara berhubung dengan Kumpulan.

Komposisi dan saiz Lembaga disemak dari masa ke masa bagi memastikan kesesuaianya. Profil setiap Pengarah dibentangkan pada muka surat 20 hingga 27.

### 2. Tugas-tugas dan tanggungjawab Lembaga

Lembaga pada dasarnya bertanggungjawab bagi rancangan strategik keseluruhan Kumpulan bagi prestasi perniagaan, menyelia perjalanan perniagaan yang teratur, perancangan penggantian, program hubungan pelabur pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman dan maklumat pengurusan; manakala pengurusan bertanggungjawab bagi penyempurnaan polisi-polisi dinyatakan dan pencapaian objektif-objektif korporat dinyatakan Kumpulan. Pembatasan saling melengkapi dan mengukuhkan peranan penyeliaan Lembaga.



*Indeks Urus Tadbir Korporat Malaysia - Anugerah Kecemerlangan Industri (Pembinaan) 2010*

Para Pengarah mempunyai set kemahiran, pengalaman dan pengetahuan yang berbeza diperlukan untuk mentadbir Kumpulan. Para Pengarah Bukan Eksekutif adalah para profesional dalam bidang kejuruteraan, kewangan, perakaunan, ekonomi atau pentadbir awam kanan yang berpengalaman. Bersama-sama, mereka membawa rangkaian meluas kekompetenan, kebolehan, kemahiran teknikal dan pengalaman perniagaan yang relevan untuk memastikan agar Kumpulan terus menjadi peneraju yang berdaya saing dalam segmen industri pelbagainya dengan reputasi yang kukuh bagi kekompetenan teknikal dan profesional. Para Pengarah Bukan Eksekutif Bebas membawa pertimbangan bebas dan menyediakan pandangan konstruktif ke atas isu-isu strategi, prestasi perniagaan, sumber dan standard tatalaku.

Syarikat dari masa ke masa menggunakan khidmat Para Pengarah Eksekutif yang telah bersara untuk peranan khusus dalam operasi Syarikat bagi tempoh-tempoh khusus. Para Pengarah ini akan dibayar imbuhan untuk perkhidmatan mereka.

### **3. Mesyuarat Lembaga**

Lembaga mengadakan sekurang-kurangnya empat mesyuarat berjadual tetap setiap tahun, dengan mesyuarat tambahan diadakan bila dan apabila perlu. Dalam tahun kewangan, lima (5) mesyuarat Lembaga telah diadakan.

Rekod kehadiran setiap Pengarah adalah seperti berikut:-

	<b>Bilangan Mesyuarat Dihadiri</b>	<b>Peratusan</b>
<b>Pengarah Eksekutif</b>		
Dato' Teh Kean Ming	5 daripada 5	100%
Tan Sri Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	5 daripada 5	100%
Tan Gim Foo ( <i>Dilantik pada 1 Januari 2011</i> )	1 out of 1	100%
<b>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas</b>		
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob	5 daripada 5	100%
Tan Sri Abdul Halim bin Ali	5 daripada 5	100%
Datuk Yahya bin Ya'acob	5 daripada 5	100%
Datuk Oh Chong Peng	5 daripada 5	100%
<b>Pengarah Bukan Eksekutif</b>		
Datuk Hj Hasni bin Harun	5 daripada 5	100%
Datuk Lee Teck Yuen	5 daripada 5	100%
Dato' David Frederick Wilson	5 daripada 5	100%
Dato' Goh Chye Koon	4 daripada 5	80%
<b>Pengarah Silih Ganti</b>		
Tan Gim Foo, Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Koon^	4 daripada 4	100%

<sup>^</sup> Berhenti sebagai Pengarah Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Koon pada 1 Januari 2011

Selain daripada mesyuarat-mesyuarat Lembaga ini, para Pengarah juga menghadiri beberapa mesyuarat mempertimbangkan tender dan taklimat pelaburan, di mana para Pengarah membincang mengenai penyertaan Kumpulan dalam membida projek besar melebihi jumlah sebanyak RM500 juta (atau RM250 juta bagi kontrak luar negara) atau pelaburan. Mesyuarat dan perundingan tidak rasmi sering kali dan secara bebas diadakan untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman. Para Pengarah juga menghadiri ceramah pengurusan kanan tahunan di mana strategi operasi, kemajuan prestasi dan isu-isu lain dikemukakan, dibincangkan dan dimaklumkan kepada pengurus-pengurus kanan Kumpulan.

# Penyata Urus Tadbir Korporat (samb.)



*Para pengarah dan pengurusan kanan menghadiri dialog Urus Tadbir Korporat*

## 4. Bekalan Maklumat

Semua Pengarah disediakan dengan laporan prestasi dan kemajuan tepat pada masa sebelum mesyuarat berjadual Lembaga. Semua kertas Lembaga, termasuk isu-isu rumit atau perkara-perkara khusus, diedarkan lebih awal bagi memastikan para Pengarah dimaklumkan secukupnya dan mempunyai peluang untuk meminta maklumat tambahan, dan boleh mendapatkan penjelasan selanjutnya daripada Setiausaha Syarikat, sekiranya timbul keperluan. Di mana perlu, perkhidmatan lain-lain pengurusan kanan atau perunding luar akan diatur untuk memberi penerangan singkat dan membantu para Pengarah menjelaskan sebarang keraguan atau kebimbangan.

Jadual perkara-perkara yang diketepikan secara khusus untuk pertimbangan Lembaga, seperti kelulusan rancangan korporat dan bajet tahunan, usaha niaga baru, pembelian dan pelupusan usaha niaga dan harta bernilai besar, dan perubahan kepada struktur pengurusan dan kawalan dalam Kumpulan, termasuk polisi penting, had kuasa yang ditugaskan dan, penyertaan dalam pertimbangan tender untuk projek pembinaan melebihi had yang diwujudkan. Minit-minit teratur mengenai semua pertimbangan Lembaga direkodkan, termasuk isu-isu yang dibincangkan dan pemuktamadan keputusan.

Semua Pengarah mempunyai akses kepada nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat sepenuh masa. Para Pengarah boleh mendapatkan nasihat bebas di mana perlu, atas perbelanjaan Syarikat, untuk memastikan para Pengarah akan dapat membuat keputusan bebas dan termaklum.

## 5. Jawatankuasa Ditubuhkan oleh Lembaga

Lembaga telah menugaskan fungsi-fungsi tertentu kepada Jawatankuasa yang ia tubuhkan untuk membantu dalam pelaksanaan tanggungjawabnya. Jawatankuasa beroperasi di bawah bidang tugas yang telah ditetapkan secara jelas. Jawatankuasa diberi kuasa oleh Lembaga untuk berurusan dengan dan untuk membincang perkara-perkara yang ditugaskan kepada mereka dalam bidang tugas mereka. Pengerusi Jawatankuasa masing-masing melaporkan kepada Lembaga mengenai keputusan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa dan laporan-laporan tersebut dimasukkan dalam kertas-kertas Lembaga.

### A. Jawatankuasa Eksekutif

Jawatankuasa Eksekutif telah ditubuhkan pada 31 Mac 1995 dan keahliannya terdiri daripada Pengarah-pengarah Eksekutif Lembaga. Jawatankuasa Eksekutif bermesyuarat secara bulanan untuk mengkaji operasi bahagian beroperasi Kumpulan. Turut menghadiri adalah Ketua Bahagian, Ketua Pegawai Kewangan, Setiausaha Syarikat dan ketua-ketua jabatan berkaitan. Bidang-bidang tugas Jawatankuasa Eksekutif tersedia untuk rujukan pada laman web Syarikat di <http://www.ijm.com>.

Dalam tahun kewangan, 11 mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif telah diadakan. Semua ahli Jawatankuasa Eksekutif telah menghadiri semua mesyuarat.

### B. Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan pada 31 Januari 1994 terdiri secara keseluruhannya daripada para Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Jawatankuasa Audit dipengerusikan oleh Datuk Oh Chong Peng dan lain-lain ahli Jawatankuasa Audit adalah Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob, Datuk Yahya bin Yaacob dan Tan Sri Abdul Halim bin Ali. Bidang tugas dan ringkasan kegiatan Jawatankuasa Audit dikemukakan pada muka surat 93 hingga 95.

### C. Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan

Jawatankuasa Imbuhan telah ditubuhkan pada 2 Disember 1998 dan telah dinamakan semula sebagai Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan pada 16 Mei 2001. Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan dianggotai keseluruhannya oleh para Pengarah Bukan Eksekutif dipengerusikan oleh Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob (*duduk kanan*). Tiga pengarah lain yang menganggotai Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan adalah Datuk Yahya bin Ya'acob (*berdiri kiri*), Datuk Oh Chong Peng (*duduk kiri*) dan Datuk Lee Teck Yuen (*berdiri kanan*).

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan adalah untuk membantu Lembaga dalam menyemak dan mengesyorkan polisi-polisi imbuhan yang sesuai terpakai kepada para Pengarah, KPE&PU dan pengurusan kanan dan pelantikan dan penilaian prestasi para Pengarah.

Bidang tugas Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan termasuk untuk mengkaji dan menentukan campuran kualiti kemahiran, pengalaman dan lain-lain kualiti (termasuk kekompetenan teras para Pengarah Bukan Eksekutif atas dasar tahunan); dan untuk menilai keberkesanan Lembaga secara keseluruhan, jawatankuasa Lembaga dan sumbangan setiap Pengarah individu atas dasar tahunan. Butir-butir mengenai bidang tugas Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan tersedia untuk rujukan pada laman web Syarikat di <http://www.ijm.com>.

Kegiatan Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan dalam tahun kewangan termasuk yang berikut:-

- (i) menilai dan meluluskan pelantikan Timbalan Pengerusi Eksekutif, KPE&PU dan Timbalan KPE & Timbalan PU yang baru;
- (ii) mengkaji kontrak perkhidmatan para Pengarah Bukan Eksekutif dan mengambil semula pegawai-pegawai kanan yang telah bersara;
- (iii) mengkaji gaji, kenaikan pangkat dan bonus & insentif pengurusan kanan Kumpulan;
- (iv) menaksir dan menilai keberkesanan Lembaga dan Pengarah individu (termasuk KPE&PU);
- (v) mengkaji Manual Sumber Manusia - Skim & Syarat-syarat Perkhidmatan;
- (vi) mengkaji bidang tugas Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan;
- (vii) mengkaji Yuran para Pengarah bagi Kumpulan; dan
- (viii) menimbangkan dan melantik penasihat luar bagi langkah semakan gaji Kumpulan.

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan akan bermesyuarat sebagaimana diperlukan. Lima (5) mesyuarat telah diadakan dalam tahun kewangan dan rekod kehadiran setiap ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan	Bilangan Mesyuarat Dihadiri	Peratusan
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman Bin Wan Yaacob	5 daripada 5	100%
Datuk Yahya bin Ya'acob	4 daripada 5	80%
Datuk Oh Chong Peng	5 daripada 5	100%
Datuk Lee Teck Yuen	5 daripada 5	100%

Semua pengesyoran Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan adalah tertakluk kepada pengendorsan Lembaga.

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan secara keseluruhannya berpuas hati dengan prestasi dan keberkesanan Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga. Kriteria dan kaedah penaksiran dan penilaian Lembaga dan Pengarah individu telah disemak dan diformalkan. Penaksiran Lembaga adalah berdasarkan kriteria khusus meliputi bidang-bidang seperti prestasi perniagaan secara keseluruhan, urus tadbir Lembaga, pembangunan pengurusan dan penggantian, dan komposisi & struktur Lembaga. Kriteria khusus bagi penilaian Pengarah individu meliputi kepakaran, pertimbangan, pendekatan kepada percanggahan, komitmen masa dan usaha dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Proses penilaian dan penaksiran dijalankan melalui cara elektronik melalui iPortal di bawah e-Penilaian.



# Penyata Urus Tadbir Korporat (samb.)

Sebagai satu dasar, Lembaga sendiri akan menaksir, menilai dan menentukan kebebasan Pengarah Bebas apabila tiba masanya bagi dilantik semula pada Mesyuarat Agung Tahunan, tanpa mengambil kira bawa tempoh perkhidmatan Pengarah Bebas telah melebihi dua belas (12) tahun.

## D. Jawatankuasa Sekuriti dan Opsyen

Jawatankuasa Sekuriti dan Opsyen (“JSO”) telah ditubuhkan pada 27 Ogos 2007 menggabungkan peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Saham dan Jawatankuasa Skim Opsyen Saham Kakitangan yang telah ditubuhkan sebelum ini masing-masing pada 3 September 1986 dan 30 Oktober 2003. JSO bertanggungjawab dalam melaksanakan dan mentadbir opsyen, dan mengawal dan meluluskan urus niaga dan pendaftaran sekuriti. JSO terdiri daripada Datuk Yahya bin Ya’acob (Pengerusi), Dato’ Teh Kean Ming dan Dato’ David Frederick Wilson.

## 6. Pelantikan ke Lembaga

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan bertanggungjawab untuk membuat pengesongan bagi pelantikan para Pengarah kepada Lembaga, termasuk lembaga anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu. Dalam membuat pengesongan-pengesongan ini, Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan menimbangkan campuran kemahiran dan pengalaman yang diperlukan, yang para Pengarah telah bawa kepada Lembaga.

## 7. Pelantikan Semula

Tataurus Pertubuhan Syarikat memperuntukkan setiap Pengarah yang baru dilantik akan menjadi tertakluk kepada pelantikan semula pada Mesyuarat Agung Tahunan serta-merta. Selanjutnya, satu pertiga (1/3) daripada Lembaga hendaklah bersara daripada jawatan dan menjadi layak untuk pelantikan semula pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan, dan semua Pengarah hendaklah menawarkan diri mereka bagi pelantikan semula sekurang-kurangnya pada setiap tiga tahun. Ini telah diamalkan secara konsisten.

## 8. Latihan Para Pengarah

Semua Pengarah telah menghadiri Program Pentauliahan Mandatori Para Pengarah yang diaturkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Securities”). Para Pengarah kami telah menghadiri persidangan, seminar, dan program latihan dari masa ke masa meliputi bidang kewangan, pengurusan risiko, dan dalam undang-undang, peraturan-peraturan dan garis panduan berperaturan. Kursus induksi ringkas diberikan oleh Setiausaha Syarikat kepada para Pengarah baru yang dilantik ke Lembaga.

Syarikat menyedari mengenai kepentingan latihan berterusan bagi para Pengarah untuk membolehkan para Pengarah melaksanakan tugas-tugas mereka secara berkesan, dan akan atas dasar berterusan, menilai dan menentukan keperluan latihan para Pengarahnya.

Dalam tahun, semua Pengarah telah menghadiri pelbagai program latihan, seminar dan/atau persidangan. Butir-butir mengenai Latihan para Pengarah disediakan untuk rujukan dalam laman web Syarikat di <http://www.ijm.com>.

Kemas kini mengenai undang-undang syarikat dan sekuriti, kaedah dan peraturan berkaitan yang lain, seperti pindaan kepada Akta Syarikat 1965, Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Securities, Kod, Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007, disediakan kepada Lembaga, bersama dengan kertas Lembaga, supaya mereka memahami tentang perkembangan terkini dalam bidang-bidang ini.

Di mana mungkin dan apabila peluang timbul, mesyuarat Lembaga akan diadakan di lokasi dalam perniagaan-perniagaan Kumpulan yang beroperasi untuk membolehkan para Pengarah mendapat perspektif yang lebih baik mengenai perniagaan dan mempertingkat pemahaman mereka mengenai operasi Kumpulan. Lembaga juga telah melawat tapak-tapak projek dalam tahun.



*Para Pengarah dan kakitangan menghadiri ceramah mengenai Akta Persaingan Malaysia dan kesannya ke atas perniagaan*

## II. IMBUHAN

Polisi imbuhan Syarikat adalah berdasarkan falsafah memberi pertimbangan lebih tinggi ke atas bonus berkaitan prestasi. Ini termaktub dalam polisi imbuhan bagi para Pengarah Eksekutif (dan pengurusan kanan), yang dikaji secara tahunan oleh Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan. Kumpulan juga mengambil bahagian dalam tinjauan khusus industri oleh firma-firma profesional bebas untuk mendapatkan data dalam mengukur rujuk Kumpulan.

Prestasi para Pengarah diukur melalui sumbangan dan komitmen Pengarah kepada kedua-dua Lembaga dan Kumpulan. Imbuhan Pengarah Eksekutif dan pengurusan kanan bergantung kepada prestasi Kumpulan dan pencapaian matlamat (termasuk sasaran organisasi yang telah ditentukan jumlahnya, Indeks Prestasi Utama dan/atau pencapaian peribadi) ditetapkan pada permulaan setiap tahun.

Dalam hal Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif, tahap imbuhan menggambarkan sumbangan dan tahap tanggungjawab dipikul oleh Pengarah Bukan Eksekutif tertentu.

Sebagai tambahan kepada gaji pokok dan bonus & insentif bagi semua kakitangan, termasuk para Pengarah Eksekutif, Kumpulan juga menawarkan manfaat bukan berupa wang seperti penjagaan perubatan peribadi (termasuk insurans penyakit kritis “portable”) dan kereta selaras dengan Skim dan Syarat-Syarat Perkhidmatan IJM. Di samping itu kadar caruman berkanun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebanyak 12%, Kumpulan turut menawarkan caruman tambahan berkisar di antara 1% hingga 5% kepada semua kakitangannya berdasarkan tempoh perkhidmatan.

Dalam tahun kewangan lepas, Kumpulan telah menawarkan untuk jualan jumlah sebanyak 60,000,000 waran IJM Land Berhad, sebuah anak syarikat, kepada semua kakitangan Kumpulan yang layak pada RM0.302 setiap waran.

### Imbuhan para Pengarah

Butir-butir mengenai imbuhan para Pengarah dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

A. Agregat imbuhan para Pengarah dikategorikan kepada komponen-komponen yang sesuai:

#### Syarikat

	Gaji RM'000	Yuran RM'000	Bonus, Insentif & Lain-lain RM'000	KWSP RM'000	Manfaat Bukan Dalam Bentuk Wang RM'000	Jumlah RM'000
Pengarah Eksekutif	1,938	–	11,881	1,000	42	14,861
Pengarah Bukan Eksekutif	1,002	687	165	89	50	1,993
<b>Jumlah</b>	<b>2,940</b>	<b>687</b>	<b>12,046</b>	<b>1,089</b>	<b>92</b>	<b>16,854</b>

Selain daripada itu, peruntukan sebanyak RM1,000 telah dibayar kepada para Pengarah Bukan Eksekutif bagi setiap mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa yang dihadiri.

#### Syarikat-syarikat Berkaitan Lain

	Gaji RM'000	Yuran RM'000	Bonus, Insentif & Lain-lain RM'000	KWSP RM'000	Manfaat Bukan berupa Wang RM'000	Jumlah RM'000
Pengarah Eksekutif	510	277	351	143	24	1,305
Pengarah Bukan Eksekutif	–	133	14	–	–	147
<b>Jumlah</b>	<b>510</b>	<b>410</b>	<b>365</b>	<b>143</b>	<b>24</b>	<b>1,452</b>

# Penyata Urus Tadbir Korporat (samb.)

B. Agregat imbuhan setiap Pengarah:

	Imbuhan diterima daripada Syarikat	Imbuhan diterima daripada Lain-lain Syarikat Berkaitan
<b>Pengarah Eksekutif</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Tan Sri Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	13,512 <sup>@</sup>	159 <sup>* #</sup>
Dato' Teh Kean Ming	1,349	141 <sup>* #</sup>
Tan Gim Foo	-	1,005 <sup>^</sup>
<b>Pengarah Bukan Eksekutif</b>		
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob	190	-
Datuk Yahya bin Ya'acob	111	-
Tan Sri Abdul Halim bin Ali	96	-
Datuk Oh Chong Peng	119	82 <sup>#</sup>
Datuk Hj Hasni bin Harun	66 <sup>**</sup>	-
Datuk Lee Teck Yuen	82	65 <sup>*</sup>
Dato' David Frederick Wilson	671 <sup>***</sup>	-
Dato' Goh Chye Koon	658 <sup>***</sup>	-
<b>Total</b>	<b>16,854</b>	<b>1,452</b>

\* Yuran dan elaun diterima daripada IJM Land Berhad dalam keupayaan mereka sebagai Pengarah Bukan Eksekutif.

# Yuran dan elaun diterima daripada IJM Plantations Berhad dalam keupayaannya sebagai Pengarah Bukan Eksekutif.

^ Imbuhan Tan Gim Foo dalam keupayaan beliau sebagai Pengarah Urusan IJM Construction Sdn Bhd.

\*\*\* Imbuhan Dato' David Frederick Wilson dan Dato' Goh Chye Koon diterima berhubung dengan tugas luar negara khusus.

@ Termasuk gratuity persaraan sebanyak RM8.4 juta.

\*\* Yuran dan elaun dibayar kepada Zelan Berhad.

## III. PERHUBUNGAN PELABUR DAN KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM

### 1. Dialog antara Syarikat dan para Pelabur

Syarikat memberi perhatian utama dalam memastikan taraf tertinggi ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam pendedahan maklumat yang penting kepada pemegang-pemegang sahamnya serta pelabur-pelabur berpotensi penganalisisan dan orang awam.

Ini dicapai melalui pengumuman dan pendedahan tepat pada masa dibuat kepada Bursa Securities, termasuk keputusan kewangan suku tahunan, kontrak material yang diberikan, perubahan dalam komposisi Kumpulan dan sebarang maklumat material lain yang mungkin melibatkan pembuatan keputusan pelabur-pelabur. Keputusan kewangan teraudit tahun penuh Syarikat telah diumumkan dalam tempoh dua (2) bulan selepas akhir tahun kewangan. Laporan tahunan komprehensif diumumkan dalam tempoh empat (4) bulan selepas akhir tahun kewangan.

Kumpulan juga kerap mengadakan dialog dengan penganalisis kewangan. Sekurang-kurangnya dua Taklimat Ringkas Syarikat berjadual diadakan setiap tahun, biasanya berkebetulan dengan pengumuman keputusan suku tahunan kedua dan akhir Kumpulan, untuk menjelaskan keputusan yang dicapai serta juga strategi segera dan jangka panjang, bersama dengan implikasinya, maju ke hadapan.

Sidang akhbar biasanya diadakan selepas setiap Mesyuarat Agung Tahunan dan/atau Mesyuarat Agung Luar Biasa untuk menyediakan kepada media, peluang untuk menerima kemas kini daripada Lembaga semasa prosiding pada mesyuarat dan untuk membincangkan sebarang pertanyaan atau bidang-bidang yang menarik minat media.



Mesyuarat Agung Tahunan IJM ke-26 2010



Timbalan Pengarah Eksekutif kami mengadakan perbincangan ringan dengan beberapa pemegang saham

Syarikat juga mengambil bahagian dalam beberapa forum pelabur institusi dalam tahun kewangan, kedua-dua dalam negara dan di luar Malaysia. Ringkasan kegiatan perhubungan pelabur Kumpulan dalam tahun kewangan dan maklumat korporat tambahan dan/atau pendedahan Kumpulan adalah tersedia untuk rujukan pada laman web Syarikat di <http://www.ijm.com>.

Sebarang maklumat yang mungkin dianggap sebagai material tidak akan diberi kepada mana-mana pemegang saham tunggal atau kumpulan pemegang saham atas dasar pilihan kecuali sehingga tahap perwakilan mereka dalam Lembaga.

## **2. Mesyuarat Agung Tahunan**

Mesyuarat Agung Tahunan adalah forum utama bagi dialog dengan pemegang-pemegang saham. Notis mesyuarat dan laporan tahunan dihantar kepada pemegang-pemegang saham sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh mesyuarat selaras dengan Tataurus Pertubuhan Syarikat.

Pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan, pembentangan dibuat oleh KPE&PU untuk menerangkan strategi, prestasi dan perkembangan utama Kumpulan kepada pemegang-pemegang saham. Lembaga juga menggalakkan pemegang-pemegang saham untuk turut serta dalam sesi soal jawab pada Mesyuarat Agung Tahunan.

## **3. Fungsi Perhubungan Pelabur**

Kumpulan, menyedari betapa pentingnya perhubungan pelabur, telah menujuhkan Jabatan Perhubungan Pelabur untuk membangunkan dan mengekalkan secara berterusan program perhubungan pelabur dan secara seimbang memaklumkan kepada pemegang-pemegang saham dan komuniti melabur mengenai pembangunan Kumpulan dalam cara yang berkesan, jelas dan tepat pada masanya.

## **4. Keterbukaan dan Ketelusan**

Kumpulan telah mewujudkan sebuah laman web yang komprehensif di <http://www.ijm.com> yang termasuk seksyen yang dikhatuskan untuk Perhubungan Pelabur, untuk selanjutnya meningkatkan komunikasi pemegang saham.

Untuk memberi khidmat yang lebih baik kepada pemegang-pemegang pelbagai kepentingan Kumpulan, satu halaman maklum balas pada laman web menyediakan laluan untuk pemegang-pemegang pelbagai kepentingan mencadangkan penambahbaikan melalui emel: [ijmir@ijm.com](mailto:ijmir@ijm.com). Selain daripada itu, pemegang-pemegang pelbagai kepentingan yang ingin menghubungi bahagian masing-masing Kumpulan boleh berbuat demikian melalui halaman ‘Contact Us’.

Pertanyaan-pertanyaan pelabur berhubung dengan prestasi kewangan atau perkembangan syarikat boleh disalurkan kepada Pengurus Perhubungan Pelabur, manakala soalan berkaitan pemegang saham dan syarikat boleh dirujuk kepada Setiausaha Syarikat, yang butir-butir hubungan dimuatkan dalam bahagian ‘Maklumat untuk Pelabur’ pada muka surat 40 Laporan Tahunan.

## **IV. KEBERTANGGUNGJAWAPAN DAN AUDIT**

### **1. Pelaporan Kewangan**

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan dan pengumuman suku tahunan kepada pemegang-pemegang saham, Lembaga berhasrat untuk mengemukakan penilaian seimbang dan boleh difahami mengenai kedudukan dan prospek Kumpulan. Ini juga terpakai kepada lain-lain laporan awam yang sensitif harga dan laporan-laporan kepada pengawal atur.

# Penyata Urus Tadbir Korporat (samb.)

## 2. Penyata Tanggungjawab Para Pengarah

Para Pengarah diperlukan oleh Akta untuk menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan selaras dengan peruntukan Akta dan piawaian perakaunan diluluskan terpakai untuk memberi gambaran sebenar dan adil tentang keadaan hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan dan mengenai keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah telah:

- i) menerima pakai polisi perakaunan yang sesuai yang diamalkan secara konsisten;
- ii) membuat pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemah;
- iii) memastikan bahawa semua piawaian perakaunan diluluskan terpakai telah diikuti; dan
- iv) menyediakan penyata kewangan atas dasar usaha berterusan memandangkan para Pengarah mempunyai jangkaan munasabah, setelah membuat pertanyaan, bahawa Kumpulan dan Syarikat mempunyai sumber yang mencukupi untuk terus beroperasi pada masa hadapan yang boleh diramal.

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab untuk memastikan agar Syarikat menyimpan rekod perakaunan yang mendedahkan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat yang agak tepat secara munasabah dan yang membolehkan mereka untuk memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi Akta.

Para Pengarah juga telah mengambil langkah-langkah tertentu sebagaimana terbuka secara munasabah kepada mereka bagi melindungi aset-aset Kumpulan dan Syarikat, dan untuk menghalang penipuan dan lain-lain ketidakteraturan.

Blog@IJM dalam i-Portal telah diwujudkan sejak 2006 untuk membolehkan kakitangan Kumpulan menimbulkan perkara-perkara kebimbangan atau mengenai isu-isu integriti, antara lainnya.

## 3. Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman Kumpulan dikemukakan pada muka surat 96 hingga 101.

## 4. Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat

Dengan pengenalan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, Syarikat telah menyemak Polisi Perlindungan Pemberi Maklumatnya untuk sejajar dengan peruntukan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 untuk meningkatkan liputan dan perlindungan kepada pemberi maklumat, yang sekarang melingkungi laporan mengenai salah laku disyaki dan/atau diketahui, perbuatan salah, rasuah dan contoh-contoh penipuan, pembaziran, dan/atau penyalahgunaan melibatkan sumber-sumber Kumpulan.

Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat diposkan dalam iPortal dan laman web Syarikat di <http://www.ijm.com> bagi kemudahan akses untuk pelaporan oleh kakitangan-kakitangan dan syarikat-syarikat persekitar Kumpulan.

## 5. Perhubungan dengan Juruaudit

Peranan Jawatankuasa Audit berhubung dengan juruaudit luar dikemukakan pada muka surat 93 hingga 95.

## 6. Yuran Bukan Audit

Jumlah yuran bukan Audit di tanggung bagi perkhidmatan disediakan oleh juruaudit luar dan syarikat-syarikat berkaitan mereka kepada Kumpulan untuk FY 2011 berjumlah RM1.4 juta.

## 7. Urus Niaga Pihak Berkaitan

Urus Niaga pihak berkaitan penting Kumpulan bagi tahun kewangan dinyatakan dalam Nota 53 kepada Penyata Kewangan. Nota ini juga membentangkan urus niaga berulang yang dijalankan dalam tempoh selaras dengan mandat am diperoleh daripada pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 25 Ogos 2010.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusinya bertarikh 11 Julai 2011.

**Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob**  
Pengerusi

Dalam tahun kewangan, Jawatankuasa Audit menjalankan tugas dan tanggungjawabnya selaras dengan bidang tugasnya dan mengadakan perbincangan dengan juruaudit dalaman, juruaudit luar dan kakitangan pengurusan. Jawatankuasa Audit berpendapat bahawa tidak ada salah nyataan atau kerugian, kontigensi atau ketidakpastian bahan yang telah timbul, berdasarkan kajian dan perbincangan yang diadakan.

## KEAHLIAN DAN BIDANG TUGAS JAWATANKUASA AUDIT

### KEAHLIAN

Jawatankuasa Audit akan dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan para Pengarah Bukan Eksekutif dan akan dianggotai tidak kurang daripada tiga (3) ahli, dengan majoriti daripada mereka merupakan Pengarah-pengarah Bebas. Ahli-ahli Jawatankuasa Audit akan memilih seorang Pengerusi daripada kalangan mereka, dan yang hendaklah merupakan Pengarah Bebas. Dalam menentukan kebebasan, Lembaga akan mematuhi Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Securities”).

Pengerusi Jawatankuasa Audit, Datuk Oh Chong Peng adalah Akauntan Bertauliah yang berkelayakan, ahli Fellow Institute of Chartered Accountants of England and Wales dan ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia.

Lembaga Pengarah hendaklah mengkaji tempoh jawatan dan prestasi Jawatankuasa Audit dan setiap daripada ahli-ahlinya sekurang-kurangnya sekali setiap tiga (3) tahun.

### MESYUARAT

Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun dengan dihadiri oleh Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Audit Dalaman dan wakil-wakil daripada juruaudit luar. Ahli-ahli Lembaga dan pengurusan kanan lain boleh menghadiri mesyuarat atas jemputan Jawatankuasa Audit. Sekurang-kurangnya dua kali setahun, Jawatankuasa Audit akan bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pengurusan. Juruaudit, kedua-dua dalaman dan luar, boleh meminta diadakan satu mesyuarat sekiranya mereka anggap ianya perlu.

Pengerusi Jawatankuasa Audit berbincang atas dasar berterusan dengan pengurusan kanan, Ketua Audit Dalaman dan juruaudit luar, untuk sentiasa mengetahui perkembangan terkini mengenai perkara-perkara dan isu-isu yang melibatkan Kumpulan.

Kuorum terdiri daripada dua (2) orang ahli yang hadir dan majoritinya yang mesti merupakan Pengarah Bebas.

Setiausaha Syarikat bertindak sebagai setiausaha kepada Jawatankuasa Audit. Minit-minit setiap mesyuarat adalah diedarkan kepada setiap ahli Lembaga, dan Pengerusi Jawatankuasa melaporkan mengenai isu-isu utama yang dibincangkan dalam setiap mesyuarat kepada Lembaga.

Dalam tahun kewangan, Jawatankuasa Audit mengadakan enam (6) mesyuarat. Semua ahli Jawatankuasa Audit telah menghadiri semua mesyuarat selain daripada Datuk Yahya bin Ya'acob, yang telah memberikan ucapan maaf kerana tidak dapat hadir untuk salah satu daripada mesyuarat.



Ahli-Ahli Jawatankuasa Audit

*kiri ke kanan*

*duduk:*

- Datuk Oh Chong Peng
  - Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob
- berdiri:*
- Datuk Yahya bin Ya'acob
  - Tan Sri Abdul Halim bin Ali

# Laporan Jawatankuasa Audit (samb.)

## KUASA

Jawatankuasa Audit hendaklah selaras dengan prosedur yang ditentukan oleh Lembaga dan atas tanggungan Syarikat:

- mempunyai kuasa untuk menyiasat sebarang kegiatan dalam bidang-bidang tugasnya;
- mempunyai akses penuh, bebas dan tidak terbatas kepada sebarang maklumat yang berkaitan dengan Kumpulan;
- mempunyai saluran komunikasi secara langsung dengan juruaudit luar dan dalaman, serta semua kakitangan Kumpulan; dan
- boleh mendapat nasihat profesional bebas luar atau nasihat lain dan untuk mendapatkan kehadiran orang luar dengan pengalaman dan kepakaran yang berkenaan jika ia anggap ini adalah perlu.

## TUGAS-TUGAS

Berikut adalah ringkasan tugas dan tanggungjawab utama Jawatankuasa secara kolektif:

- 1) Untuk mengkaji keputusan suku tahunan kepada Bursa Securities dan penyata kewangan akhir tahun Kumpulan sebelum dikemukakan kepada Lembaga
- 2) Untuk menimbang pencalonan dan pelantikan juruaudit luar, serta yuran audit mereka.
- 3) Untuk menimbang mana-mana surat peletakan jawatan daripada juruaudit luar, dan mana-mana persoalan mengenai peletakan jawatan atau pemecatan.
- 4) Untuk berbincang dengan juruaudit luar, sebelum permulaan audit, rancangan audit mereka, yang hendaklah menyatakan sifat audit, dan untuk memastikan penyelarasaran audit di mana ia melibatkan lebih daripada satu (1) firma audit.
- 5) Untuk mengkaji dengan juruaudit luar, penilaian mereka terhadap sistem kawalan dalaman, surat pengurusan mereka dan jawapan pengurusan.
- 6) Untuk mengkaji bantuan yang diberi oleh kakitangan Syarikat kepada juruaudit luar.
- 7) Untuk mengkaji ruang lingkup audit dalaman, fungsi, kekompetenan dan sumber audit luaran bersama-sama dengan rancangan dan program audit dalaman.
- 8) Untuk memantau mana-mana urus niaga pihak berkaitan dan keadaan di mana percanggahan kepentingan mungkin timbul dalam Syarikat atau Kumpulan.
- 9) Untuk mengkaji laporan-laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko berhubung dengan kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman Kumpulan.
- 10) Untuk membincang masalah dan reservasi timbul daripada audit luar interim dan akhir, dan apa-apa perkara juruaudit luar dan/atau juruaudit dalaman mungkin ingin bincangkan (tanpa kehadiran pengurusan, di mana perlu).
- 11) Untuk mengkaji semua maklumat kewangan prospektif yang diberikan kepada pengawal atur dan/atau orang-orang awam.
- 12) Untuk melapor dengan segera kepada Bursa Securities mengenai apa-apa perkara yang dilaporkan olehnya kepada Lembaga, yang tidak diselesaikan secara memuaskan mengakibatkan pelanggaran Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Securities.

Butir-butir mengenai bidang tugas Jawatankuasa Audit tersedia untuk rujukan di laman web Syarikat <http://www.ijm.com>.

## RINGKASAN KEGIATAN BAGI TAHUN KEWANGAN

Dalam tahun kewangan, Jawatankuasa Audit menjalankan kegiatan-kegiatan yang berikut:

### 1.0 Pelaporan Kewangan

- Mengkaji pengumuman keputusan kewangan suku tahunan dan penyata kewangan akhir tahun Kumpulan;
- Dalam mengkaji penyata kewangan teraudit tahunan, Jawatankuasa Audit berbincang dengan pengurusan dan juruaudit luar prinsip-prinsip perakaunan dan piawaian yang digunakan dan pertimbangan mereka mengenai perkara-perkara yang boleh mempengaruhi penyata-penyata kewangan.

### 2.0 Audit Dalaman

- Mengkaji rancangan audit tahunan dicadangkan oleh Juruaudit Dalaman untuk memastikan kecukupan skop dan liputan kerja;
- Mengkaji keberkesanan proses audit, keperluan sumber bagi tahun dan menilai prestasi tugas Audit Dalaman;
- Mengkaji laporan audit yang dibentangkan oleh Juruaudit Dalaman mengenai penemuan mereka dan pengesyoran mereka berhubung dengan kelemahan sistem dan kawalan. Jawatankuasa Audit kemudian mencadangkan agar kelemahan kawalan diperbetulkan dan pengesyoran bagi penambahbaikan dilaksanakan.

### 3.0 Audit Luar

- Mengkaji strategi audit juruaudit luar, rancangan audit dan skop kerja bagi tahun;
- Mengkaji penemuan laporan juruaudit luar, khususnya isu-isu yang ditimbulkan dalam surat pengurusan dan memastikan di mana wajar, tindakan pembetulan yang perlu telah diambil oleh pengurusan.

### 4.0 Jawatankuasa Pengurusan Risiko

- Mengkaji laporan dan penilaian Jawatankuasa Pengurusan Risiko;

### 5.0 Urus Niaga Pihak Berkaitan

- Mengkaji urus niaga pihak berkaitan yang timbul dalam Kumpulan untuk memastikan bahawa urus niaga adalah saksama dan munasabah, dan tidak memudaratkan pemegang saham minoriti.

## LATIHAN

Dalam tahun, semua ahli Jawatankuasa Audit telah menghadiri pelbagai seminar, program latihan dan persidangan. Butir-butir ini boleh didapati di laman web Syarikat <http://www.ijm.com>.

## FUNGSI AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman Kumpulan dijalankan oleh Jabatan Audit Dalaman (“JAD”), yang melapor terus kepada Jawatankuasa Audit mengenai kegiatannya berdasarkan Rancangan Audit Dalaman tahunan yang diluluskan. Rancangan Audit Dalaman yang diluluskan dirancang untuk meliputi projek-projek dan entiti-entiti di semua peringkat operasi dalam Kumpulan. JAD menerima pakai pendekatan pgauditiran berdasarkan risiko, dengan mengambil kira amalan terbaik global dan piawaian industri.

Ketua Audit Dalaman melapor secara terus kepada Jawatankuasa Audit dan mempunyai akses langsung kepada Pengerusi Jawatankuasa Audit ke atas semua isu kawalan dalaman dan audit.

Peranan utama JAD adalah untuk menyediakan Jawatankuasa Audit dengan laporan bebas dan objektif, dilaksanakan secara adil, cekap dan berhati-hati secara profesional sewajarnya, mengenai keberkesanan sistem kawalan dalaman dalam Kumpulan. Jawatankuasa Audit membincangkan laporan audit dalaman untuk memastikan pengesyoran daripada laporan-laporan yang telah diambil tindakan sewajarnya oleh pengurusan.

## KEGIATAN AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN KEWANGAN

Dalam tahun kewangan, audit dalaman yang dilaksanakan meliputi bahagian pembinaan, industri dan infrastruktur, serta operasi luar negara Kumpulan. Jabatan terus menyediakan khidmat audit dalaman kepada IJM Land Berhad dan IJM Plantations Berhad, dan dalam usaha untuk menyediakan perkhidmatan nilai ditambah, ia juga memainkan peranan penasihat aktif dalam mengkaji dan mempertingkatkan kawalan dalaman sedia ada dalam Kumpulan.

Jumlah kos yang ditanggung bagi tugas audit dalaman Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011 adalah lebih kurang RM1.4 juta.

# Penyata Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah IJM (“Lembaga”) berusaha untuk memupuk dan memulihara di seluruh Kumpulan satu sistem kawalan dalaman yang kukuh, amalan pengurusan risiko dan urus tadbir korporat yang baik diseluruh Kumpulan. Ini telah dinyatakan dalam Penyata Lembaga mengenai Kawalan Dalaman yang dibuat dalam mematuhi Perenggan 15.26 Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad dan Penyata Mengenai Kawalan Dalaman: Garis Panduan bagi Para Pengarah Syarikat-syarikat Tersenarai Awam.

## TANGGUNGJAWAB LEMBAGA

Lembaga mengakui tanggungjawabnya untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh untuk melindungi pelaburan pemegang-pemegang saham dan aset-aset Kumpulan, dan untuk menjalankan tanggungjawab pengemudiannya dalam mengenal pasti risiko-risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem yang sesuai untuk mengurus risiko-risiko ini selaras dengan amalan-amalan terbaik Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia.

Lembaga selanjutnya menegaskan tanggungjawabnya untuk mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan, termasuk sistem-sistem bagi pematuhan dengan undang-undang, peraturan-peraturan, arahan-arahan serta garis panduan yang berkenaan.

Namun demikian, sistem-sistem Kumpulan dari segi sifatnya hanya boleh mengurus dan bukan menghapuskan risiko kegagalan untuk mencapai objektif-objektif perniagaan. Selaras dengan itu, sistem-sistem tersebut hanya boleh memberi jaminan munasabah tetapi bukan jaminan mutlak terhadap salah nyataan atau kerugian material.

Kumpulan telah menyediakan proses pengurusan risiko berterusan yang dikaji secara kerap oleh Lembaga untuk mengenal pasti, mendokumen, menilai, mengawasi dan mengurus risiko ketara yang boleh menghalang Kumpulan daripada mencapai objektif-objektif korporatnya sepanjang tahun.

## TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA AUDIT

Kumpulan mempunyai struktur organisasi dengan garis-garis kebertanggungjawaban, kuasa dan tugas yang nyata. Jawatankuasa Audit dengan bantuan Jawatankuasa Pengurusan Risiko, membuat penilaian secara kerap ke atas profil risiko Kumpulan, dan melalui Jabatan Audit Dalaman Kumpulan, mengkaji dan mengawasi keberkesanan sistem kawalan Dalaman Kumpulan.

Jabatan Audit Dalaman melaksanakan audit dalaman ke atas beberapa unit kendalian dalam Kumpulan berdasarkan pendekatan audit berdasarkan risiko yang diluluskan oleh Jawatankuasa Audit secara tahunan. Butir-butir lanjut mengenai Jawatankuasa Audit dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit.

## JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Kumpulan telah menujuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko (“JPR”) yang dikhususkan untuk melaksanakan kajian secara kerap mengenai profil risiko Kumpulan. JPR dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dan termasuk wakil-wakil daripada semua bahagian perniagaan, kedua-dua dalam negeri dan luar negara, serta daripada jabatan-jabatan sokongan operasi Ibu Pejabat yang berkenaan.

Setiap fungsi bahagian pengurusan risiko perniagaan dikeluarkan oleh ketua bahagian masing-masing. JPR melapor kepada Jawatankuasa Audit atas dasar suku tahunan di mana isu risiko penting dan tindakan kawalan dan pengurangan dipertimbangkan.




#### RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

JPR pada dasarnya membangun, melaksana dan mengekal sistem pengurusan risiko untuk memastikan visi dan objektif Kumpulan dicapai. Kajiannya meliputi perkara-perkara seperti tindak balas kepada risiko ketara dikenal pasti termasuk ketidakpatuhan dengan undang-undang, peraturan, kaedah dan garis panduan berkenaan, perubahan kepada kawalan dalam dan sistem maklumat pengurusan, dan output daripada proses-proses pemantauan.

Sistem pengurusan risiko Kumpulan telah dibangunkan dengan bantuan pakar dari luar. Proses taksiran dan penilaian risiko adalah elemen-elemen penting kitaran kajian strategik tahunan. Setiap unit perniagaan atau kefungsian diperlukan untuk mendokumenkan tindakan pengurangan dan kawalan pengurusan selepas mengenal pasti risiko-risiko dikaitkan dengan pencapaian objektif strategik, kewangan, operasi dan lain-lain objektif perniagaan mereka. Apabila profil risiko perniagaan berub, bidang-bidang baru kemudiannya diperkenalkan untuk penilaian.

# Penyata Kawalan Dalaman

(samb.)



Dalam proses pengurusan risiko, satu pengaturan risiko yang menangani risiko-risiko yang berpotensi menggunakan aspek kuantitatif dan kualitatif untuk menilai kemungkinan dan impak berpotensi ke atas objektif perniagaan, kawalan dan proses-proses bagi mengurus risiko dan cara untuk meyakinkan pengurusan bahawa proses-proses yang disediakan terus beroperasi dengan memuaskan dan berkesan, disediakan secara tahunan oleh setiap unit perniagaan atau kefungsian. Perancangan risiko-risiko ini tidak termasuk syarikat bersekutu dan usaha sama Kumpulan memandangkan mereka diuruskan oleh jawatankuasa pengurusan berkenaan masing-masing.

Ibu pejabat Kumpulan juga menimbangkan risiko yang berkaitan dengan objektif strategik Kumpulan, yang tidak ditangani oleh unit perniagaan atau kefungsian. Profil-profil risiko disatukan bagi semua unit beroperasi Kumpulan dan mana-mana syor dan tindakan pengurangan yang dicadangkan kemudiannya dilaporkan kepada JPR sebelum ia dikemukakan kepada Jawatankuasa Audit untuk pertimbangan.

Sebagai sebuah konglomerat global dengan pelbagai portfolio perniagaan, Kumpulan menghadapi pendedahan kepada pelbagai risiko. Dengan yang demikian, Kumpulan telah menyediakan perlindungan insurans yang mencukupi dan dikaji secara tetap di mana ia tersedia atas terma-terma yang boleh diterima dari segi ekonomi untuk meminimumkan impak kewangan berkaitan.

## PENGURUSAN RISIKO PASARAN

Risiko pasaran merujuk kepada risiko yang timbul daripada keadaan ekonomi dan sifat kekitaran sedia ada perniagaan teras Kumpulan iaitu pembinaan, pembangunan harta tanah dan pengilangan.

Apabila ekonomi pulih daripada kelembapan, peningkatan buku tempahan dan keadaan berlebihan keupayaan kekal perkara-perkara utama yang diberi perhatian. Dengan yang demikian Kumpulan sentiasa menerokai potensi pemelbagaian perniagaan dan pemelbagaian geografi serta mencari kegunaan alternatif bagi keupayaan yang tersedia. Sektor harta tanah kekal mencabar di tengah-tengah persaingan yang sengit daripada pengusaha-pengusaha baru dan semasa mengakibatkan bahagian harta tanah Kumpulan untuk menerima pakai strategi pasaran yang lebih agresif dengan pembezaan produk dan fleksibiliti dalam penawaran produk-produk untuk sesuai dengan permintaan pasaran semasa.

Sejak sekian lama, Kumpulan telah menceburi usaha niaga luar negara, khususnya dalam pasaran-pasaran yang baru muncul seperti India, Timur Tengah, Pakistan, Indonesia, Vietnam dan China. Manakala Kumpulan boleh memasuki pasaran-pasaran tersebut, kerja-kerja asing datang bersama dengan risiko-risiko tambahan mengambil kira persekitaran kendalian dan persekitaran ekonomi yang berbeza serta persaingan sengit daripada pengusaha-pengusaha tempatan dan antarabangsa. Kumpulan terus memantau risiko pasaran secara berterusan sambil mencari peluang-peluang dalam negeri dan di peringkat antarabangsa untuk menambah tempahan dan mengekalkan perolehan.



Risiko komoditi berhubung dengan harga kelapa sawit ditadbir melalui pemantauan harga tetap, swap peletakan harga dan pemantauan teliti aliran harga pengganti utama



IJM Land menguruskan risiko pasaran dengan menerima pakai strategi pemasaran yang lebih agresif untuk memenuhi permintaan pasaran semasa

## PENGURUSAN RISIKO KOMODITI

Risiko komoditi timbul daripada kemeruapan dalam harga-harga komoditi, termasuk naik turun mata wang. Ini sering dikaitkan dengan perniagaan perladangan. Kumpulan memadangkan kelapa sawit adalah tertakluk kepada untung rugi kitaran dan kemeruapan harga. Kumpulan mengurus risiko-risiko tersebut dengan sentiasa mengawasi harga komoditi, menggunakan swap peletakan harga dan pengawasan rapi trend harga bahan-bahan gantian utama seperti pasaran minyak dan lemak.

## PENGURUSAN RISIKO KREDIT DAN MUDAH TUNAI

Risiko kredit dan mudah tunai yang timbul daripada ketidakupayaan untuk mendapatkan semula hutang-hutang tepat pada masanya yang mungkin mempunyai kesan teruk ke atas untung rugi, aliran tunai operasi dan ketersediaan pembiayaan. Kumpulan meminimumkan pendedahannya kepada risiko sedemikian dengan menilai kepercayaan kredit pelanggan berpotensi, pengawasan rapi kutipan jualan harian serta aliran tunai, penggunaan kredit yang lebih berkesan dan lebih banyak usaha-usaha padu untuk mengutip hutang-hutang yang lampau tempoh bagi memastikan penuilan berada pada tahap yang selesa.

## PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Risiko operasi adalah kesan yang timbul daripada pelaksanaan fungsi perniagaan syarikat. Ini termasuk gangguan dalam sistem dan peralatan, keadaan berlebihan keupayaan, ketidakcukupan buruh mahir dan keadaan cuaca buruk. Kumpulan mematuhi dengan ketat dasar, prosedur, proses, kawalan kualiti dan amalan terbaik untuk memastikan semua sistem dan peralatan berfungsi dengan baik semasa pelaksanaan proses-proses perniagaan. Untuk mengurus isu berlebihan keupayaan, Kumpulan sentiasa mengkaji rancangan perniagaannya, mengekalkan hubungan baik dengan penjual dan pelanggan dan mencari kegunaan alternatif bagi keupayaan yang ada.

Kumpulan telah menyediakan skim imbuhan yang menarik untuk menarik dan mengekalkan buruh mahir bagi memenuhi keperluan sedia ada dan masa hadapan. Untuk menghadapi musim panas seperti 'El Nino' dan musim hujan 'La Nina' yang menjelaskan tanaman kelapa sawit, bahagian perladangan Kumpulan mematuhi dengan ketat manual penanaman, melaksanakan amalan pertanian yang baik, melaksanakan langkah-langkah penjimatan air dan pengairan untuk mengekalkan hasil pengeluaran yang tinggi.

## Penyata Kawalan Dalaman (samb.)



*Latihan pemindahan kemalangan yang kerap diadakan di kilang-kilang kami*



*Latihan kebakaran bersama dengan beberapa agensi kerajaan di Pelabuhan Kuantan*

### PEMATUHAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

Kumpulan melalui bahagian undang-undang dalamannya sendiri, menyelenggara pengawasan undang-undang dalam Kumpulan dan melapor terus kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan. Ketua bahagian Undang-undang adalah seorang jurutera dan peguam mengikut profesyen dan mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dalam pelbagai organisasi sebelum menyertai Kumpulan. Beliau menyediakan input undang-undang vis-a-vis pematuhan dengan undang-undang dan peraturan-peraturan terpakai serta nasihat undang-undang mengenai perkara-perkara perniagaan dan operasi.

### RANCANGAN PEMULIHAN BENCANA

Dengan ancaman gangguan atau kegagalan sistem maklumat pengurusan (“SMP”), dan lain-lain bencana yang berpotensi seperti kebakaran, banjir, gempa bumi atau kegagalan peralatan utama, antara lainnya, keberterusan operasi perniagaan adalah menjadikan kebimbangan utama kepada Kumpulan.

Sejakar dengan itu, Kumpulan telah menyediakan satu tapak pengeluaran bagi sistem Perancangan Sumber Perusahaan di pusat penghosan luaran di Cyberjaya, Kuala Lumpur yang telah direka agar hampir bebas daripada bencana manakala Pusat Data IJM yang sedia ada di Wisma IJM, Petaling Jaya terus menempatkan aplikasi bukan Perancangan Sumber Perusahaan.

Pusat Data IJM juga akan bertindak sebagai tapak panas bagi pemulihian sistem, atau sebaliknya, jika sekiranya berlaku kegagalan SMP. Sokongan Data dilaksanakan secara sistematik setiap hari dan dihantar ke lokasi penyimpanan luar tapak. Sekiranya berlaku gangguan besar yang menyebabkan kehilangan data, sistem aplikasi akan dipulihkan dalam masa 48-72 jam untuk memastikan keberterusan operasi perniagaan.

Latihan pengurusan kejadian kerap diadakan di kawasan harta tanah dan tapak projek kami berkisar dari latihan keselamatan kebakaran asas sehingga latihan pemindahan besar-besaran dijalankan untuk memastikan kakitangan kami sentiasa bersedia dan biasa dengan rancangan tindak balas kecemasan dan pengurusan krisis kami.

Kumpulan secara berterusan membangunkan dan mempertingkatkan rancangan pengurusan keberterusan perniagaannya untuk memastikan keberterusan fungsi perniagaan kritikal sekiranya berlaku krisis.

### ELEMEN PENTING SISTEM KAWALAN DALAMAN KUMPULAN

- Perwakilan tanggungjawab yang digariskan dengan jelas kepada Jawatankuasa Lembaga dan kepada unit-unit kendalian, termasuk tahap kuasa yang jelas bagi semua aspek perniagaan yang dinyatakan dalam campuran kuasa;
- Polisi dan prosedur kendalian standard yang didokumenkan dengan jelas yang adalah tertakluk kepada kajian dan penambahbaikan dari masa ke masa;
- Komunikasi atas ke bawah akan nilai-nilai syarikat seperti pencegahan penipuan dan ruang bagi pengaduan salah laku;
- Maklumat tetap dan komprehensif yang disampaikan kepada pengurusan, meliputi kedua-dua prestasi kewangan dan petunjuk perniagaan penting, seperti penggunaan kakitangan, prestasi aliran tunai, keadaan ekonomi dan pasaran semasa;
- Belanjawan tahunan disediakan untuk kelulusan pada kedua-dua tahap unit bahagian dan oleh Lembaga. Prestasi sebenar berbanding dengan belanjawan dan keputusan tempoh sebelumnya, dengan varians utama disusuli dan tindakan pengurusan diambil, di mana perlu;
- Taklimat suku tahunan atau sebagaimana perlu, syarikat dengan juruanalisis diadakan pada hari keputusan kewangan dikeluarkan, berikutkan kelulusan Lembaga, untuk memaklumkan pemegang-pemegang saham, pemegang-pemegang pelbagai kepentingan dan orang awam mengenai prestasi Kumpulan dan untuk menggalakkan ketelusan dan perbincangan terbuka; dan
- Mengadakan lawatan ke unit-unit operasi perniagaan Kumpulan oleh ahli-ahli Lembaga dan pengurusan kanan bagi membiasakan diri dengan perniagaan dan operasi.



Ceramah "A Whistle Blowing Talk" telah diadakan untuk mengajar kakitangan IJM

### PENILAIAN RISIKO TAHUNAN DAN SUKU TAHUNAN

Dalam tahun kewangan di bawah kajian, semua bahagian dalam Kumpulan telah melaksanakan kajian tahunan mereka akan profil risiko mereka dan selaras dengan itu mencadangkan perubahan ke atas pengurusan risiko dan proses-proses kawalan dalaman, yang telah dinilai oleh JPR dan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit.

Kumpulan telah mengenal pasti perkara-perkara utama kebimbangan dan tindakan-tindakan pengurangan telah diambil dalam rangka masa yang wajar. Beberapa bidang risiko penting yang dikenal pasti termasuk kemelesetan ekonomi, mudah tunai yang ketat, pengutipan yang lewat, persekitaran harta tanah yang bersaingan dan naik turun harga komoditi. Beberapa kelemahan kecil dalam kawalan dalaman telah dikenal pasti semasa kajian, kesemua yang mana telah, atau sedang, ditangani. Selain daripada itu, Kumpulan menjalankan kemas kini penilaian risiko suku tahunan. Tidak ada kerugian, kontigensi atau ketidakpastian material yang timbul daripada kajian-kajian tersebut.

Berdasarkan pertanyaan dan maklumat yang disediakan, kami dengan sukacitanya menyatakan bahawa sistem kawalan dalaman adalah secara amnya memuaskan dan mencukupi bagi tujuannya. Pengurusan secara berterusan mengambil langkah-langkah untuk memastikan kecukupan dan keberkesanan kawalan dalaman, dan untuk melindungi aset-aset Kumpulan dan pelaburan pemegang-pemegang saham.

**KUMPULAN AKAN TERUS MENGAWASI SEMUA RISIKO UTAMA YANG MELIBATKAN KUMPULAN DAN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU UNTUK MENGURANGKANNYA DAN MEMPERTINGKATKAN SISTEM KAWALAN DALAMAN KUMPULAN.**

Penyata Kawalan Dalaman ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 11 Julai 2011.

# Laporan Kualiti

Dalam IJM, kami mengaitkan Kualiti dengan Kepuasan Pelanggan dan Penambahbaikan berterusan. Kami percaya bahawa penumpuan kepada Kepuasan Pelanggan dan pematuhan Penambahbaikan Berterusan dan Standard Kualiti adalah aspek penting untuk kekal berdaya saing dalam pasaran hari ini. Salah satu daripada objektif utama Kumpulan adalah untuk menumpukan kepada memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan pelanggan kami. Moto Kumpulan “Kecemerlangan Melalui Kualiti” menggambarkan dengan jelas komitmen yang tiada kompromi kepada standard kualiti dan meneruskan usaha untuk Penambahbaikan Berterusan ini.

## PENYATA POLISI KUALITI

Selaras dengan falsafah kualiti IJM, Kumpulan percaya bahawa Proses Kecemerlangan adalah Tunggak Operasi kami. Kualiti adalah falsafah kami dengan yang demikian kami akan berusaha bersama-sama untuk:

- Memastikan projek-projek yang dilaksanakan dan perkhidmatan yang disediakan memenuhi kepuasan pelanggan.
- Secara berterusan mempertingkatkan kemahiran, proses-proses dan sistem pengurusan kualiti kami.
- Dipercayai oleh pemegang pelbagai kepentingan kami atas dedikasi, tindakan profesional dan integriti kami.
- Memastikan pematuhan syarat-syarat undang-undang yang berkenaan.
- Berusaha untuk menjadi peneraju industri.

## KOMITMEN DAN BUDAYA

Komitmen Kumpulan ke arah kualiti dapat dilihat daripada penglibatan pengurusan kanan dalam jawatankuasa pengurusan kualiti dan mesyuarat-mesyuarat kajian pengurusan.

Kumpulan memberi penekanan pada pembangunan budaya mementingkan kualiti berhubung dengan proses-proses

dan sistem-sistem pada setiap peringkat operasi untuk meningkatkan kesedaran kakinangan akan tanggungjawab dan komitmen mereka ke arah kecemerlangan kualiti.

## KAWALAN & PEMANTAUAN

Kumpulan adalah komited ke arah memenuhi keperluan pelanggan dan memberikan produk dan perkhidmatan berkualiti, dan dengan yang demikian telah membangunkan dan secara berkesan melaksanakan sistem kualiti yang terdiri daripada:

- Sistem pengurusan kualiti yang distrukturkan dengan baik pada setiap peringkat operasi yang berkenaan;
- Lawatan jaminan dan kawalan rutin untuk menentusah keberkesanan pelaksanaannya;
- Audit dalaman dan luaran berjadual;
- Analisis data berkesan termasuk tinjauan kepuasan pelanggan;
- Sistem maklum balas berdasarkan pengetahuan;
- Indeks prestasi penting sebagai sebahagian daripada objektif kualiti; dan
- Penggunaan berkesan sistem berdasarkan elektronik bagi pemantauan dan kawalan berpusat.



Operasi perladangan kami diperakui sepenuhnya di bawah Kod Amalan MPOB bagi aspek kualiti, keselamatan makanan dan kemapanan.



Penilaian tetap dijalankan di tapak-tapak projek untuk memastikan kawalan kualiti

## KEPUASAN PELANGGAN & PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

Kepuasan Pelanggan menjadi ukuran rujuk kami untuk mengukur kejayaan. Kami mentafsir kualiti sebagai tahap sehingga mana yang kami akan memuaskan pelanggan-pelanggan kami. Dengan yang demikian, sistem pengurusan bersepada kami merangkumi dalam semua usaha kami untuk mengoptimumkan kegiatan-kegiatan tumpuan pelanggan kami.

Kumpulan telah menyediakan sistem kawal atur sendiri yang dibangunkan secara dalaman yang dipanggil Sistem Penilaian Standard Kualiti IJM bagi beberapa aspek pembinaan bangunan dan kerja-kerja sivilnya. Ini bertindak sebagai ukur rujuk di antara projek-projeknya dan kemudiannya sebagai pemangkin bagi peningkatan kualiti berterusan.

Projek-projek pembangunan harta tanah berharga tinggi juga dinilai berdasarkan Sistem Penilaian Kualiti Pembinaan manakala produk-produk dikilang Kumpulan adalah diperakui kualitinya untuk mematuhi standard berperaturan yang terpakai dan beberapa loji adalah diperakui kepada Majlis Akreditasi Singapura.

Sebagai bahagian penting pengurusan kualiti kami, proses-proses kami direka untuk menambah nilai kepada pelanggan-pelanggan kami. Penambahbaikan berterusan juga adalah bahagian penting falsafah IJM untuk mewujudkan dan mengekalkan prestasi berkualiti yang kebiih baik dan dilaksanakan melalui pendekatan-pendekatan yang berikut:

- Mengkaji dan mengemas kini secara progresif akan manual dan prosedur Sistem Pengurusan Kualiti (“SPK”) untuk menangani keperluan pelanggan dan perniagaan, dan kemajuan teknologi;
- Pembangunan pengetahuan dan kemahiran kakitangannya untuk memastikan mereka sentiasa mengikuti perkembangan dalam keperluan produk dan perkhidmatan;
- Latihan semasa kerja dalam keseluruhan operasinya;
- Penekanan ke atas kecemerlangan proses;
- Pelaburan dalam perkakasan dan perisian terkini;
- Menjadikan inovasi sebagai sebahagian daripada strategi operasi;
- Pengenalan bahan-bahan prestasi tinggi dalam produk-produk dikilangnya dan bergerak ke arah pengautomatan yang lebih banyak; dan
- Pelaksanaan garis panduan dan sistem kawalan proses bagi pelaksanaan dan pengawasan berkesan.

Kami akan terus mengawasi proses-proses kami untuk membolehkan kami secara berterusan mempertingkatkan prestasi kami. Akhir sekali, matlamat kami adalah untuk diiktiraf sebagai peneraju Kualiti oleh pelanggan, pesaing kami dan industri secara amnya.



# Laporan Kualiti (samb.)

## PENGIKTIRAFAN & PENSIJILAN

Untuk menggalakkan persaingan sihat di kalangan pekerjaan agar menghasilkan kerja yang berkualiti, Kumpulan memberikan Anugerah Kualiti tahunan kepada projek-projek yang cemerlang di kalangan kumpulannya. Anugerah diberikan bagi dua kategori yang terdiri daripada kerja-kerja pembinaan dan sivil.

SPK Kumpulan telah diperakui oleh standard ISO 9001 yang diiktiraf di peringkat antarabangsa sejak 1996. Sejak itu, Kumpulan telah berhasrat untuk secara berterusan mencapai pematuhan ISO 9001:2008 dalam operasi perniagaan terasnya. Berikut adalah syarikat-syarikat yang telah memperoleh pensijilan:

1. IJM Corporation Berhad
2. IJM Land Berhad
3. IJM Construction Sdn Bhd
4. Road Builder (M) Sdn Bhd
5. Industrial Concrete Products Sdn Bhd
6. Prebore Piling & Engineering Sdn Bhd
7. IJM Building Systems Sdn Bhd
8. Jurutama Sdn Bhd
9. IJM (India) Infrastructure Ltd
10. Kuang Rock Products Sdn Bhd
11. Expedient Resources Sdn Bhd
12. Strong Mixed Concrete Sdn Bhd
13. Durabon Sdn Bhd
14. Besraya (M) Sdn Bhd
15. New Pantai Expressway Sdn Bhd
16. Lebuhraya Kajang-Seremban Sdn Bhd
17. IJM Highway Services Sdn Bhd
18. Kuantan Port Consortium Sdn Bhd  
(Pengendalian kargo pukal cecair)

Selain daripada itu, Bahagian Industri telah memperoleh pengiktirafan lanjut apabila Certification International (Singapore) Pte Ltd menganugerahkan Industrial Concrete Products Sdn Bhd Pensijilan SS EN 206-1:2009, SS 544: Part 1 & 2:2009, SAC CT 06:2010 bagi kilang-kilang konkrit siap campurnya: Klang 1 & 2, Kapar, Lumut 1 & 3, Nilai dan Senai.

Bahagian Pelabuhan telah dianugerahkan ISO 9001:2008 pada Disember 2010 bagi pengendalian kargo pukal cecair di Pelabuhan Kuantan manakala Bahagian Tol kami juga mencapai pensijilan yang sama untuk Lebuh Raya Pantai Baru, Besraya, Perkhidmatan Lebuh Raya IJM dan Lebuhraya Kajang-Seremban pada Mac 2010.



Sementara itu, Bahagian Perladangan kami berjaya mencapai sasarannya untuk diperakui sepenuhnya di bawah Pensijilan Tatacara Amalan Lembaga Minyak Sawit Malaysia bagi kualiti, keselamatan dan kebolehkekalan makanan. Kesemua unit kendaliannya termasuk 1 tapak semai, 11 ladang, 4 kilang minyak sawit dan 1 kilang isirung di Sabah telah diperakui.



Latihan bagi Standard Singapura bagi Jabatan Kawalan Kualiti Bahagian Industri

# Laporan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar

105

Kumpulan komited kepada keselamatan dan kesihatan personelnya dan orang awam serta perlindungan alam sekitar yang sentiasa menjadi bahagian penting strategi mapan dan nilai teras Syarikat.

Penubuhan Sistem Pengurusan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (“SPKKAS”) tidak diragui sememangnya menunjukkan dedikasi dan komitmen Kumpulan ke arah usaha melindungi orang ramai dan menjaga alam sekitar.

SPKKAS secara khususnya direka untuk bukan sahaja “mengurus, mengawal dan mengurangkan” tetapi juga ia bertujuan untuk penambahbaikan berterusan, sejajar dengan keperluan standard-standard OHSAS 18001, MS ISO 14001 dan MS 1722 yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.



Selain daripada itu, Pelan Keselamatan dan Kesihatan Projek dan Pelan Pengurusan Alam Sekitar Projek yang khusus telah ditubuhkan atas dasar keperluan khusus projek meliputi fasa-fasa pembangunan projek daripada pra-pembinaan hingga tahap penyahaktifan. Ini adalah untuk memastikan agar peraturan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar dipatuhi secara konsisten untuk meminimumkan sebarang potensi kesan buruk.

Selain daripada pelan-pelan di atas, Pelan Respons Kecemasan juga telah ditubuhkan di semua tapak projek yang menggariskan pengurusan kecemasan dan pemulihan/prosedur pemulihan perniagaan.

## Penyata Polisi Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (“KKAS”)

Berpandukan motonya, “Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar Adalah Tanggungjawab Semua”, Kumpulan IJM sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan amalan alam sekitar, keselamatan dan kesihatannya dengan objektif mencegah kemalangan, penyakit pekerjaan dan pencemaran alam sekitar.

Untuk mencapai objektif-objektif ini, Kumpulan telah menyediakan dasar-dasar dan prosedur-prosedur KKAS, dan rangka kerja KKAS yang membantu Kumpulan untuk:

- Mematuhi semua syarat perundangan KKAS dan keperluan KKAS lain yang berkenaan;
- Membiasakan semua kakitangan dan pemegang pelbagai kepentingan dengan latihan, maklumat dan kemudahan yang tersedia;
- Meningkatkan kesedaran dan kebertanggungjawaban KKAS di semua peringkat organisasi; dan
- Memantau dan sentiasa mengkaji objektif-objektif KKAS yang telah ditetapkan.

# Laporan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (samb.)



Amalan Housekeeping baik di tapak



Penggunaan peralatan perlindungan diri di tapak pembangunan untuk keselamatan

## Organisasi KKAS

Sistem Pengurusan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (“SPKKAS”) telah dilaksanakan di semua peringkat Kumpulan dan Organisasi KKAS telah diwujudkan untuk menguruskan dan memantau secara berkesan pelaksanaannya. Organisasi KKAS termasuk:

- a) Jawatankuasa Pengurusan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar

Jawatankuasa, diketuai oleh KPE & Pengarah Urusan bermesyuarat pada selang masa yang dirancang untuk mengkaji operasi dan prestasi KKAS.

- b) Jawatankuasa Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar

Diketuai oleh kakitangan pengurusan kanan yang dilantik, Jawatankuasa ini ditubuhkan di peringkat korporat dan di semua tempat kerja sebagai sebahagian daripada pematuhan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (“OSHA”) 1994.

- c) Jabatan HSE Korporat

Ditubuhkan di peringkat korporat untuk membantu Kumpulan dalam menubuhkan, melaksanakan dan mengekalkan SPKKAS.

## Program Pengurusan KKAS

Selaras dengan objektif mencegah kemalangan, penyakit pekerjaan dan pencemaran alam sekitar dan sebagai sebahagian daripada program penambahbaikan berterusan KKAS IJM, Syarikat telah memperkenalkan pelbagai program pengurusan bagi bahagiannya dalam tahun di bawah kajian.

Program-program ini diperkenalkan untuk meningkatkan pematuhan KKAS kami dan untuk memacu pengurusan KKAS Syarikat ke tahap yang lebih tinggi. Program-program ini termasuk:

- Penilaian Sendiri KKAS

Ia telah direka untuk membantu Pasukan Projek mengenal pasti tahap pematuhan mereka dengan SPKKAS. Proses ini melibatkan 16 elemen dalam SPKKAS yang akan ditaksir dan dinilai menggunakan sistem skor. Program ini memberi tumpuan ke atas tanggungjawab



Penggunaan Papan Tanda Keselamatan di tapak-tapak projek

KKAS pada semua peringkat penekanan yang diperlukan dengan memberi penekanan ke atas pendekatan pematuhan sendiri.

- Keselamatan berasaskan Tingkah Laku

Program ini telah diperkenalkan baru-baru ini kepada sistem KKAS sedia ada untuk membawa SPKKAS ke peringkat seterusnya. Program ini penting bagi keberkesaan sistem memandangkan ia memberi tumpuan ke atas faktor manusia, yang merupakan salah satu daripada faktor paling penting dalam memastikan keberkesaan SPKKAS.

- Pelaporan E-KKAS

Ini adalah satu sistem penyimpanan dan pemerolehan semula data pelaporan KKAS dalam talian. Dengan menggunakan I-Portal Syarikat, ia membantu untuk memantau, menyebar dan berkongsi prestasi KKAS dengan berkesan dan cekap bagi keseluruhan Syarikat, mengenal pasti jurang dan menambah baik SPKKAS selanjutnya melalui analisis data dipertingkatkan. Ia juga sejajar dengan objektif IJM untuk melindungi alam sekitar dengan mengurangkan penggunaan kertas melalui portal dalam talian.

- Program Penilaian Prestasi Alam Sekitar

Proses pengurusan dalam dan alatan untuk menyediakan pengurusan dengan maklumat yang boleh ditentu sahkan dan dipercayai mengenai status pelaksanaan pengurusan alam sekitarnya dan untuk mengenal pasti bidang-bidang untuk penambahbaikan.

## Pemantauan dan Pengukuran Prestasi KKAS

### i) Perangkaan KKAS

#### (a) Kehilangan Hari Kerja dan Kehilangan Masa Akibat Kecederaan

Sejumlah 17,237,215 jam kerja manusia telah direkodkan dalam tahun kewangan di bawah kajian. Terdapat 2 kes Kehilangan Masa Akibat Kecederaan ("KMAK") dan sejumlah 189 Kehilangan Hari Bekerja ("KHB") telah direkod dari April 2010 hingga Mac 2011 terutamanya disebabkan oleh kemalangan teruk pada awal bulan April 2010 yang menyebabkan 150 KHB sehingga Ogos 2010.

#### (b) Kadar Kekerapan

Kadar Kekerapan direkodkan berdasarkan bilangan kes KMAK setiap satu juta jam manusia bekerja. Setakat Mac 2011, kami telah merekodkan Kadar Kekerapan sebanyak 0.12 setiap juta jam manusia bekerja berbanding kadar sasaran kami sebanyak 0.27.

#### (c) Kadar Keterukan

Kadar keterukan direkodkan adalah berdasarkan bilangan kes KHB akibat kejadian bagi setiap satu juta jam manusia bekerja. Setakat Mac 2011, kami telah merekodkan Kadar Keterukan sebanyak 10.96 setiap juta jam manusia bekerja berbanding kadar sasaran kami sebanyak 2.5.

### ii) Audit KKAS Dalaman


Sejumlah 9 audit KKAS dalaman telah dijalankan dalam tahun di bawah kajian untuk memastikan pematuhan berterusan dengan keperluan dan standard KKAS. Langkah audit ditumpukan pada kerja fizikal dan kawalan operasi di tapak, dokumentasi dan pelaksanaan sistem KKAS.

### iii) Pemeriksaan Mengejut KKAS

Selain daripada audit, 25 pemeriksaan KKAS telah dijalankan untuk menentu sahkan pematuhan dengan keperluan dan standard KKAS yang ditetapkan. Projek-projek pemeriksaan diberi penarafan khusus untuk mengkategorikan tahap pematuhan KKASnya berdasarkan pelbagai kriteria.

Bahagian Pembinaan kami telah menetapkan penarafan khusus sebanyak 75% dan ke atas sebagai petunjuk prestasi utama yang perlu dicapai oleh semua projek. 88% daripada projek-projek yang diperiksa adalah dalam kategori 'Baik' dan 'Cemerlang' dengan penarafan 75% dan ke atas.

**Penarafan Projek**



# Laporan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (samb.)



Sistem Pagar Perlindungan Tepi mencegah kejatuhan dari bangunan bertingkat tinggi yang sedang dalam pembinaan



Latihan memadam kebakaran di kilang kami



Latihan Kesihatan & Keselamatan di Ladang

## Pencegahan Kemalangan

IJM komited untuk mengurangkan risiko pembinaan di tapak-tapak projek dengan menerima pakai amalan-amalan terbaik dan memperkenalkan teknologi-teknologi baru seperti Sistem Pagar Perlindungan Tepi yang mencegah kemalangan terjatuh dari tempat tinggi yang merupakan punca utama bagi kebanyakan kecelakaan pembinaan. Sistem ini direka bagi memudahkan pengendalian dan pemasangan dengan perlindungan maksimum terhadap impak kejatuhan tidak disengajakan bagi seseorang atau objek, dan berkesan bagi pembinaan bangunan sangat tinggi. Sistem tersebut adalah yang pertama diperkenalkan di Projek Grand Hyatt KL kami di Jalan Pinang, Kuala Lumpur.

## Amalan-amalan Keselamatan dan Kesihatan Lain

Bahagian Industri kami telah menyediakan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang diwujudkan selaras dengan standard OHSAS 18001:2007 dan dilaksanakan di semua kilangnya. Pegawai Keselamatan dilantik di tempat kerja untuk menyelaras dan memastikan kelancaran pelaksanaan sistem. Sistem ini diaudit oleh juruaudit dalaman untuk memastikan pematuhan dengan perundangan dan standard yang terpakai.

Bahagian Perladangan telah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dalam setiap unit operasi dengan Mesyuarat Keselamatan kerap diadakan sebagai memenuhi keperluan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA). Latihan berkaitan dengan topik kesihatan dan keselamatan termasuk pengurusan krisis, penyelenggaraan pencegahan kemalangan mesin dan pengurusan ruang terbatas disediakan kepada semua unit operasi.

Bahagian Pelabuhan telah menyediakan dasar keselamatan selaras dengan keperluan DOSH yang terpakai kepada semua pengguna dan kakitangan pelabuhan. Bahagian ini menjalankan taklimat ringkas harian mengenai keselamatan dan mesyuarat tool box setiap hari, audit mingguan dan audit bersama bulanan dengan pengawal atur tempatan, Lembaga Pelabuhan Kuantan. Pasukan Tindakan Kecemasannya menjalankan latihan tetap untuk memastikan tindakan serta-merta dan pelaksanaan profesional dalam kejadian kecemasan.

## ALAM SEKITAR

Sasaran utama yang ditetapkan oleh Kumpulan dalam polisi alam sekitar korporatnya adalah pencegahan pencemaran, pengurusan sumber asli, pemuliharaan semula keadaan landskap di tapak-tapak projek, peminimuman gangguan sosial dan alam sekitar serta menghormati budaya masyarakat.

Syarikat mengambil pendekatan tersusun untuk memulakan, melaksanakan dan memantau pelan alam sekitar dengan mewujudkan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (“SPAS”) sebagai pematuhan kepada ISO 14001. Petunjuk-petunjuk prestasi yang diwujudkan adalah berdasarkan penilaian kesan alam sekitar, objektif alam sekitar dan keperluan-keperluan berkanun.



**Model ISO 14001**



### Pemantauan Alam Sekitar

Rangka kerja pemantauan alam sekitar kami disokong oleh Program Pemantauan Kualiti Alam Sekitar (“PPKAS”) yang mengukur sendiri kualiti alam sekitar kawasan sekeliling yang terjejas oleh operasi dan kegiatan perniagaan kami. Ia juga bertindak untuk memantau dan mengukur projek-projek yang tidak tertakluk kepada Syarat Kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar. Program ini tertumpu pada kualiti udara, bunyi dan air sungai untuk meminimumkan potensi kerosakan atau kemudaratan kepada sistem ekologi.

### Penjagaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar

Kumpulan kami berhasrat untuk mempertingkatkan pelaksanaan program penjagaan dan pemuliharaan alam sekitarnya secara berterusan dan menyumbang secara positif kepada alam sekitar melalui amalan terbaik dalam operasi harianya. Berikut adalah langkah-langkah penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar yang diterima pakai oleh beberapa bahagian Kumpulan. Usaha-usaha dicirikan mengikut sektor untuk memberikan gambaran sebenar kegiatan alam sekitar IJM.

### Pembinaan

Bahagian Pembinaan melalui PPKAS telah menggariskan beberapa syarat pematuhan, langkah-langkah pengurangan tertentu dan amalan pengurusan terbaik dalam mengawal dan meminimumkan skala kesukaran operasi mereka kepada alam sekitar.

# Laporan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (samb.)



Kawalan hakisan tanah dengan menggunakan penutup bumi sementara



Dinding adang tapak pembinaan digunakan untuk mengurangkan pencemaran bunyi dan habuk

## Kawalan Pencemaran Air

Dalam tempoh pembinaan, pencemaran air dikawal dengan menerima pakai Pelan Kawalan Hakisan dan Mendapan, yang termasuk:

- Penstabilan cerun untuk mengelak hakisan dan runtuh tanah dengan menggunakan penutup bumi sementara, penanaman rumput, tumbuh-tumbuhan dan penyemaian hidro;
- Kerja-kerja tanah terkawal dan kawalan pengurangan banjir di sekitar kawasan rendah yang berhampiran dengan tapak projek;
- Sistem saliran sementara yang mencukupi untuk mengawal aliran air permukaan untuk menghindari banjir;
- Pembinaan kolam keladak, kolam enapan atau pemasangan pagar keladak di tempat/kawasan yang sesuai sebelum memulakan kegiatan pembinaan;
- Pemantauan kualiti air tetap;
- Bahan-bahan binaan seperti simen, pasir dan serbuk-serbuk lain disimpan dengan betul untuk mencegah daripada terdedah kepada curahan air hujan atau kawasan saliran; dan
- Bagi projek-projek penebusgunaan tanah di sepanjang pinggir laut, permatang pasir dibina untuk mencegah pencemaran laut.

## Kawalan Pencemaran Udara dan Bunyi

Kawalan kualiti udara dan pencemaran bunyi meliputi amalan-amalan yang membantu mengurangkan pencemaran udara dan bunyi dan punca-punca yang mendasarinya. Amalan-amalan ini termasuk:

- Larangan pembakaran terbuka di tapak-tapak pembinaan untuk mencegah pelepasan partikel-partikel jelaga dan gas-gas bertoksik;
- Melembapkan kawasan tapak/laluan akses dengan air untuk membendung habuk;

- Trak-trak yang dimuatkan dengan bahan binaan ditutup atau dilembapkan;
- Kaedah-kaedah penanaman cerucuk yang sesuai digunakan dalam kerja-kerja asas untuk mencegah pencemaran bunyi.
- Program penyelenggaraan yang mencukupi bagi kenderaan dan jentera pembinaan untuk mencegah pencemaran bunyi dan pelepasan asap hitam yang berlebihan; dan
- Mendirikan dinding adang di tapak-tapak pembinaan untuk membendung habuk dan pencemaran bunyi.

Selain daripada amalan di atas, kualiti udara dan bunyi sentiasa dipantau dan dipastikan mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

## Pengurusan Sisa

Sistem Pengurusan Sisa Bahagian Pembinaan mematuhi Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Sisa Berjadual) 2005, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan syarat-syarat lain sebagaimana disenaraikan oleh Majlis Perbandaran Tempatan. Sistem ini menghuraikan dengan jelas peranan, tanggungjawab dan kaedah pengendalian sisa termasuk pengasingan sisa, bukan sahaja untuk memenuhi keperluan undang-undang tetapi juga membantu dalam meningkatkan persekitaran tempatan.

## Industri

Prosedur operasi standard Bahagian Industri adalah untuk melindungi kualiti udara dan meminimumkan pencemaran bunyi di dalam dan di sekitar komuniti dalam mana ia beroperasi.

## Kawalan Pencemaran Udara dan Bunyi

Semua kakitangan perlu memakai peralatan perlindungan kebisingan sebagai langkah pencegahan dan pematuhan kepada peraturan OSHA. Sistem perenjis telah dipasang pada penghancur, penyampai dan sepanjang laluan akses kuari untuk melembapkan muatan atas lori di semua kuari.



Kolam ikan di salah satu kuari kami bagi menghijaukan persekitaran

### Pemantauan Habuk

Bagi kilang-kilang kami, peraturan bagi pencegahan dan kawalan bahaya kesihatan disebabkan habuk mineral ditetapkan di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967. Pemantauan habuk, pertama kali dijalankan di kilang Bahagian Industri kami di Lumut, akan diperluaskan secara berperingkat-peringkat di semua kilang dan kuari.

### Pencegahan Tanah Runtuhan

Sebagai langkah pencegahan terhadap tanah runtuh atau lain-lain kesan buruk kepada alam sekitar, penanaman rumput di lereng-lereng bukit telah diterima pakai dalam operasi kuari kami.

### Pelandskapan dan Pengemasan

Lebih banyak pokok dan tumbuhan telah ditanam untuk mewujudkan persekitaran yang lebih hijau di kilang-kilang manakala pelandskapan taman dan kolam ikan telah dibina untuk menjadikan persekitaran kuari lebih hijau.

### Hartanah

#### Bangunan Hijau

IJM Land, anak syarikat hartanah kami sentiasa mencipta reka bentuk mapan yang meminimumkan kesan negatif bangunan kepada alam sekitar. Ini dibuktikan dengan projek-projek kondominium Light Linear and Light Point di Pulau Pinang yang telah diperakui dengan Penarafan Indeks Bangunan Hijau (“IBH”).

Syarikat adalah pemaju pertama di Pulau Pinang untuk mendapatkan pensijilan IBH bagi pembangunan hutan bertingkat tinggi. Kedua-dua pembangunan bertingkat tinggi menyerlahkan ciri-ciri kemewahan hidup dan disulami dengan rasa cinta terhadap alam semula jadi dan persekitaran yang menumpu pada reka bentuk moden dan minimalis yang dikuasakan dengan teknologi rumah pintar yang canggih dalam suasana kehijauan tropika.



Sijil indeks Bangunan Hijau dicapai oleh projek-projek kami, The Light Linear dan The Light Point

Reka bentuk hutan bertingkat ini berpegang kepada prinsip keharmonian dan pemuliharaan alam sekitar untuk mewujudkan keadaan kehidupan yang optimum. Ciri-ciri ini termasuk mengorientasikan unit-unit untuk menghadap ke arah ‘utara’ dan ‘selatan’ bagi mengurangkan kepanasan, penggunaan pencahayaan semula jadi, pemasangan penyongsang penyaman udara siap paip dan menggabungkan kawasan-kawasan hijau yang subur, landskap dan laman dalaman yang cantik dalam pembangunannya dan terbuka bagi pengudaraan menyeluruh yang lebih baik untuk persekitaran yang lebih sihat.

### Perladangan

IJM Plantations, anak syarikat perladangan kami komited untuk meminimumkan kesan kegiatan pertanian mengenai alam sekitar dengan amalan pengurusan terbaik manakala pada masa yang sama melaksanakan inisiatif hijau seperti pemuliharaan dan peningkatan biodiversiti. Oleh yang demikian, Bahagian ini telah menerima pakai kaedah-kaedah mapan dalam operasi penanaman dan pemetikan kelapa sawitnya, dan dalam proses pengeluaran minyak sawitnya.

#### Pemuliharaan Tanah

Lebih kurang 9% atau 6,250 ekar simpanan tanah ladang telah diklasifikasikan untuk pemuliharaan, pendidikan, rekreasi dan latihan. Kejayaan gemilang Bahagian ini adalah projek “Hundred-Acre Wood” yang menunjukkan inisiatif pemuliharaan ekologi, pendidikan ilmu alam dan usaha-usaha latihan ke atas 100 ekar plot tanah. Tapak tersebut menempatkan tapak semai bagi spesies-spesies pokok hutan hujan tropika yang bernilai tinggi termasuk Laran (*Neolamarckia cadamba*) dan Sesenduk (*Endospermum spp.*), tадahan air, kebun buah-buahan dan taman herba perubatan dengan lebih 150 spesies pokok perubatan. Projek ini menghalang hakisan pada lereng-lereng curam, mengurangkan degradasi tanah dan membina semula rangkaian habitat semula jadi.

# Laporan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (samb.)



Pelawat di 'Hundred Acre Wood' Bahagian Perladangan



Penanaman pokok di ladang

## Projek Penanaman Hutan

Bahagian ini meneruskan usaha dengan projek penanaman hutan di kawasan-kawasan yang tidak sesuai untuk penanaman kelapa sawit dan sehingga kini, lebih daripada 38 hektar tanah rendah telah ditanam dengan spesies-spesies pokok untuk menghalang berlakunya banjir berpanjangan seperti Bongkul (*Neonauclea subdia*) dan Sepat (*Mitragyna speciosa*).

## Sekuestrasi Karbon

Anggaran karbon ditetapkan sebanyak lebih 3.5 juta pokok kelapa sawit dalam bahagian ini dikira berdasarkan metodologi Lembaga Minyak Sawit Malaysia ("MPOB"). Dalam tahun laporan, jumlah karbon disekuester adalah 737,517 tan metrik atau 29 tan metrik setiap hektar tanaman berdasarkan jumlah kawasan ditanam dan profil usia pokok kelapa sawit. Terdapat lebih kurang 12% peningkatan (atau bersamaan dengan 79,166 tan metrik karbon) dalam karbon disekuester dalam tahun kewangan berbanding dengan tahun sebelumnya memandangkan lebih banyak pokok mencapai kematangan.

### Karbon disekuester melalui pokok kelapa sawit Kumpulan pada FY 2011

	Kumpulan Usia (Tahun)	Kedudukan Biomass (tan/ha)	Karbon (tan/ha)	Luas Kawasan Tanaman (hektar)	Jumlah Karbon (tan metrik)
<b>Belum Matang</b>	(1-3 tahun)	14.5	5.8	816	4,733
<b>Matang</b>	(4-8 tahun)	40.3	16.12	4,246	68,446
	(9-13 tahun)	70.8	28.32	12,395	351,026
	(14-18 tahun)	93.4	37.36	4,657	173,986
	(19-24 tahun)	113.2	45.28	3,077	139,327
<b>Jumlah</b>				25,191	737,518

## Pembakaran Sifar

Dasar pembakaran sifar telah diterima pakai oleh Bahagian Perladangan bagi kedua-dua penanaman dan penanaman semula pokok kelapa sawit. Teknik ini menyumbang ke arah persekitaran yang lebih bersih, membantu dalam meminimumkan pemanasan global dan mematuhi perundangan alam sekitar.



Pengendalian agrokimia yang betul dan selamat yang diamalkan di ladang



Pembibakan flora dan fauna di ladang

### **Pemuliharaan Air dan Tanah**

Amalan standard bahagian ini dalam menanam tanaman penutup bumi pokok kekacang membantu untuk memuliharkan kesuburan tanah sementara selepas pembersihan tanah. Takungan air yang besar dengan tumbuhan yang sesuai diwujudkan untuk memenuhi keperluan operasi harian dan untuk kegunaan manusia. Parameter hujan dipantau secara rutin oleh semua unit operasi setiap hari.

### **Penggunaan Agrokimia**

Program baja adalah berdasarkan nutrien daun dan profil prestasi kadar hasil pokok kelapa sawit. Bahagian ini menerima pakai strategi anti rintangan perosak dengan memilih secara berhati-hati kimia rawatan untuk menghindari pergantungan pada mana-mana satu jenis bahan kimia. Kuantiti agrokimia yang digunakan dipantau secara teliti dengan jangkaan strategi pengurusan perosak bersepadu.

### **Pengurusan Perosak Bersepadu**

Bahagian Perladangan merangkumi pengurusan perosak bersepadu yang melibatkan gabungan teknik-teknik pengurusan perosak untuk mengekalkan tahap biodiversiti yang tinggi dalam ekosistem. Pokok-pokok bermanfaat seperti *Turnera subulata*, *Antigonon leptopus* dan *Cassia cobanensis* ditanam untuk mengekalkan keseimbangan populasi serangga perosak kelapa sawit dengan alam semula jadi yang menyebabkan pengurangan penggunaan racun serangga bagi mengawal ulat kelongsong dan ulat bulu netel.

Bahagian ini juga membela dan membiak serangga pemangsa dalam insektarium di Pusat Kualiti, Latihan dan Penyelidikannya di Sugut bagi kawalan biologi perosak memakan daun. Rumah burung hantu juga dibina untuk menarik perhatian burung-burung hantu pemakan tikus sebagai alatan kawalan biologi bagi tikus-tikus di ladang.

Begitu juga, uncang-uncang feromon digunakan untuk memerangkap kumbang badak *Oryctes rhinoceros*, berbanding kawalan kimia. Penggunaan minimum racun perosak perladangan telah membolehkan pelbagai jenis flora dan fauna berkembang biak.

### **Penggunaan Hasil Sampingan Sisa**

Bahagian ini telah menyediakan polisi pembuangan sisa sifar dalam proses pengilangan minyak sawit. Efluen kilang minyak sawit ("EKMS") yang kaya dengan nutrien dirawat dengan betul sebelum dilepaskan ke ladang untuk pengairan. Tandan buah kosong ("TBK") juga disalurkan bagi penyungkupan di dalam ladang-ladang. Di Sabang, kedua-dua cebisan TBK dan EKMS dicampurkan bagi pengeluaran biokompos untuk mengurangkan pergantungan ke atas baja tak organik dan untuk meningkatkan marginal tanah.

### **Tol**

#### **Sistem Kad Pintar**

Bahagian Tol menerima pakai sistem 'Kad Pintar' di lebuhraya bertolnya sebagai ganti kepada tiket konvensional. Selain mengurangkan penggunaan kertas, sistem 'Kad Pintar' manakala pada masa yang sama mengurangkan sebarang percanggahan yang mungkin timbul dalam pengutipan tol, dan memudahkan pemerolehan semula data.

### **Pematuhan EIA**

Menggabungkan teknologi terkini dalam reka bentuk dan pembinaan lebuhraya dengan kesan minimum kepada alam sekitar, LEKAS telah dibina berdasarkan Syarat-syarat Kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar.

# Laporan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (samb.)



Warga pelabuhan kami mengambil bahagian dalam latihan bencana kebakaran



Kempen "Jangan Merokok" di Kilang Lumut kami

## Pelabuhan

### Kawalan Pencemaran Laut

Bahagian Pelabuhan mematuhi sepenuhnya peraturan tempatan dan antarabangsa dalam hubungan ini, misalnya Konvensyen Pencemaran Minyak Marin (Konvensyen MARPOL 73/78) dan Panduan Keselamatan Antarabangsa bagi Kapal Tangki Minyak dan Terminal.

Adalah wajib bagi semua kapal tangki minyak yang masuk ke Pelabuhan Kuantan untuk mematuhi sama sekali senarai semak keselamatan kapal pesisir untuk memastikan pematuhan dengan kawalan keselamatan dan pencemaran. Sebagai langkah pengurangan, Pasukan Tindakan Kecemasan Tumpahan Minyak bahagian ini sentiasa bersiap sedia dan boleh dikerahkan serta-merta apabila diperlukan.

### Kawalan Pencemaran Habuk

Bahagian ini juga mengarahkan agar lori-lori yang membawa kargo pukal seperti hampas isirung sawit, baja, serpihan kayu dan barang pukal lain, menutup kargo sebelum meninggalkan premis-premis pelabuhan untuk mengurangkan pencemaran habuk di kawasan pelabuhan dan kawasan sekitarnya.

Penggunaan sistem penyampai bagi pemuatan dan pemunggahan kargo adalah digalakkan. Habuk daripada kargo-kargo pukal ini, walaupun ia mungkin tidak menjelaskan alam sekitar secara ketara, walaupun bagaimanapun boleh menjelaskan kesihatan kakitangan dan pengguna pelabuhan dalam jangka panjang. Justeru itu, kakitangan dan pengguna pelabuhan digalakkan untuk menggunakan topeng habuk.

## PROGRAM LATIHAN DAN KESEDARAN KKAS

Kesedaran dan kebertanggungjawaban KKAS pada semua peringkat organisasi dititikberatkan pada sepanjang masa memandangkan Kumpulan komited untuk memastikan agar kakitangannya sentiasa menyedari dan mengikuti garis panduan KKAS yang ditetapkan. I-Portal Kumpulan bertindak sebagai medium penting untuk menyebar maklumat mengenai manual KKAS, amaran kejadian dan tindakan pembetulan yang dicadangkan. Latihan dan kempen dijalankan secara berterusan untuk menggalakkan kesedaran mengenai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Tema keselamatan Bahagian Industri bagi FY 2011 adalah "Kecemerlangan dalam Budaya Keselamatan dan Kesihatan" untuk menggalakkan amalan keselamatan di seluruh bahagian. Pertandingan Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan dijalankan untuk mengukur tahap prestasi keselamatan dan kesihatan di tempat kerja meliputi pematuhan undang-undang, promosi keselamatan dan amalan kesihatan & keselamatan serta pengemasan, yang kesemuanya adalah sebahagian daripada penilaian. Ganjaran-ganjaran ini bertindak sebagai galakan bagi usaha berterusan untuk meningkatkan status Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ("KKP") di tempat kerja.

Kesedaran ke atas KKP sentiasa digalakkan di kilang-kilang kami melalui pelbagai program, latihan dan kempen seperti latihan memadam kebakaran dan pertolongan cemas, gotong-royong dan aktiviti 5S, perhimpunan/taklimat ringkas mengenai hal-hal keselamatan dan kesihatan. Selain daripada itu, ganjaran-ganjaran diberikan bagi setiap pencapaian sebanyak 500 Hari Tanpa Kemalangan. Kempen-kempen KKP termasuk kempen "Selamatkan Bumi" (Kilang Kuala Terengganu) yang menggalakkan konsep kitar semula, kempen "Jangan Merokok" (Kilang Lumut) dan kempen "Kesedaran Keselamatan & Kesihatan" (Kilang Kapar).



Pertandingan Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan di peringkat Bahagian Industri

Bahagian Perladangan menjalankan program Peningkatan Produktiviti dengan Alternatif Pintar yang menumpu pada penggalakan pengendalian selamat agrokimia dalam kegiatan kawalan perosak. Semua pengguna agrokimia didaftarkan dan diluluskan di bawah Akta Racun Perosak 1974 (Akta 149) dan Peraturan, dan Akta Keselamatan Makanan 1983 (Akta 281). Pasukan Tindakan Kecemasan Pertahanan Awam bahagian bekerjasama dengan jabatan pertahanan awam tempatan telah menjalankan kursus latihan mengenai pelbagai aspek keselamatan dan menyelamat mangsa.

Bahagian Pelabuhan telah mengambil bahagian dalam Latihan Bencana Kebakaran (Peringkat Kebangsaan) di Loji Penyayhidrogenan Propana MTBE (M) Sdn Bhd dan tangki simpanan Kemudahan Utiliti Berpusat Petronas Gas Berhad di Kawasan Perindustrian Gebeng, Pahang. Latihan tersebut, diadakan pada November 2010, melibatkan agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia, Jabatan Kesihatan, Palang Merah, St. John Ambulance, Polis DiRaja Malaysia dan ahli-ahli Gebeng Emergency Mutual Aid.



Anugerah Keselamatan & Kesihatan bagi Projek Pembinaan Terbaik

#### **ANUGERAH-ANUGERAH KKAS**

Anugerah KKAS telah diberikan setiap tahun kepada projek-projek/tapak-tapak dan kilang-kilang yang menunjukkan prestasi cemerlang di kalangan pesaingnya berdasarkan set kriteria merangkumi syarat-syarat pematuhan undang-undang dan Sistem Pengurusan KKAS. Anugerah ini bertindak sebagai galakan untuk mempromosikan amalan terbaik dalam KKAS dan untuk meningkatkan prestasi dalam Sistem Pengurusan KKAS.


# *Pertumbuhan Berterusan*



## **Tanggungjawab Korporat**

- 119 Pasaran**
- 122 Alam Sekitar**
- 124 Masyarakat**
- 129 Tempat Kerja**

Melabur dalam kualiti dan peningkatan berterusan, kami merealisasi pertumbuhan dan kemapanan masa hadapan. Kumpulan menyasarkan untuk menjadi peserta serantau yang amat berdaya saing dan bertanggungjawab dari segi sosial.



## Tanggungjawab Korporat

Di IJM, kemapanan bermaksud memupuk perniagaan yang berjaya yang boleh menyediakan manfaat jangka panjang kepada semua pemegang pelbagai kepentingan kami. Kami sebenarnya kekal komited dengan kepercayaan ini dan ia ditunjukkan dalam semua tatacara kendalian korporat dan perniagaan kami:

- pelabuhan bagi modal dan perusahaan dalam **PASARAN**;
- pemuliharaan **ALAM SEKITAR**;
- pemaju **MASYARAKAT**; dan
- penyedia peluang-peluang di **TEMPAT KERJA**.

Dalam menerima pakai amalan terbaik ini, IJM dipandu oleh Rangka Kerja Tanggungjawab Korporatnya (“TK”), yang konsisten dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam Garis Panduan TK Bursa Securities, sebagaimana ditunjukkan dalam gambar rajah di bawah:



## PASARAN

Keupayaan untuk menguasai keyakinan pelanggan kami, pembekal, rakan niaga, pelabur, jurubank, kerajaan dan badan-badan berperaturan adalah sangat penting kepada kejayaan berterusan Kumpulan. Justeru itu, IJM menumpukan usaha yang banyak ke arah memupuk etika dan nilai perniagaan yang cemerlang, urus tadbir korporat yang baik dan pelantikan pemegang pelbagai kepentingan, sistem pemerolehan yang adil dan telus, dan penghasilan produk serta perkhidmatan berkualiti dan berinovasi.



Kakitangan menghadiri ceramah mengenai Undang-Undang Persaingan Malaysia untuk menggalakkan etika perniagaan yang baik di kalangan kakitangan

### **Etika & Nilai Perniagaan**

IJM menggalakkan kepimpinan yang beretika daripada atasan sebagai cara penting menyemai dan memelihara asas moral yang berterusan di seluruh peringkat Kumpulan. Kursus induksi, latihan dan peningkatan dianjurkan oleh Jabatan Sumber Manusia Kumpulan juga ditanam, pada bila-bila masa yang mungkin, dengan mesej untuk memupuk budaya etika di kalangan kakitangan.

### **Urus Tadbir Korporat**

Urus tadbir korporat yang baik dipupuk di seluruh Kumpulan, sebagaimana digembar-gemburkan dalam penyata dasarnya “Kami berusaha untuk mendukung standard profesionalisme tertinggi dan urus tadbir korporat contoh untuk memaksimumkan manfaat bagi semua pemegang pelbagai kepentingan”. Pelbagai amalan terbaik telah diperkenalkan daripada imbangan Lembaga yang mencukupi di kalangan pengarah eksekutif, pengarah bukan-eksekutif dan pengarah bebas bagi proses membuat keputusan yang bijak sehingga pendedahan telus ganjaran Lembaga.

Lembaga komited untuk memastikan pelaporan kewangan yang betul dan adil dan menyenggara sistem kawalan dalaman yang kukuh dan rangka kerja pengurusan risiko yang sesuai, melindungi aset-aset Kumpulan dengan sewajarnya dan mencegah penipuan dan ketidakakuratan lain.

Rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan yang diterima pakai oleh Kumpulan menggunakan pendekatan berdasarkan risiko dan kajiannya meliputi bidang-bidang ketidakpatuhan dengan undang-undang terpakai, peraturan, garis panduan, perubahan kepada kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan. Hasil kajian penilaian risiko tahun semasa adalah memuaskan dan tidak ada salah nyataan atau kerugian, kontingenensi atau ketidakpastian material telah timbul.

Sila rujuk kepada *Penyata Urus Tadbir Korporat* untuk maklumat lanjut mengenai amalan urus tadbir korporat terbaik Kumpulan dan *Penyata Kawalan Dalaman* bagi rangka kerja pengurusan risiko, amalan dan langkah-langkah kawalan dalaman lain.



*Pelantikan pemegang pelbagai kepentingan di ladang-ladang kami melibatkan Pesuruhjaya Tinggi Fiji, penganalisis pasaran, pengurus dana dan wartawan tempatan*

## Penglibatan Pemegang Pelbagai Kepentingan

Kumpulan melalui program Perhubungan Pelabur mantapnya berusaha untuk menyampaikan dan menyebar maklumat berkualiti dan berkaitan mengenai pembangunan, operasi dan prestasi kewangan Kumpulan kepada pelabur, pengawal selia, pelanggan, pembekal, kakitangan dan orang awam, dalam cara yang menepati masa dan telus. Beberapa pendedahan dan pengumuman telah dibuat kepada Bursa Securities, dialog yang kerap dan lawatan tapak diadakan dengan penganalisis dan pengurus dana, dan sidang media dianjurkan dari masa ke masa untuk menyebarkan dengan berkesan berhubung dengan maklumat kepada orang awam. Maklumat lanjut mengenai kegiatan-kegiatan Perhubungan Pelabur Kumpulan terkandung dalam *Penyata Urus Tadbir Korporat*.

Saluran bagi pengaduan salah laku disediakan di mana kakitangan boleh melaporkan penipuan atau ketidakteraturan dalam cara yang paling sulit dan berhati-hati kepada Juruaudit Dalamannya Kumpulan, Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan atau Setiausaha Syarikat. Peluang-peluang juga disediakan kepada kakitangan untuk memberikan maklum balas dan pendapat melalui forum-forum intranet interaktif dan kotak-kotak cadangan. Pengadu salah laku pihak ketiga boleh melaporkan tentang sebarang salah laku melalui laman web Kumpulan.

Kumpulan mempunyai laman web komprehensif di <http://www.ijm.com> untuk mempertingkatkan lagi komunikasi pemegang pelbagai kepentingan. Pelawat-pelawat ke laman web dialu-alukan untuk memberikan maklum balas dan ulasan bagi penambahbaikan berhubung dengan perkhidmatan penawaran produk Kumpulan atau apa-apa perkara lain yang ia mahu bangkitkan.

## Polisi Pemerolehan

Polisi pemerolehan Kumpulan adalah untuk mendapatkan sumber bahan dan perkhidmatan yang sangat boleh dipercayai dari segi peletakan harga, kualiti, ketersediaan dan penyerahan tepat pada masa.

Polisi-polisi pemerolehan Kumpulan yang neutral dan terbuka adalah bertujuan untuk menyediakan pilihan, kualiti, kecekapan dan ekonomi bidangan dalam penyediaan produk dan perkhidmatan berkualiti untuk memastikan kepuasan pelanggan. Ia meliputi bidang-bidang seperti pembelian bahan dan proses tempahan, permintaan bagi tender dan sebut harga, penilaian dan pemilihan subkontraktor dan pembekal berdasarkan kriteria tertentu, penilaian berkala dan mengemas kini senarai subkontraktor/pembekal.

## Produk & Perkhidmatan - Kualiti

Dengan menerima pakai pensijilan system kualiti ISO 9001, Kumpulan telah menetapkan polisi, prosedur dan amalan terbaik bagi penyerahan produk dan perkhidmatan dengan kualiti dan standard terunggul. Sehingga kini, syarikat-syarikat diperakui ISO 9001 Kumpulan berjumlah 18 buah syarikat. Komitmen Kumpulan kepada kualiti digambarkan selanjutnya dalam penggunaan jenama '*Mercu Kecemerlangan*' dan moto korporatnya '*Kecemerlangan melalui Kualiti*'.

Kumpulan menjalankan kajian tetap, penambahbaikan proses dan penilaian kawalan kualiti yang meningkatkan proses pengeluaran dan kualiti produk dan perkhidmatannya manakala pada masa yang sama meminimumkan kecacatan produk, kemalangan, kesihatan dan bahaya alam sekitar. Selain daripada itu, tinjauan kepuasan hati pelanggan tahunan dijalankan untuk mendapatkan maklum balas daripada pelanggan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada mereka.

Sebagai bukti komitmen Kumpulan kepada kualiti, ia telah menerima pengiktirafan tinggi daripada pelanggan-pelanggan yang berpuas hati, badan kerajaan dan badan berperaturan, dan sokongan awam, melalui pelbagai bentuk anugerah dan sokongan termasuk Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia - Anugerah Kontraktor Terbaik 2009 dan Anugerah Pencapaian Antarabangsa pada tahun 2007, 2006 dan 2001.

Maklumat lanjut mengenai amalan kualiti terbaik Kumpulan diliputi dalam *Laporan Kualiti*.



Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia - Kontraktor Terbaik 2009 (kiri) dan Anugerah Pencapaian Antarabangsa 2007 (kanan)

#### **Produk & Perkhidmatan - Inovasi, Penyelidikan & Pembangunan**

Kumpulan sentiasa membuat pembaharuan dan penambahbaikan ke atas kualiti produk dan perkhidmatannya untuk kekal seiring dengan perubahan teknologi, keutamaan pengguna dan untuk memulihara alam sekitar. Sehubungan dengan ini, Kumpulan mengamalkan perekayasaan dan penciptaan semula produk dan prosesnya melalui penyelidikan dan pembangunan ("P&P") berterusan untuk mengeluarkan kualiti tertinggi dengan kos yang lebih rendah dan masa ke pasaran yang lebih pantas berbanding pesaing-pesaingnya, untuk mengekalkan kelebihan daya saingnya.

Makmal Penyelidikan dan Pembangunan Berpusat Bahagian Industri di kilangnya di Klang, yang ditauliahkan oleh Jabatan Standard, Malaysia, telah mencapai akreditasi baru bagi pengujian termasuk penapisan, penghancuran dan penyerpihan pada tahun 2010. Makmal ini telah memperkenalkan skop pengujian baru meliputi ujian pemampatan bagi kubus, silinder dan teras, dan ujian indeks bentuk agregat dan dijangka akan diberi akreditasi oleh Jabatan Standard menjelang akhir tahun ini.

Bahagian ini, melalui penggunaan berterusan campuran termajunya bagi pengeluaran cerucuk tanpa input tenaga, telah mengurangkan pelepasan karbon dioksida dan mencapai penjimatan kos yang ketara. Makmalnya juga telah membangunkan perumusan konkrit baru menggunakan bahan-bahan hijau (abu sanga dan bahan api kisar) bagi mengeluarkan cerucuk dengan menambah baik kekuatan dan ketahanan.



Pusat Penyelidikan & Pembangunan Bahagian Industri: Pengujian bagi ketahanan dan kekuatan batu PC



IJM Plantations' P&P activities produced high quality palm oil fruits

Kegiatan P&P Bahagian Perladangan, dikendalikan melalui Pusat Kualiti, Latihan dan Penyelidikannya yang masih tertumpu pada pelaksanaan kawalan biologi untuk mengurangkan penggunaan racun perosak kimia dan meningkatkan kadar hasil kelapa sawit melalui metodologi pembiakan dan pemilihan, perakaman saintifik blok-blok genetik, pemilihan pokok-pokok induk di Ladang Sijas, Sabah dan pengujian generasi percubaan. Selain daripada itu, telah memperakui biji benih kelapa sawit kacukan diperakui SIRIM MS157:2005 dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang membawa cap dagangan 'IJM DxP' telah dikeluarkan dan digunakan dalam penanaman semula kelapa sawit Bahagian di Sabah serta penanaman baru di Indonesia.

## ALAM SEKITAR

Polisi alam sekitar Kumpulan adalah untuk menjadi warga korporat yang bertanggungjawab dan dihormati berhubung dengan isu-isu alam sekitar. Perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar adalah bahagian penting dalam falsafah korporat dan polisi perniagaan Kumpulan. IJM percaya strategi ini akan menghasilkan pengurangan gangguan kepada alam sekitar dan menyumbang kepada pembangunan mapan perniagaannya dan alam sekeliling.

Dalam tahun kewangan, beberapa bahagian Kumpulan telah menjalankan pelbagai kegiatan dan acara awam yang menumpu pada kesedaran alam sekitar, pendidikan dan pemuliharaan untuk menanam rasa tanggungjawab di kalangan kakitangannya dan komuniti secara keseluruhannya, tindakan-tindakan seseorang yang boleh diambil untuk menjadikan alam sekitar tempat yang lebih baik untuk semua berkembang maju.



*ICP Lumut mengambil bahagian dalam ‘Larian Ozon Mesra Alam’ untuk mewujudkan kesedaran mengenai isu-isu iklim global*



*Kempen ‘Jom Bersihkan Pantai’ ICP Lumut telah menimbulkan kesedaran tentang penjagaan kebersihan pantai kita yang cantik*

### Kempen Alam Sekitar

Bahagian Industri kami telah menjalankan kempen ‘Selamatkan Bumi’ di Kuala Terengganu untuk menggalakkan konsep kitar semula dengan mengasingkan bahan-bahan tidak diperlukan yang terhasil daripada proses-proses pengeluarannya.

ICP Lumut telah mengambil bahagian dalam ‘Larian Ozon Mesra Alam’ yang dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar, Perak untuk mewujudkan kesedaran di kalangan kakitangannya mengenai isu-isu iklim dunia dan pengurangan lapisan ozon dan telah membantu membersihkan pantai Teluk Senangin, Perak dalam kempennya ‘Jom Bersihkan Pantai’.



*Tapak semaihan di ladang*



*Kanak-kanak belajar mengenai burung-burung hijrah dalam acara tahunan Raptor Watch Event yang disokong oleh IJM*



*Sebuah tasik yang tenang dan dijaga dengan baik di ladang kami di Sabah*

#### **Acara Membaling Bebola Lumpur**

IJM Land telah mengadakan acara ‘*Membaling Bebola Lumpur*’ bersebelahan dengan projek The Light Waterfront Development di mana 7,000 bebola lumpur dengan EM® (*effective microorganisms™*) telah dibaling ke dalam muara sungai Sg. Gelugor di Pulau Pinang sebagai usaha untuk merawat dan mendekontaminasikan sungai yang tercemar.

#### **Amalan Pengurusan Alam Sekitar Terbaik Perladangan**

Bahagian Perladangan kami menggunakan amalan pengurusan terbaik berkaitan dengan industri perladangan seperti teknik-teknik pembakaran sifar dalam program-program perladangannya, pemuliharaan pokok-pokok hutan hujan selebihnya, koleksi dan penanaman pokok-pokok perubatan dan pemuliharaan beberapa tapak dengan penanaman sampel-sampel pokok kayu tropika.

Pencapaian terbesar Bahagian adalah penyelenggaraan ‘*Hundred Acre Wood*’ di Sugut, Sabah.

#### **Gotong-Royong 1 Malaysia**

Sejajar dengan usaha Kerajaan untuk membasmi ‘*Aedes*’, anak syarikat tol kami, Besraya bersama Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur (“DBKL”) dan menganjurkan acara ‘*Gotong-Royong 1 Malaysia*’ untuk membersihkan kawasan-kawasan kediaman di sekitar Kampung Malaysia Raya dan Kampung Malaysia Tambahan yang terletak berhampiran dengan jalan bertol kami. Lebih kurang 300 penduduk yang prihatin, kakitangan DBKL dan kakitangan Besraya telah mengambil bahagian dalam acara pembersihan ini.

#### **Raptor Watch 2011**

Sekali lagi, IJM menyokong acara tahunan Raptor Watch bersama dengan Persatuan Pencinta Alam Malaysia pada Mac 2011 di PNB Ilham Resort di Port Dickson, Negeri Sembilan. Pesta tersebut meraikan kepulangan burung hijrah atau burung pemangsa ke habitat asal mereka di hemisfera utara dan mewujudkan kesedaran awam mengenai pemuliharaan burung pemangsa dan habitat mereka.

Maklumat lanjut mengenai usaha-usaha Kumpulan dalam perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar terkandung dalam *Laporan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar*.

# Tanggungjawab Korporat (samb.)

## MASYARAKAT

IJM berdiri teguh dengan amalan “*sumbang kepada masyarakat*” di kawasan-kawasan di mana ia beroperasi. Usaha-usaha kemasyarakatannya yang definisikan dalam rangka kerja TK, menumpu pada kebajikan sosial, pendidikan dan pembangunan sukan di peringkat akar umbi.



IJM menyumbang RM110,000 untuk membina rumah perlindungan bagi pekerja-pekerja pendarat Indonesia



Lebih kurang 400 kanak-kanak sekolah mengambil bahagian dalam acara Merdeka IJM yang menumpu pada tempat-tempat bermerek dan ikonik di Kuala Lumpur

### Kebajikan Sosial

Analisa biasa dalam semua kegiatan kebajikan sosial yang dianjurkan oleh Kumpulan IJM adalah hasratnya untuk memastikan agar ia dapat mengubah kehidupan orang yang ia bantu.

Sepanjang tahun ini, IJM menyokong pelbagai jenis acara yang dianjurkan oleh syarikat atau acara-acara awam yang diperkenalkan oleh pertubuhan-pertubuhan amal seperti acara mengumpul dana Persatuan Strok Kebangsaan Malaysia seperti Sarapan Pagi Terbesar Malaysia; kempen derma darah bagi Pusat Perubatan Universiti Malaya; keperluan infrastruktur rumah perlindungan bagi pekerja-pekerja pendarat Indonesia yang dibangkitkan oleh Kedutaan Indonesia antara lainnya.

Dua acara penting yang dianjurkan oleh IJM menonjolkan tema menghulur bantuannya kepada kanak-kanak kurang bernasib baik dalam pasaran di mana IJM beroperasi.

IJM telah menghoskan hampir 400 orang kanak-kanak sekolah daripada sembilan buah sekolah dalam dua acara yang diadakan serentak di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Program ini bertujuan untuk memberikan kanak-kanak satu pengalaman yang sukar dilupakan dan perjalanan pendidikan khususnya di tapak-tapak bermerek dan ikonik untuk mengekalkan semangat ‘Merdeka’.



IJM membawa lebih 100 kanak-kanak dari enam rumah kebajikan untuk merasai pengalaman belajar yang menyeronokkan di Aquaria, KLCC

Satu lagi acara ringkas bertajuk “*Sehari Berseronok Bersama Kanak-kanak*” menyaksikan lebih 100 kanak-kanak daripada enam rumah, iaitu Ozanam Home, Shelter 1, Rumah Kebajikan SVP, El Shaddai, Pusat Jagaan Kanak-Kanak Sayang dan House of Joys, telah dibawa bersiar-siar di Aquaria dan Petrosains di KLCC. Kumpulan kami juga mempunyai tradisi menyambut semua perayaan utama dengan kakitangan dan sentiasa mengundang kanak-kanak daripada rumah anak-anak yatim dan kebajikan untuk mengambil bahagian dalam perayaan ini.



Bahagian Industri mendermakan kincir pemulihan ‘GaitKeeper’, kepada Yayasan Kebajikan SSL Stroke

Bahagian Industri meneruskan usahanya mengekalkan infrastruktur asas di kawasan-kawasan di mana ia beroperasi. Kuang Rock Products Sdn. Bhd mengambil bahagian dalam kerja-kerja untuk menaik taraf dan melapisi semula jalan raya Matang Pagar dan kilang cerucuk Kapar meneruskan amalannya menyelenggara jalan raya utama di Kampong Tok Muda.

Bahagian juga telah mengunjungi semula Yayasan Kebajikan SSL Stroke, beneficiari yang lepas bagi usaha TK IJM dan menderma kincir pemulihan ‘GaitKeeper’ - sebuah mesin yang direka khas untuk latihan dan latihan pemulihan penghidap strok.

Bahagian Tol melalui kerjasama dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia, Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Kementerian Kerja Raya mengambil bahagian secara aktif dalam kempen-kempen keselamatan peringkat kebangsaan seperti Kempen Keselamatan Jalan Raya Tahun Baru Cina yang dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Datuk Thomas George di Plaza Tol Kajang Selatan di lebuh raya LEKAS.

Dalam satu lagi usaha berorientasikan kemasyarakatan, Bahagian setiap tahun menawarkan diskaun kadar tol dalam musim perayaan.



‘Misi Berjalan Kaki Seremban ke Putrajaya’ mencipta rekod ‘Jalan Berganti-ganti Tanpa Henti Terpanjang’ dalam Malaysian Book of Records



Pelabuhan Kuantan mengunjungi laman rumah orang-orang tuan dan mengagihkan barang makanan sempena sambutan Hari Kebangsaan 2010

Dalam tahun ini, Bahagian Tol telah menghoskan Majlis Menaikkan Bendera selaras dengan Hari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Ke-37; mengagihkan ‘Bubur Lambuk’ kepada semua pengguna jalan raya dan kakitangan di Plaza Tol Besraya Mines Selatan pada bulan Ramadan; dan menganjurkan bersama ‘Misi Berjalan Kaki Seremban ke Putrajaya’ selaras dengan sambutan Hari Belia Kebangsaan 2010 dengan Majlis Belia Negeri Sembilan. Acara yang menyaksikan penyertaan pelajar, orang kurang upaya dan kakitangan LEKAS, telah mencipta rekod bagi ‘Berjalan Berganti-ganti Tanpa Henti Terpanjang’ dalam Malaysian Book of Records.

Sempena Hari Kebangsaan 2010, Bahagian Pelabuhan telah meraikan penghuni di lapan buah rumah orang tua dan mengagihkan barang makanan. Selain daripada itu, Bahagian juga telah membuat sumbangan tetap kepada sekolah dan pusat-pusat spastik sepanjang tahun.

## Tanggungjawab Korporat (samb.)



IJM Plantations menyokong program 'Kesedaran Kesihatan Payu Dara' di Kota Kinabalu

Acara 'Berbuka Puasa' tahunan Pelabuhan dianjurkan pada Ogos 2010 adalah acara penting. Tetamu termasuk ahli-ahli kerabat diraja Pahang, pembesar-pembesar negeri, media, klien, kakitangan dan keluarga mereka. Kanak-kanak dari pusat-pusat spastik dan sekolah rendah di Gambang, Beserah dan Balok juga diundang.

Bagi FY 2011, Bahagian Perladangan terus melibatkan masyarakat dalam projek-projek penjagaan kesihatan awam seperti program 'Kesedaran Kesihatan Payu Dara' dengan kerjasama daripada Duchess of Kent Hospital dan penyediaan penjagaan perubatan dan penajaan bekalan ubat kepada masyarakat Sugut-Paitan.

### Pendidikan

#### Biasiswa IJM

IJM telah menawarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang layak menerima sejak 17 tahun lepas. Program biasiswa telah diwujudkan untuk membantu membangunkan dan memupuk bakat-bakat muda Malaysia yang cemerlang ke dalam barisan pemimpin masa hadapan. Kebanyakan daripada pelajar, yang menerima manfaat daripada program ini, kembali bekerja dalam Kumpulan. Sehingga kini, program ini telah mencapai lebih daripada 150 pelajar.

Anugerah biasiswa ini meliputi bidang-bidang pengajian seperti Kejuruteraan Awam, Mekanikal, Kimia dan Elektrik; Perakaunan; Seni Bina; Pengurusan Ladang; Perumahan, Pembinaan dan Perancangan; Ukur Bahan; Sains Gunaan; Pentadbiran Ekonomi dan Perniagaan; Sains Pertanian dan Perniagaan Tani; dan Sains Bahan dan Geologi.



Sesi 'Perjumpaan Pemegang Biasiswa-Mentor' sebelum majlis penyampaian Biasiswa IJM

Majlis penyampaian diadakan setiap tahun pada bulan Ogos yang menyaksikan 21 penerima yang berjaya. Ciri-ciri khas dalam program adalah amalan melantik mentor kepada semua calon-calon yang layak untuk membimbing dan memberi nasihat kepada penerima biasiswa IJM sewaktu menjalani kursus pengajian mereka dan sewaktu program latihan amali yang menyediakan penerima-penerima biasiswa IJM peluang untuk menjalani latihan industri mereka dengan Kumpulan sebagai sebahagian daripada syarat kursus mereka.

#### Program Latihan Amali

IJM juga menerima pelatih perindustrian bagi tempoh antara tiga bulan hingga lapan bulan. Dalam latihan amali mereka dengan Kumpulan, mereka dibayar elauan dan dijamin di bawah Polisi Kemalangan Kumpulan. Dalam tahun di bawah kajian, Kumpulan IJM telah menghoskan lebih daripada 70 pelatih termasuk penerima biasiswa IJM di bawah program.

#### Pesta Kerjaya dan Pendidikan

Di peringkat HQ, syarikat kerap mengambil bahagian dalam pesta kerjaya dan pendidikan dan kekal responsif kepada pertanyaan daripada kolej-kolej dan universiti-universiti bagi lawatan tapak, undangan ke ceramah kerjaya atau teknikal dan mengambil bahagian dalam kajian atau tinjauan. Bahagian Perladangan juga terlibat dalam Program Penempatan Kerja peringkat negeri untuk menggalakkan belia tempatan menyertai industri perladangan.



IJM Plantations bekerjasama dengan NGO, Tadika Sahabat Rakanan, untuk menyediakan pendidikan asas kepada kanak-kanak dalam komuniti Paitan



IJM menaja kejohanan COBRA Rugby 10s

### **Program Pendidikan di Ladang-ladang**

Bahagian Perladangan terus menyediakan pendidikan asas kepada anak-anak pekerja ladang berusia antara lima dan sepuluh tahun serta mereka yang tinggal di sekitar komuniti di kawasan-kawasan di mana ia beroperasi melalui tujuh tadika yang telah dibina di beberapa ladang IJM di seluruh Sabah. Di mana timbul keperluan, Bahagian telah menubuhkan pusat jagaan untuk bayi dan kanak-kanak baru bertatih yang ibu bapa mereka bekerja di ladang.

Di Sugut, Bahagian bekerjasama dengan NGO, Tadika Sahabat Rakanan, untuk menyediakan pendidikan asas bagi kanak-kanak dalam komuniti Paitan dan dengan Persatuan Bantuan Kanak-kanak Humana Sabah untuk membina pusat pembelajaran di Ladang Selatan Desa Talisai. Sejak beroperasi pada tahun 2008, pusat pembelajaran ini terdiri daripada tiga bilik darjah dibina khusus yang memenuhi lebih 100 kanak-kanak daripada kumpulan usia yang berbeza. Kanak-kanak di sini diajar oleh guru-guru terlatih dan mengikut sukan pelajaran Indonesia dan Malaysia. Butir-butir program ini boleh ditemui di [www.borneochildaid.org](http://www.borneochildaid.org).

### **Pembangunan Sukan di Peringkat Akar Umbi**

Mengakui peranan penting yang dimainkan bidang sukan dalam meningkatkan kesejahteraan fizikal dan mental belia dan sebagai penyepadan orang yang berkesan daripada pelbagai kaum, IJM secara konsisten telah mengekalkan pendekatan praktikal yang telah menghasilkan kejayaan melalui tumpuannya dalam sukan ragbi dan gimnastik.

Kedua-dua acara sukan yang ditaja oleh IJM ini mempunyai banyak kebaikan yang sama. Adalah penting untuk dinyatakan bahawa kedua-dua acara ini dianjurkan oleh sukarelawan yang merupakan penggemar sukan, penyokong dan ahli keluarga peserta. Bermula sebagai acara tempatan, hari ini kedua-dua acara ini telah mencapai taraf dan pengiktirafan tertinggi, menarik minat pasukan-pasukan dan audiens-audien antarabangsa dari seluruh dunia, yang juga turut menyokong seruan Kerajaan untuk menggalakkan pelancongan sukan.

Penglibatan IJM dalam ragbi bermula sejak tahun 1990-an. Penajaan IJM Corporation dalam pembangunan ragbi di Semenanjung Malaysia diuruskan melalui perkongsian dengan Persatuan Ragbi Gabungan Bekas-bekas Pelajar (“COBRA”) dan Yayasan CIMB yang pada tahun 2005, memperkenalkan Program Pembangunan Ragbi Sekolah-sekolah COBRA-CIMB yang bertujuan untuk menggalakkan, mendedahkan, melatih dan memupuk kanak-kanak sekolah Malaysia dalam sukan ragbi.

Bahagian Perladangan di Sabah juga mempunyai bekerjasama yang berjaya secara berterusan dengan Kelab Ragbi Sandakan, Kesatuan Ragbi Sabah dan Jabatan Pendidikan Sabah dengan Akademi Kecemerlangan Ragbi di Sandakan ditubuhkan sebagai platform untuk mempelopori objektif. Selama ini, kerjasama ini menyebabkan ragbi diperkenalkan sebagai kegiatan kurikulum tambahan dalam sekolah-sekolah yang mengambil bahagian di Sabah. IJM juga menaja perlawanan Junior 7 Sebelah tahunan bagi pelajar-pelajar sekolah Sabah dalam pelbagai kumpulan usia.

Kumpulan mempunyai keunikan yang boleh dikaitkan dengan dua kelab ragbi paling berjaya di Malaysia di atas padang, iaitu COBRA dan Borneo Eagles.

## Tanggungjawab Korporat (samb.)



IJM Plantations menaja dan menganjurkan kejohanan ragbi sekolah-sekolah peringkat IJMP-MSSS-SRU Sabah ke-9 yang menarik penyertaan lebih 650 kanak-kanak, termasuk budak-budak perempuan

IJM secara berterusan menaja kejohanan Ragbi 10 Sebelah COBRA yang merupakan salah satu daripada perlawanan ragbi antarabangsa terbesar di Malaysia; dengan kejohanan-kejohanan seperti Kejohanan Kelab Jemputan Borneo 7 Sebelah di Kota Kinabalu, di mana Bahagian Perladangan adalah pengajur bersama dan penaja utama. Usaha-usaha Bahagian ini dalam menggalakkan ragbi juga telah menyebabkan Negeri Sabah diberi penghormatan untuk menghoskan Liga Siri Tujuh Sebelah Asia di Malaysia, acara yang dianjurkan oleh Kesatuan Ragbi Sabah dan disokong oleh Kesatuan Ragbi Malaysia dan lebih penting, Lembaga Ragbi Antarabangsa.

Sejak tahun 2004, IJM juga menaja Kelab Gimnastik Serdang Rhythmic Angels Club yang menganjurkan edisi keempat Kejuaraan Gimnastik Berirama Antara Kelab Antarabangsa Piala Angel pada bulan Ogos 2010 di Gimnasium Majlis Sukan Negara di Bukit Jalil. Acara tersebut berjaya menarik 17 pasukan dari 10 negara dengan sejumlah 74 ahli gimnastik individu mengambil bahagian dalam kategori pra-junior dan junior. Ditubuhkan pada tahun 1998, kelab gimnastik yang berpangkalan di Seri Kembangan diuruskan keseluruhannya oleh sukarelawan.

Acara tersebut, bukan sahaja bertindak sebagai portal untuk menggalakkan dan mencari ahli gimnastik berbakat bagi peringkat antarabangsa, tetapi juga menyediakan tempat bagi jurulatih dan hakim untuk memenuhi dan berkongsi perkembangan terkini dalam gimnastik berirama.



IJM sentiasa menyokong kejohanan Ragbi COBRA 10 sebelah (COBRA Rugby 10s) dengan hasrat jangka panjang menyuburkan sukan ragbi di Malaysia



IJM adalah penyokong tetap Kejuaraan Gimnastik Berirama Antara Kelab Antarabangsa Piala Angel

Untuk menekankan lagi sokongan pembangunan sukan IJM di peringkat akar umbi, syarikat telah menjadi ahli piagam jangka panjang Yayasan Kecemerlangan Sukan Malaysia atau SportExcel. Pertubuhan tidak mementingkan keuntungan ini adalah penggerak utama pembangunan atlet muda melalui penyediaan geran latihan dan basiswa untuk mencapai kecemerlangan dalam sukan.

Kumpulan akan meneruskan usahanya untuk ‘memberi sumbangan’ kepada masyarakat melalui pelbagai program kebajikan sosial, pendidikan dan pembangunan sukan.

## TEMPAT KERJA

Inisiatif Tempat Kerja Kumpulan tertumpu pada memastikan kesihatan dan keselamatan persekitaran di tempat kerja bagi warga kerjanya, pelaburan berterusan dalam latihan dan program pembangunan untuk mewujudkan peluang-peluang bagi pertumbuhan profesional, imbuhan yang adil dan manfaat kakitangan untuk meningkatkan prestasi kakitangan dan menanam kesetiaan dan akhir sekali, untuk mencapai keseimbangan kerja-kehidupan.



Satu kemalangan olok-olok telah diadakan di kawasan Rehat & Rawat Beranang, lebuhraya LEKAS untuk memastikan kesiagaan, kecekapan dan keberkesanan pasukan tindakan kecemasan lebuhraya kami



Kakitangan IJM dari pelbagai latar belakang berhimpun bersama-sama untuk meraikan Tahun Baru Cina di Wisma IJM

### Kesihatan & Keselamatan

Kumpulan telah menyediakan rangka kerja Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar ("KKAS") dan sistem pengurusan yang komprehensif untuk memastikan agar:

- semua perundangan, garis panduan dan syarat-syarat lain KKAS yang terpakai dipatuhi;
- semua kakitangan dan pemegang pelbagai kepentingan mendapat latihan, maklumat dan kemudahan yang tersedia untuk mereka;
- usaha-usaha menyeluruh telah dibuat untuk meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab di semua peringkat;
- penilaian prestasi terhadap objektif peningkatan keselamatan dilaksanakan atas dasar kerap;
- objektif-objektif kesihatan dan keselamatan sentiasa dipantau, dikaji dan dipertingkatkan; dan
- audit KKAS dan pemeriksaan mengejut dijalankan.

Maklumat lanjut mengenai amalan kesihatan dan keselamatan Kumpulan, dasar-dasar dan prosedur-prosedur boleh didapati dalam *Laporan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar*.

### Kepelbagaiannya Tempat Kerja

Kumpulan memahami bahawa budaya positif dan saling menghormati dalam seluruh organisasi adalah penting bagi kemapanan perniagaan keseluruhan dan komited untuk menyediakan persekitaran di mana semua kakitangan, tanpa mengira usia, jantina, bangsa, agama, kewarganegaraan dan pendidikan, mendapat peluang yang sama untuk berkembang maju. Campuran sihat ini menggalakkan kakitangan untuk berusaha mencapai potensi penuh mereka semasa bekerja bersama-sama secara harmoni untuk mencapai matlamat organisasi dan pertumbuhan mapan.

Analisis kakitangan Kumpulan mengikut pengelasan, komposisi etnik dan produktiviti ditunjukkan dalam *Laporan Kakitangan & Produktiviti*.

## Tanggungjawab Korporat (samb.)



Bengkel Pemikiran Kreatif untuk menggalakkan teknik-teknik pemikiran kreatif bagi menyelesaikan masalah-masalah kerja yang mustahil



Kursus KKAS Away Day untuk memotivasi dan melatih kakitangan tentang amalan terbaik KKAS

### Pembangunan Modal Insan

Kumpulan sentiasa melabur dalam pembangunan modal insan dengan menyediakan pelbagai latihan/kursus bagi kakitangannya sepanjang tahun yang dirangka untuk meningkatkan set kemahiran dan keupayaan mereka untuk kecemerlangan dalam organisasi.

Jumlah jam latihan yang dicapai dan bilangan kakitangan yang dilatih pada FY 2011 adalah 24,820 jam dan 2,659 kakitangan, meningkat 1.2 kali berbanding tahun sebelumnya yang merangkumi kursus dalaman dan luaran yang berkisar daripada kursus berkaitan teknikal dan pengurusan kemahiran hingga kemahiran mudah dan pembelajaran sepanjang hayat. Antara latihan-latihan yang disediakan kepada kakitangan adalah:

- i) Penilaian Prestasi Alam Sekitar - untuk mendidik kakitangan mengenai penilaian yang betul bagi projek mereka dan kesannya kepada alam sekitar.
- ii) Kemahiran Konkrit, Kerja Bata & Pelepaan - untuk melatih kakitangan mengenai konsep pembinaan yang betul.
- iii) Kemahiran Perundingan - untuk melatih kakitangan untuk menjadi jururunding berkesan dengan mempelajari pelbagai gaya perundingan yang akan digunakan dalam situasi-situasi yang di luar jangkaan.
- iv) Bina Semangat bagi Meningkatkan Prestasi - untuk menggalakkan sokongan bersama dan kerja berpasukan di kalangan ahli pasukan untuk mencapai matlamat bersama.
- v) Berfikir Secara Kreatif - bengkel selama dua hari direka untuk menggunakan teknik-teknik pemikiran kreatif bagi menyelesaikan masalah-masalah kerja yang mustahil, meningkatkan kuasa otak dan memupuk inovasi.

Selain daripada itu, IJM Toastmasters Club, ditubuhkan sejak tahun 2004, menyediakan sokongan bersama dan persekitaran pembelajaran yang positif dalam mana setiap ahli mempunyai peluang untuk membangunkan kemahiran berpidato dan kepimpinan dan kemahiran berkomunikasi.

Program Latihan Jurutera Kumpulan mendedahkan jurutera lepasan ijazah menyertai IJM kepada ukhwah pembinaan, untuk meningkatkan pengetahuan mendalam mengenai industri demi menyediakan mereka untuk memikul peranan masa hadapan sebagai Pengurus Projek.

Pangkalan Analisis Keperluan Latihan telah dibangunkan oleh Kumpulan untuk mengumpul semak dan mengenal pasti jurang antara pengetahuan atau kemahiran semasa kakitangan dengan pengetahuan atau kemahiran yang diperlukan oleh tugas. Ini telah membantu Jabatan Latihan untuk merancang program latihan tahunan manakala pada masa yang sama memudahkan Kumpulan menjelak keupayaan serta keperluan latihan bagi kakitangannya.

Kakitangan kami telah disediakan dengan subsidi pendidikan dan cuti belajar dan peperiksaan bagi program-program Sarjana, Ijazah, atau Kelayakan Profesional yang diluluskan sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Kumpulan untuk membangunkan modal insan berpotensi.



Penerima-penerima Anugerah Lama Berkhidmat 2010



Anugerah Kualiti disampaikan kepada projek pembinaan yang mendapat skor kualiti tertinggi

## Anugerah Kakitangan

### *Penghargaan Kesetiaan*

Kakitangan yang telah berkhidmat selama 20 tahun diberikan Anugerah Lama Berkhidmat dan hadiah diberikan sebagai penghargaan atas kesetiaan, kerja kuat dan dedikasi mereka kepada Kumpulan. Pada tahun 2010, sejumlah 35 kakitangan telah diberi anugerah lama berkhidmat dalam Majlis Makan Malam Tahunan Syarikat.

### *Anugerah Persaraan*

Kakitangan yang telah mencapai usia persaraan 55 tahun dan telah berkhidmat lebih daripada 15 tahun dalam Kumpulan telah diberi Anugerah Persaraan semasa Majlis Makanan Malam Syarikat. Tahun ini, sejumlah 4 anugerah telah disampaikan.

### *Anugerah Prestasi*

Anugerah KKAS dan Kualiti disampaikan setiap tahun untuk menggalakkan amalan KKAS dan kualiti yang terbaik kepada projek-projek, loji dan kilang yang telah memperkenalkan prestasi terbaik di kalangan pesaingnya. Anugerah ini juga bertindak untuk menggalakkan persaingan sihat manakala pada masa yang sama meningkatkan standard operasi kami secara berterusan.

Selain daripada itu, Bahagian Tol memotivasi kakitangannya dengan menyampaikan Anugerah Prestasi Kakitangan kepada kakitangan Bahagian Tol yang menunjukkan prestasi terbaik dan berdedikasi setiap suku tahun dan setiap tahun.

## Imbuhan Saksama

Falsafah Kumpulan adalah untuk mewujudkan persekitaran kerja yang menarik dengan prospek kemajuan kakitangan yang baik dengan pakej imbuhan yang saksama bagi tempoh jangka panjang. Kakitangan diberi ganjaran dengan sewajarnya berdasarkan skop/keperluan kerja, kelayakan, pengalaman, keupayaan dan prestasi beliau. Untuk mengekalkan pakej imbuhan yang berdaya saing bagi memastikan kakitangannya berkualiti, Kumpulan secara berterusan menilai dan menanda aras struktur pampasannya terhadap standard industri serta tempat pasaran.

Insentif/bonus prestasi direka untuk memberi ganjaran kepada kakitangan atas prestasi baik yang dicapai oleh Kumpulan melalui penglibatan dan usaha-usaha mereka. Selain daripada itu, Kumpulan juga sebelum ini telah memberikan Skim Opsyen Saham Kakitangan dan memperuntukkan waran kepada kakitangan yang layak untuk menggalakkan prestasi kerja yang lebih baik dan menyemai kesetiaan.

# Tanggungjawab Korporat (samb.)



Penerima Anugerah Kecemerlangan Akademik bersama ayah mereka, kakitangan IJM



Acara ragbi sentuh pada Sukan IJM 2010, Kuantan

## Kebajikan Kakitangan

IJM menyediakan manfaat yang menarik dan berdaya saing kepada kakitangannya seperti berikut:

### Perlindungan Kakitangan

Kumpulan telah melaksanakan pelbagai skim perlindungan kakitangan untuk memastikan kakitangan dijaga dengan baik, seperti Skim Manfaat Insurans Berbilang Kumpulan meliputi jangka hayat dan kehilangan upaya kekal menyeluruh, penyakit kritis dan juga penyediaan pulangan pelaburan. Ia mudah alih dan menawarkan kakitangan perlindungan komprehensif sehingga usia 70 tahun dan boleh menjangkau untuk melindungi pasangan pada kadar yang mampu dibayar.

Selain daripada itu, kakitangan juga dilindungi oleh Polisi Insurans Kemalangan Peribadi Kumpulan bagi kehilangan upaya kekal menyeluruh dan/atau kematian akibat kemalangan yang timbul semasa bekerja. Kumpulan juga menawarkan rawatan perubatan pesakit luar dan pergi-gian, pemeriksaan fizikal tahunan, rawatan hospital dan manfaat pembedahan.

### Bantuan untuk Membeli Hartanah Kediaman

IJM Land, cabang harta tanah Kumpulan membangunkan pelbagai jenis harta tanah kediaman, berkisar daripada apartmen asas hingga ke kondominium mewah, rumah teres mampu milik hingga rumah berkembar dua dan banglo di perbandaran utama di seluruh negara. Kakitangan menikmati diskaun 5% bagi pembelian harta tanah kediaman yang dibangunkan oleh IJM Land.

### Anugerah Kecemerlangan Akademik bagi Anak-anak Kakitangan IJM

Setiap tahun, IJM menyampaikan hadiah-hadiah kepada anak-anak kakitangan bagi pencapaian cemerlang dalam peperiksaan SPM, STPM dan A-Level. Pada tahun semasa, sejumlah 31 orang anak-anak telah diberi Anugerah Kecemerlangan Akademik dan hadiah wang tunai sebagai galakan kepada kanak-kanak untuk cemerlang dalam pengajaran mereka, selain meningkatkan kesedaran tentang



Juara Sukan IJM 2010 - Bahagian Perladangan

keperluan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka.

### Keseimbangan Kerja-Kehidupan

Pelbagai kegiatan sukan dan acara sukaneka telah dianjurkan oleh Kumpulan sepanjang tahun untuk mencapai keseimbangan yang betul antara profesional dan kehidupan peribadi kakitangannya.

### Kehidupan Yang Sihat

Kompleks Sukan IJM-COBRA di Petaling Jaya, yang diuruskan oleh Kumpulan, digunakan untuk menghoskan banyak kegiatan sukan tertutup dan terbuka untuk kakitangan kami, seperti futsal, boling, karom dan damak untuk menggalakkan pertandingan dan gaya hidup sihat di kalangan kakitangannya.

Pada Jun 2010, Sukan IJM antara bahagian dwitahunan ke-8 2010 telah dihoskan secara bersama oleh Bahagian Pelabuhan dan Bahagian Tol di Kuantan, Pahang dan disertai oleh lebih 500 kakitangan IJM dari seluruh Malaysia. Acara tersebut berjaya memupuk komunikasi dan perhubungan antara kakitangan syarikat. Bahagian Perladangan adalah juara keseluruhan dengan memenangi 7 daripada 12 acara sukan.



*Ujian saringan kesihatan percuma dianjurkan untuk kakitangan IJM*

Ujian saringan kesihatan percuma dan ceramah pendidikan kesihatan seperti ‘Keseimbangan Kerja-Kehidupan’ dan ‘Pengesanan Awal dan Pencegahan Menyelamatkan Nyawa’ oleh Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan telah dijalankan untuk mendidik kakitangan mengenai pengesanan awal faktor-faktor risiko kesihatan dan untuk menggalakkan kehidupan yang sihat. Selain daripada itu, kempen-kempen derma darah kerap diadakan di seluruh peringkat Kumpulan.

Ceramah mengenai pengurusan kewangan peribadi dan pencegahan jenayah dibuat dalam tahun ini memandangkan Kumpulan percaya bahawa kesihatan kewangan dan perlindungan peribadi adalah aspek penting dalam kehidupan yang sihat.

#### ***Acara Sosial***

Pelbagai acara sosial telah dianjurkan oleh KSIJM yang menyediakan peluang kepada kakitangan untuk mengenali rakan-rakan sekerja daripada bahagian, jabatan dan cawangan lain. Banyak acara telah diadakan dalam tahun tersebut seperti Majlis Makan Malam Kakitangan, Majlis Berbuka Puasa, Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Kristmas.

Bahagian Hartanah kami juga telah menganjurkan pelbagai acara seperti ‘A Hearty Family Fun’ dan ‘Pesta Tanglung’ untuk mempromosikan hartaanah IJM Land serta mengeratkan hubungan komuniti di kalangan penduduk dan kakitangan Seremban 2.

Kumpulan menyedari kepentingan kakitangannya ke arah kejayaan organisasi dan akan terus berusaha untuk mengekalkan nilai dan amalan terbaik di tempat kerja.




*Kempen derma darah di ladang kami*



*Hari keluarga dianjurkan oleh Pelabuhan Kuantan*



*Pesta Tanglung di perbandaran Seremban 2 di Negeri Sembilan*



# Penyata Kewangan & Lain-Lain



- 136 Penyata Kewangan**
- 287 Senarai 10 Harta Teratas**
- 290 Notis Mesyuarat Agung Tahunan**
- 291 Borang Proksi**
- 293 Informasi Korporat**

# Laporan dan Penyata Para Pengarah

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan mereka yang kedua puluh tujuh bersama dengan penyata kewangan teraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011.

## KEGIATAN UTAMA

Syarikat pada dasarnya terlibat dalam kegiatan pembinaan dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan adalah dalam pembinaan, pembangunan harta tanah, pengilangan dan pengkuarian, operasi hotel, operasi pelabuhan, operasi lebuh raya bertol, perladangan dan pemegangan pelaburan.

Tidak ada perubahan ketara dalam kegiatan utama ini dalam tahun kewangan.

## KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	479,373	164,961
Boleh dikaitkan kepada:		
Pemilik-pemilik Syarikat	321,327	164,961
Kepentingan minoriti	158,046	–
	<hr/>	<hr/>
	479,373	164,961

## DIVIDEN

Dividen dibayar sejak akhir tahun kewangan yang lepas adalah seperti berikut:

	RM'000
Berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2010:	
Dividen interim sebanyak 11 sen setiap saham tolak cukai pendapatan pada 25%, dibayar pada 24 Ogos 2010	127,221
Berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011:	
Dividen interim pertama satu tier sebanyak 4 sen setiap saham, dibayar pada 23 Disember 2010	54,040
	<hr/>
	181,261

Pada 27 Mei 2011, para Pengarah telah mengisyiharkan dividen interim kedua satu tier berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011 sebanyak 7 sen setiap saham untuk dibayar pada 13 Julai 2011 kepada setiap ahli yang adalah berhak untuk menerima dividen setakat jam 5:00 petang pada 30 Jun 2011.

Para Pengarah tidak mengesyorkan bayaran sebarang dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011.

## RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pemindahan material kepada atau daripada rizab atau peruntukan dalam tahun kewangan dinyatakan dalam penyata kewangan.

## MODAL SAHAM

Dalam tahun kewangan, modal saham Syarikat yang diterbitkan dan berbayar telah ditambah daripada RM1,327,215,357 kepada RM1,351,114,355 melalui:

- Terbitan 22,403,715 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham timbul daripada pelaksanaan Waran 2005/2010 pada harga pelaksanaan RM3.41 setiap saham selaras dengan Surat Ikatan Pol bertarikh 22 Jun 2005; dan
- Terbitan 1,495,283 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham timbul daripada pelaksanaan Waran 2009/2014 pada harga pelaksanaan RM4.00 setiap saham selaras dengan Surat Ikatan Pol bertarikh 18 September 2009.

Saham biasa baru yang diterbitkan bertaraf pari passu dalam semua hubungan dengan saham-saham biasa sedia ada Syarikat.

## SAHAM PERBENDAHARAAN

Dalam tahun kewangan, Syarikat membeli semula 15,000 daripada saham biasanya daripada pasaran terbuka pada Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Malaysia”) bagi RM77,008. Harga purata dibayar bagi saham-saham dibeli semula adalah lebih kurang RM5.10 setiap saham.

Butir-butir mengenai saham perbendaharaan dikemukakan dalam Nota 14(C) kepada penyata kewangan.

## WARAN 2005/2010

Waran 2005/2010 dibentuk melalui Surat Ikatan Pol bertarikh 22 Jun 2005.

Pada 23 Ogos 2005, Syarikat memperuntukkan:-

- (a) 93,171,576 Waran baru 2005/2010 pada harga terbitan RM0.05 setiap Waran berasaskan satu Waran bagi setiap 5 saham biasa sedia ada bernilai RM1.00 sesaham dipegang dalam Syarikat pada 11 Julai 2005; dan
- (b) 10,000,000 Waran baru 2005/2010 pada harga terbitan RM0.05 setiap Waran kepada kakitangan pengurusan Syarikat dan anak-anak syarikatnya yang layak.

Pada 2 Oktober 2009, Syarikat memperuntukkan 8,098,689 Waran baru 2005/2010 pada harga terbitan RM0.05 setiap Waran berasaskan 2 Waran baru 2005/2010 bagi setiap 5 Waran 2005/2010 sedia ada dipegang dalam Syarikat pada 1 Oktober 2009 berikut dengan Terbitan Bonus 2:5.

Setiap Waran 2005/2010 memberi hak kepada pemegang berdaftar untuk melanggan 1 saham biasa baru dalam Syarikat pada bila-bila masa pada atau selepas 23 Ogos 2005 hingga 22 Ogos 2010, pada harga pelaksanaan RM4.80 selaras dengan peruntukan dalam Surat Ikatan Pol. Harga opsyen kemudiannya telah diselaraskan kepada RM4.77 pada 19 Ogos 2008 selaras dengan bayaran dividen in-specie oleh Syarikat kepada pemegang-pemegang sahamnya sebanyak 85,763,142 waran IJM Land Berhad (“IJMLB”) berasaskan 1 waran IJMLB bagi setiap 10 saham IJM yang dipegang. Harga pelaksanaan kemudiannya telah diselaraskan kepada RM3.41 pada 1 Oktober 2009 berikut dengan Terbitan Bonus 2:5 dan hak terbitan Waran baru 2009/2014 berasaskan 1 Waran bagi setiap 10 saham biasa sedia ada bernilai RM1 sesaham dalam Syarikat dipegang selepas Terbitan Bonus 2:5. Mana-mana Waran 2005/2010 tidak dilaksanakan pada tarikh matang akan luput dan berhenti menjadi sah untuk apa-apa tujuan. Pada 20 Ogos 2010, 424,235 Waran 2005/2010 tidak dilaksanakan dan telah luput.

Saham-saham biasa yang diterbitkan daripada pelaksanaan Waran 2005/2010 akan bertaraf pari passu dalam semua hubungan dengan saham-saham biasa sedia ada Syarikat yang diterbitkan kecuali bahawa saham-saham tersebut tidak akan berhak kepada sebarang dividen, pengagihan atau hak, tarikh keberhakan yang mana adalah sebelum tarikh peruntukan saham-saham baru timbul daripada pelaksanaan Waran 2005/2010.

## WARAN 2009/2014

Waran 2009/2014 dibentuk melalui Surat Ikatan Pol bertarikh 18 September 2009.

Pada 26 Oktober 2009, Syarikat memperuntukkan 132,097,381 Waran baru 2009/2014 pada harga terbitan RM0.25 setiap Waran berasaskan 1 Waran bagi setiap 10 saham biasa sedia ada bernilai RM1.00 sesaham dalam Syarikat dipegang selepas Terbitan Bonus 2:5.

Setiap Waran 2009/2014 memberi hak kepada pemegang berdaftar untuk melanggan 1 saham biasa baru dalam Syarikat pada bila-bila masa pada atau selepas 26 Oktober 2009 hingga 24 Oktober 2014, pada harga pelaksanaan RM4.00 selaras dengan peruntukan Surat Ikatan Pol. Manamana Waran 2009/2014 yang tidak dilaksanakan pada tarikh matang akan luput dan berhenti menjadi sah untuk apa-apa tujuan. Pada tarikh kunci kira-kira, 129,878,037 Waran 2009/2014 (2010: 131,373,320) kekal tidak dilaksanakan.

Saham-saham biasa yang diterbitkan daripada pelaksanaan Waran 2009/2014 akan bertaraf pari passu dalam semua hubungan dengan saham-saham biasa sedia ada Syarikat yang diterbitkan kecuali bahawa saham-saham tersebut tidak berhak kepada mana-mana dividen, pengagihan atau hak, tarikh keberhakan yang mana adalah sebelum tarikh peruntukan saham-saham baru timbul daripada pelaksanaan Waran 2009/2014.

# Laporan dan Penyata Para Pengarah (samb.)

## PARA PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan dan penyata yang lepas adalah:

Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob\*, *Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas*

Dato' Teh Kean Ming, Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") & Pengarah Urusan ("MD") (*berhenti sebagai Timbalan CEO & Timbalan MD dan dilantik semula sebagai CEO & MD pada 1 Januari 2011*)

Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan, Timbalan Pengerusi Eksekutif (*berhenti sebagai CEO & MD pada 31 Disember 2010 dan dilantik semula sebagai Timbalan Pengerusi Eksekutif pada 1 Januari 2011*)

Tan Gim Foo, Timbalan CEO & Timbalan MD (*berhenti sebagai Pengarah Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Koon dan dilantik sebagai Timbalan CEO & Timbalan MD pada 1 Januari 2011*)

Datuk Yahya bin Ya'acob\*, *Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan*

Tan Sri Abdul Halim bin Ali, *Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*

Datuk Oh Chong Peng\*, *Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*

Datuk Hj Hasni bin Harun, *Pengarah Bukan Eksekutif*

Datuk Lee Teck Yuen\*, *Pengarah Bukan Eksekutif*

Dato' David Frederick Wilson, *Pengarah Bukan Eksekutif*

Dato' Goh Chye Koon, *Pengarah Bukan Eksekutif*

\* ahli-ahli Jawatankuasa Pelantikan dan Imbuhan

Selaras dengan Daftar Pemegangan Saham para Pengarah, butir-butir kepentingan para Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dalam saham-saham dan Waran Syarikat dan perbadanan berkaitannya dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

	<b>Bilangan saham biasa bernilai RM1 sesaham</b>			<b>Baki pada 31.3.2011</b>	
	<b>Baki pada 1.4.2010</b>	<b>Diperolehi</b>	<b>Dilupuskan</b>		
<b>IJM Corporation Berhad</b>					
<b>Nama Pengarah</b>					
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob					
Kepentingan langsung	70,000	–	–	<b>70,000</b>	
Dato' Teh Kean Ming					
Kepentingan langsung	84,000	–	–	<b>84,000</b>	
Kepentingan tidak langsung	91,000 <sup>(1)</sup>	–	–	<b>91,000<sup>(1)</sup></b>	
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan					
Kepentingan langsung	2,679,180	–	230,000	<b>2,449,180</b>	
Kepentingan tidak langsung	1,095,136 <sup>(1)</sup>	–	–	<b>1,095,136<sup>(1)</sup></b>	
Datuk Yahya bin Ya'acob					
Kepentingan langsung	70,000	–	–	<b>70,000</b>	
Datuk Lee Teck Yuen					
Kepentingan langsung	–	2,100,000	860,000	<b>1,240,000</b>	
Kepentingan tidak langsung	–	980,000 <sup>(1)</sup>	400,000 <sup>(1)</sup>	<b>580,000<sup>(1)</sup></b>	
Dato' Goh Chye Koon					
Kepentingan langsung	103,092	–	65,000	<b>38,092</b>	

**PARA PENGARAH (samb.)**

<b>Bilangan saham biasa bernali RM0.50 sesaham</b>				
	<b>Baki pada 1.4.2010</b>	<b>Diperolehi</b>	<b>Dilupuskan</b>	<b>Baki pada 31.3.2011</b>
<b>IJM Plantations Berhad (anak syarikat)</b>				
<b>Nama Pengarah</b>				
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob	45,000	–	–	<b>45,000</b>
Kepentingan tidak langsung				
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	646,000	–	–	<b>646,000</b>
Kepentingan langsung	429,982 <sup>(1)</sup>	–	–	<b>429,982<sup>(1)</sup></b>
Kepentingan tidak langsung				
Di bawah kaedah pengambilalihan perakaunan, anak-anak syarikat disatukan sepenuhnya dari tarikh bila mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan tidak lagi disatukan dari tarikh kawalan tersebut berhenti. Kos pengambilalihan diukur sebagai nilai saksama asetaset diberikan, instrumen-instrumen ekuiti diterbitkan dan liabiliti yang ditanggung atau diambil alih pada tarikh pertukaran, campur kos secara langsung boleh dikaitkan kepada pengambilalihan. Aset-aset dikenal pasti diambil alih dan liabiliti dan liabiliti kontigen yang diambil alih dalam kombinasi perniagaan diukur pada awalnya pada nilai saksamanya pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira tahap mana-mana kepentingan minoriti. Lebihan daripada kos pengambilalihan ke atas nilai saksama bahagian Kumpulan daripada aset bersih boleh dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan ditunjukkan sebagai muhibah – Lihat polisi perakaunan 3 mengenai muhibah. Sekiranya kos pengambilalihan kurang daripada nilai saksama aset bersih anak syarikat diambil alih, perbezaan diiktiraf secara langsung dalam keuntungan atau kerugian.

Di mana lebih daripada satu urus niaga pertukaran terlibat, sebarang pelarasan kepada nilai saksama aset, liabiliti dan liabiliti kontigen anak syarikat yang dikenal pasti berkaitan dengan kepentingan Kumpulan dipegang sebelum ini diakaunkan sebagai penilaian semula.

Kepentingan minoriti mewakili bahagian keuntungan atau kerugian dan aset bersih anak syarikat boleh dikaitkan kepada kepentingan ekuiti yang tidak dimiliki, secara langsung atau tidak langsung melalui anak-anak syarikat, oleh Syarikat. Ia diukur pada bahagian minoriti daripada nilai saksama aset dan liabiliti boleh dikenal pasti anak-anak syarikat pada tarikh pengambilalihan dan bahagian minoriti dalam ekuiti anak-anak syarikat sejak tarikh tersebut.

Di bawah kaedah penggabungan perakaunan, keputusan anak-anak syarikat dibentangkan seolah-olah penggabungan telah berkuat kuasa di sepanjang tahun semasa dan tahun-tahun sebelumnya. Aset dan liabiliti digabungkan diakaunkan berdasarkan jumlah dibawa daripada perspektif pemegang saham kawalan bersama pada tarikh pemindahan. Atas penyatuhan, kos penggabungan dibatalkan dengan nilai saham-saham diterima. Sebarang perbezaan kredit terhasil dikelaskan sebagai ekuiti dan dianggap sebagai rizab. Sebarang perbezaan debit terhasil diselaraskan terhadap rizab. Sebarang premium saham, rizab penebusan modal dan sebarang rizab lain yang boleh dikaitkan kepada modal saham syarikat-syarikat digabung, sehingga tahap yang ia tidak dipermodalkan melalui perbezaan debit, dikelaskan semula dan dikemukakan sebagai pergerakan dalam lain-lain rizab.

Semua urus niaga, baki antara syarikat dan keuntungan tidak direalis atas urus niaga antara syarikat-syarikat kumpulan dihapus kira kecuali bagi barang siap yang dikontrakkan yang dinyatakan pada nilai boleh direalis bersih. Kerugian tidak direalis juga dihapus kira tetapi dianggap sebagai petunjuk kerosotan nilai nilai aset dipindahkan. Di mana perlu, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan anak-anak syarikat untuk memastikan keseimbangan polisi-polisi perakaunan dengan polisi-polisi Kumpulan.

Keuntungan atau kerugian atas pelupusan anak syarikat, yang adalah perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan bahagian Kumpulan daripada aset-aset bersihnya pada tarikh pelupusan, termasuk jumlah terkumpul mana-mana perbezaan pertukaran yang berkait dengan anak syarikat, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian boleh dikaitkan kepada pemilik-pemilik Syarikat.

### (b) Urus niaga dengan kepentingan minoriti

Kumpulan menggunakan polisi menganggap urus niaga dengan kepentingan minoriti sebagai urus niaga dengan pemilik-pemilik ekuiti Kumpulan. Bagi pembelian daripada kepentingan minoriti, perbezaan antara sebarang balasan dibayar dan bahagian berkenaan daripada nilai dibawa aset bersih anak syarikat diambil alih ditolak daripada ekuiti. Keuntungan atau kerugian atas pelupusan kepada kepentingan minoriti juga direkodkan dalam ekuiti. Bagi pelupusan kepada kepentingan minoriti, perbezaan antara sebarang perolehan diterima dan bahagian berkenaan daripada kepentingan minoriti juga direkodkan dalam ekuiti.

### (c) Syarikat-syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah syarikat, perkongsian atau lain-lain entiti dalam mana Kumpulan melaksanakan pengaruh penting, tetapi ia tidak mengawal, pada kebiasaannya mengiringi pemegangan saham antara 20% dan 50% daripada hak mengundi. Pengaruh penting adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan polisi kewangan dan kendalian syarikat-syarikat bersekutu tetapi bukan kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas polisi-polisi tersebut.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diakaunkan dengan menggunakan kaedah ekuiti perakaunan dan pada mulanya diiktiraf pada kos. Pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu termasuk muhibah dikenal pasti atas pengambilalihan, tolak sebarang kerugian kerosotan nilai terkumpul.

## 2 ENTITI EKONOMI DALAM KUMPULAN (samb.)

### (c) Syarikat-syarikat bersekutu (samb.)

Bahagian Kumpulan daripada keuntungan atau kerugian selepas pengambilalihan syarikat-syarikat bersekutu diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, dan bahagian daripada pergerakan selepas pengambilalihannya dalam rizab diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif. Pergerakan selepas pengambilalihan terkumpul diselaraskan terhadap jumlah dibawa pelaburan. Di mana bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu menyamai atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu, termasuk mana-mana penghutang tidak bercagar jangka panjang yang lain, kepentingan Kumpulan dikurangkan kepada sifar dan pengiktirafan kerugian selanjutnya tidak diteruskan kecuali sehingga tahap yang Kumpulan telah menanggung obligasi undang-undang atau konstruktif atau membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu. Sekiranya syarikat bersekutu kemudiannya mencatat keuntungan, Kumpulan akan mula untuk mengiktiraf semula bahagiannya daripada keuntungan tersebut hanya selepas bahagian keuntungannya menyamai dengan bahagian kerugian tidak diiktiraf.

Keuntungan tidak direalis atas urus niaga antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutunya dihapus kira sehingga tahap kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu; kerugian tidak direalis juga dihapus kira melainkan urus niaga memberi bukti kerosotan nilai aset dipindahkan. Di mana perlu, dalam menggunakan kaedah ekuiti, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu untuk memastikan keseimbangan polisi-polisi perakaunan dengan polisi-polisi perakaunan Kumpulan. Keuntungan dan kerugian kecairan dalam syarikat-syarikat bersekutu diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Bagi kepentingan bertambah dalam syarikat bersekutu, tarikh pengambilalihan adalah tarikh pembelian pada setiap peringkat dan muhibah dikira pada setiap tarikh pembelian berdasarkan nilai saksama aset dan liabiliti dikenal pasti. Tidak ada “peningkatan kepada nilai saksama (“step up to fair value”) aset bersih kepentingan yang diambil alih sebelum ini dan bahagian keuntungan dan pergerakan ekuiti bagi kepentingan diambil alih sebelum ini direkodkan secara langsung melalui ekuiti.

### (d) Entiti kawalan bersama

Entiti kawalan bersama adalah syarikat, perkongsian, atau lain-lain entiti ke atas mana terdapat perkongsian kawalan yang dipersetujui secara kontrak oleh Kumpulan dengan satu atau lebih pihak di mana keputusan kewangan dan kendalian strategik berkaitan dengan entiti memerlukan kebenaran serentak pihak-pihak yang berkongsi kawalan.

Kepentingan Kumpulan dalam entiti kawalan bersama diakaukan dalam penyata kewangan disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Perakaunan ekuiti melibatkan pengiktirafan bahagian Kumpulan daripada keputusan selepas pengambilalihan entiti kawalan bersama dalam keuntungan atau kerugian dan bahagian pergerakan rizab selepas pengambilalihannya dalam lain-lain pendapatan komprehensif. Pergerakan selepas pengambilalihan terkumpul diselaraskan terhadap kos pelaburan dan termasuk muhibah atas pengambilalihan (tolak kerosotan nilai terkumpul).

Keuntungan tidak direalis atas urus niaga antara Kumpulan dan entiti kawalan bersamanya dihapus kira sehingga tahap kepentingan Kumpulan dalam entiti kawalan bersama; kerugian tidak direalis juga dihapus kira melainkan urus niaga menunjukkan bukti kerosotan nilai aset dipindahkan.

Kumpulan mengiktiraf bahagian keuntungan atau kerugian atas jualan aset oleh Kumpulan kepada usaha niaga yang boleh dikaitkan kepada lain-lain usaha niaga. Kumpulan tidak mengiktiraf bahagian keuntungan atau kerugiannya daripada usaha niaga yang berpunca daripada pembelian aset oleh Kumpulan daripada usaha niaga sehingga ia menjual semula asetnya kepada pihak bebas. Walau bagaimanapun, kerugian atas urus niaga diiktiraf dengan serta-merta sekiranya kerugian menunjukkan bukti mengenai pengurangan dalam nilai boleh direalis bersih aset semasa atau kerosotan nilai.

Di mana perlu, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan entiti kawalan bersama untuk memastikan polisi-polisi perakaunan adalah konsisten dengan polisi-polisi perakaunan Kumpulan.

### (e) Operasi kawalan bersama

Operasi kawalan bersama adalah perjanjian kontrak di mana Kumpulan dan lain-lain pihak mempunyai kawalan bersama ke atas kegiatan ekonomi.

Berhubung dengan kepentingannya dalam operasi dikawal bersama, Kumpulan mengiktirafnya dalam penyata kewangannya, aset yang ia kawal dan liabiliti yang ia tanggung serta juga perbelanjaan yang ia tanggung dan bahagian daripada pendapatan dan perbelanjaannya yang ia peroleh daripada jualan barang atau perkhidmatan oleh usaha niaga.

# Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011

### **3 MUHIBAH**

Muhibah mewakili lebihan daripada kos pengambilalihan anak-anak syarikat, entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu ke atas nilai saksama bahagian Kumpulan daripada aset bersih boleh dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan.

Muhibah atas pengambilalihan anak-anak syarikat dimasukkan dalam kunci kira-kira sebagai aset tidak ketara. Muhibah diuji setiap tahun bagi kerosotan nilai dan dinyatakan pada kos tolak kerugian kerosotan nilai terkumpul. Kerugian kerosotan nilai atas muhibah tidak diterbalikkan. Keuntungan dan kerugian atas pelupusan entiti termasuk jumlah dibawa muhibah berkaitan dengan entiti terjual.

Muhibah diperuntukkan kepada unit penghasilan tunai bagi tujuan pengujian kerosotan nilai. Peruntukan dibuat kepada unit penghasilan tunai tersebut atau kumpulan unit penghasilan tunai yang dijangka akan mendapat manfaat daripada sinergi kombinasi perniagaan dalam mana muhibah timbul. Kumpulan memperuntukkan muhibah kepada setiap segmen perniagaan dalam setiap negara dalam mana ia beroperasi. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan nilai aset.

Muhibah atas pengambilalihan entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu dimasukkan masing-masing dalam pelaburan dalam entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu. Muhibah sedemikian diuji bagi kerosotan nilai sebagai sebahagian daripada baki keseluruhan.

### **4 PELABURAN**

Pelaburan dalam anak-anak syarikat, entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu ditunjukkan pada kos tolak kerosotan nilai terkumpul. Di mana petunjuk kerosotan nilai wujud, jumlah dibawa pelaburan dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehi semulanya. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan nilai aset bukan kewangan.

Pelaburan jangka panjang sebelum ini diukur pada kos dan tertakluk kepada kerosotan nilai, dikelaskan sekarang sebagai aset kewangan tersedia untuk jualan. Ini pada awalnya diukur pada nilai saksama campur kos urus niaga dan kemudiannya, pada nilai saksama kecuali bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak mempunyai harga pasaran disebut harga dalam pasaran aktif dan yang nilai saksama tidak boleh diukur dengan tepat. Ini diukur pada kos dan dimasukkan dalam aset bukan semasa melainkan pengurusan berhasrat untuk melupuskan pelaburan dalam masa 12 bulan dari tarikh pelaporan. Perubahan dalam nilai saksama sekuriti ekuiti tersedia untuk jualan diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif. Pengurangan ketara yang berpanjangan dalam nilai saksama pelaburan di bawah kosnya dianggap sebagai petunjuk bahawa aset telah rosot nilainya. Lihat polisi perakaunan 22(d)(ii) mengenai kerosotan nilai aset kewangan tersedia untuk jualan.

Pelaburan jangka pendek dalam sekuriti boleh pasar, sebelum ini diukur pada kos dan nilai pasaran yang mana lebih rendah, dikelaskan semula sekarang sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian dan diukur pada nilai saksama pada tarikh urus niaga dimasuki dan kemudiannya diukur semula pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Nilai pasaran dikira dengan merujuk kepada harga jualan disebut harga bursa saham pada penutupan perniagaan pada tarikh kunci kira-kira. Atas pelupusan pelaburan, perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan nilai saksamanya diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

### **5 MATA WANG ASING**

#### **(a) Mata wang kefungsian dan pembentangan**

Perkara dimasukkan dalam penyata kewangan setiap entiti Kumpulan diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama dalam mana entiti beroperasi ("mata wang kefungsian"). Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang adalah mata wang kefungsian dan pembentangan Syarikat.

#### **(b) Urus niaga dan baki**

Urus niaga mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang kefungsian dengan menggunakan kadar pertukaran sedia ada pada tarikh urus niaga. Keuntungan dan kerugian pertukaran asing berpunca daripada penyelesaian urus niaga sedemikian dan daripada terjemahan pada kadar pertukaran akhir tahun aset dan liabiliti monetari didenominasikan dalam mata wang diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

## 5 MATA WANG ASING (samb.)

### (c) Syarikat-syarikat Kumpulan

Keputusan dan kedudukan kewangan semua entiti Kumpulan (tidak ada satu pun yang mempunyai mata wang ekonomi hiperinflasari) yang mempunyai mata wang kefungsian berbeza daripada mata wang pembentangan diterjemahkan kepada mata wang pembentangan seperti berikut:

- Aset dan liabiliti bagi setiap kunci kira-kira yang dibentangkan diterjemahkan pada kadar penutupan pada tarikh kunci kira-kira;
- Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap penyata pendapatan komprehensif dikemukakan diterjemahkan pada purata kadar pertukaran (melainkan purata ini bukan merupakan anggaran munasabah kesan terkumpul ke atas kadar sedia ada pada tarikh urus niaga, dalam hal mana pendapatan dan perbelanjaan diterjemahkan pada kadar pada tarikh urus niaga); dan
- Semua perbezaan pertukaran terhasil diiktiraf sebagai komponen berasingan lain-lain pendapatan komprehensif.

Atas penyatuhan, perbezaan pertukaran timbul daripada terjemahan pelaburan bersih dalam operasi asing dimasukkan ke lain-lain pendapatan komprehensif. Apabila operasi asing dilupuskan atau dijual sebahagiannya, bahagian perkadaran daripada perbezaan pertukaran dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian sebagai sebahagian daripada keuntungan atau kerugian atas pelupusan.

Pelarasan muhibah dan nilai saksama timbul atas pengambilalihan entiti asing dianggap sebagai aset dan liabiliti entiti asing diterjemahkan pada kadar penutup pada tarikh kunci kira-kira.

## 6 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN DAN SUSUT NILAI

Semua hartaanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau pada penilaian tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan nilai terkumpul kecuali bagi tanah pegangan kekal dan modal kerja dalam pelaksanaan yang tidak disusutnilaikan. Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan memandangkan ia mempunyai hayat yang tidak terbatas. Susut nilai ke atas modal kerja dalam pelaksanaan bermula apabila aset sedia bagi kegunaannya yang dihasratkan.

Kos termasuk perbelanjaan yang secara langsung boleh dikaitkan kepada pembelian aset. Kos berikutnya dimasukkan dalam jumlah dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, sebagaimana sesuai, hanya apabila ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan dengan perkara akan mengalir kepada Kumpulan dan kos perkara boleh dikira dengan agak tepat. Jumlah dibawa bahagian diganti tidak lagi diiktiraf. Semua pemberaan dan penyelenggaraan yang lain diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh kewangan dalam mana ia ditanggung.

Peralatan kendalian hotel mewakili barang kaca, barang perak dan barang tembikar yang dipermodalkan pada tahap keperluan minimum bagi operasi biasa dan tidak disusutnilaikan. Kos pengantian berikutnya dihapus kira kepada keuntungan atau kerugian dalam tahun kewangan dalam mana ia dibeli. Pada pendapat para Pengarah, perbezaan antara kos pengantian dicaj kepada keuntungan atau kerugian dan susut nilai sekiranya peralatan kendalian hotel telah dipermodalkan dan disusutnilaikan sepanjang anggaran hayat bergunanya adalah tidak material kepada penyata kewangan.

Perbelanjaan penyelenggaraan pengorekan, terdiri daripada kos ditanggung untuk menyelenggara kedalaman lembangan, dipermodalkan dan dilunaskan atas dasar garisan lurus sepanjang anggaran hayat berguna selama lima tahun.

Kumpulan melunaskan perbelanjaan pembangunan infrastruktur ladang dalam ansuran tahunan sama rata sepanjang tempoh pajakan masing-masing berkisar antara 21 tahun hingga 884 tahun. Tanah pegangan pajak dikelaskan sebagai pajakan kewangan dilunaskan dalam ansuran sama rata sepanjang tempoh pajakan masing-masing yang berkisar antara 30 hingga 99 tahun. Lain-lain hartaanah, loji dan peralatan disusutnilaikan atas dasar garisan lurus untuk menghapus kira kos aset, atau jumlah dinilai semulanya, kepada nilai bakinya sepanjang anggaran hayat bergunanya. Kadar tahunan utama susut nilai adalah:

Bangunan, termasuk bangunan hotel	2 hingga 33.3%
Loji, mesin, peralatan dan kenderaan bermotor	4 hingga 33.3%
Peralatan, perabot dan pepasangan dan ubahsuai pejabat	5 hingga 33.3%
Himpitan kapal kimia cecair	3.3%
Basin pelabuhan dalaman	2%

# Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011

## **6 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN DAN SUSUT NILAI** (samb.)

Para Pengarah telah menggunakan peruntukan peralihan Piawaian Perakaunan Antarabangsa (“IAS”) 16 “Hartanah, Loji dan Peralatan”, yang telah diterima pakai oleh MASB, yang membolehkan aset untuk dinyatakan pada jumlah dinilai semulanya yang terakhir tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan nilai terkumpul. Selaras dengan itu, penilaian ini tidak dikemaskinikan.

Apabila jumlah dibawa aset ditambah berpunca daripada penilaian semula, penambahan diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif sebagai rizab lebihan penilaian semula. Apabila amaun dibawa aset dikurangkan berpunca daripada penilaian semula, pengurangan diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif sehingga tahap mana-mana baki kredit wujud dalam rizab lebihan penilaian semula aset tersebut; semua pengurangan lain diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Nilai baki dan hayat berguna hartaanah, loji dan peralatan disemak semula, dan diselaraskan sebagaimana sesuai, pada setiap tarikh kunci kira-kira. Kesan-kesan ke atas mana-mana semakan daripada nilai baki dan hayat berguna dimasukkan dalam keuntungan atau kerugian bagi tahun kewangan dalam mana perubahan timbul.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk kerosotan nilai. Di mana petunjuk kerosotan nilai wujud, nilai dibawa aset dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehi semulanya. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan nilai aset.

Keuntungan dan kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan jumlah dibawa dan dimasukkan dalam penyata pendapatan. Atas pelupusan aset-aset dinilai semula, jumlah dalam rizab penilaian semula berkaitan dengan aset-aset tersebut dipindahkan kepada perolehan tertahan.

Di mana berkenaan, nilai saksama hartaanah, loji dan peralatan pada tarikh pengambilalihan anakanak syarikat dihantar ke hadapan sebagai mengantikan kos.

## **7 HARTANAH PELABURAN**

Hartaanah pelaburan terdiri terutamanya daripada tanah dan bangunan yang dipegang untuk kadar hasil sewa jangka panjang atau peningkatan modal atau kedua-duanya, dan tidak didiami oleh Kumpulan. Hartanah pelaburan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan nilai terkumpul.

Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan memandangkan ia mempunyai hayat yang tidak terbatas.

Susut nilai ke atas bangunan dikira untuk menghapus kira kos aset atas dasar garisan lurus sepanjang anggaran hayat bergunanya. Kadar susut nilai tahunan bagi Bangunan adalah 2%.

Tanah pegangan pajak dilunaskan dalam ansuran sama rata sepanjang tempoh pajakan masingmasing yang berkisar antara 81 hingga 91 tahun.

Atas pelupusan hartaanah pelaburan, atau apabila ia secara kekal tidak digunakan lagi dan tidak ada manfaat ekonomi dijangka daripada pelupusannya, ia tidak akan lagi diiktiraf. Perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan amaun dibawa diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh persaraan atau pelupusan.

## **8 ASET KONSESI**

Perkara dikelaskan sebagai aset konsesi terdiri daripada Perbelanjaan Pembangunan Lebuhraya Ekspres dan pembinaan berat.

### **(a) Perbelanjaan Pembangunan Lebuhraya Ekspres**

Perbelanjaan Pembangunan Lebuhraya (“EDE”) terdiri daripada kos pembinaan (termasuk kos pembinaan semula, peluasan dan pemuliharan) aset konsesi. EDE diukur pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian kerosotan nilai terkumpul.

Di mana Kumpulan menyediakan perkhidmatan pembinaan sebagai pertukaran bagi aset konsesi, hasil dan keuntungan berkaitan dengan perkhidmatan pembinaan diiktiraf selaras dengan polisi perakaunan 9(a) mengenai pengiktirafan hasil dan keuntungan bagi kontrak pembinaan.

## 8 ASET KONSESI (samb.)

### (a) Perbelanjaan Pembangunan Lebuh Raya Ekspres (samb.)

Selepas selesai kerja-kerja pembinaan dan permulaan operasi tol jalan raya, EDE dilunaskan sepanjang tempoh konsesi berdasarkan formula yang berikut:

$$\frac{\text{Volum trafik terkumpul sehingga kini}}{\text{Jumlah volum trafik diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi}} \times \text{EDE}$$

Volum trafik keseluruhan yang diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi ditentukan melalui tinjauan trafik yang dijalankan pada setiap tahun oleh firma perunding trafik bebas dan penilaian semula para Pengarah ke atas jumlah volum trafik yang diunjurkan.

Semua faedah dan yuran ditanggung dalam tempoh pembinaan dipermodalkan dalam EDE yang kemudiannya dilunaskan dalam keuntungan atau kerugian selaras dengan formula di atas. Faedah dan yuran ditanggung selepas penyiapan kerja pembinaan dicaj kepada keuntungan atau kerugian.

Pampasan diterima berkaitan dengan perubahan dalam terma-terma perjanjian konsesi diiktiraf sebagai pendapatan tertunda dan dikreditkan kepada keuntungan atau kerugian sepanjang hayat dijangka aset-aset berkaitan, atas dasar konsisten dengan pelunasan aset-aset berkaitan.

### (b) Pembaikan berat

Pembaikan berat terdiri daripada perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan pemberian berat mengikut struktur dan pemulihan tambak, cerun dan kawasan berturap di sepanjang lebuh raya. Kos pembaikan berat dilunaskan atas dasar garisan lurus sepanjang hayat ekonomi dijangka ke atas kerja-kerja sedemikian selama tujuh tahun, bermula dari tarikh perbelanjaan ditanggung.

Di mana berkenaan, nilai saksama aset konsesi pada tarikh pengambilalihan anak-anak syarikat dihantar ke hadapan sebagai ganti kos.

## 9 PENGIKTIRAFAN HASIL DAN KEUNTUNGAN

Hasil terdiri daripada nilai saksama balasan diterima atau boleh diterima bagi jualan barang dan perkhidmatan dalam perjalanan biasa kegiatan Kumpulan. Hasil ditunjukkan selepas ditolak cukai dan diskaun jualan dan selepas menghapus kira jualan dalam Kumpulan.

Kumpulan mengiktiraf hasil apabila jumlah hasil boleh dikira dengan agak tepat, ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan akan mengalir kepada entiti dan kriteria khusus telah dipenuhi bagi setiap kegiatan Kumpulan sebagaimana dinyatakan di bawah. Jumlah hasil tidak dianggap sebagai boleh dikira dengan agak tepat sehingga semua kontigensi berkaitan dengan jualan telah diselesaikan. Kumpulan membuat anggaran-anggarannya berdasarkan sejarah keputusan, mengambil kira jenis pelanggan, jenis urus niaga dan perkara-perkara khusus bagi setiap pengaturan.

### (a) Kontrak pembinaan

Kontrak pembinaan adalah kontrak yang secara khususnya dirundingkan bagi pembinaan aset atau kombinasi aset yang saling berkait rapat atau saling bergantung dari segi reka bentuk, teknologi dan fungsinya atau tujuan atau kegunaan utamanya.

Apabila keputusan kontrak pembinaan boleh dianggarkan dengan agak tepat, hasil kontrak dan kos kontrak masing-masing diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan dengan merujuk kepada peringkat siap kegiatan kontrak pada tarikh kunci kira-kira. Peringkat siap kontrak pembinaan ditentukan berdasarkan perkadaran yang kos kontrak ditanggung bagi kerja yang dilaksanakan sehingga kini tanggung berbanding anggaran jumlah kos bagi kontrak. Kos ditanggung dalam tahun kewangan berhubung dengan kegiatan masa hadapan ke atas kontrak dikecualikan daripada kos ditanggung sehingga kini apabila menentukan peringkat siap kontrak. Kos sedemikian ditunjukkan sebagai jumlah terutang daripada/(kepada) pelanggan ke atas kontrak pembinaan dalam penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang pada kunci kira-kira melainkan ia tidak berkemungkinan bahawa kos kontrak sedemikian boleh diperolehi semula daripada pelanggan-pelanggannya, dalam hal mana kos sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Apabila keputusan kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan agak tepat, hasil kontrak diiktiraf hanya sehingga tahap kos kontrak ditanggung yang berkemungkinan dapat diperolehi semula.

# Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011

## **9 PENGIFTIRAFAN HASIL DAN KEUNTUNGAN (samb.)**

### **(a) Kontrak pembinaan (samb.)**

Di mana ianya berkemungkinan bahawa jumlah kos kontrak akan melebihi hasil kontrak, kerugian dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

asil kontrak terdiri daripada jumlah awal hasil yang dipersetujui dalam kontrak dan variasi dalam kerja kontrak dan tuntutan yang boleh dikira dengan agak tepat. Variasi atau tuntutan hanya termasuk dalam hasil kontrak apabila ia berkemungkinan bahawa pelanggan akan meluluskan variasi atau perundingan telah mencapai peringkat lanjut hingga ia berkemungkinan bahawa pelanggan akan menerima tuntutan.

### **(b) Kegiatan pembangunan hartanah**

Di mana keputusan kegiatan pembangunan boleh dianggar dengan agak tepat dan jualan unit hartanah pembangunan dilaksanakan, hasil dan kos pembangunan hartanah masingmasing diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan melalui rujukan kepada peringkat siap kegiatan pembangunan pada tarikh kunci kira-kira. Peringkat siap ditentukan berdasarkan perkadarannya yang kos pembangunan hartanah tanggung sehingga kini berbanding dengan anggaran jumlah kos bagi pembangunan hartanah.

Apabila keputusan kegiatan pembangunan tidak boleh dianggarkan dengan agak tepat, hasil pembangunan hartanah diiktiraf hanya sehingga tahap kos pembangunan hartanah ditanggung yang berkemungkinan boleh diperolehi dan kos pembangunan hartanah ke atas unit-unit pembangunan dijual diiktiraf apabila ditanggung.

Di mana ianya berkemungkinan bahawa jumlah kos pembangunan hartanah akan melebihi jumlah hasil pembangunan hartanah, kerugian dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana kerugian dikenal pasti.

### **(c) Jualan barang**

Jualan diiktiraf semasa penghantaran produk dan penerimaan pelanggan, dan pelaksanaan perkhidmatan selepas jualan, sekiranya ada, tolak cukai dan diskaun jualan dan selepas menghapus kira jualan dalam Kumpulan.

### **(d) Hasil konsesi tol**

Hasil konsesi tol daripada operasi jalan bertol diiktiraf bila dan apabila perkhidmatan dilaksanakan.

Selaras dengan Perjanjian Konsesi berkenaan, Kerajaan Malaysia merizabkan hak untuk menstruktur semula atau menyekat pengenaan kenaikan kadar tol unit, dan dalam keadaan sedemikian, Kerajaan akan memberi pampasan bagi mana-mana pengurangan dalam hasil tol, tertakluk kepada rundingan dan lain-lain pertimbangan yang Kerajaan mungkin anggap wajar. Pampasan tol diiktiraf sebagai hasil apabila pemerolehan adalah berkemungkinan dan jumlah yang boleh diperolehi semula apabila ia boleh diukur dengan tepat. Jumlah pampasan tol diakru dan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian bagi tahun telah dianggarkan selepas mengambil kira kesan-kesan daripada pengaturan pampasan.

### **(e) Hasil pelabuhan**

Hasil daripada operasi pelabuhan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan kepada pelanggan.

### **(f) Hasil operasi hotel dan kelab**

Hasil hotel mewakili pendapatan diperolehi daripada sewa bilik dan jualan makanan dan minuman. Pendapatan sewa bilik diakru atas dasar harian bagi bilik yang dihuni oleh pelanggan. Jualan makanan dan minuman diiktiraf atas penghantaran kepada pelanggan. Hasil hotel diiktiraf tolak cukai dan diskaun jualan.

### **(g) Lain-lain hasil**

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran dibuktikan.

Pendapatan faedah diiktiraf atas dasar perkadarannya masa, dengan mengambil kira jumlah pokok belum dijelas dan kadar berkesan sepanjang tempoh sehingga matang, melainkan kebolehan dikutip adalah meragukan, dalam hal mana ia diiktiraf atas dasar penerimaan tunai.

Pendapatan sewa diiktiraf atas dasar akruan melainkan kebolehan dikutip adalah meragukan, dalam hal mana pengiktirafan pendapatan sedemikian digantung.

## 10 PINJAMAN DAN KOS PINJAMAN

Pinjaman pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama, tolak kos urus niaga yang ditanggung. Pinjaman kemudiannya dinyatakan pada kos dilunaskan; sebarang perbezaan antara jumlah pengiktirafan awal dan nilai penebusan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian sepanjang tempoh pinjaman menggunakan kaedah faedah berkesan, kecuali bagi kos pinjaman ditanggung bagi pembinaan mana-mana aset yang layak.

os pinjaman ditanggung ke atas pinjaman secara langsung boleh dikaitkan dengan kegiatan pembangunan harta tanah dan kontrak pembinaan sehingga siap dipermodalkan dan dimasukkan sebagai sebahagian daripada kos pembangunan harta tanah dan kos kontrak pembinaan.

Kos pinjaman untuk membiayai pembangunan perbandaran bermula apabila kegiatan diperlukan untuk menyediakan tanah pembangunan bagi kegunaan dihasratkannya bermula dan termasuk kegiatan berkaitan dengan mendapatkan kelulusan sebelum permulaan pembangunan fizikal. Permodalan kos pinjaman berhubung dengan setiap fasa pembangunan individu akan berhenti atas penyiapan fasa pembangunan masing-masing.

Kos pinjaman ditanggung atas pinjaman untuk membiayai pembinaan aset konsesi dan harta tanah, loji dan peralatan dalam tempoh yang diperlukan untuk menyiapkan dan menyediakan aset bagi kegunaannya yang dihasratkan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset.

Semua kos pinjaman lain dicaj kepada keuntungan atau kerugian.

## 11 TANAH DİPEGANG BAGI PEMBANGUNAN HARTAHANAH DAN KOS PEMBANGUNAN HARTAHANAH

Tanah dipegang untuk pembangunan harta tanah terdiri daripada tanah yang dipegang bagi pembangunan masa hadapan di mana tidak ada pembangunan penting telah dilaksanakan atau di mana kegiatan pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam kitaran kendalian biasa. Tanah sedemikian dikelaskan sebagai aset bukan semasa dan dinyatakan pada kos atau pada penilaian tolak kerugian kerosotan nilai terkumpul. Tanah dipegang bagi pembangunan harta tanah dipindahkan kepada kos pembangunan harta tanah (di bawah aset semasa) apabila kegiatan pembangunan telah bermula dan pembangunan dijangka akan disiapkan dalam kitaran kendalian biasa.

Kos dikaitkan dengan pembelian tanah termasuk harga pembelian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran penukaran dan lain-lain cukai berkaitan. Di mana Kumpulan sebelum ini telah merekodkan tanah pada jumlah dinilai semula, ia terus mengelakkan jumlah ini sebagai kos penggantian sebagaimana dibenarkan oleh FRS2012004 ke atas "Kegiatan Pembangunan Hartanah". Di mana petunjuk kerosotan nilai wujud, jumlah dibawa aset dinilai dan dikurang nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehinya. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan nilai aset.

Kos pembangunan harta tanah terdiri daripada kos berkaitan dengan pembelian tanah dan semua kos boleh dikaitkan secara langsung kepada kegiatan pembangunan atau yang boleh diperuntukkan atas dasar munasabah kepada kegiatan ini.

Kos pembangunan harta tanah yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan diiktiraf sebagai aset dan dinyatakan pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos termasuk kos tanah, semua kos bangunan langsung, dan lain-lain perbelanjaan pembangunan berkaitan, termasuk perbelanjaan faedah ditanggung dalam tempoh pembangunan aktif.

Di mana hasil diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian melebihi bil-bil dikeluarkan kepada pembeli-pembeli, baki ditunjukkan sebagai bil terakru di bawah penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang (dalam aset semasa). Di mana bil melebihi hasil diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, baki ditunjukkan sebagai bil progres di bawah pemutang perdagangan dan lain-lain pemutang (dalam liabiliti semasa).

Di mana berkenaan, nilai saksama tanah pada tarikh pengambilalihan anak-anak syarikat dihantar ke hadapan sebagai mengantikan kos.

## 12 INVENTORI

### (a) Bangunan siap

Unit harta tanah pembangunan yang disiapkan dan dipegang untuk jualan dinyatakan pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos terdiri daripada perkadaruan kos tanah dan perbelanjaan pembangunan dan pembinaan berkaitan.

Di mana berkenaan, nilai saksama bangunan siap pada tarikh pengambilalihan anak-anak syarikat dihantar ke hadapan sebagai mengantikan kos.

# Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011

## **12 INVENTORI (samb.)**

- (b) Barang siap, produk kuari, bahan mentah, bahan pembinaan, minyak sawit mentah, minyak isirong sawit mentah, semaihan pokok sawit, simpanan dan alat-alat ganti.**

Inventori dinilai pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos ditentukan atas dasar purata wajaran. Kos bahan mentah, semaihan pokok sawit simpanan dan alat ganti terdiri daripada kos asal pembelian campur kos membawa masuk inventori ke lokasi semasanya dan bagi barang siap dan produk kuari, ia terdiri daripada bahan-bahan langsung, buruh langsung, caj langsung dan overhead pengeluaran.

Nilai boleh direalis bersih adalah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan, tolak kos penyiapan dan perbelanjaan jualan berubah terpakai.

## **13 JUMLAH TERHUTANG DARIPADA/(KEPADA) PELANGGAN-PELANGGAN ATAS KONTRAK PEMBINAAN**

Di mana jumlah kos kontrak pembinaan ditanggung campur keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf) melebihi bil-bil progres, baki bersih ditunjukkan sebagai jumlah terhutang daripada pelanggan-pelanggan ke atas kontrak pembinaan di bawah penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang. Di mana bil progres melebihi jumlah kos kontrak pembinaan ditanggung dan keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf), baki bersih ditunjukkan sebagai jumlah terhutang kepada pelanggan-pelanggan ke atas kontrak pembinaan di bawah pembiutang perdagangan dan lain-lain pembiutang.

## **14 PENGHUTANG PERDAGANGAN**

Penghutang perdagangan adalah jumlah terhutang daripada pelanggan bagi barang dijual atau perkhidmatan dilaksanakan dalam perjalanan biasa perniagaan dan termasuk wang tahanan yang ditahan oleh prinsipal. Sekiranya pengutipan dijangka dalam satu tahun atau kurang (atau dalam kitaran kendalian biasa perniagaan, sekiranya lebih panjang), ia dikelaskan sebagai aset semasa. Sekiranya tidak, ia dikemukakan sebagai aset bukan semasa.

Penghutang perdagangan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama dan kemudiannya diukur pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah berkesan, tolak peruntukan bagi kerosotan nilai (lihat polisi perakaunan 22(d) mengenai kerosotan nilai aset kewangan).

## **15 PAJAKAN**

Pajakan adalah perjanjian di mana pemberi pajakan memberikan kepada pemajak sebagai balasan bagi bayaran, atau siri bayaran, hak untuk mengguna aset untuk tempoh masa yang dipersetujui.

### **(a) Perakaunan sebagai pemajak**

#### Pajakan kewangan

Pajakan harta tanah, loji dan peralatan di mana Kumpulan mengambil alih sebahagian besar semua faedah dan risiko pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Pajakan kewangan dipermodalkan pada nilai saksama aset dipajak atau anggaran nilai semasa bayaran pajakan mendasari pada tarikh permulaan yang mana lebih rendah. Setiap bayaran pajakan diperuntukkan antara liabiliti dan caj kewangan untuk mencapai kadar seimbang ke atas jumlah pokok pajakan belum dijelas. Obligasi sewa sepadan, selepas ditolak caj kewangan, dimasukkan dalam pinjaman. Elemen faedah caj kewangan dicajkan kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah berkala yang seimbang ke atas baki liabiliti selebihnya bagi setiap tempoh.

Hartanah, loji dan peralatan dibeli di bawah kontrak pajakan kewangan disusutnilaikan ke sepanjang hayat berguna aset. Sekiranya tidak ada kepastian yang munasabah bahawa pemilikan akan dipindahkan kepada Kumpulan, aset disusutnilakan sepanjang tempoh pajakan dan hayat bergunanya yang mana lebih pendek.

#### Pajakan kendalian

Pajakan aset di mana sebahagian penting daripada risiko dan ganjaran pemilikan dikekalkan oleh pemberi pajakan dikelaskan sebagai pajakan kendalian. Pembayaran dibuat di bawah pajakan kendalian dicaj kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan.

## 15 PAJAKAN (samb.)

### (b) Perakaunan sebagai pemberi pajakan

#### Pajakan kewangan

Pajakan aset di mana pemajak mengambil alih sebahagian besar daripada semua faedah dan risiko pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Apabila aset dipajak di bawah pajakan kewangan, nilai semasa bayaran pajakan diiktiraf sebagai penghutang. Perbezaan antara penghutang kasar dan nilai semasa penghutang diiktiraf sebagai pendapatan pembiayaan tidak terperoleh. Pendapatan pajakan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan menggunakan kaedah pelaburan bersih untuk menunjukkan kadar berkala faedah yang seimbang ke atas baki belum dijelas.

#### Pajakan kendalian

Aset dipajak di bawah pajakan kendalian dimasukkan dalam harta tanah, loji dan peralatan dalam kunci kira-kira. Ia disusunnilakan sepanjang anggaran hayat berguna atas asas-asas yang seimbang dengan harta tanah, loji dan peralatan serupa yang dimiliki. Pendapatan sewa (tolak mana-mana insentif diberikan kepada pemajak) diiktiraf atas dasar garisan lurus sepanjang tempoh pajakan.

## 16 PEMBANGUNAN KUARI

Perbelanjaan ditanggung ke atas pembangunan permukaan kuari dipermodalkan dan dihapus kira berdasarkan volum pengeluaran sebenar ke atas anggaran rizab tersedia daripada permukaan kuari yang dibangunkan.

Di mana petunjuk kerosotan nilai wujud, nilai dibawa ke atas aset dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta merta kepada jumlah boleh diperolehi semulanya. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan nilai aset bukan kewangan.

## 17 TANAH PEGANGAN PAJAK

Tanah pegangan pajak adalah di mana bahagian ketara risiko dan ganjaran pemilikan tidak dijangka untuk dipindahkan kepada pemajak sebelum akhir tempoh pajakan dianggap sebagai pajakan kendalian. Tanah pegangan pajak dinyatakan pada kos atau jumlah dibawa gantian dan dilunaskan atas dasar garisan lurus sepanjang tempoh pajakan selaras dengan corak manfaat yang disediakan.

Tanah pegangan pajak dilunaskan sepanjang tempoh pajakan masing-masing berkisar antara 30 hingga 50 tahun.

## 18 CUKAI PENDAPATAN

Perbelanjaan cukai pendapatan bagi tempoh terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali sehingga tahap yang ia berkait dengan perkara diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau secara langsung dalam ekuiti. Dalam hal ini cukai juga diiktiraf masing-masing dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau secara langsung dalam ekuiti.

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan selaras dengan undang-undang cukai setiap bidang kuasa dalam mana Kumpulan beroperasi dan termasuk semua cukai berdasarkan keuntungan boleh dicukai, termasuk cukai penahanan perlu dibayar oleh anak syarikat asing, syarikat bersekutu atau entiti kawalan bersama ke atas pengagihan perolehan tertahan kepada syarikat-syarikat dalam Kumpulan.

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya, dengan menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara pada tarikh kunci kira-kira antara asas cukai aset dan liabiliti dan jumlah dibawanya dalam penyata kewangan. Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap mana perbezaan sementara boleh ditolak atau kerugian cukai tidak diguna boleh digunakan.

Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan pada masa urusniaga, tidak menjelaskan keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda diiktiraf atas perbezaan sementara timbul atas pelaburan dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama kecuali di mana pemasaan keterbalikan perbezaan sementara boleh dikawal dan ia berkemungkinan bahawa perbezaan sementara tidak akan terbalik pada masa hadapan boleh dijangka.

# Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011

## **18 CUKAI PENDAPATAN (samb.)**

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai kepada tempoh di mana aset direalis atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh kunci kira-kira.

Cukai tertunda diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali apabila ia timbul daripada urus niaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, dalam hal mana cukai tertunda juga dicaj atau dikreditkan secara langsung kepada ekuiti, atau apabila ia timbul daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambilalihan, dalam hal mana cukai tertunda dimasukkan dalam muhibah terhasil.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diseimbangkan apabila syarikat mempunyai hak boleh dikuatkuasakan yang sah untuk diseimbangkan dan berhasrat untuk menyelesaikan atas dasar bersih atau untuk merealis aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

## **19 MANFAAT KAKITANGAN**

### **(a) Manfaat kakitangan jangka pendek**

Kumpulan mengiktiraf liabiliti dan perbelanjaan bagi bonus berdasarkan formula yang mengambil kira keuntungan boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat selepas pelarasan tertentu. Kumpulan mengiktiraf peruntukan di mana terdapat obligasi kontrak atau di mana terdapat amalan yang lepas yang telah membentuk obligasi konstruktif.

Upah, gaji, bonus dan manfaat bukan monetari diakrukan dalam tempoh dalam mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Kumpulan.

### **(b) Manfaat selepas perkhidmatan**

Kumpulan mempunyai beberapa skim manfaat selepas perkhidmatan selaras dengan syarat-syarat dan amalan-amalan tempatan dalam negara di mana ia beroperasi. Manfaat ini adalah sama ada pelan caruman dinyatakan atau pelan manfaat dinyatakan.

Pelan caruman dinyatakan adalah pelan pencen di bawah mana Kumpulan membayar caruman tetap kepada entiti berasingan (dana) dan tidak akan mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya sekiranya dana tidak mempunyai aset-aset yang mencukupi untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan dalam tempoh-tempoh semasa dan terdahulu. Pelan caruman dinyatakan adalah pelan pencen yang mentakrifkan jumlah manfaat pencen yang akan diperuntukkan, pada kebiasaan sebagai fungsi salah satu atau lebih faktor seperti umur, tahun perkhidmatan atau pampasan.

#### **(i) Pelan caruman dinyatakan**

Caruman Kumpulan kepada pelan caruman dinyatakan dicaj kepada keuntungan atau kerugian dalam tempoh kepada mana ia berkait. Sebaik sahaja caruman telah dibuat, Kumpulan tidak mempunyai obligasi bayaran selanjutnya. Caruman prabayar diiktiraf sebagai aset sehingga tahap yang bayaran balik tunai atau pengurangan dalam bayaran masa hadapan tersedia. Sebagaimana diperlukan oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membuat caruman kepada skim pencen negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"), pelan caruman dinyatakan.

#### **(ii) Pelan manfaat dinyatakan tidak dibiayai**

Kuantan Port Consortium Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Syarikat yang mengendalikan Skim Manfaat Persaraan dinyatakan tidak dibiayai, bagi kakitangannya selaras dengan peruntukan-peruntukan Perjanjian Kolektif.

Manfaat perlu dibayar berdasarkan bilangan tahun perkhidmatan dengan syarikat. Peruntukan dibuat dalam kunci kira-kira syarikat bagi kos manfaat persaraan di bawah Skim yang ditentukan berdasarkan penilaian aktuari dengan menggunakan kaedah kredit unit diunjurkan. Di bawah kaedah ini, kos menyediakan manfaat persaraan diiktiraf dalam penyata pendapatan atas dasar sistematik untuk mengagihkan kos sepanjang hayat pekerjaan kakitangan dengan syarikat. Obligasi diukur pada nilai semasa daripada anggaran aliran keluar tunai masa hadapan dengan menggunakan hasil pada tarikh kunci kira-kira ke atas sekuriti kerajaan yang mempunyai tarikh matang menyamai dengan terma-terma obligasi syarikat.

Keuntungan dan kerugian aktuari timbul terutamanya daripada perubahan dalam andaian aktuari dan perbezaan antara andaian aktuari yang sebenarnya telah berlaku. Keuntungan dan kerugian dikreditkan atau dicajkan kepada penyata pendapatan sepanjang purata hayat pekerjaan selebihnya kakitangan yang mengambil bahagian dalam pelan.

## 19 MANFAAT KAKITANGAN (samb.)

### (c) Pampasan berdasarkan saham

Kumpulan mengendalikan pelan pampasan berdasarkan saham diselesaikan mengikut ekuiti bagi kakitangan, di bawah mana instrumen ekuiti (waran) diberikan kepada kakitangan sebagai balasan bagi perkhidmatan diterima. Nilai saksama perkhidmatan kakitangan diterima sebagai pertukaran bagi pemberian tawaran untuk jualan waran diiktiraf sebagai perbelanjaan. Jumlah keseluruhan yang akan dijadikan perbelanjaan ditentukan dengan merujuk kepada nilai saksama waran diberikan atau dijual tidak termasuk kesan mana-mana syarat perlatahan bukan pasaran.

## 20 TUNAI DAN SETARA TUNAI

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, deposit dipegang pada panggilan dengan bank, selain daripada pelaburan jangka pendek, berkecairan tinggi dengan kematangan asal tiga bulan atau kurang daripadanya, dan overdraf bank. Overdraft bank dimasukkan dalam pinjaman dalam liabiliti semasa dalam kunci kira-kira.

## 21 MODAL SAHAM

### (i) Klasifikasi

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti.

### (ii) Kos terbitan saham

Kos luaran boleh dikaitkan secara langsung kepada terbitan saham-saham baru ditunjukkan sebagai penolakan daripada akaun premium saham. Dalam hal lain, ia dicaj kepada keuntungan atau kerugian apabila ditanggung.

### (iii) Dividen

Dividen ke atas saham-saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti apabila diisyiharkan. Dividen akhir dicadangkan terakru sebagai liabiliti hanya selepas kelulusan oleh pemegang pemegang saham.

### (iv) Rizab waran

Perolehan daripada terbitan waran, selepas ditolak kos terbitan, dikreditkan kepada rizab waran yang tidak boleh diagih. Rizab waran dipindahkan kepada akaun premium saham selepas pelaksanaan waran dan rizab waran berhubung dengan waran tidak dilaksanakan pada penamatkan tempoh waran akan dipindahkan kepada perolehan tertahan.

### (v) Pembelian saham sendiri

Di mana Syarikat membeli modal saham ekuiti Syarikat, balasan dibayar, termasuk sebarang peningkatan kos luar yang boleh dikaitkan secara langsung, tolak cukai, ditolak daripada modal dan rizab boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat sebagai saham-saham perbendaharaan sehingga saham-saham tersebut dibatalkan, diterbitkan semula atau dilupuskan.

Di mana saham-saham sedemikian dijual, perbezaan antara balasan jualan dan jumlah dibawa saham-saham perbendaharaan ditunjukkan sebagai pergerakan dalam ekuiti. Di mana balasan diterima adalah lebih daripada jumlah dibawa, perbezaan kredit timbul dimasukkan kepada akaun premium saham. Di mana balasan diterima adalah kurang daripada jumlah dibawa, perbezaan debit diseimbangkan terhadap rizab.

Di mana saham-saham sedemikian dibatalkan, modal saham yang diterbitkan dikurangkan dengan nilai nominal saham-saham yang dibatalkan. Jumlah melalui mana modal saham Syarikat yang diterbitkan dikurangkan atas pembatalan saham-saham dipindahkan kepada akaun rizab penebusan modal.

# Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011

## 22 INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan adalah kontrak yang membawa kepada kedua-dua aset kewangan sebuah syarikat dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti syarikat yang lain.

Aset kewangan adalah mana-mana aset yang merupakan tunai, hak kontrak untuk menerima tunai atau aset kewangan yang lain daripada syarikat yang lain, hak kontrak kepada pertukaran instrumen kewangan dengan syarikat yang lain di bawah syarat-syarat yang berpotensi menguntungkan, atau instrumen ekuiti sebuah syarikat yang lain.

Liabiliti kewangan adalah mana-mana liabiliti yang merupakan obligasi kontrak untuk menyerahkan tunai atau aset kewangan yang lain kepada syarikat yang lain, atau untuk menukar instrumen kewangan dengan syarikat yang lain di bawah syarat-syarat yang berpotensi tidak menguntungkan.

### (a) Pengelasan

Kumpulan mengelaskan aset kewangannya dalam kategori berikut: pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, pinjaman dan penghutang dan tersedia untuk jualan. Pengelasan bergantung pada sifat aset dan tujuan untuk mana aset kewangan telah diperolehi. Pengurusan menentukan pengelasan pada pengiktirafan awal.

#### (i) Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian

Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah aset kewangan dipegang untuk perdagangan. Aset kewangan dikelaskan dalam kategori ini sekiranya diperolehi atau ditanggung pada dasarnya untuk tujuan menjual dalam jangka pendek. Derivatif juga dikategorikan sebagai dipegang untuk perdagangan melainkan ia diperuntukkan sebagai lindungan nilai.

#### (ii) Pinjaman dan penghutang

Pinjaman dan penghutang adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Ia dikemukakan sebagai aset semasa, kecuali bagi yang dijangkakan untuk direalisasikan lewat daripada 12 bulan selepas tarikh kira-kira yang dikemukakan sebagai aset bukan semasa. Pinjaman dan penghutang Kumpulan terdiri daripada ‘penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang (selain daripada jumlah terhutang daripada pelanggan atas kontrak pembinaan, bil terakru berhubung dengan pembangunan harta tanah dan prabayaran)’ dan ‘deposit, tunai dan baki bank’ dalam kunci kira-kira.

#### (iii) Tersedia untuk jualan

Aset kewangan tersedia untuk jualan adalah bukan derivatif yang sama ada diperuntukkan dalam kategori ini atau tidak dikelaskan dalam mana-mana kategori lain. Ia dikemukakan sebagai aset bukan semasa melainkan pengurus berhasrat untuk melupuskan aset dalam masa 12 bulan selepas tarikh kunci kira-kira.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti tidak disebut harga yang dikelaskan sebagai tersedia untuk jualan dan yang nilai saksama tidak boleh diukur dengan tepat diukur pada kos. Pelaburan ini dinilai bagi kerosotan nilai pada setiap tarikh pelaporan.

### (b) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Pembelian dan jualan kerap aset kewangan diiktiraf pada tarikh perdagangan, tarikh bila mana Kumpulan membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset.

Aset kewangan pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama campur kos urus niaga kecuali bagi aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, yang diiktiraf pada nilai saksama. Kos urus niaga bagi aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian dijadikan perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian.

### (c) Pengukuran berikutnya – keuntungan dan kerugian

Aset kewangan, kedua-dua tersedia untuk jualan dan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian kemudiannya dinyatakan pada nilai saksama. Pinjaman dan penghutang kemudiannya dinyatakan pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah berkesan.

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, termasuk kesan-kesan terjemahan mata wang, pendapatan faedah dan dividen, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh dalam mana perubahan timbul.

## 22 INSTRUMEN KEWANGAN (samb.)

### (c) Pengukuran berikutnya – keuntungan dan kerugian (samb.)

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan tersedia untuk jualan diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif, kecuali bagi kerosotan nilai (lihat polisi perakaunan Nota 22(d)(ii) mengenai kerosotan nilai aset kewangan tersedia untuk jualan) dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing ke atas aset monetari. Perbezaan pertukaran ke atas aset monetari diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, manakala perbezaan pertukaran ke atas aset bukan monetari diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif sebagai sebahagian daripada perubahan nilai saksama.

Pendapatan faedah dan dividen ke atas aset kewangan tersedia untuk jualan diiktiraf secara berasingan dalam keuntungan atau kerugian. Pendapatan dividen ke atas instrumen ekuiti tersedia untuk jualan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila hak Kumpulan untuk menerima bayaran dibuktikan.

### (d) Pengukuran berikutnya – kerosotan nilai aset kewangan

Kumpulan menilai pada setiap tarikh kuncir kira-kira sama ada terdapat bukti objektif bahawa nilai aset kewangan atau kumpulan aset kewangan adalah rosot nilai dan diiktiraf sebagai peruntukan bagi kerosotan nilai apabila bukti sedemikian wujud. Aset kewangan atau kumpulan aset kewangan telah rosot nilai dan kerosotan nilai ditanggung hanya sekiranya bukti objektif kerosotan nilai berpunca daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset ('peristiwa kerugian') dan peristiwa (atau peristiwa-peristiwa) kerugian mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggar dengan tepat.

Sekiranya mana-mana bukti sedemikian wujud, jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan antara jumlah dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit pada masa hadapan yang tidak ditanggung) didiskaunkan pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan. Jumlah dibawa aset bagi aset dikurangkan dan jumlah kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jumlah dibawa aset kewangan dikurangkan melalui kerosotan nilai secara langsung bagi semua aset kewangan dengan pengecualian penghutang perdagangan, di mana jumlah dibawa dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan. Apabila penghutang perdagangan menjadi boleh dikutip, ia dihapus kira terhadap akaun peruntukan.

Dalam tempoh berikutnya, sekiranya jumlah kerosotan nilai berkurangan dan pengurangan boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerosotan nilai diiktiraf, kerosotan nilai diiktiraf sebelum ini diterbalikkan sehingga tahap yang jumlah dibawa aset tidak melebihi kos dilunasnya pada tarikh keterbalikan. Jumlah keterbalikan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

#### (i) Pinjaman dan penghutang

Kesukaran kewangan ketara penghutang, kebarangkalian bahawa penghutang akan diisyiharkan bankrap, dan pemungkiran atau kelewatan ketara dalam bayaran adalah bukti objektif bahawa nilai aset kewangan ini telah rosot.

Apabila penghutang tidak boleh dikutip, ia dihapus kira terhadap akaun peruntukan berkaitan. Penghutang sedemikian dihapus kira selepas semua prosedur yang diperlukan telah selesai dilaksanakan dan jumlah kerugian ditentukan.

Sekiranya 'pinjaman dan penghutang' mempunyai kadar faedah boleh ubah, kadar diskauan bagi mengukur sebarang kerosotan nilai adalah kadar faedah berkesan semasa ditentukan di bawah kontrak. Sebagai langkah suai manfaat yang praktikal, Kumpulan boleh mengukur kerosotan nilai berdasarkan nilai saksama instrumen dengan menggunakan harga pasaran boleh diperhatikan.

Sekiranya, dalam tempoh berikutnya, jumlah kerosotan nilai berkurangan dan pengurangan boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas kerosotan nilai diiktiraf, keterbalikan kerosotan nilai diiktiraf sebelum ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

# Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011

## 22 INSTRUMEN KEWANGAN (samb.)

### (d) Pengukuran berikutnya – kerosotan nilai aset kewangan (samb.)

#### (ii) Aset kewangan tersedia untuk jualan

Selain daripada bukti objektif kerosotan nilai dinyatakan dalam Nota 22(d)(i) di atas, pengurangan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama pelaburan ekuiti di bawah kosnya dianggap sebagai petunjuk bahawa nilai aset telah rosot. Sekiranya mana-mana bukti sedemikian wujud, kerugian terkumpul yang telah diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dikeluarkan daripada ekuiti dan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Jumlah kerugian terkumpul yang dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian adalah perbezaan antara kos pengambilalihan dan nilai saksama semasa, tolak sebarang kerosotan nilai aset kewangan tersebut yang diiktiraf sebelum ini dalam keuntungan atau kerugian. Kerosotan nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian ke atas instrumen ekuiti dikelaskan sebagai tersedia untuk jualan tidak diterbalikkan melalui keuntungan atau kerugian.

#### (e) Penyahiktirafan

Aset kewangan tidak lagi diiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan telah luput atau telah dipindahkan dan Kumpulan telah memindahkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan.

Apabila aset kewangan tersedia untuk jualan dijual, pelarasan nilai saksama terkumpul diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian.

#### (f) Liabiliti kewangan

Kumpulan mengelaskan liabiliti kewangannya sebagai lain-lain liabiliti kewangan. Pengelasan bergantung pada sifat liabiliti dan tujuan untuk yang mana liabiliti kewangan telah ditanggung. Pengurusan menentukan pengelasan pengiktirafan awal.

##### Lain-lain liabiliti kewangan

Lain-lain liabiliti kewangan Kumpulan terdiri daripada ‘bon’, ‘surat niaga perdagangan dan nota berjangka sederhana’, ‘pinjaman berjangka’, ‘pinjaman sokongan kerajaan’, ‘pembiutang sewa beli dan pajakan’ dan ‘pembiutang perdagangan dan lain-lain pembiutang’ (selain daripada jumlah terutang kepada pelanggan atas kontrak pembinaan dan bil progres berhubung dengan pembangunan hartanah)’ (Nota 16, 17, 18, 19, 20 dan 24).

Apabila lain-lain liabiliti kewangan diiktiraf pada awalnya, ia diukur pada nilai saksama campur kos urus niaga boleh dikaitkan secara langsung.

Selepas pengiktirafan awal, lain-lain liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam pendapatan komprehensif apabila lain-lain liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf, dan melalui proses pelunasan.

Liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf apabila obligasi dinyatakan dalam kontrak dilepaskan atau dibatalkan atau lupa.

#### (g) Anggaran nilai saksama untuk tujuan pendedahan

Nilai saksama derivatif dan sekuriti didagangkan kepada orang awam adalah berdasarkan harga pasaran disebut harga pada tarikh kunci kira-kira.

Nilai saksama kontrak swap kadar faedah dikira sebagai nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan. Nilai saksama kontrak swap peletakan harga CPO adalah berdasarkan karga pasaran disebut harga pada tarikh kunci kira-kira.

Dalam menaksir nilai saksama derivatif dan instrumen kewangan tidak didagang, Kumpulan menggunakan pelbagai kaedah dan membuat andaian yang berdasarkan keadaan pasaran yang wujud pada setiap tarikh kunci kira-kira. Harga pasaran disebut harga atau sebut harga peniaga bagi instrumen khusus atau serupa digunakan bagi hutang jangka panjang. Lain-lain teknik dan asas, seperti nilai didiskaunkan aliran tunai masa hadapan dan asas aset bersih mendasari instrumen, digunakan untuk menentukan nilai saksama bagi instrumen kewangan selebihnya. Khususnya, nilai saksama liabiliti kewangan dianggarkan dengan mendiskaunkan aliran tunai kontrak masa hadapan pada kadar faedah pasaran semasa tersedia kepada Kumpulan bagi instrumen kewangan yang serupa.

## 22 INSTRUMEN KEWANGAN (samb.)

### (g) Anggaran nilai saksama untuk tujuan pendedahan (samb.)

Nilai dibawa aset kewangan dan liabiliti kewangan dengan tempoh kematangan kurang daripada satu tahun diandaikan sebagai lebih kurang menyamai nilai saksamanya.

### (h) Pengimbangan instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan diseimbangkan dan jumlah bersih dikemukakan dalam kunci kira-kira apabila terdapat hak boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangkan jumlah dan terdapat hasrat untuk menyelesaikan atas dasar bersih, atau merealiskan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

## 23 PEMIUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN PEMIUTANG

Pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama dan kemudiannya diukur pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah berkesan.

Pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang dikelaskan sebagai aset semasa sekiranya bayaran adalah kena dibayar dalam masa satu tahun, atau dalam kitaran kendalian biasa perniagaan adalah lebih lama. Jikalau tidak, ia dikemukakan sebagai liabiliti bukan semasa.

## 24 GERAN KERAJAAN

Geran daripada kerajaan diiktiraf pada nilai saksamanya di mana terdapat jaminan munasabah bahawa geran akan diterima dan Kumpulan akan mematuhi semua syarat yang ada padanya.

Geran kerajaan berkaitan dengan pembelian aset dimasukkan dan penyelenggaraan aset konsesi dikelaskan sebagai bukan semasa dan dikreditkan kepada penyata pendapatan komprehensif sepanjang hayat dijangka aset-aset berkaitan, atas asas-asas yang seimbang dengan susut nilai aset berkaitan.

Kumpulan juga menganggap manfaat pinjaman kerajaan di bawah kadar faedah pasaran sebagai geran kerajaan. Pinjaman akan diiktiraf dan diukur pada awalnya pada nilai saksamanya. Manfaat di bawah kadar faedah pasaran diukur sebagai perbezaan antara nilai dibawa permulaan pinjaman dan perolehan diterima, dan diiktiraf sebagai geran kerajaan, yang akan dikreditkan kepada penyata pendapatan komprehensif sepanjang hayat berguna aset berkaitan atas asas-asas yang seimbang dengan susut nilai aset berkaitan untuk yang mana pinjaman telah diberikan kepada Kumpulan.

Kumpulan telah menggunakan polisi perakaunan secara prospektif bagi pinjaman diterima sedemikian pada dan selepas 1 April 2010 selaras dengan peruntukan peralihan pindaan kepada FRS 120 "Perakaunan bagi Geran Kerajaan dan Pendedahan Bantuan Kerajaan".

## 25 KEROSOTAN NILAI ASET BUKAN KEWANGAN

Aset yang mempunyai hayat berguna tidak pasti adalah tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji secara tahunan bagi kerosotan nilai. Aset yang tertakluk kepada pelunasan disemak bagi kerosotan nilai apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa nilai dibawa mungkin tidak boleh diperolehi semula. Kerosotan nilai diiktiraf bagi jumlah dengan yang mana nilai dibawa aset melebihi jumlah boleh diperolehi semulanya. Jumlah boleh diperolehi semula adalah nilai saksama aset tolak kos untuk menjual yang mana lebih tinggi dan nilai dalam penggunaan. Untuk tujuan menilai kerosotan nilai, aset dikumpulkan pada tahap lebih rendah untuk yang mana terdapat aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan (unit penghasilan tunai). Aset bukan kewangan, selain daripada muhibah, yang mengalami kerosotan nilai disemak bagi keterbalikan yang mungkin pada setiap tarikh pelaporan.

Kerosotan nilai dicaj kepada keuntungan atau kerugian melairkan ia menterbalikkan penilaian semula sebelum ini, dalam hal mana ia dicaj kepada lebihan penilaian semula. Kerosotan nilai muhibah tidak diterbalikkan. Berhubung dengan lain-lain aset, sebarang peningkatan ketara dalam jumlah boleh diperolehi semula diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian melainkan ia menterbalikkan kerosotan nilai aset dinilai semula, dalam hal mana ia dimasukkan ke dalam rizab lebihan penilaian semula.

# Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011

## **26 MAKLUMAT BERSEGMENT**

Segmen kendalian dilaporkan dalam cara yang konsisten dengan pelaporan dalaman disediakan kepada ketua pembuat keputusan kendalian. Ketua pembuat keputusan kendalian, yang bertanggungjawab memperuntukkan sumber dan menilai prestasi segmen kendalian, telah dikenal pasti sebagai Jawatankuasa Eksekutif (“EXCO”) yang membuat keputusan strategik.

## **27 LIABILITI KONTIGEN**

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti kontigen tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti kontigen adalah obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa-peristiwa lepas yang kewujudannya akan disahkan apabila berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa-peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf disebabkan ia tidak berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi. Liabiliti kontigen juga timbul dalam keadaankeadaan yang amat jarang sekali berlaku di mana liabiliti tidak boleh diiktiraf disebabkan ia tidak boleh dikira dengan agak tepat. Liabiliti kontigen tidak termasuk kontrak jaminan kewangan.

Dalam pengambilalihan anak-anak syarikat oleh Kumpulan di bawah kombinasi perniagaan, liabiliti kontigen diambil alih telah dikira pada mulanya pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira tahap mana-mana kepentingan minoriti.

Kumpulan mengiktiraf liabiliti kontigen syarikat-syarikat diambil alih secara berasingan sebagai sebahagian daripada proses memperuntukkan kos kombinasi perniagaan di mana nilai saksamanya boleh dikira dengan agak betul. Di mana nilai saksama tidak boleh dikira dengan agak betul, kesan terhasil akan ditunjukkan dalam muhibah timbul daripada pengambilalihan dan maklumat mengenai liabiliti kontigen diambil alih dinyatakan dalam Nota kepada penyata kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, Kumpulan mengukur liabiliti kontigen yang diiktiraf secara berasingan pada tarikh pengambilalihan pada jumlah yang lebih tinggi yang akan diiktiraf selaras dengan peruntukan-peruntukan FRS 1372004 Peruntukan, Liabiliti Kontigen dan Aset Kontigen dan jumlah yang diiktiraf pada awalnya tolak, di mana sesuai, pelunasan terkumpul diiktiraf selaras dengan FRS 1182004. “Hasil”.

## **28 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN LADANG**

Perbelanjaan pembangunan ladang terdiri daripada perbelanjaan penanaman baru, pentadbiran estet, kos kewangan dan penyenggaraan ladang sehingga tempoh matang dan dinyatakan pada kos atau penilaian. Semua perbelanjaan ditanggung selepas tempoh matang, perbelanjaan penanaman semula dan perbelanjaan penyenggaraan dan penyelenggaraan termasuk kos pembajaan dicaj kepada keuntungan atau kerugian apabila ditanggung.

Perbelanjaan ladang tertentu anak-anak syarikat Syarikat telah dinilai semula pada 1997. Para Pengarah telah menerima pakai polisi penilaian semula yang kerap ke atas aset-aset sedemikian dan tiada penilaian terkemudian telah direkodkan.

## **29 ASET BUKAN SEMASA DIKELASKAN SEBAGAI ASET DİPEGANG UNTUK JUALAN**

Aset bukan semasa dikelaskan sebagai aset dipegang untuk jualan, dan dinyatakan pada jumlah dibawa dan nilai saksama yang mana lebih rendah tolak kos untuk menjual, sekiranya jumlah dibawa diperolehi terutamanya melalui urus niaga jualan selain daripada melalui penggunaan berterusan dan jualan dianggap sebagai amat berkemungkinan.

# Nota kepada Penyata Kewangan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011

177

## 1 MAKLUMAT AM

Syarikat pada dasarnya terlibat dalam kegiatan pembinaan dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terdiri daripada pembinaan, pembangunan harta tanah, pengilangan dan pengkuarian, operasi hotel, operasi lebuh raya bertol, operasi pelabuhan, peladangan dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan dalam Nota 57 kepada penyata kewangan.

Syarikat adalah sebuah syarikat liabiliti awam berhad, diperbadankan dan berdomisil di Malaysia dan tersenarai pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. ("Bursa Malaysia").

Alamat pejabat berdaftar Syarikat adalah Tingkat 2, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Penyata kewangan telah diluluskan untuk dikeluarkan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah pada 27 Mei 2011.

## 2 ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN PENTING

Anggaran dan pertimbangan dinilai secara berterusan oleh para Pengarah dan berdasarkan sejarah pengalaman dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan mengenai peristiwa-peristiwa masa hadapan yang dipercayai sebagai munasabah di bawah keadaan tersebut.

Kumpulan membuat anggaran dan andaian yang berhubung dengan masa hadapan. Anggaran perakauan terhasil akan, melalui takrifan, jarang menyamai keputusan sebenar. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko ketara menyebabkan pelarasan material kepada amaun dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya digariskan di bawah.

### (a) Kontrak pembinaan

Kumpulan tertakluk kepada cukai pendapatan dalam beberapa bidang kuasa. Disebabkan oleh kekompleksan urus niaga yang dimasuki oleh Kumpulan, pertimbangan penting diperlukan dalam menentukan elau modal, kebolehan ditolak perbelanjaan tertentu dan kebolehan dikenakan cukai pendapatan tertentu dalam anggaran peruntukan bagi cukai pendapatan. Dalam menentukan amalan cukai, para Pengarah telah bergantung atas amalan industri dan pendapat pakar. Di mana keputusan cukai akhir perkara-perkara ini adalah berbeza daripada jumlah yang pada awalnya direkodkan, perbezaan sedemikian akan memberi kesan ke atas peruntukan cukai pendapatan dan cukai pendapatan tertunda dalam tempoh dalam mana penentuan dibuat.

### (b) Aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh digunakan. Ini melibatkan pertimbangan berkaitan dengan prestasi kewangan masa hadapan entiti tertentu dalam mana aset cukai tertunda telah diiktiraf.

### (c) Construction contracts

Kumpulan mengiktiraf keuntungan kontrak berdasarkan kaedah peringkat siap. Peringkat siap daripada kontrak pembinaan ditentukan berdasarkan perkadarannya yang kos kontrak tanggung bagi kerja dilaksanakan sehingga kini berbanding jumlah kos yang dianggarkan bagi kontrak. Apabila ia berkemungkinan bahawa anggaran jumlah kos kontrak akan melebihi jumlah hasil kontrak, kerugian dijangka ke atas kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta merta.

Pertimbangan penting diperlukan dalam anggaran jumlah kos kontrak. Di mana jumlah kos kontrak sebenar adalah berbeza daripada anggaran jumlah kos kontrak, perbezaan sedemikian akan memberi kesan ke atas keuntungan/(kerugian) kontrak yang diiktiraf.

Kumpulan telah menganggarkan jumlah hasil kontrak berdasarkan jumlah hasil permulaan yang dipersetujui dalam kontrak dan variasi dalam kerja kontrak dan tuntutan yang boleh diukur dengan tepat berdasarkan maklumat terkini yang boleh didapati, dan dalam ketiadaan maklumat sedemikian, anggaran terbaik para Pengarah diperolehi daripada andaian, pengalaman dan pertimbangan yang munasabah.

Di mana variasi dan tuntutan sebenar yang diluluskan adalah berbeza daripada anggaran, perbezaan sedemikian akan memberi kesan ke atas keuntungan/(kerugian) kontrak yang diiktiraf.

# Nota kepada Penyata Kewangan (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011

## 2 ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### (d) Pembangunan hartaanah

Kumpulan mengiktiraf keuntungan pembangunan hartaanah dengan merujuk kepada peringkat siap kegiatan pembangunan pada tarikh kunci kira-kira. Peringkat siap ditentukan berdasarkan perkadarannya yang kos pembangunan hartaanah tanggung sehingga kini berbanding dengan anggaran jumlah kos bagi pembangunan hartaanah. Di mana ia adalah berkemungkinan bahawa jumlah kos pembangunan hartaanah satu-satu fasa pembangunan akan melebihi jumlah hasil pembangunan hartaanah fasa pembangunan, kerugian dijangka ke atas fasa pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan sertamerta.

Pertimbangan penting diperlukan dalam anggaran jumlah kos pembangunan hartaanah. Di mana jumlah kos pembangunan harta sebenar adalah berbeza daripada anggaran jumlah kos pembangunan hartaanah, perbezaan sedemikian akan memberi kesan kepada keuntungan/(kerugian) pembangunan hartaanah yang diiktiraf.

### (e) Pelunasan aset konsesi

Aset konsesi jalan Kumpulan dilunaskan sepanjang tempoh konsesi berdasarkan formula yang berikut:

$$\frac{\text{Volum trafik terkumpul sehingga kini}}{\text{Volum trafik diunjurkan bagi keseluruhan ekspres tempoh konsesi}} \times \text{Perbelanjaan pembangunan lebuhraya}$$

Untuk menentukan jumlah volum trafik diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi, Kumpulan bergantung pada tinjauan trafik yang dijalankan oleh firma perunding trafik bebas dan penilaian semula tahunan para Pengarah mengenai jumlah volum trafik diunjurkan tahun semasa dan tahun-tahun hadapan. Sebarang perubahan dalam jumlah volum trafik diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi akan memberi kesan kepada caj pelunasan bagi tahun.

### (f) Peruntukan bagi kerosotan nilai penghutang

Kumpulan mengiktiraf peruntukan bagi kerosotan nilai penghutang apabila terdapat bukti objektif bahawa Kumpulan tidak akan dapat mengutip semua jumlah terhutang mengikut terma-terma asal penghutang.

Pertimbangan ketara diperlukan dalam penilaian kebolehan dikutip semula penghutang. Metodologi dan andaian digunakan bagi menganggarkan kedua-dua jumlah dan pemasaran aliran tunai masa hadapan dan kadar diskaun disemak dengan kerap untuk mengurangkan sebarang perbezaan antara anggaran kerugian dan pengalaman kerugian sebenar.

Sehingga tahap yang pemerolehan sebenar melenceng daripada anggaran pengurusan, variasi sedemikian mungkin mempunyai kesan material ke atas keuntungan atau kerugian. Berdasarkan penilaian pengurusan, pengurusan percaya bahawa tahap semasa peruntukan bagi kerosotan nilai penghutang adalah mencukupi. Selain daripada itu, pengurusan juga mengawasi dengan ketat kebolehan diterima semula penghutang ini.

### (g) Kerosotan nilai aset

Kumpulan menentukan sama ada nilai sesuatu aset telah rosot dengan menilai tahap kepada mana jumlah boleh diperolehi semula aset adalah kurang daripada kosnya. Penilaian ini adalah tertakluk kepada perubahan seperti prestasi pasaran, keadaan ekonomi dan politik negara. Pelbagai kaedah digunakan untuk menentukan jumlah boleh diperolehi semula, seperti laporan penilaian dan aliran tunai didiskaunkan. Bagi aliran tunai didiskaunkan, pertimbangan ketara diperlukan dalam anggaran nilai semasa aliran tunai masa hadapan yang dihasilkan oleh aset-aset, yang melibatkan ketidakpastian dan secara ketara dipengaruhi oleh andaian-andaian yang digunakan dan pertimbangan dibuat berkaitan dengan anggaran aliran tunai masa hadapan dan kadar diskaun. Perubahan perubahan dalam andaian-andaian mungkin secara ketara menjelaskan keputusan ujian kerosotan nilai aset Kumpulan.

### 3 OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Kegiatan Kumpulan mendedahkan ia kepada risiko pasaran (termasuk risiko pertukaran mata wang asing, risiko kadar faedah dan risiko harga), risiko kredit dan risiko mudah tunai. Keseluruhan objektif pengurusan risiko kewangan Kumpulan adalah untuk meminimumkan sebarang potensi kesan kurang baik daripada ketidakbolehan diramal pasaran kewangan ke atas prestasi kewangan Kumpulan untuk memastikan Kumpulan membentuk nilai bagi pemegang pemegang sahamnya. Pengurusan risiko kewangan dinyatakan melalui kajian risiko, sistem kawalan dalaman, program insurans dan pematuhan kepada polisi pengurusan risiko kewangan Kumpulan. Pengurusan menyemak secara kerap risiko-risiko ini dan meluluskan polisi perbendaharaan, yang meliputi pengurusan risiko-risiko ini.

Kumpulan menggunakan instrumen kewangan derivatif seperti kontrak swap kadar faedah, kontrak swap komoditi dan kontrak swap mata wang bersilang untuk melindung nilai pendedahan risiko kewangan tertentu.

#### (a) Risiko pasaran

##### (i) Risiko mata wang

Entiti dalam Kumpulan pada dasarnya berurus niaga dalam mata wang daripada mata wang kefungsian mereka masing-masing kecuali bagi pinjaman tertentu yang didenominasikan dalam mata wang selain daripada mata wang kefungsian mereka masing-masing (iaitu pinjaman Dolar Amerika Syarikat).

Pendedahan pertukaran asing dalam mata wang urus niaga selain daripada mata wang kefungsian entiti kendalian dikekalkan pada tahap yang boleh diterima.

Profil pendedahan mata wang aset kewangan dan liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat dinyatakan dalam nota masing-masing kepada penyata kewangan.

Risiko-risiko mata wang sebagaimana ditakrifkan oleh FRS 7 timbul atas akaun aset dan liabiliti monetari telah didenominasikan dalam mata wang yang bukan merupakan mata wang kefungsian. Pada 31 Mac 2011, entiti kefungsian Ringgit Malaysia ("RM") Kumpulan dan Syarikat mempunyai liabiliti monetari bersih didenominasikan dalam Dolar Amerika Syarikat ("USD"), serta juga kesan-kesan kepada keuntungan sebelum cukai Kumpulan dan Syarikat sekiranya USD telah mengukuh/merosot sebanyak 5% terhadap RM adalah seperti berikut:

	Kumpulan 2011 RM'000	Syarikat 2011 RM'000
Liabiliti monetari bersih didenominasikan dalam USD	<b>(640,559)</b>	<b>(15,095)</b>
Kesan kepada keuntungan selepas cukai sekiranya USD telah mengukuh/merosot terhadap RM - mengukuh - merosot	<b>(32,028)</b> <b>32,028</b>	<b>(755)</b> <b>755</b>

Analisis kesensitifan tidak mengambil kira sebarang pengimbangan faktor pertukaran asing dan telah ditentukan dengan mengandaikan bahawa perubahan dalam kadar pertukaran asing telah berlaku pada tarikh kunci kira-kira. Perubahan dinyatakan mewakili penilaian pengurusan mengenai perubahan munasabah yang mungkin dalam kadar pertukaran asing sepanjang tempoh sehingga tarikh kunci kira-kira tahunan berikutnya.

Pada tarikh kunci kira-kira, tidak ada baki monetari ketara yang lain dipegang oleh Kumpulan dan Syarikat yang didenominasikan dalam mata wang bukan kefungsian. Perbezaan berpuncu daripada terjemahan penyata kewangan ke dalam mata wang pembentangan Kumpulan tidak akan diambil kira.

##### (ii) Risiko kadar faedah aliran tunai

Risiko kadar faedah aliran tunai adalah risiko yang aliran tunai masa hadapan daripada instrumen kewangan akan mengalami naik turun disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Aset menanggung faedah Kumpulan pada dasarnya adalah deposit bank jangka pendek dengan institusi kewangan. Kadar faedah ke atas deposit ini diawasi dengan teliti untuk memastikan agar ia dikekalkan pada kadar yang menguntungkan. Kumpulan menimbangkan risiko perubahan ketara kepada kadar faedah ke atas deposit sebagai tidak berkemungkinan.

# Nota kepada Penyata Kewangan (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011

### 3 OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (samb.)

#### (a) Risiko pasaran (samb.)

##### (ii) Risiko kadar faedah aliran tunai (samb.)

Pendedahan kadar faedah timbul terutamanya daripada pinjaman Kumpulan. Kumpulan menguruskan pendedahan kadar faedah dengan mengekalkan campuran berhemah pinjaman kadar tetap dan terapung. Instrumen kewangan derivatif (swap kadar faedah terapung kepada tetap) digunakan, di mana sesuai, untuk menghasilkan profil kadar faedah yang ditetapkan.

Sekiranya pinjaman Kumpulan pada kadar boleh ubah ke atas mana lindungan nilai berkesan tidak dimasukkan ke dalam perubahan dalam mata asas berikut, dengan semua angka boleh ubah lain dikenakan secara konstans, kesan-kesan ke atas keuntungan sebelum cukai akan menjadi seperti berikut:

	<b>Kumpulan</b> <b>2011</b> <b>RM'000</b>	<b>Syarikat</b> <b>2011</b> <b>RM'000</b>
Pinjaman berdasarkan kos dana ("COF"): - meningkat sebanyak 50 mata asas - merosot sebanyak 50 mata asas	(2,996) 2,996	(1,500) 1,500
Pinjaman berdasarkan kadar pemberian pinjaman utama ukur rujuk ("BPLR"): - meningkat sebanyak 50 mata asas - merosot sebanyak 50 mata asas	(1,368) 1,368	— —

##### (iii) Risiko harga

Kumpulan terdedah kepada risiko harga sekuriti disebut harga timbul daripada pelaburan dipegang yang dikelaskan dalam kunci kira-kira sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Pelaburan dalam sekuriti disebut harga terdiri terutamanya daripada bon korporat disebut harga dan amanah saham sebagai alternatif kepada deposit bank. Kumpulan menimbangkan kesan perubahan dalam harga sekuriti ekuiti ke atas keuntungan sebelum cukai sebagai tidak ketara.

#### (b) Risiko kredit

Risiko kredit merujuk kepada risiko yang pihak satu lagi akan memungkiri obligasi kontraknya yang menyebabkan kerugian kewangan kepada Kumpulan. Risiko kredit timbul daripada pendedahan kredit kepada pelanggan, termasuk penghutang belum dijelas, serta juga deposit, tunai dan baki bank dan instrumen kewangan derivatif dengan instrumen kewangan.

Bagi penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang, Kumpulan mengawal risiko-risiko ini melalui penggunaan kelulusan kredit, had dan prosedur mengawasi. Kumpulan juga meminimumkan pendedahannya dengan menganalisis kedudukan kewangan pihak satu lagi sebelum menandatangani mana-mana perjanjian/kontrak dan mendapatkan kolateral yang mencukupi di mana sesuai untuk mengurangkan risiko kredit. Penghutang perdagangan diawasi atas dasar berterusan melalui prosedur pelaporan pengurusan Kumpulan. Bagi aset-aset kewangan yang lain (deposit, tunai dan baki bank dengan institusi kewangan dan instrumen kewangan derivatif), Kumpulan menerima pakai polisi yang berurusan hanya dengan pihak satu lagi dengan kredibiliti tinggi (iaitu bank dan institusi kewangan).

Pendedahan maksimum kepada risiko kredit diwakili oleh jumlah dibawa setiap aset kewangan dalam kunci kira-kira selepas menolak sebarang peruntukan kerosotan nilai.

Lihat Nota 33 dan 40 bagi pendedahan lanjut mengenai risiko kredit.

#### (c) Risiko mudah tunai

Kumpulan secara aktif menguruskan profil kematangan hutang, aliran tunai kendalian dan ketersediaan pendanaannya (terdiri daripada kemudahan pinjaman tidak dikeluarkan dan tunai dan setara tunai) untuk memastikan agar semua pembiayaan semula, bayaran balik dan keperluan pendanaan dipenuhi. Sebagai sebahagian daripada keseluruhan pengurusan mudah tunai berhemahnya, Kumpulan mengekalkan tahap tunai atau pelaburan boleh ditukar kepada tunai yang mencukupi (Nota 50) bagi memenuhi keperluan modal kerjanya. Selain daripada itu, Kumpulan berusaha untuk mengekalkan ketersediaan kemudahan perbankan pada tahap munasabah kepada kedudukan keseluruhan hutang Kumpulan. Setakat mana yang boleh, Kumpulan cuba mendapatkan pembiayaan dikomitkan daripada kedua-dua institusi pasaran modal dan institusi kewangan dan secara berhemah mengimbangkan portfolionya dengan pendanaan jangka pendek untuk mencapai keberkesanan kos secara keseluruhan.

### 3 OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (samb.)

#### (c) Risiko mudah tunai (samb.)

Jadual di bawah menganalisis liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat ke dalam kumpulan kematangan berkenaan berdasarkan tempoh selebihnya dari tarikh kunci kirakira sehingga tarikh kematangan kontrak. Jumlah dinyatakan dalam jadual adalah aliran tunai tidak didiskaunkan dikontrakkan.

	Kurang daripada 1 tahun RM'000	Antara 1 dan 5 tahun RM'000	Melebihi 5 tahun RM'000
<b>Kumpulan</b>			
<b>Pada 31 Mac 2011</b>			
Bon	75,397	389,692	123,678
Surat Niaga Perdagangan dan Nota Berjangka Sederhana	76,577	756,000	-
Pinjaman berjangka	631,861	1,512,220	229,102
Pinjaman sokongan kerajaan	5,000	50,943	218,772
Pembiutang sewa beli dan pajakan	2,102	2,329	-
Pembiutang perdagangan dan lain-lain pembiutang	1,445,724	42,280	45,872
Pinjaman jangka pendek*	394,978	-	-
Instrumen kewangan derivatif	3,201	3,179	4,858
	<b>2,634,840</b>	<b>2,756,643</b>	<b>622,282</b>

\* Pinjaman jangka pendek Kumpulan termasuk penerimaan jurubank, kredit pusingan dan overdraf bank

#### Syarikat

##### Pada 31 Mac 2011

Surat Niaga Perdagangan dan Nota Berjangka Sederhana	34,050	756,000	-
Pinjaman berjangka	38,320	298,310	-
Pinjaman jangka pendek (penerimaan jurubank dan kredit pusingan)	129,151	-	-
Pembiutang perdagangan dan lain-lain pembiutang	1,175,602	-	-
	<b>1,377,123</b>	<b>1,054,310</b>	<b>-</b>

Pendedahan pinjaman Kumpulan dan Syarikat kepada perubahan kadar faedah dan tarikh peletakan harga kontrak pada tarikh kunci kira-kira dinyatakan dalam Nota 16, 17, 18 dan 19 kepada penyata kewangan.

#### (d) Risiko modal

Objektif Kumpulan apabila menguruskan modal adalah untuk melindungi keupayaan Kumpulan untuk diteruskan atas dasar berterusan dan untuk mengekalkan struktur modal yang optimum bagi memaksimumkan nilai pemegang-pemegang saham. Untuk mengekalkan atau mencapai struktur modal yang optimum, Kumpulan boleh menyelaraskan bayaran dividen, mengembalikan modal kepada pemegang-pemegang saham, menerbitkan saham-saham baru, membeli balik saham-saham diterbitkan, mendapatkan kemudahan pembiayaan baru atau melupuskan aset untuk mengurangkan pinjaman.

Pengurusan mengawasi modal berdasarkan nisbah penggearan Kumpulan dan Syarikat. Kumpulan dan Syarikat juga diperlukan oleh bank tertentu untuk mengekalkan nisbah penggearan tidak melebihi peratusan tertentu yang berubah-ubah antara 100% dan 200%. Strategi Kumpulan dan Syarikat adalah untuk mengekalkan nisbah penggearan tidak melebihi 100%.

Nisbah penggearan dikira sebagai hutang bersih dibahagikan dengan modal ekuiti. Hutang bersih dikira sebagai jumlah pinjaman (tidak termasuk pembiutang perdagangan dan lain-lain pembiutang) tolak tunai dan setara tunai. Modal ekuiti bersamaan dengan modal dan rizab boleh dikaitkan kepada pemilik-pemilik Syarikat. Kumpulan dan Syarikat mengawasi nisbah penggearan berdasarkan terma-terma perjanjian pinjaman masing-masing.

# Nota kepada Penyata Kewangan (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011

## 4 HASIL KENDALIAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2011 RM'000	2010 RM'000	2011 RM'000	2010 RM'000
Hasil kontak pembinaan	878,168	1,366,068	112,826	139,617
Hasil pembangunan harta tanah	1,071,339	933,525	–	2,100
Jualan produk kuari dan produk dikilang	763,240	840,781	–	–
Jualan barang	70,042	104,494	–	–
Hasil konsesi tol	222,813	189,485	–	–
Hasil pelabuhan	127,723	116,677	–	–
Jualan produk berkait minyak sawit mentah dan perladangan	506,284	406,745	–	–
Perkhidmatan pengurusan	19,498	17,114	–	577
Pendapatan dividen	68	1,120	164,505	83,135
Sewa harta tanah	27,025	6,987	233	243
Pemberian lain-lain perkhidmatan	34,517	30,534	–	–
	<b>3,720,717</b>	4,013,530	<b>277,564</b>	225,672

Maklumat tambahan mengenai hasil kendalian Kumpulan termasuk bahagian Kumpulan daripada hasil syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama adalah seperti berikut:

	2011 RM'000	2010 RM'000
Hasil kendalian Kumpulan	3,720,717	4,013,530
Bahagian hasil kendalian:		
Syarikat-syarikat bersekutu	461,022	439,381
Entiti kawalan bersama	300,130	429,518
	<b>4,481,869</b>	4,882,429

## 5 KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN

- (a) Perbelanjaan berikut (tidak termasuk kos kewangan dan perbelanjaan cukai pendapatan) mengikut sifat telah didebitkan dalam mendapatkan keuntungan kendalian sebelum kos kewangan:

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2011 RM'000	2010 RM'000 (Dinyatakan semula)	2011 RM'000	2010 RM'000 (Dinyatakan semula)
Kos kontrak pembinaan	930,800	1,190,551	116,386	137,508
Kos pembangunan harta tanah	775,200	835,286	–	2,165
Kos produk kuari dan produk kilang dijual	615,883	628,738	–	–
Kos produk perladangan dijual	233,819	213,805	–	–
Kos operasi tol	68,012	57,694	–	–
Kos operasi pelabuhan	66,242	62,115	–	–
Kos pemberian perkhidmatan lain	4,084	71,911	–	–
Kos manfaat kakitangan	6	226,975	209,415	22,470
Hartanah, loji dan peralatan:				
- susut nilai	27	88,238	91,343	696
- penghapusan kira	27	705	1,834	–
- kerugian atas pelupusan		313	451	–
- kerosotan nilai	27	3,205	2,086	–
Pelunasan tanah pegangan pajak	28	3,096	3,253	–
Hartanah pelaburan				
- susut nilai	29	4,184	3,847	129
- kerosotan nilai	29	326	–	–

## 5 KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN (samb.)

- (a) Perbelanjaan berikut (tidak termasuk kos kewangan dan perbelanjaan cukai pendapatan) mengikut sifat telah didebitkan dalam mendapatkan keuntungan kendalian sebelum kos kewangan: (samb.)

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2011 RM'000	2010 RM'000 (Dinyatakan semula)	2011 RM'000	2010 RM'000 (Dinyatakan semula)
Sewa tanah dan bangunan	4,095	3,788	1,276	1,276
Sewa loji dan peralatan	11,235	18,466	—	—
Pajakan dan lesen pelabuhan	3,829	3,829	—	—
Imbuhan juruaudit				
- audit berkanun				
Tahun semasa	2,414	2,172	261	270
(Terlebih)/terkurang akruan berhubung dengan tahun terdahulu	(50)	123	(9)	—
Kerugian pertukaran asing:				
- tidak direalisir	52,554	30,302	6,546	2,465
- direalisir	6,842	2,153	3	—
Peruntukan bagi pengurangan dalam nilai pelaburan disebut harga	—	82	—	46
Peruntukan bagi pengurangan dalam nilai pelaburan disebut harga	—	14,250	—	—
Kerugian nilai saksama:				
- instrumen kewangan derivatif	19,071	—	—	—
Kerosotan nilai pelaburan dalam anak syarikat	—	—	—	1,035
Kerosotan nilai tanah dipegang bagi pembangunan harta tanah	37(a) 1,822	845	—	—
Kerosotan nilai kos pembangunan harta tanah	37(b) 10,739	3,689	—	—
Pelunasan aset konsesi	30 48,531	50,270	—	—
Pelunasan perbelanjaan pembangunan kuari	36 3,212	2,974	—	—
Pelunasan buku pesanan pembinaan	36 —	3,284	—	—
Pelunasan diskau ke atas terbitan bon	— 328	599	—	—
Pelunasan premium ke atas pengambilalihan sekuriti boleh pasar	—	49	—	—
Peruntukan bagi kerosotan nilai penghutang	40 73,190	22,851	2,063	46,039
Peruntukan bagi kerosotan nilai jumlah ter hutang daripada entiti kawalan bersama	33 36,177	—	—	—
Hutang lapuk dihapus kira	—	1,316	—	—
Stok bangunan dikurangkan nilai	11,592	757	—	—
Kerugian atas pelupusan anak-anak syarikat	926	—	66	—
Kerugian atas pelupusan syarikat bersekutu	2,775	—	—	—

Perbelanjaan kendalian langsung daripada harta tanah pelaburan yang menghasilkan pendapatan sewa bagi Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan masing-masing berjumlah RM1,872,000 (2010: RM884,000) dan RM482,013 (2010: 160,360).

Perbelanjaan kendalian langsung daripada harta tanah pelaburan yang tidak menjanakan pendapatan sewa bagi Kumpulan dalam tahun kewangan berjumlah RM11,000 (2010: RM275,000).

# Nota kepada Penyata Kewangan (samb.)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011

## 5 KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN (samb.)

- (b) Jumlah berikut telah dikreditkan dalam mendapatkan keuntungan kendalian sebelum kos kewangan: (samb.)

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2011 RM'000	2010 RM'000	2011 RM'000	2010 RM'000
Dividen kasar diterima daripada:				
- anak-anak syarikat				
(disebut harga)	-	-	35,939	8,506
(tidak disebut harga)	-	-	122,816	63,147
- syarikat-syarikat bersekutu				
(tidak disebut harga)	-	-	5,684	10,364
- lain-lain pelaburan				
(disebut harga)	134	1,178	66	1,118
Pendapatan faedah				
- deposit bank	28,612	22,607	3,494	2,569
- pinjaman dan penghutang				
daripada pihak berkaitan	46,555	31,754	77,640	67,827
- pinjaman dan penghutang				
daripada pihak tidak berkaitan	27,602	10,070	20	571
- kos dilunaskan ke atas penghutang				
perdagangan dan lain-lain	38,078	-	4,508	-
penghutang dan jumlah terhutang				
daripada entiti kawalan bersama	10,956	14,523	305	-
- lain-lain				
Keuntungan pertukaran asing:				
- tidak direalis	58,493	81,546	1,376	2,386
- direalis	3,959	7,813	6	846
Keuntungan atas pelupusan harta tanah,				
loji dan peralatan	3,645	3,102	104	99
Keuntungan atas pelupusan tanah				
pegangan pajak	2,272	2,232	-	-
Keuntungan atas pelupusan aset				
dipegang untuk jualan	5	3,279	-	-
Pendapatan sewa daripada harta tanah	29,305	10,531	233	243
Pendapatan sewa daripada loji, mesin				
peralatan dan kenderaan	188	3,822	136	277
Hutang lapuk diperolehi semula	40	4,778	822	-
Kemasukan kira semula peruntukan				
kerosotan nilai penghutang	40	16,306	1,614	-
Kemasukan kira semula peruntukan bagi				
pengurangan dalam nilai pelaburan	26	22,000	1,864	22,000
Pelunasan geran kerajaan				
Keuntungan atas pelupusan saham	5,778	5,083	-	-
dalam anak-anak syarikat				
Keuntungan atas pembubaran	62,947	12,388	-	54,232
syarikat-syarikat bersekutu				
Keuntungan atas pelupusan syarikat	-	115	-	2,386
bersekutu	993	-	990	-
Keuntungan atas pelupusan entiti				
kawalan bersama	4,684	-	-	-
Keuntungan atas pelupusan pelaburan				
jangka pendek	1,039	11	862	11
Keuntungan atas pelupusan pelaburan				
jangka panjang	-	423	-	-
Pendapatan daripada amanah saham				
disebut harga	1,750	1,445	496	863
Keuntungan nilai saksama:				
- aset kewangan dipegang untuk				
perdagangan	5,151	-	4,779	-
- instrumen kewangan derivatif	1,443	-	1,443	-

## 6 KOS MANFAAT KAKITANGAN

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2011 RM'000	2010 RM'000	2011 RM'000	2010 RM'000
Upah, gaji dan bonus Pelan caruman persaraan dinyatakan Pelan manfaat persaraan dinyatakan Lain-lain manfaat kakitangan	<b>259,790</b>	236,462	<b>18,236</b>	14,318
	<b>25,484</b>	24,904	<b>2,748</b>	2,000
	<b>1,012</b>	1,087	—	—
	<b>16,483</b>	14,991	<b>1,486</b>	1,644
		<b>302,769</b>	<b>277,444</b>	<b>22,470</b>
				17,962
Tolak perbelanjaan dipermodalkan ke dalam:				
- Aset konsesi	30	—	(66)	—
- Kos pembangunan harta tanah	37(b)	(458)	(379)	—
- Perbelanjaan pembangunan ladang	38(b)	(8,678)	(7,028)	—
- Kerja kontrak pembinaan dalam pelaksanaan	46	(66,658)	(60,556)	—
		<b>226,975</b>	<b>209,415</b>	<b>22,470</b>
				17,962

## 7 IMBUHAN PARA PENGARAH

	Kumpulan		Syarikat	
	2011 RM'000	2010 RM'000	2011 RM'000	2010 RM'000
Para Pengarah Syarikat:				
Yuran	<b>1,097</b>	883	<b>687</b>	575
Pelan caruman persaraan dinyatakan	<b>1,232</b>	984	<b>1,089</b>	779
Lain-lain emolumen	<b>15,861</b>	9,113	<b>14,986</b>	7,206
	<b>18,190</b>	10,980	<b>16,762</b>	8,560
Para pengarah anak-anak syarikat:				
Yuran	<b>509</b>	426	—	—
Pelan caruman persaraan dinyatakan	<b>1,030</b>	1,072	—	—
Lain-lain emolumen	<b>7,326</b>	9,845	—	—
	<b>8,865</b>	11,343	—	—

Anggaran nilai monetari manfaat bukan berupa wang yang diberi kepada para Pengarah Kumpulan dan Syarikat melalui penggunaan aset Kumpulan dan Syarikat dan penyediaan manfaat-manfaat lain dalam tahun kewangan masing-masing berjumlah sehingga RM509,000 (2010: RM1,625,000) dan RM92,000 (2010: RM432,000).

Pengarah-pengarah Eksekutif dan Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif tertentu Syarikat telah diperuntukkan waran di bawah Waran 2008/2013 daripada IJM Land Berhad, anak syarikat bagi Syarikat, selaras dengan tawaran untuk jualan oleh Syarikat kepada semua kakitangannya yang layak seperti berikut:

